

DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH

Rabu, 20 November 2024

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

Yang Berhormat	Datuk Seri Panglima Haji Kadzim Haji M. Yahya, S.P.D.K., P.G.D.K., J.P. [Speaker]
Yang Berhormat	Datuk Richard Yong We Kong, P.G.D.K. [Timbalan Speaker]
Yang Berhormat	Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar, P.G.D.K., [Timbalan Speaker]
Yang Amat Berhormat	Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, S.P.D.K., P.G.D.K., K.M.N., [Ketua Menteri] [N.12 Sulaman]
Yang Berhormat	Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan, S.P.D.K., P.G.D.K., [Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian dan Perikanan] [N.39 Tambunan]
Yang Berhormat	Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam, S.P.D.K., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan dan Tempatan] [N.36 Kundasang]
Yang Berhormat	Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya, P.G.D.K., B.S.K., J.P., [Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya] [N.24 Tanjong Keramat]
Yang Berhormat	Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun, S.P.D.K., P.G.D.K., K.M.N., A.D.K., A.M.N., J.P., [Menteri Kewangan] [N.37 Karanaan]
Yang Berhormat	Datuk Jahid bin Jahim, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., [Menteri Pembangunan Luar Bandar] [N.14 Tamparuli]
Yang Berhormat	Datuk Dr. Haji Mohd. Arifin bin Datuk Haji Mohd. Arif, P.G.D.K., J.P., [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi] [N.31 Membakut]
Yang Berhormat	Datuk Ellron bin Angin, P.G.D.K., A.S.D.K., B.K., [Menteri Belia dan Sukan] [N.45 Sook]
Yang Berhormat	Datuk James bin Ratib, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., [Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat] [N.48 Sugut]

Yang Berhormat	Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @ Christina Liew, [Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar], S.P.D.K, P.G.D.K., [N.20 Api–Api]
Yang Berhormat	Datuk Phoong Jin Zhe, [Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan], P.G.D.K., A.S.D.K., [N.21 Luyang]
Yang Berhormat	Datuk Haji Nizam bin Datuk Seri Panglima Haji Abu Bakar Titingan, P.G.D.K., [Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri] [N.68 Apas]
Yang Berhormat	Datuk Abidin bin Madingkir, P.G.D.K., J.S.M., A.S.D.K., J.P., [Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri] [N.38 Paginatan]
Yang Berhormat	Datuk Haji Ruslan bin Muharam, [Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri], P.G.D.K., A.S.D.K., [N.34 Lumadan]
Yang Berhormat	Datuk Hendrus Anding, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., [Pembantu Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan] [N.7 Tandek]
Yang Berhormat	Datuk Peto Galim, P.G.D.K. [Pembantu Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan], [N.18 Inanam]
Yang Berhormat	Datuk Isnin bin Haji Aliasnih @ Liasnih, P.G.D.K.,A.S.D.K.,B.S.K., [Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan] [N.32 Klias]
Yang Berhormat	Datuk Limus bin Jury, P.G.D.K, A.S.D.K., B.S.K. [Pembantu Menteri Kerja Raya] [N.33 Kuala Penyu]
Yang Berhormat	Datuk Robert Tawik @ Nordin, P.G.D.K., B.S.K., [Pembantu Menteri Kerja Raya] [N.40 Bingkor]
Yang Berhormat	Datuk Julita Mojungki, P.G.D.K., [Pembantu Menteri Kewangan] [N.5 Matunggong]
Yang Berhormat	Datuk Samad bin Jambri @ Jamri, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., [Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar] [N.49 Labuk]
Yang Berhormat	Dato’ Sri Dr. Ruddy bin Awah, J.P., [Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar] [N.3 Pitas]
Yang Berhormat	Datuk Joniston bin Lumai @ Bangkuai, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., [Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar] [N.15 Kiulu]

Yang Berhormat	Datuk Harun bin Durabi, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., [Pembantu Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi] [N.2 Bengkoka]
Yang Berhormat	Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy, P.G.D.K., A.S.D.K., B.S.K., [Pembantu Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan] [N.71 Tanjong Batu]
Yang Berhormat	Datuk Tan Lee Fatt, P.G.D.K., A.S.D.K. [Pembantu Menteri Kewangan] [N.19 Likas]
Yang Berhormat	Datuk Flovia Ng, P.G.D.K., A.S.D.K., [Pembantu Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat] [N.44 Tulid]
Yang Berhormat	Datuk Fairuz bin Renddan, P.G.D.K., [Pembantu Menteri Belia dan Sukan] [N.8 Pintasan]
Yang Berhormat	Datuk Mohammad bin Mohamarin, P.G.D.K., A.S.D.K. [N.1 Banggi]
Yang Berhormat	Datuk Chong Chen Bin, P.G.D.K., A.S.D.K. [N.4 Tanjong Kapor]
Yang Berhormat	Datuk Wetrom bin Bahanda, P.G.D.K., [N.6 Bandau]
Yang Berhormat	Tuan Mohd. Arsad bin Bistari [N.9 Tempasuk]
Yang Berhormat	Datuk Seri Panglima Dr. Mohd. Salleh bin Tun Said, S.P.D.K., P.G.D.K., D.G.S.M., [N.10 Usukan]
Yang Berhormat	Datuk Jasnih bin Daya, P.G.D.K., [N.13 Pantai Dalit]
Yang Berhormat	Datuk Haji Yakubah Khan, P.G.D.K., J.P., [N.16 Karambunai]
Yang Berhormat	Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin, A.S.D.K., [N.17 Darau]
Yang Berhormat	Datuk Wong Hong Jun, P.G.D.K., [N.22 Tanjong Aru]
Yang Berhormat	Datuk Awang Ahmad Sah bin Datuk Haji Sahari, [N.23 Petagas]
Yang Berhormat	Puan Jannie Lasimbang, A.S.D.K., [N.25 Kapayan]
Yang Berhormat	Datuk Ignatius Dorell Leiking, P.G.D.K., [N.26 Moyog]
Yang Berhormat	Datuk Juil bin Nuatim, [N.27 Limbahau]
Yang Berhormat	Datuk Haji Gulamhaidar @ Yusof bin Khan Bahadar, P.G.D.K., D.M.S.M., A.S.D.K., J.P. [N.28 Kawang]
Yang Berhormat	Tuan Mohd. Tamin @ Tamin bin Zainal, A.S.D.K., [N.29 Pantai Manis]

Yang Berhormat	Tuan Dr. Daud bin Yusof, A.S.D.K., A.D.K., [N.30 Bongawan]
Yang Berhormat	Datuk Dr. Yusof bin Yacob, P.G.D.K., [N.35 Sindumin]
Yang Berhormat	Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [N.41 Liawan]
Yang Berhormat	Datuk Rubin bin Balang, P.G.D.K., [N.43 Kemabong]
Yang Berhormat	Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin, P.G.D.K. [N.46 Nabawan]
Yang Berhormat	Datuk Jonnybone J. Kurum, P.G.D.K., [N.47 Telupid]
Yang Berhormat	Tuan Arunarnsin bin Taib, A.S.D.K., [N.50 Gum–Gum]
Yang Berhormat	Datuk Mokran Ingkat, P.G.D.K., [N.51 Sungai Manila]
Yang Berhormat	Tuan Alias bin Sani [N.53 Sekong]
Yang Berhormat	Datuk Hiew Vun Zin, P.G.D.K., A.S.D.K., [N.54 Karamunting]
Yang Berhormat	Tuan Calvin Chong Ket Kiun [N.56 Elopura]
Yang Berhormat	Datuk Poon Ming Fung @ Frankie, P.G.D.K., [N.56 Tanjong Papat]
Yang Berhormat	Datuk Masiung Banah, P.G.D.K., A.S.D.K., [N.57 Kuamut]
Yang Berhormat	Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin, S.P.D.K, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., J.P [N.58 Lamag]
Yang Berhormat	Datuk Jafry bin Arifin, P.G.D.K., J.P., [N.59 Sukau]
Yang Berhormat	Tuan Assaffal bin P. Alian, A.S.D.K., [N.60 Tungku]
Yang Berhormat	Datuk Mohammadin bin Ketapi, P.G.D.K. [N.61 Segama]
Yang Berhormat	Tuan Dumi bin Pg. Masdal, A.S.D.K., [N.62 Silam]
Yang Berhormat	Datuk Norazlinah binti Arif, P.G.D.K., A.S.D.K., [N.63 Kunak]
Yang Berhormat	Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong, P.G.D.K., D.I.M.P., A.S.D.K., A.D.K., [N.64 Sulabayan]
Yang Berhormat	Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, S.P.D.K., P.N.B.S., S.P.M.P., D.M.S.M., D.S.A.P., P.G.D.K., J.P. [N.65 Senallang]
Yang Berhormat	Tuan Haji Jamil bin Datuk Haji Hamzah [N.66 Bugaya]
Yang Berhormat	Tuan Hamild @ Hamid bin Awang [N.67 Balung]
Yang Berhormat	Tuan Justin Wong Yung Bin [N.69 Sri Tanjong]

Yang Berhormat	Datuk Rina binti Haji Jainal, P.G.D.K. [N.70 Kukusan]
Yang Berhormat	Tuan Sarifuddin bin Hata, A.S.D.K., [N.72 Merotai]
Yang Berhormat	Tuan Hassan A. Gani Pg. Amir [N.73 Sebatik]
Yang Berhormat	Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee, S.P.D.K., [ADUN Dilantik]
Yang Berhormat	Datuk Raime Unggi [ADUN Dilantik]
Yang Berhormat	Datuk Amisah Yassin, P.G.D.K. [ADUN Dilantik]
Yang Berhormat	Datuk Suhaimi Nasir, P.G.D.K. [ADUN Dilantik]
Yang Berhormat	Datuk Jaffari bin Waliam, P.G.D.K., [ADUN Dilantik]
Yang Berhormat	Datuk Dr. Aliakbar bin Gulasan, P.G.D.K. [ADUN Dilantik]

TIDAK HADIR

Yang Berhormat	Datuk Ewon Benedick, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [N.11 Kadamaian]
Yang Berhormat	Datuk Peter Anthony, P.G.D.K., D.I.M.P., [N.42 Melalap]
Yang Berhormat	Datuk Mohamad Hamsan bin Awang Supain, P.G.D.K., A.S.D.K, A.D.K., [Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan] [N.52 Sungai Sibuga]

TURUT HADIR

Yang Mulia	Puan Rafidah binti Maqbool Rahman [Setiausaha Dewan]
	Encik Mohd. Nor Hafeez bin Abdul Rahman [Timbalan Setiausaha]
	Encik Mohd. Sabri bin Metan [Bentara Mesyuarat]
	Encik Juhaidey Porimin [Penolong Bentara Mesyuarat]
	Encik Mohd. Mahahir Mansur [Penolong Bentara Mesyuarat]

**DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH
SIDANG REDAKSI PENYATA RASMI**

KETUA PENYELIA HANSARD

[Puan Rafidah binti Maqbool Rahman]

KETUA EDITOR

[Puan Beatrice Natasha Mujip]

EDITOR

[Encik Ahmad Fazly Sahar]

[Puan Nada Haifaa Remlle]

[Puan Norma Sanid]

[Puan Nellzarina Nur Nelszuliaqah Mohd Daniel Ardi]

SUBEDITOR

[Puan Teresa binti Sylvester @ Fanny]

[Puan Mohelena Mawan]

[Puan Nadia Nasyaruddin]

[Puan Siti Jubaidah binti Kamsin]

[Encik Darryl Jude Donis]

[Puan Azyatul Nurhani binti Salleh]

[Puan Ramenah Limin]

[Puan Theodora Joseph]

PELAPOR

[Puan Julian Alex Anoi]

[Mohd. Zulfikree bin Mohd. Sabki @

[Puan Annety Cueennera Jaikon]

Abdul Musa]

[Puan Rohani Zaidi]

[Puan Saleha binti Sapri]

[Puan Nurfara Ain binti Abdullah]

[Puan Nabila binti Mohammad Shahril]

[Puan Lovella Devera Philip]

[Puan Gracia Samuel]

[Puan Intan Azwana binti Bakri]

[Encik Mohd Noor Rizal bin Glen]

[Puan Nuriahtika binti Juklis]

[Puan Noreera Sahera binti Amin]

[Puan Ernani Gustin]

[Puan Charity Jimis]

[Encik Abdul Wafiy Abu Bakar]

[Puan Evy Charlyn Masiul]

[Encik Khairul Azman bin Sehat]

[Encik Adrian Soliun]

[Encik Muhammad Safwan bin Sapdin]

[Puan Arina Jazima binti Jasri]

[Puan Rupika Latak@Rahim]

[Puan Nelly Marcella Hidos]

[Puan Maria Hannah Hohly]

[Puan Zurina binti Asgar]

[Puan Theodora Boniface]

TEKNIKAL PENYATA RASMI

[Encik Al Idros bin Abdul Rasid]

[Encik Faizal bin Abidin]

Doa

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Timbalan Setiausaha Dewan.

Setiausaha Dewan: Pertanyaan–pertanyaan untuk jawapan lisan.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum kita memulakan sesi soal jawab lisan pada hari ini. Saya ingin berpesan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga kepada Yang Berhormat Menteri agar tidak meninggalkan Dewan sebelum sesi jawab lisan kita telah selesai, sekalipun soalan Ahli Yang Berhormat merupakan soalan yang terakhir dalam turutan, saya mohon untuk anda kekal berada dalam Dewan sehingga sesi soal jawab lisan telah pun selesai.

Seterusnya, saya ingin mengalu-alukan kedatangan para pemerhati daripada SMK Pekan Kuala Penyu, Universiti Malaysia Sabah, SMK Beaufort Dua, SMK Kota Klias. Sabah Tanah Airku, Sabah Negeri Merdeka, semoga lawatan anda ke Dewan yang mulia ini dapat memupuk semangat patriotisme sebagai seorang anak watan Sabah kerana Dewan yang mulia ini adalah merupakan simbol kepada demokrasi dan Dewan yang mulia ini juga adalah sebuah tempat untuk mendengar masalah rakyat dan yang paling penting sekali Dewan yang mulia ini adalah tempat untuk kita menuntut hak-hak Sabah, negeri kita yang tercinta. Selamat belajar saya ucapkan kepada anda semua.

Yang Berhormat ADUN Dilantik Datuk Amisah Yassin, saya ada sesuatu untuk dijual, maka sila dengar ayat-ayat berikut dengan teliti.

Ya habibi ya maulana,

Sungai Kinabatangan banyak buaya;

Yang Berhormat Datuk Amisah Yassin yang bijaksana,

Jangan malu-malu silakan bertanya.

Datuk Amisah Yassin [ADUN Dilantik]: Terima kasih Datuk Speaker, soalan pertama.

PERANCANGAN MEMBINA PEJABAT BAHARU JABATAN TANAH DAN UKUR DAERAH RANAU.

***1. YB. Datuk Amisah Yassin [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk membina Pejabat baharu Jabatan Tanah dan Ukur Daerah Ranau memandangkan kini pejabat tersebut terlalu sempit dan perlu dinaiktaraf.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Yang Berhormat Menteri, silakan.

Jawapan

Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri [Datuk Haji Nizam bin Datuk Seri Panglima Haji Abu Bakar Titingan]: Datuk Speaker.

Tawau ke Ranau menumpang lori,
Singgah Telupid minum kopi;
Nombor satu dan 53, soalan diberi,
Dijawab bersama pada pagi ini.

Datuk Speaker, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan 53. Pada hari Rabu 20 November 2024 memandangkan soalan-soalan yang dibangkitkan adalah berkaitan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat ADUN Dilantik dan ADUN Telupid serta Dewan yang mulia ini, buat masa ini Kerajaan Negeri belum mempunyai rancangan untuk membina atau menaik taraf Pejabat Jabatan Tanah dan Ukur daerah Ranau. Kerajaan Negeri mengambil maklum akan keadaan Pejabat Jabatan Tanah dan Ukur daerah Ranau yang sempit dan kurang kondusif. Perkara ini akan dikaji terlebih dahulu, sama ada ianya perlu dinaik taraf atau mewujudkan sebuah pejabat baharu untuk Jabatan Tanah dan Ukur di Daerah Ranau melalui permohonan projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-13.

Datuk Speaker, mengenai status terkini pembinaan Pejabat Jabatan Tanah dan Ukur di daerah Telupid pula, kerja-kerja penyiasatan tanah dan soil atau *soil investigation* yang bertujuan mengumpul maklumat serta penilaian data, untuk

mengetahui potensi bahaya tapak akan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya pada awal tahun hadapan. Sebaik sahaja kerja-kerja penyiasatan tanah dan tapak dikenal pasti, pihak Jabatan Kerja Raya akan membuat reka bentuk bangunan dan anggaran kos bagi pembinaan bangunan tersebut. Sekian, Datuk Speaker.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Soalan tambahan, ADUN Dilantik?

Soalan Tambahan

Datuk Amisah Yassin [ADUN Dilantik]: Datuk Speaker, bolehkah perkara ini dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-13, pembinaan Jabatan Tanah Ranau?

Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri [Datuk Haji Nizam bin Datuk Seri Panglima Haji Abu Bakar Titingan]: Datuk Speaker, sepertimana yang telah saya maklumkan dalam jawapan saya tadi, bahawa Kerajaan Negeri memang mengambil maklum akan keadaan Pejabat Jabatan Tanah dan Ukur daerah Ranau yang sempit dan kurang kondusif jadi ia akan dikaji dan insya-Allah sekiranya ada keperluan nanti permohonan pembinaan sama ada dinaik taraf atau pembinaan pejabat baharu akan dipohon melalui permohonan di bawah Rancangan Malaysia Ke-13, sekian.

Datuk Jonnybone J. Kurum [Telupid]: Ini berkaitan dengan Pejabat Jabatan,

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Telupid, silakan.

Soalan Tambahan

Datuk Jonnybone J. Kurum [Telupid]: Jabatan Tanah juga di daerah Telupid memandangkan kita juga baru mendapat pejabat tapi dia menumpang dengan pejabat daerah. Apa yang saya khuatiri apabila geran-geran itu nanti dihantar ke Telupid, tiada satu tempat yang selamat untuk menyimpan geran, buat masa ini geran disimpan di bangunan sementara dan tidak ber ... tiada *grill* jadi ini kerisauan saya, jadi mohon kepada pihak Kerajaan supaya mempercepatkanlah bangunan baharu Jabatan Tanah di daerah Telupid dipercepatkan, terima kasih.

Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri [Datuk Haji Nizam bin Datuk Seri Panglima Haji Abu Bakar Titingan]: Terima kasih soalan tambahan, ADUN Telupid

insya-Allah kita akan mengambil maklum ke atas kerisauan Yang Berhormat ADUN Telupid dan tindakan lanjut akan di ambil Jabatan berkaitan, terima kasih.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Seterusnya, soalan daripada Sulabayan.

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]: Terima kasih, Tuan Speaker dari DUN Sulabayan ke Dewan Undangan Negeri, soalan saya No.2?

PERANCANGAN UNTUK MEMBINA PUSAT LATIHAN JURURAWAT DI SABAH.

***2. YB. Datuk Dr. Haji Jaujan Bin Haji Sambakong [Sulabayan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, adakah pihak Kerajaan merancang untuk membina Pusat Latihan Jururawat yang serba lengkap dengan kemudahan terkini di Sabah.

Jawapan

Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat [Datuk James bin Ratib]: Datuk Speaker, bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat ADUN Sulabayan, Kerajaan belum ada perancangan untuk membina pusat latihan jururawat di Sabah kecuali kita menambah kos *basic* seperti latihan pergigian kerana kita sudah mencukupi pertama di Kota Kinabalu kita ada 1126...

**20/11/2024 – RAKAMAN 2 – [10.10 PAGI – 10.20 PAGI] – [ADRIAN] –
RAMENAH – AHMAD**

Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat [Datuk James bin Ratib]: ...pelajar, di Sandakan kita ada 160 pelajar dan di Tawau kita ada 180 pelajar ILKKM ini.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat melalui Kementerian Kesihatan Malaysia akan mentransformasikan semua Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia menjadi pusat kecemerlangan bagi melahirkan tenaga kerja kesihatan yang mahir dan berkualiti.

Untuk tujuan ini, ILKKM Sabah akan dilengkapi dengan peralatan pengajaran dan pembelajaran yang terkini pada tahun 2025 dengan peruntukan sebanyak

RM199,626.00. Kebajikan dan keselesaan pelatih ILKKM Sabah juga turut diberi perhatian dengan penggantian kelengkapan asrama seperti tilam, katil, yang telah usang dibekalkan pada Oktober tahun 2024 yang lalu dengan kos sebanyak RM737,040.00. Terima kasih.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Soalan tambahan Sulabayan.

Soalan Tambahan

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]: Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Menteri dan juga penjelasan yang saya rasa begitu baik. So, yang penting bagi saya soalan saya dulu. Saya nak tanya, adakah Yang Berhormat Menteri setuju lebih baik memberi kemahiran kepada individu daripada membagi subsidi sara hidup? Itu soalan.

Kenapa saya tekankan soal adanya perlu satu pusat latihan jururawat ini termasuk juga pembantu perubatan ini? Amat maklum soal kesihatan, pendidikan, keselamatan ini tiga serangkai ini sangat penting bagi kita bila mentadbir sebuah kerajaan ini. Kesihatan itu penting pasal *dahlah* di hospital-hospital Sabah ini rata-rata mengatakan kita kekurangan pakar dalam bidang perubatan ini. Nak jadi doktor bukan senang. Anak-anak kita sepuluh ribu, lima ribu, tiap-tiap tahun lepasan SPM, SRP. Hanya di UMS Sabah ini saya ingat tak sampai lima ribu ada peluang untuk masuk ke universiti. Yang lain-lain itu berterabur. Dan saya melihat ada peluang bagaimana kita membantu supaya pengangguran ini dapat dikurangkan terutama anak-anak lepasan SPM, SRP ini. Jadi saya cadangkan salah satu ini termasuk dalam *konseptiviti* ini kalau dapat dilakukan supaya kita dapat melahirkan lebih banyak pembantu perubatan dan juga jururawat terutama bukan sahaja di hospital seperti yang saya nyatakan tadi bahkan klinik-klinik di luar bandar ini. Ramai termasuk di Sugud, Pulau Gum-Gum perlukan jururawat ini. Kalau kita tidak dapat melahirkan banyak doktor anak Sabah, jururawat sekurang-kurangnya.

Dan yang saya maksudkan kemahiran ini jururawat ini ialah hari ini kita tahu kalau dulu kalau nak *test* kita punya penyakit, kena ambil darah, kena ambil kencing, kena ambil yang buang *ampus* perut. Hari ini ada *lab* sudah. Itu boleh dilakukan oleh jururawat. Dan di samping itu juga, saya melihat contoh di Singapura dan juga di

Saudi Arabia di Dubai. Saya tengok bila ada lah saya buat *medical check up* di Singapura ini. Kebanyakan jururawat dia daripada *Filipin*. Daripada *Filipin*. Jadi saya tanya macam mana kamu dapat kerja di Singapura ini? Dia kata di negara kami ada pusat latihan jururawat. Dan bukan sahaja untuk kepentingan negeri kita, bahkan juga kita boleh kebolehpasaran. Hantar macam di Singapura, gaji besar. Hantar pergi Dubai..

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Soalan YB.

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]: Soalan tadi sudah tadi kan? Adakah setuju Yang Berhormat Menteri lebih baik kita bagi kemahiran daripada hari ini banyak subsidi? Negara kita ini banyak beri subsidi ini. Bermacam-macam subsidi termasuklah subsidi kepada *student* lepas itu keluar daripada universiti menganggur, tiada kerja. *So, why* kita tidak bagi kemahiran dalam bidang ini kerana kesihatan ini sangat penting. Kalau kita bagi subsidi, banyak negara contoh di Afrika apa semua ini bila sumber minyak, gas, sawit sudah habis, kayu balak sudah habis, apa sumber yang ada? Kita sudah lahirkan masyarakat subsidi.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Ok, terima kasih YB.

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]: Itu soalan saya tadi. Terima kasih.

Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat [Datuk James bin Ratib]: Terima kasih ADUN Sulabayan. Saya setuju Datuk Seri, Datuk Speaker. Ia masalah kita di sini ialah pertama, kekangan kewangan kita. Apabila kewangan kita tidak mencukupi, ini bermakna kita tidak boleh membuat waran perjawatan. Ini masalah kita. Sebab setiap tahun ILKKM ini mengambil pelatih lebih kurang 1260, yang mana *intakenya* setiap enam bulan. Setiap enam bulan kita mengambil pelatih lebih kurang 650 dan setiap bulan juga kita akan keluarkan pelatih ini 650. Bermakna setiap tahun kita mengambil pelajar lebih kurang 1,200 lebih, lebih kurang. Dan saya setuju juga.

Masalah kita di sini, iaitu kekangan perjawatan kita. Sebab itu walaupun seribu lebih pelajar kita di ILKKM, 1260 lebih kurang tetapi digunakan oleh Sabah yang bertugas ataupun yang berkhidmat di Sabah ini hanya lebih kurang 70% hingga 80% dan selebihnya kita terpaksa hantar di semenanjung. Di Terengganu, di Kelantan, di Johor dan kadang kala ibu bapa ini berjumpa dengan saya, "Datuk, tolonglah Datuk". Janganlah hantar anak saya di Selangor, di Johor, Terengganu, Kelantan'. Tetapi saya tidak ada pilihan lain kerana perjawatan kita ini *limited*. Hanya 70% dan 80% dari seribu lebih orang. Tetapi ada juga pelatih-pelatih yang memohon di Borang SPA yang mengikuti temu duga dan diterima masuk ILKKM Sabah daripada semenanjung. Dan kalau Semenanjung itu kita hantar di Semenanjung. Sebab itu Datuk Speaker, ramai *nursing-nursing* kita ini terpaksa bekerja di Singapura. Sebagai contoh, Hospital ini UMS. Mereka melatih lebih kurang 60 lebih orang pelajar kita orang Sabah. Tetapi mereka, di mana mereka bekerja. Bekerja di Singapura. Amat sedih juga Yang Berhormat Sulabayan. Betul, saya faham. 60 lebih pelatih di UMS bukan berkhidmat di Sabah tetapi mereka berkhidmat di Singapura. Kenapa di Singapura? Kerana semua kos perbelanjaan ditanggung oleh negara Singapura.

Jadi masalah kita di sini ialah kekangan kita. Kekangan ekonomi, kekangan waran perjawatan kita. Begitu juga doktor-doktor. Kita kekurangan beribu-ribu doktor di Sabah ini. Tetapi kita tidak ada waran peruntukan. Jadi untuk naik untuk *confirm* jawatan ini, disahkan jawatan ini kurang sekali. Sebab itu ada doktor sanggup berhenti. Berhenti jadi doktor. Mereka balik semenanjung ataupun buka klinik sendiri, ataupun kerja *private* dengan orang lain. Kerja dengan klinik orang lain. Terima kasih.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Soalan Tambahan. Senallang.

Soalan Tambahan

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Terima kasih Datuk Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab ada beribu ah apa nama, pekerja yang ada di bahagian kesihatan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, sedarkah atau maklumkan Yang Berhormat bahawa di peringkat negeri Sabah, tahun lalu saja hampir 250 doktor letak jawatan di Sabah? *On average* seratus lebih *every year*. Dan bukan setakat itu, sehingga kejadian.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat sudah dapat maklumat untuk dimaklumkan di Dewan yang mulia ini kejadian *commit suicide* di Lahad Datu doktor yang ada. Apa dia punya apa ni, kesudahan dia? Satu.

Yang kedua, saya dah hantar surat dengan Kementerian Kesihatan. Saya tinggal menunggu tentang keadaan seks, ancaman seks di dalam sektor perubatan di Sabah ini. Saya ada salinan-salinan daripada aduan-aduan yang dikemukakan. Apakah pihak akan Kementerian untuk memastikan Kerajaan Negeri Sabah mengatasi masalah ini? *That's why I said* dalam perbahasan saya koordinasi dengan Kerajaan Persekutuan.

Tadi dibangkitkan tentang persoalan ketandusan, ketidakupayaan kewangan Kementerian Kesihatan. Sedarkah Yang Berhormat bahawa tahun ini saja telah diperuntukkan daripada RM400 bilion, RM48 bilion Kementerian Kesihatan saja? Takkan tidak ada urusan dengan Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan untuk kita garis panduan pelan. Ini keperluan kami, pakar-pakar yang ada. Ini keperluan kami, prasarana yang ada. Ini keperluan kami, perubatan yang ada. Adakah pihak Kementerian bercadang atau mempunyai pelan pindahan yang dapat diselesaikan kerana ini merupakan perubatan Datuk Speaker cukup penting.

Soalan saya, apa yang telah berlaku tentang kes *commit suicide*, ancaman seks sosial yang ada, *harassment* yang ada dan juga dari segi tindakan oleh kerana perubatan sektor yang cukup banyak peruntukan daripada Kuala Lumpur sama ada Kerajaan Negeri mempunyai rancangan yang rapi untuk memastikan kewangan yang begitu bawa ia ke sini. Ya. Dan kalau tidak ada, ada rancangan dia Yang Berhormat saya meminta merayu bagi makluman kepada kami Ahli Parlimen. Ya. Dari Sabah ini...

20/11/2024 – RAKAMAN 3 [10.20 PAGI – 10.30 PAGI] – [ARINA] – SITI JUBAIDAH – NADA HAIFAA

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: ... untuk kami suarakan bila ada persidangan Dewan Undangan Negeri yang ada. Dewan Parlimen yang ada. Terima kasih banyak.

Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat [Datuk James bin Ratib]: Datuk Speaker, untuk menjawab Yang Berhormat Senallang. Kita sedar perkara ini. Masalah-masalah kesihatan di negeri Sabah. Sebab itu apabila ada mesyuarat, ada mesyuarat di Putrajaya dipengerusikan oleh Menteri Kesihatan Malaysia, saya lantang menyuarakan masalah-masalah di Sabah ini. Sepatutnya setiap tahun kita boleh mendapat lebih kurang RM3 bilion. RM3 bilion peruntukan untuk Sabah tetapi kita hanya dapat separuh dan masalah dengan yang dibangkitkan oleh YB Senallang sebentar tadi. Kita faham masalah ini. Sebab itu kita ada pusat aduan di Kementerian Kesihatan di peringkat negeri Sabah dan saya juga selaku Exco, Exco Kementerian Kesihatan sentiasa memanggil pengarah-pengarah ataupun *HOD* ketua-ketua jabatan di setiap sektor di Kementerian Kesihatan untuk bagaimana kita mengatasi masalah-masalah yang sentiasa semakin berleluasa dalam Kementerian Kesihatan terutama sekali di hospital-hospital dan juga klinik-klinik kesihatan ini. Dan Insya-Allah selagi saya Menteri, jadi Menteri Exco Kesihatan Negeri Sabah, perkara ini akan saya ambil tindakan dengan sebaik-baiknya. Terima kasih.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Soalan seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat daripada Tempasuk.

Datuk Mohd Arsad bin Bistari [Tempasuk]: Soalan saya No. 3, Datuk Speaker.

PENAMBAHAN PERUNTUKAN UNTUK MEMBAIK PULIH SISTEM SALIRAN SUNGAI DAN PERPARITAN KAWASAN SAWAH PADI DUN TEMPASUK.

***3. YB. Datuk Mohd Arsad Bin Bistari [Tempasuk]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, adakah pihak Kementerian boleh menambah peruntukan yang sedia ada melalui Jabatan Pengairan dan Saliran untuk membaikpulih semula sistem saliran sungai dan perparitan semua kawasan sawah padi DUN Tempasuk.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Yang Berhormat Menteri, silakan.

Jawapan

Pembantu Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Peto Galim]: Terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Tempasuk atas soalan yang

dikemukakan kepada Kementerian saya. Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat N.9 Tempasuk dan Dewan yang mulia ini, Kementerian saya telah dan sentiasa berusaha memohon penambahan peruntukan bagi tujuan membaik pulih semula sistem saliran sungai dan perparitan semua kawasan sawah padi di seluruh negeri termasuk DUN Tempasuk. Walau bagaimanapun, peruntukan yang diluluskan untuk Kementerian ini bagi tujuan tersebut di atas adalah tidak mencukupi dan tidak dapat menampung keperluan kerja membaik pulih sistem saliran sungai serta perparitan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Soalan tambahan, Tempasuk.

Soalan Tambahan

Datuk Mohd Arsad bin Bistari [Tempasuk]: Apakah pihak Kementerian atau MAFFI atau Kerajaan Negeri sendiri bercadangan untuk menyatukan semua peruntukan bagi menyelesaikan secara sistematik yang mana pihak-pihak Kementerian yang terlibat seperti di *Federal*, Kementerian MAFFI IADA, ya, di bawah Kementerian Keterjaminan Makanan dan dikendalikan oleh JPS atau Kementerian yang lain dan dalam pembentangan *Budget* 2025, sebanyak RM32.5 juta, adakah Kota Belud tersenarai dalam *budget* tadi ini?

Pembantu Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Peto Galim]: Terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat N ADUN Tempasuk. Peruntukan Persekutuan untuk tujuan kerja-kerja pengairan di Kota Belud, memang kita terima daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan melalui dua bahagian, iaitu Bahagian Pengairan dan Saliran yang disalurkan terus kepada JPS Sabah yang merupakan jabatan negeri di bawah Kementerian Pertanian Perikanan dan Industri Makanan MAFFI dan Bahagian Pembangunan Industri Padi yang disalurkan terus kepada IADA, sebuah agensi Persekutuan. Setakat ini kedua-dua peruntukan tersebut masih lagi dalam tidak disatukan untuk dikendalikan oleh JPS Sabah. Namun, Kementerian ini akan sentiasa memastikan agar pengagihan peruntukan terutamanya di Kota Belud diselaraskan agar tidak wujud pertindihan dan dilaksanakan berdasarkan keutamaan. Kementerian ini akan sentiasa meneliti dan mengkaji ruang dan peluang yang ada bagi menyatukan peruntukan ini. Sekian.

Dan untuk soalan yang seterusnya, berkaitan dengan peruntukan yang diberi kepada Kementerian ini dalam *budget* yang baru-baru diumumkan, untuk makluman ADUN N.9 Tempasuk, kawasan sawah padi Kota Belud telah diisytiharkan sebagai kawasan jelapang padi dan merupakan satu-satunya kawasan jelapang padi yang ada di Sabah yang semestinya menjadi salah satu daripada enam kawasan pengeluaran padi Sabah yang akan diberi tumpuan oleh Sabah Paddy and Rice Board. Kawasan jelapang padi merujuk kepada skim pengairan yang besar dan sempurna atau dikenali sebagai Skim Pengairan Kategori 1.

Kementerian saya melalui Sabah Paddy and Rice Board mempunyai perancangan untuk mewujudkan jelapang padi yang lain yang akan dikenali sebagai jelapang padi Sabah yang akan dibangunkan berdasarkan kluster kawasan penanaman padi yang tidak memenuhi syarat empat ribu hektar dalam satu kawasan. Sebagai contoh, Kudat mempunyai kawasan sawah padi seluas 343 hektar, Kota Marudu mempunyai 2800 hektar, Pitas mempunyai 1600 hektar, maka tiga kawasan ini akan digabungkan dalam satu kluster jelapang padi Sabah. Kawasan utara seluas 4743 hektar. Kawasan Tuaran, Penampang dan Ranau akan menjadi jelapang padi Sabah kluster Kinabalu. Demikian juga kawasan Papar, Membakut dan Sipitang akan dikumpul menjadi jelapang padi kluster Selatan. Seterusnya, kawasan Tambunan, Keningau, Tenom dan Nabawan akan membentuk jelapang padi Sabah kluster pedalaman. Jelapang padi Sabah juga akan mengambil kira kawasan penanaman padi tanah kering dan di semua kawasan daerah.

So, untuk makluman YB N.9 Tempasuk dan Dewan yang mulia ini Kementerian saya juga menyedari terdapat peruntukan pembangunan pengairan daripada pelbagai jabatan dan agensi seperti jabatan pengairan dan IADA Kota Belud yang saya sudah sebutkan tadi. Kita akan berusaha supaya Kementerian saya akan menubuhkan jawatankuasa penyelarasan pembangunan sistem pengairan sawah padi Sabah yang akan dipengerusikan oleh YB Timbalan Ketua Menteri 1 selaku Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Yusof bin Yacob [Sindumin]: Soalan tambahan.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Soalan tambahan, Sindumin.

Soalan Tambahan

Datuk Dr. Yusof bin Yacob [Sindumin]: Terima kasih jawapan Yang Berhormat mewakili Menteri. Saya sangat setuju bahawa sistem pengairan dan saliran untuk kawasan jelapang padi ini ditambah peruntukan dinaik taraf. Cuma Yang Berhormat, masalahnya ialah Jabatan Parit dan Saliran ini mungkin saya tidak tahu adakah jadual tertentu untuk membersihkan parit ini atau membuat ini kerana selama ini banyak parit-parit ini telah pun ditumbuhi rumput tertutup dan bila ada *complain* rakyat ataupun sudah banjir barulah kita berunding, barulah dilihat dilawat.

Sepatutnya ada jadual, kita tahu boleh agak berapa lama rumput itu akan tumbuh. Jadi, sepatutnya peruntukan itu dibagi bukan wakil rakyat menerima aduan kita bagi Jabatan Parit dan Saliran dan kita jumpa untuk membaiki tapi kadang-kadang tidak ada peruntukan dan tidak dipedulikan. Kita kesian juga dengan pegawai kerana dia tidak boleh jawab. Ada yang cakap tidak ada peruntukan sepatutnya ada peruntukan khas untuk satu tahun itu berapa kali dan sudah ditetapkan di mana akan dibuat pembersihan. Terima kasih. Adakah jadual? Terima kasih.

Pembantu Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Peto Galim]: Saya. Terima kasih kepada soalan tambahan. Saya memang setuju bahawa akhirnya kita perlu membuat kerja-kerja penyelenggaraan ke atas sistem yang sedia ada tetapi seperti yang saya maklumkan tadi, kita menghadapi kekangan daripada *budget* yang kita peroleh. Sebagai perbandingan dan makluman pada tahun lalu, kita hanya diberi RM10 juta lebih sikit untuk menyelenggara sistem saliran yang sedia ada dan pada tahun ini kita telah memohon RM15 juta. Jadi saya harap *budget* ini boleh kita gunakan sepenuhnya untuk ...

20/11/2024 – RAKAMAN 4 [10.30 PAGI– 10.40 PAGI] – [NELLY] – DARRYL JUDE – NORMA

Pembantu Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Peto Galim]: ... menyelenggara sistem pengairan yang sedia ada dan untuk lebih *details* berkaitan dengan soalan dengan tambahan tadi mengatakan tadi adakah jadual tetap dan vendor-vendor yang telah terlibat saya akan beri secara bertulis. Terima kasih.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Soalan seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat daripada Bongawan.

Tuan Dr. Daud bin Yusof [Bongawan]: Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya No. 4.

PEMBINAAN BANGUNAN PERPUSTAKAAN BAHARU DI BONGAWAN.

***4. YB. Dr. Daud bin Yusof [Bongawan]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, adakah kerajaan bercadang membina bangunan perpustakaan yang baharu di Bongawan.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Jawapan

Pembantu Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Harun bin Durabi]:

Bismillahirrahmanirrahim, terima kasih Datuk Speaker. Soalan yang dikemukakan oleh ADUN Bongawan, ringkas dan jelas. Insya-Allah, saya bagi pihak Kementerian akan menjawab tepat berhubung dengan soalan Yang Berhormat. Soalannya berbunyi, adakah Kerajaan bercadang membina bangunan perpustakaan yang baharu di Bongawan? Jawapannya, ya ada.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bongawan dan Dewan yang mulia ini, Perpustakaan Negeri Sabah telah pun mengemukakan permohonan pembinaan bangunan baharu perpustakaan di Bongawan. Salah satu pekan yang mendapat perhatian oleh pihak perpustakaan, memandangkan prestasi perpustakaan desa di Bongawan sendiri menggalakkan, jadi Perpustakaan Negeri Sabah mengambil perhatian dan mengajukan permohonan ini kepada pihak yang berkenaan dan mendapat sokongan keutamaan daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Sabah dalam Rancangan Malaysia Ke-13.

Bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh pengguna-pengguna perkhidmatan perpustakaan di Bongawan yang sekarang ini, hanya tertumpu kepada perpustakaan desa di Bongawan. Kerajaan bersedia untuk memberikan peruntukan baik pulih untuk bangunan perpustakaan desa di Bongawan sementara menunggu kelulusan pembinaan bangunan baharu di Bongawan.

Untuk makluman, Ahli Yang Berhormat Bongawan dan juga Dewan yang mulia ini, sebenarnya konsep pewujudan ataupun pemberian bangunan perpustakaan ini, sejak dulu ianya hanya diberikan sekurang-kurangnya dalam satu daerah, satu kita punya bangunan perpustakaan dan Bongawan ini sebenarnya termasuk dalam daerah Membakut, jadi Membakut kita ada perpustakaan negeri, Beaufort ada, Papar juga ada dia punya bangunan perpustakaan negeri.

Bagaimanapun, seperti yang saya sebutkan tadi, memandangkan pengguna-pengguna perpustakaan perkhidmatan perpustakaan di Bongawan ini amat menggalakkan, sepertimana saya dapat maklum daripada Perpustakaan Negeri Sabah. Jumlah pengunjung perpustakaan desa di Bongawan, Januari hingga Oktober melebihi 4000 pengunjung-pengunjung kita dan Bongawan juga bangunan di perpustakaan desa di Bongawan mempunyai 7570 koleksi yang boleh digunakan oleh pengguna-pengguna kita.

Jadi, peruntukan yang disediakan ini untuk baik pulih melalui peruntukan Bantuan Penyelenggaraan Kecil Sekolah (BALKIS) yang akan disalurkan kepada pembaikan bangunan perpustakaan desa di Bongawan. Terima kasih.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Soalan tambahan, Bongawan?

Soalan Tambahan

Tuan Dr. Daud bin Yusof [Bongawan]: Okey terima kasih atas soalan, atas jawapan Pembantu Menteri dan saya juga ingin bertanya, apakah usaha kerajaan untuk, untuk menggalakkan orang ramai ataupun orang awam untuk berkunjung ke perpustakaan di Sabah ini?

Pembantu Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Harun bin Durabi]: Terima kasih, soalan tambahan. Sebenarnya, kita amat bimbang dan merasa pengguna-pengguna buku di perpustakaan ini berkurang sebab hari ini kebanyakan kita mendapatkan maklumat daripada Internet, dan kita bimbang tidak ada lagi pemegang-pemegang buku untuk membaca buku sebab kita sudah terlalu canggih ketika ini, tidak ada sudah yang menggunakan buku.

Bagaimanapun Perpustakaan Negeri Sabah telah merancang program-program untuk menarik minat kepada pengguna-pengguna perpustakaan. Antara program yang dirancang oleh Perpustakaan Negeri Sabah ialah kita ada Pesta Buku di perpustakaan dan ianya akan menjelajah ke seluruh daerah di negeri Sabah ini, juga kita mengadakan satu gerakan membaca dan ianya diberi tumpuan sepenuhnya oleh Perpustakaan Negeri Sabah. Itu antara program-program yang dilaksanakan oleh Perpustakaan Negeri Sabah untuk menarik minat pembaca-pembaca kita di seluruh negeri Sabah ini. Terima kasih.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Soalan tambahan, Senallang?

Soalan Tambahan

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Datuk speaker, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian sama ada selain daripada apa yang disebutkan tadi, agak muram dari segi sambutan rakyat yang ada oleh kerana mereka menggunakan AI/berbagai-bagai mungkin sama ada rancangan pihak kerajaan untuk memastikan sekarang ini buku mungkin kurang digunakan. Saya masih banyak baca buku tapi saya ingat kalau dapat, mungkin pihak Kerajaan Negeri menyediakan kemudahan-kemudahan di mana digemari oleh pelajar-pelajar sama ada di peringkat menengah ataupun universiti, *tablets*, komputer yang ada untuk diletak di perpustakaan.

Kerana ada di antara pelajar yang kadang itu minta derma, belilah *tablets*. Belilah komputer kepada kami ya. Tapi kalau sekiranya mereka dari masa pagi sampai masa ke petang, mungkin diadakan satu bab ya, *we change* dengan izin. *We have to change the modus operandi, the use of book is no longer useable* ataupun mungkin mereka menggunakan Smart TV contohnya ya.

Jadi di situ satu, kaedah kita *inovate* sikit ya sama ada pihak kementerian bercadang untuk pastikan meningkatkan jumlah komputer, *tablets* yang ada digunakan oleh pelajar-pelajar supaya menarik minat mereka untuk datang ke perpustakaan. Yang kedua dari segi *lecture*, kadang-kadang bicara seorang tokoh, jarang kita gunakan di perpustakaan dan mungkin *subject matter* yang *related to the student* ya, Alkah, apakah, kita bantulah mana sama ada universitakah, UMSkah, daripada Universiti

Malayakah, jemput mereka dan mereka akan membicarakan di satu perpustakaan Kota Kinabalu contohnya, dalam subjek ini ya, daripada hanya mendengar berbagai-bagai maklumat politik, baik juga kita bimbing anak-anak kita di perpustakaan yang ada kandungan untuk supaya *enchance* dia punya *knowledge* dari segi apa ini kemahiran. Terima kasih banyak.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Yang Berhormat Menteri silakan.

Pembantu Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Harun bin Durabi]: Terima kasih, cadangan yang amat baik daripada Senallang sebentar tadi. Insya-Allah, Kementerian dan juga Perpustakaan Negeri Sabah akan mengambil perhatian dan juga membawa perkara ini sesungguhnya untuk kebaikan dan juga meningkatkan penggunaan perpustakaan di seluruh.

20/11/2024 – RAKAMAN 5 [10.40 PAGI – 10.50 PAGI] – [ROHANI] – AZYATUL – AHMAD

Datuk Harun bin Durabi [Bengkoka]: Di seluruh negeri dapat kita pertingkatkan. Terima kasih.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Soalan seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat daripada Kapayan.

Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]: Terima kasih Datuk Speaker. Soalan Kapayan, no. 5.

USAHASAMA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (KUSKOP) DALAM MEMBANTU USAHAWAN DI SABAH PADA TAHUN 2023-2024.

- *5. YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DAN KEUSAHAWANAN**, apakah usahasama dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) pada tahun 2023-2024 yang berjaya dan apakah yang dipelajari daripada yang tidak berjaya dalam membantu usahawan di Sabah.

Jawapan

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih kepada sahabat Yang Berhormat Kapayan. Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kapayan dan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, Kementerian saya sentiasa komited dalam meningkatkan usaha sama dengan pelbagai kementerian, jabatan dan agensi di peringkat persekutuan, mahupun negeri bagi membantu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di Sabah.

Kementerian saya juga giat menjalinkan satu usaha sama yang kukuh dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) di bawah pimpinan Yang Berhormat Kadamaian, melalui agensi-agensi di bawahnya dalam melaksanakan pelbagai program pemantapan usahawan IKS Sabah pada tahun 2023 hingga 2024. Program yang telah dilaksanakan dengan jayanya adalah seperti berikut:

Penubuhan Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Usahawan Negeri Sabah (JPPKNS)

Kementerian saya telah kerjasama dengan KUSKOP melalui Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Keusahawanan Negeri Sabah. Penubuhan jawatankuasa ini adalah dibentangkan dan berjaya diwujudkan pada tahun lepas adalah selaras dengan aspirasi ataupun komitmen saya bersama Yang Berhormat Kadamaian, bagi menyelaras program-program pembangunan keusahawanan dan membincangkan isu-isu semasa serta bantuan kewangan dari pelbagai aspek dan pihak sama ada peruntukan daripada Kerajaan Negeri ataupun Persekutuan.

JPPKNS ini dipengerusikan oleh saya bersama dengan Menteri, Yang Berhormat Kadamaian dan akan bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun. Setakat ini, jumlah keahlian JPPKNS melibatkan semua agensi yang berkaitan sebanyak 31 ahli yang terdiri daripada Kerajaan Negeri atau Persekutuan yang berkaitan dengan pembangunan keusahawanan, dan kita juga akan melihat kepada situasi yang sesuai untuk menjemput agensi-agensi yang berkaitan untuk menyertai jawatankuasa yang tersebut.

Program Pemerkasaan Usahawan Sabah (PUSH)

Kementerian saya juga turut bekerjasama dengan Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS). Bagi melaksanakan program Pemerkasaan Usahawan Sabah (PUSH). Program ini adalah bertujuan bagi memupuk ketersediaan awal para usahawan ke arah mentransformasi perniagaan agar berkembang menjadi *franchiser* yang berdaftar. Sasaran program ini adalah untuk melahirkan 40 usahawan baharu dalam bidang francais di Sabah dan program ini akan berjalan selama enam bulan, iaitu bermula daripada bulan Mei hingga November 2024.

Pada akhir program ini, peserta akan ditawarkan perniagaan francais mengikut kesesuaian dan keupayaan keusahawanan tersebut. Kementerian saya telah memberikan suntikan dana bagi menjayakan program ini sebanyak RM150,000.00 dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita sudah memperlihat, dalam dua tahun ini kita ada beberapa usahawan ataupun *brand*, *local brand* berjaya meletakkan *business* ke Semenanjung Malaysia dan mendapat satu sambutan yang memberangsangkan.

Karnival Usahawan PMKS Sabah Zon Tawau dan Sandakan.

Sudah tentu kita tak boleh mengabaikan tempat-tempat di *east coast* seperti Sandakan dan Tawau. Oleh itu, kerjasama dengan SME Corp. Malaysia dalam melaksanakan Karnival Usahawan PMKS Sabah. Karnival Usahawan PMKS ini dianjurkan untuk membantu para usahawan meneroka peluang pasaran baharu, meningkatkan hasil jualan, menjalankan padanan perniagaan, *business matching* bersama pasar raya tempatan dan mempromosikan produk PMKS kepada masyarakat Sabah.

Pada tahun 2023, dua karnival PMKS Sabah telah diadakan dengan kerjasama dengan SME Corp. Di daerah Tawau dan Sandakan, manakala dua lagi Karnival PMKS Sabah pada tahun ini dengan kerjasama dengan SME Corp. juga adalah di Keningau dan Beaufort. Pencapaian hasil padanan perniagaan bersama dengan pasar raya tempatan dan juga ahli-ahli peniaga yang berkaitan. Sempena karnival ini bagi tahun 2023, adalah sebanyak RM9.4 juta yang melibatkan sebanyak 25 syarikat. Manakala pada tahun ini, tahun 2024 pula sebanyak RM6.1 juta yang melibatkan 36 syarikat.

Seminar Asas Pembangunan Produk dan Servis (SAPPS).

Kerjasama dengan Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) bagi melaksanakan seminar asas pembangunan produk dan servis pada tahun ini di tiga daerah, iaitu Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau. Objektif dan fokus utama seminar ini adalah untuk melatih para usahawan untuk meningkatkan jualan mereka dengan menggunakan strategi pembangunan produk. Penganjuran seminar ini mencatatkan penyertaan seramai 625 usahawan ke Seminar Asas Pembangunan Produk dan Servis.

Kelima, Tuan Speaker, melalui kerjasama dengan KUSKOP, PERNAS dan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) telah melaksanakan Bengkel Kesedaran Halal Usahawan Madani Sabah 2024. Objektif utama bengkel ini adalah untuk membantu ke arah pembangunan sektor secara bersasar dalam industri, meningkatkan keupayaan usahawan dan korporasi dalam menghasilkan produk dan perkhidmatan halal yang berdaya saing dan seterusnya meningkatkan bilangan usahawan Sabah untuk memperolehi pensijilan halal.

Pelaksanaan bengkel ini memfokuskan kepada dua kategori usahawan, iaitu usahawan yang memiliki premis untuk memohon pensijilan halal dan usahawan mikro yang beroperasi di rumah ataupun PMKS untuk memperolehi Pensijilan Halal Malaysia melalui Sijil Halal Industri Kotej (SHIK). Seramai 168 usahawan Sabah yang bersedia untuk memohon pensijilan halal telah mengikuti bengkel ini. Saya rasa ini pun mendapat, meningkatkan kesedaran usahawan-usahawan kita untuk betapa pentingnya untuk memperolehi pensijilan halal supaya *market* yang lebih besar dan lebih luas.

Tuan Speaker, program-program yang telah dilaksanakan oleh kementerian saya bersama dengan KUSKOP, sememangnya dapat sambutan yang memberangsangkan daripada usahawan. Sebelum sesuatu program dirancang, pelbagai aspek perlu dipertimbangkan agar matlamat dan objektif program itu dapat dicapai. Pemilihan lokasi yang tepat dan komitmen daripada semua pihak yang penting bagi memastikan program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Oleh itu saya berharap melalui usaha sama, kerjasama ini dapat kita memberikan pelbagai manfaat kepada usahawan di Sabah dan saya komited bersama dengan Yang Berhormat Kadamaian untuk memperkukuhkan kerjasama itu supaya dua-dua Kementerian dapat memberikan lebih banyak program dan juga, khususnya program-program berkaitan dengan modal dan dana dapat disalurkan kepada usahawan-usahawan Sabah.

Sekian. Terima kasih, Tuan Speaker.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Kapayan, soalan tambahan.

Soalan Tambahan

Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]: Ya, terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Soalan saya yang seterusnya, dalam itu adalah, apakah yang dapat dipelajari yang tidak berjaya. *I think I wanted to ask what did not work and what are the lesson we want to learn from there.* Kedua itu, satu lagi usaha yang saya ingin melihat yang belum ada daripada Kementerian, kedua-dua Kementerian ini, atas kerjasama ini adalah berkaitan dengan bantuan atas talian ataupun *online application*. Setelah, saya lihat bahawa ramai yang...

20/11/2024 – RAKAMAN 6 – [10.50 PAGI – 11.00 PAGI] – [NURFARA AIN] – MOHELENA – NADA HAIFAA

Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]: ... datang kepada saya yang mereka masih mendapat masalah. Saya sendiri, Tuan Speaker, mendapat ini adalah satu masalahlah, jadi mungkin boleh kerjasama cadangan saya di mana dua-dua Kementerian ini boleh memberi *guideline maybe online guideline* seperti macam kita bila kita pergi mengisi borang LHDN ini untuk cukaikan *we have all the online* kita boleh lihat dia macam mana *step by step. This is one* cadangan yang saya harap dua-dua Kementerian boleh melihat. Kedua itu adalah usaha membantu beralih daripada ekonomi tradisional ini kepada mendigitalkan operasi. Adakah satu kerjasama ataupun mungkin ini termasuk dalam atau terangkum dalam program-program kelima, program yang telah disebut tadi ini soalan saya tambahan. Terima kasih.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Datuk Phoong Jin Zhe]: Terima kasih atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat Kapayan. Apakah yang telah dipelajari dalam dua tahun ini kita ingin memperkukuhkan ataupun memperluaskan kerjasama antara dua-dua Kementerian di pusat dan negeri. Saya boleh katakan di sini bukan senang kerana ianya melibatkan pelbagai agensi, kalau kita lihat ada agensi-agensi yang ada menawarkan program kursuskah ataupun program modal yang ataupun program berkaitan dengan keusahawanan tidak banyak. So, bagaimana kita boleh wujudkan satu kerjasama yang kukuh yang *on daily basic* adalah itu sangat sukar dan susah kerana *different* agensi dia ada *different* punya fungsi, dia ada sendiri punya mekanisme.

So, bagaimana kita boleh integrasikan semua agensi ini dalam satu objektif yang sama mungkin dengan mengguna pakai teknologi yang moden sebagai contohnya yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kapayan yang mana kita boleh wujudkan satu sistem yang mana semua agensi yang ada program keusahawanan kita boleh duduk sama-sama dalam sistem itu supaya usahawan dapat melihat program sama ada Negeri ataupun Persekutuan dapat diberikan manfaat ataupun tawaran yang tepat kepada usahawan mengikut keperluan masing-masing.

So, ini masih kita berusaha itu masih ada kekurangan dari segi kerjasama macam mana untuk diperkukuhkan tapi hasrat saya dan Yang Berhormat Kadamaian adalah untuk membawa dua sistem yang besar, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri untuk bersama-sama untuk mewujudkan satu jawatankuasa. So, jawatankuasa ini baru sahaja bermesyuarat dua tiga kali.

So, kita akan merapatkan lagi untuk melihat bagaimana kita boleh wujudkan satu platform untuk membantu usahawan-usahawan khususnya ada juga aduan daripada usahawan-usahawan banyak program di peringkat Persekutuan tidak dapat disampaikan kepada *grassroots*, akar umbi di pekan-pekan dan sebagainya. So, ini banyak rintihan kita terima so itulah sebab jawatankuasa ini adalah untuk membawa agensi Persekutuan untuk turun padang, untuk turun padang untuk menawarkan program-program dan memperkenalkan program-program membuat pendedahan kepada usahawan di tempatan.

So, ini kita melalui karnivalkah, melalui programkah ataupun melalui kursuskah so kita akan memperbanyakkan program-program seperti ini. So, terima kasih atas cadangan yang berkaitan so kita akan terus melihat bagaimana kita boleh menambah baik mekanisme kita supaya bukan sahaja Kementerian saya dapat menyalurkan bantuan kepada usahawan di Sabah tetapi kita perlu juga ada strategi untuk mendapatkan program dari Persekutuan untuk turun ke Sabah. Sekian.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Soalan seterusnya saya menjemput ADUN Dilantik YB Datuk Jaffari bin Waliam.

Datuk Jaffari Waliam [ADUN Dilantik]: Terima kasih, Datuk Speaker. Ada pantun, Datuk Speaker,

Sabah Maju Jaya dijulang kembali,

Pihak pembangkang jangan perlekehkannya;

Sabah selamat di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri,

Soalan saya nombor enam.

USAHA DAN TINDAKAN KERAJAAN NEGERI DALAM MENGAWAL TRAFIK PERKAPALAN PELABUHAN-PELABUHAN DI SABAH.

***6. YB. Datuk Jaffari bin Waliam [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah usaha dan tindakan di pihak Kerajaan Negeri untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan dalam mengawal trafik perkapalan di pelabuhan-pelabuhan di Sabah bagi mengelakkan insiden-insiden kemalangan maritim.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Silakan, YB Menteri.

Jawapan

Pembantu Menteri Kerja Raya [Datuk Limus bin Jury]: Terima kasih, Tuan Speaker. Saya, Tuan Speaker, mengucapkan selamat datang kepada pelajar daripada SMK Kuala Penyu, Pekan Kuala Penyu di daerah kawasan saya.

Tuan Speaker, untuk izinkan saya menjawab soalan No. 6 bersama dengan soalan No. 47 memandangkan soalan-saoalan yang dibangkitkan adalah berkaitan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat ADUN Dilantik YB Datuk Jaffari bin William dan Ahli

Yang Berhormat dari Sindumin serta Dewan yang mulia ini, Kementerian saya melalui Jabatan Pelabuhan dan Dermaga, (JPDS) sentiasa komited ke arah memastikan kecekapan dan keberkesanan kawalan trafik, perkapalan untuk mengelakkan dari berlakunya sebarang insiden kemalangan ... Status terkini bagi kawalan trafik, perkapalan di perairan Sabah terutama di dalam kawasan had-had pelabuhan adalah pada tahap yang baik dan juga terkawal. Selaku Jabatan yang bertanggungjawab dalam mengawal selia kawalan lalu lintas air dalam kawasan had-had pelabuhan di Sabah, berikut adalah antara usaha dan tindakan yang telah dan sedang diambil oleh JPDS. Melaksanakan kerja-kerja penggantian dan menaik taraf sistem ... trafik perkapalan sedia ada di seluruh kawasan had pelabuhan-pelabuhan di Sabah secara berperingkat.

Usaha ini telah dimulakan pada bulan Disember 2023 dan Menara ... Kota Kinabalu dengan menaik taraf kemudahan sistem BTMS yang baharu yang mana sistem tersebut adalah berasaskan *Dashboard New Control* yang menemui piawaian BTMS dengan integrasi automatik *identification system* tempatan dan sistem sokongan dalam pengurusan trafik. Penggunaan sistem ini didapati lebih cekap dan efisien serta amat bersesuaian untuk tujuan pemantauan trafik perkapalan pada tahun ini dan tahun-tahun berikutnya.

JPDS akan meneruskan usaha dan tindakan menaik taraf sistem BTMS. Ini untuk keperluan kawasan had-had pelabuhan Lahad Datu, Sandakan, Tawau dan Sipitang. Perancangan pelaksanaan usaha ini disasarkan akan selesai sepenuhnya pada pertengahan tempoh Rancangan Malaysia Ke-13. Meningkatkan kemahiran dan kecekapan petugas-petugas JPDS yang mengendalikan sistem BTMS, yang baru melalui sesi-sesi latihan dan kursus berterusan. Manakala menekankan budaya penyelenggaraan ke atas alat-alat bantuan peliharaan seperti ... dan ... agar dapat terus berfungsi dengan baik dan memastikan keselamatan pelayaran dalam kawasan had-had pelabuhan di seluruh Sabah tidak terjejas. Menyusun atur semula kawasan-kawasan labuhan di perairan had-had pelabuhan dengan menyediakan laluan trafik yang lagi sistematik supaya lebih selamat serta dapat memastikan penyampaian perkhidmatan pelabuhan yang lebih efisien dan mengadakan sesi libat urus secara berperingkat bersama dengan malim-malim berlesen untuk membincangkan dan berkongsi pengetahuan serta kemahiran terkini ke arah

pelaksanaan serta cara pengendalian perkhidmatan pemilihan berdasarkan amalan terbaik pada masa kini. Sekian dan terima kasih.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Ada soalan tambahan, ADUN Dilantik? Soalan tambahan saya buka. Sindumin.

Soalan Tambahan

Datuk Dr. Yusof bin Yacob [Sindumin]: Terima kasih jawapan tadi. Saya menyokong dan mengharap ia dapat dilaksanakan. Sabah kita ada lapan pelabuhan dan menjadi destinasi eksport import dengan laluan kapal-kapal besar dan tentunya bilangan kapal ini akan bertambah bila barangan eksport terutama sekali kita sudah buka Nexilis dan juga Kibing dan *Sabah Port* telah pun ada kolaborasi dengan *DP World* daripada Dubai. Sudah tentu dan soalan saya ialah apakah kita ada statistik ataupun monitor bilangan kapal-kapal ni supaya kita dapat tahu nanti pertambahan dan apakah perancangan kita sudah adakah tin ataupun ...

20/11/2024 – RAKAMAN 7 [11.00 PAGI – 11.10 PAGI] – [LOVELLA] – NADIA-NORMA

Datuk Dr. Yusof bin Yacob [Sindumin]: ... bukan jikalau berlaku kemalangan di laut, kita sudah bersediakah untuk mengawal ataupun membendung kemalangan ini? Contohnya kalau kapal minyak berlanggar, tumpahan minyak, sudah tentu kapal ini besar. Apakah kita sudah bersedia dengan sistem untuk mengawal supaya tumpahan minyak ini tidak melarat? Kerana satu *tanker* minyak itu akan merosakkan kalau kita lihat seluruh daripada Kudat. Kalau di pantai barat daripada Kudat hingga ke Sipitang akan melimpah minyak di tepi pantai. Jadi, apakah kita bersedia ataupun Kerajaan bercadang untuk mengadakan pasukan penyelamat untuk membendung sekiranya kemalangan berlaku.

Pembantu Menteri Kerja Raya [Datuk Limus bin Jury]: Terima kasih. Tuan Speaker, untuk menjawab soalan tambahan daripada Sindumin, statistik kemalangan kapal dagang di setiap pelabuhan seluruh Sabah dari tahun 2022 hingga 2024, Kota Kinabalu tahun 2022 tiada dan 2023 ada satu kemalangan pada 25 Februari 2023, iaitu kapal yang terlibat Mas Hing Kong dan 2024 tarikh kemalangan 5 Oktober 2024. Ini MT Haven MB Green Pacific dan selain itu Tawau,

Lahad Datu, Sandakan, Semporna, Kudat, Kimanis, Sipitang tiada kemalangan dan saya juga mengambil maklum cadangan Yang Berhormat dari Sindumin untuk meneliti apa yang diutarakan. Sekian, terima kasih Tuan Speaker.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Soalan seterusnya saya menjemput Yang Berhormat ADUN Dilantik Yang Berhormat Datuk Suhaimi Haji Nasir.

Datuk Suhaimi Nasir [ADUN Dilantik]: Terima kasih Datuk Speaker, soalan saya No.7.

CADANGAN MEMBINA TAPAK TAMU KEKAL DAN BERBUMBUNG DI PEKAN MUHIBBAH RANCANGAN SUNGAI MANILA BATU 12 SANDAKAN.

***7. YB. Datuk Suhaimi Bin Haji Nasir [Adun Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk membina tapak tamu kekal dan berbumbung di Pekan Muhibbah Rancangan Sungai Manila Batu 12 Sandakan.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Jawapan

Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Isnin bin Haji Aliasnih @Liasnih]: Assalamualaikum WBT, terima kasih Datuk Speaker. Sebelum saya menjawab pertanyaan, pertamanya saya ingin mengalu-alukan guru dan pelajar daripada kawasan saya daripada SMK Beaufort I, SMK Beaufort II dan keduanya saya mohon kepada rakan-rakan YB di Dewan ini untuk mendoakan kesihatan Yang Berhormat Pembantu Menteri II yang sedang ditidurkan di Queen II buat masa ini.

Datuk Speaker, untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat ADUN Dilantik, Yang Berhormat Datuk Suhaimi bin Haji Nasir, dan makluman Dewan yang mulia ini, buat masa ini Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) tidak bercadang untuk membina tapak tamu kekal dan berbumbung di Pekan Muhibbah, Rancangan Sungai Manila Batu 12 Sandakan. Ini disebabkan telah ada pembangunan, iaitu Arked Pekan Muhibbah di kawasan tersebut yang telah dibangunkan oleh pihak Sedcovest dan

Majlis Perbandaran Sandakan cuma membantu dari segi pengurusan pengisian lot-lot gerai. Melalui usahasama ini juga, Sedcovest telah pun membangunkan sebanyak lebih kurang 73 lot premis dan terdapat juga kemudahan lain-lain seperti tempat letak kereta, rumah sampah dan tandas awam. Walau bagaimanapun, sekiranya ada keperluan atau ada keupayaan pihak Majlis Perbandaran Sandakan akan mempertimbangkan cadangan dan daripada Ahli Yang Berhormat ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Soalan tambahan ADUN Dilantik.

Soalan Tambahan

Datuk Suhaimi Nasir [ADUN Dilantik]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tamu ini sebenarnya sudah dibina pada tahun 2020 lagi dan peniaga-peniaga di sini bukan hanya terdiri daripada anak Rancangan Sungai Manila tetapi juga ada penjaja-penjaja daripada luar. Jadi, apakah bantuan yang boleh ditawarkan oleh pihak Kerajaan atau Kementerian bagi penjaja-penjaja di tamu Pekan Muhibbah ini dalam memastikan mereka dapat meningkatkan ekonomi masing-masing dan berapakah jumlah tamu yang boleh diwujudkan di setiap DUN-DUN di negeri Sabah ini? Terima kasih.

Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Isnin bin Haji Aliasnih @Liasnih]: Terima kasih Yang Berhormat ADUN Dilantik atas soalan tambahan. Buat masa ini, untuk makluman Dewan dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat. Bantuan pertamanya bantuan kepada peniaga di tamu ini seperti yang telah juga diumumkan oleh Kerajaan bahawa kita akan bantu sebanyak RM5,000.00 dan yang berlesen ah, dan untuk menentukan beberapa banyak peniaga-peniaga setiap tamu itu terpulang kepada berapa banyak peniaga-peniaga itu nak berniaga di kawasan masing-masing. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Soalan tambahan ADUN Dilantik.

Soalan Tambahan

Datuk Dr. Aliakbar bin Gulasan [ADUN Dilantik]: Terima kasih Datuk Speaker. Terima kasih kepada Pembantu Menteri. Mungkin soalan ini tidak terkait sangat dengan apa ini jawapan tadi cuma pada pemerhatian saya di bawah tanggungjawab Kementerian ini, saya perhatikan kadangkala banyak kawasan tamu ataupun bazar-bazar ini dia tidak ada tempat surau atau rumah ibadah Islam khususnya. Jadi kadang-kadang tapak tamu ini digunakan untuk bazar Ramadan, tamu sampai malam contohnya. Jadi, peniaga-peniaga ini dia bermula daripada petang. So, waktu maghrib tu di antara waktu yang kritikal. Saya pernah suarakan dulu sama juga dengan kawasan-kawasan riadah, tempat bersukan. Jadi, saya mohon Kementerian untuk ambil berat isu ini. Sebab di antara benda yang boleh menarik keberkatan kita kata supaya umat kita ini ada tempat kemudahan. Kita risau nanti kalau tidak ada tempat ini, makin ramai yang meninggalkan sembahyang. Terima kasih Datuk Speaker.

Datuk Mokran Ingkat [Sungai Manila]: Terima kasih Datuk Speaker. Saya ingin mengemukakan pertanyaan.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Yang Berhormat sebentar, Menteri mahu jawab dulu.

Datuk Mokran Ingkat [Sungai Manila]: Oh, okey.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Silakan Menteri.

Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Isnin bin Haji Aliasnih @Liasnih]: Terima kasih Yang Berhormat ADUN yang Dilantik, Yang Berhormat Datuk Haji Aliakbar. Apa ini cadangan akan diambil perhatian insya-Allah dan sememangnya, tapi kadang-kadang kawasan bazar dan tamu juga kadang-kadang berhampiran dengan kawasan masjid. Tapi ada memang yang tidak adalah tapi insya-Allah kita akan ambil maklum dan kita akan ambil tindakan. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Okey, satu lagi soalan tambahan terakhir.

Soalan Tambahan

Datuk Mokran Ingkat [Sungai Manila]: Saya ingin bertanya, saya perhatikan di kawasan Sungai Manila ini, kebetulan kawasan saya. Di PPR Muhibbah masih ada gerai-gerai apa ini yang di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Sandakan yang belum diisi. Jadi, saya sudah lebih kurang mahu tujuh, lapan tahun sudah di PPR Muhibbah ini siap tetapi, belum ada apa ini peniaga yang berniaga di situ. Saya mahu tanya sama ada Pihak Berkuasa Tempatan sudahpun memilih peniaga ataupun belum ada tindakan apa-apa? Sebab itulah banyak peniaga-peniaga di kawasan Sungai Manila ini berniaga di tepi jalan dan itulah soalan mengenai dengan apa ini keperluan tapak-tapak tamu ini diadakan. Jadi saya juga ingin bertanya, mengapakah lot-lot pasar ikan ya untuk menjual ikan dan sayur-sayuran di kawasan Sedcovest ini pun belum diisi sampai sekarang. Jadi, minta penjelasanlah.

Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Isnin bin Haji Aliasnih @Liasnih]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Manila. Untuk gerai ikan di Sedcovest ini kita telah pun menyediakan sebanyak 24 lot dan sebenarnya kita pun sentiasa menerima siapa-siapa saja yang ingin berniaga, silalah datang berniaga dan kalau Yang Berhormat ada cadangan ataupun ada Ahli-ahli yang nak berniaga silakanlah. Dipersilakan. Terima kasih.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Soalan seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat daripada Liawan.

Datuk Anwar Ayuub @Annuar Ayub [Liawan]: Terima kasih Datuk Speaker. Soalan saya Soalan No. 8.

PENAMBAHAN PERUNTUKAN KEWANGAN BAGI LAMPU-LAMPU JALAN KAMPUNG.

***8. YB. Datuk Anwar Ayuub@Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, adakah Kerajaan bercadang untuk menambah peruntukan kewangan terutama berkaitan lampu-lampu jalan kampung pada tahun hadapan.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Yang Berhormat Menteri, Silakan.

Jawapan

Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar [Datuk Samad bin Jambri @Jamri]: Bismillahirrahmanirrahim ...

20/11/2024 – RAKAMAN 8 [11.10 PAGI – 11.20 PAGI] – [THEODORA B.] – THEODORA J. – AHMAD

Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar [Datuk Samad bin Jambri @Jamri]: Datuk Speaker, sebagai makluman Ahli Yang Berhormat daripada N.41 Liawan dan Dewan yang mulia ini.

Kementerian ini mendapat maklumat daripada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) Malaysia. Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung atau singkatannya (LJK), Semenanjung Malaysia dan Sabah telah memasuki fasa yang ke-11 dengan jangkaan tamat kontrak pada 20 November 2024 ini. Melalui projek ini, sebanyak 1,910 unit lampu jalan kampung telah diperuntukkan di seluruh negeri Sabah.

Peruntukan jalan kampung (LJK) pada tahun hadapan, bagi Negeri Sabah hanya melibatkan peruntukan kos operasi dan penyelenggaraan bagi membiayai bil elektrik, pembaikan serta penyelenggaraan lampu-lampu jalan kampung yang telah dipasang oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah sejak tahun 2002 lagi.

Bagi peruntukan pemasangan lampu baharu pula, program ini akan diteruskan namun *ianya* tertakluk kepada kelulusan peruntukan tahunan di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah Malaysia. Terima kasih, Datuk Speaker.

Tuan Speaker: Soalan tambahan Liawan.

Soalan Tambahan

Datuk Anwar Ayuub @Annuar Ayub [Liawan]: Terima kasih, YB Pembantu Menteri atas jawapan. Terdapat banyak jalan-jalan di kampung-kampung dan juga di simpang-simpang jalan yang jauh daripada punca elektrik. Soalan tambahan saya, adakah rancangan kerajaan berhasrat untuk memasang lampu jalan jenis solar? Terima kasih.

Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar [Datuk Samad bin Jambri @Jamri]: Terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Liawan. Sememangnya kaedah pemasangan lampu jalan kampung ini *ianya* melalui talian grit ataupun kampung-kampung yang ada talian elektrik sedia ada. Namun demikian, ada lokasi-lokasi seperti kampung-kampung yang tidak ataupun lokasi yang tidak ada access dan sememangnya pemasangan lampu jalan melalui kaedah solar ini, kita adalah kaedah yang boleh dilaksanakan dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ada melalui maklumat daripada KKDW ada beberapa lokasi yang telah pun dilaksanakan melalui kaedah solar ini dan insya-Allah, mudah-mudahan kaedah ini akan diguna pakai untuk pelaksanaan bagi program jalan kampung di masa akan datang. Terima kasih.

Tuan Speaker: Soalan tambahan Telupid.

Soalan Tambahan

Datuk Jonnybone J. Kurum [Telupid]: Saya ingin bertanya kepada Pembantu Menteri, ada dinyatakan tadi mengenai dengan penyelenggaraan dan pembayaran bil. Jadi adakah ini termasuk juga yang dipasang oleh Majlis Daerah dan juga oleh JKR di Jalan Persekutuan?, terima kasih.

Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar [Datuk Samad bin Jambri @Jamri]: Terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Telupid. Untuk makluman Yang Berhormat, program ini adalah di bawah KKDW, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah jadi sudah pasti di luar daripada lingkungan itu memang tidak dibayar. Hanya yang dipasang oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah sahaja bayaran bil akan dilaksanakan. Terima kasih.

Tuan Speaker: Soalan seterusnya saya menjemput Yang Berhormat daripada Sri Tanjong.

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: Terima kasih Datuk Speaker soalan saya no. 9.

STATUS PEMBINAAN PROJEK CIQS SERUDONG.

- *9. YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, bagaimanakah status pembinaan projek CIQS Serudong termasuk akses laluan jalannya yang akan menjadi penghubung antara Sabah dan Kalimantan Utara apabila siap nanti.

Tuan Speaker: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Jawapan

Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan 56 pada hari rabu, 20 November 2024. Memandangkan soalan-soalan yang dibangkitkan itu adalah berkaitan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Sri Tanjong dan juga Sebatik serta Dewan yang mulia ini, dengan perpindahan Ibu Negara Indonesia ke Nusantara dan mengambil kira perkembangan pembangunan yang giat dilaksanakan oleh pihak Indonesia, Kerajaan Negeri bersama-sama Kerajaan Persekutuan kini dalam proses membangunkan dua lokasi yang bersempadan terus dengan Kalimantan Utara, iaitu di Serudung, Kalabakan dan Bantul, Pagalungan, Nabawan yang dilaksanakan secara berfasa mengikut kelulusan peruntukan daripada Kementerian Ekonomi.

Bagi perlaksanaan fasa satu, pembinaan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan juga Keselamatan atau ringkasnya ICQS Serudung Kalabakan, Sebanyak tiga projek telah dilaksanakan oleh Kementerian Dalam Negeri. Melalui Pejabat Daerah, Kalabakan.

Ketiga-tiga projek tersebut adalah seperti berikut:

1. Membina jalan access ke tapak ICQS Serudung, Kalabakan Sabah serta kerja-kerja berkaitan. Projek ini telah pun disiapkan pada 26 Disember 2023.
2. Kerja-kerja pembersihan tanah di tapak sementara ICQS Serudung, Kalabakan, Sabah serta kerja-kerja berkaitan. Projek ini juga telah siap pada 31 Disember 2023.

3. Kerja-kerja sistem perparitan dan saliran di tapak sementara ICQS Serudung, Kalabakan Sabah serta kerja-kerja berkaitan. Projek ini juga telah siap pada 31 Januari 2024.

Manakala bagi perlaksanaan fasa dua, pembinaan ICQS Serudung Kalabakan, projek ini telah diserahkan kepada Syarikat PBLT, iaitu sebuah anak syarikat di bawah Kementerian Kewangan Malaysia sebagai agensi pelaksana. Selaras dengan kelulusan Kementerian Kewangan pada 3 Mei 2024. Untuk makluman lanjut Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Sri Tanjong dan juga Kalabakan dan juga Dewan yang mulia ini. Projek di fasa dua sudah bermula dan dalam pelaksanaan yang melibatkan kerja-kerja bukan fizikal. Seperti pengukuran tapak, penyediaan reka bentuk ruang pejabat dan juga perumahan kakitangan serta penentuan kos.

Manakala kerja-kerja fizikal, hanya dapat dimulakan selepas mendapat kelulusan peruntukan tambahan daripada Kementerian Ekonomi dan juga lokasi tapak ICQS mendapat persetujuan daripada pihak Indonesia.

Tuan Speaker, bagi memastikan kawalan keselamatan di sempadan sentiasa dipertingkatkan dari masa ke semasa, pihak Kementerian Dalam Negeri telah mengemukakan permohonan peruntukan tambahan lagi untuk membina pos kawalan sementara di tapak ICQS Serudung Kalabakan pada 11 Oktober 2024 dan perkara ini masih lagi dalam penelitian Kementerian Ekonomi. Pos kawalan sementara adalah bertujuan bagi kawalan keluar masuk pengembara antara Malaysia dan juga Indonesia. Ini adalah kerana lokasi berkenaan di titik A708 belum dipersetujui oleh pihak Indonesia sebagai titik lintas sempadan ataupun pintu masuk antarabangsa oleh kedua-dua negara.

Walau bagaimanapun, pada masa ini kawalan...

20/11/2024 – RAKAMAN 9 [11.20 PAGI – 11.30 PAGI] – [INTAN AZWANA] – TERESA – NADA HAIFAA

Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: ... di tapak cadangan ICQS Serudong, Kalabakan, sedang dilaksanakan oleh pihak Angkatan Tentera Malaysia. Mengambil kira kawasan ini tidak berpenduduk serta

telah terdapat Kem Luis, kira-kira 2.5 km dari sempadan tersebut, yang diseliakan oleh pihak Angkatan Tentera Malaysia.

Tuan Speaker, bagi menyokong dan juga memperkasakan sektor ekonomi di negeri ini, Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan terus mempergiatkan pembangunan infrastruktur di kawasan sempadan Sabah Kalimantan seperti jaringan jalan raya, bekalan elektrik, dan air serta capaian telekomunikasi sebagai pemboleh daya. Pelaksanaan pembangunan infrastruktur ini juga dilaksanakan secara dua fasa.

Dalam fasa satu, Kerajaan Negeri melalui pihak berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah ataupun SEDIA, sedang melaksanakan projek menaik taraf jalan akses ke tapak cadangan ICQS di Serudong, Kalabakan, dengan jarak jauh 19 km dengan kos peruntukan sebanyak RM21.1 juta di bawah *Rolling Plan* ketiga dan *Rolling Plan* Keempat, Rancangan Malaysia Ke-12, biayaan Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri melalui pihak SEDIA akan juga memohon peruntukan tambahan berjumlah RM12 juta untuk meneruskan kerja. Menaik taraf jalan akses ke ICQS Serudong, Kalabakan, yang berbaki 20 km daripada Kerajaan Persekutuan.

Seterusnya, menerusi fasa dua, Kerajaan Negeri melalui Kementerian Kerja Raya Malaysia, sedang melaksanakan kajian bagi projek membina jalan baharu dari Kalabakan ke sempadan Malaysia, iaitu di Serudong, Indonesia Simanggaris. Kerja awalan dan juga reka bentuk awalan bagi tujuan pemilihan jajaran. Projek ini telah diluluskan dalam *Rolling Plan* ketiga RMKe-12, dengan peruntukan sebanyak RM13 juta. Kajian ini bermula pada bulan Mei 2024 dan dijangka siap pada bulan Disember 2025. Sekian, terima kasih.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Soalan tambahan, Sri Tanjong.

Soalan Tambahan

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: Terima kasih, Datuk Speaker. Terima kasih atas jawapan diberikan oleh Pembantu Menteri. Cuma saya ingin bertanya bagaimana ini dapat memberi manfaat kepada penubuhan ekonomi negeri khususnya di Tawau, dan juga Yang Berhormat Pembantu Menteri tadi ada sebut

jalan akses tu ada 11 km dari Kalabakan jadi saya ingin bertanya selepas dia disiapkan siapa yang akan menyelenggara jalan akses tu supaya ... tidak muncul ada lubang seperti di Kalabakan dan sudah pasti Kerajaan mesti mahu memperuntukkan sebahagian ini untuk menjaga imej kita. Selepas mereka masuk ke Sabah jangan mereka lihat jalan di Sabah ini sebenarnya banyak berlubang. Terima kasih.

Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Tuan Speaker, terima kasih di atas soalan tambahan daripada oleh Yang Berhormat Sri Tanjong. Mengenai dengan soalan pertama, iaitu limpahan ekonomi itu sudah tentunya apabila jalan raya ataupun akses daripada daerah Tawau yang dapat menyeberangi sempadan ke Indonesia, ini sudah tentu dapat meningkatkan lagi meningkatkan lagi ekonomi penduduk- penduduk di bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di kedua-dua negara.

Seperti yang kita lihat bahawa ibu kota Indonesia di Nusantara saya baru-baru ini telah melihat Youtube, yang dikeluarkan ianya sungguh menarik sekali. Dan saya percaya, saya percaya bahawa rakyat Malaysia khasnya di sebelah Tawau dapat menikmati apa juga pembangunan ekonomi yang ada di negara apa ini Indonesia.

Tuan Speaker, tetapi apa yang penting apabila ICQS ini telah diwujudkan, ianya dapat membenteraskan penghijrahan. Tadi saya kata pengembara tetapi sebenarnya mereka yang datang ke Tawau melalui jalan-jalan tikus. Dan sekiranya ICQS ini terlaksana, direalisasi sudah tentu penghijrahan mereka ini dapat dikawal. Yang kedua, mengenai dengan siapa yang apa ini *to maintain* itu jalan itu. Ini kita akan tentukan bagi saya, saya berpendapat, if it is JKR Malaysia yang melaksanakannya dan *responsibilities to maintain is are* JKR. Kawasan-kawasan di kawasan Malaysia, *is the responsibility of the Malaysian Government. Especially department concern*. Bagi dia apa itu di luar daripada sempadan Indonesia, *is up to the Government of Indonesia*. Thank you.

Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]: Datuk Speaker.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Soalan tambahan, Sebatik.

Soalan Tambahan

Datuk Hassan A. Gani Pg. Amir [Sebatik]: Terima kasih, Datuk Speaker. Terima kasih jawapan Yang Berhormat Menteri. Memandangkan kawasan ini berhampiran dengan daerah Kalabakan, dan sebentar tadi Yang Berhormat menjelaskan bahawa pada ketika ini pihak Jabatan Kerja Raya sedang meneliti untuk memilih yang mana satu jajaran yang sesuai untuk pembinaan jalan yang baharu, menembusi ke Malaysia. Ya, jadi di sini bermakna di sini ada dua jajaran yang dipilih dan kalau tidak silap saya salah satu jajaran itu ialah jajaran 485, jadi ah, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah jajaran ini nanti akan melalui daerah Kalabakan sebabnya daerah Kalabakan merupakan satu merupakan daerah yang baharu dan Kerajaan sedang bercadang untuk membangunan ... membangunkan daerah Kalabakan ini sebagai sebuah bandar baharu Kalabakan, jadi saya berharap sebagai pemimpin di kawasan Sebatik yang melibatkan daerah Kalabakan ini supaya jajaran ini melalui di daerah Kalabakan.

Sebabnya, nanti apabila jajaran ataupun laluan itu melalui daerah Kalabakan, sudah tentunya limpahan ekonomi itu nanti akan dinikmati oleh masyarakat di daerah Kalabakan. Jadi adakah Kementerian ataupun ah, pihak yang berkaitan bercadang untuk membina jajaran ini melalui daerah Kalabakan. Terima kasih.

Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Tuan Speaker, terima kasih di atas soalan tambahan daripada Sebatik. Seperti yang saya katakan tadi bahawa setakat ini satu reka bentuk yang sedang dibuat dan belum siap lagi. Ianya hanya akan siap mungkin bulan Disember 2025. Dan saya sebenarnya bersetuju dengan apa yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat, kerana adalah penting bagi kita juga untuk memajukan daerah Kalabakan. Dan baru-baru ini, Menteri Dalam Negeri telah mengumumkan peruntukan sejumlah RM150 juta untuk mewujudkan satu IPD di Kalabakan. Dan dengan peruntukan yang begitu besar, saya percaya ... saya percaya walaupun saya belum lihat reka bentuk tersebut ianya akan melalui, walaupun tidak melalui tetapi sekurang-kurangnya ianya mungkin berhampiran daripada daerah Kalabakan. Kerana saya tahu, daerah apa ini Kalabakan ini adalah penting ...

Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: ... penduduk-penduduk emm, di kawasan tersebut, lebih-lebih lagi sahabat saya (ketawa kecil) di sebelah kiri ini adalah wakil rakyat daripada Kalabakan, Tawau dan juga Andi daripada Kalabakan. Sekian, terima kasih.

Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]: Datuk Speaker, soalan tambahan.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Okey, terakhir.

Soalan Tambahan

Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]: Terima kasih Datuk Speaker. Mengenai ICQS ini saya juga ingin bertanya status ICQS Bantul, Pegalungan, Nabawan. Pertama, mengenai status tapak yang telah dipersetujui untuk tapak ICQS ini sama ada sudah selesai, memandangkan emm, tapak ini akan diwartakan dan juga berapakah kawasan sebenarnya tapak yang diperuntukkan? Dan saya juga difahamkan tapak ini termasuk dalam hutan simpan, sama ada tapak ini akan diwartakan untuk dikeluarkan daripada hutan simpan? Dan kedua, tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan apabila kita mahu buat ICQS ini, tapak itu kita memerlukan apa ni, kebenaran daripada pihak Indonesia. Tetapi di sebelah Bantul ini, di sebelah kawasan ini, PLBN mereka ini sudah lengkap sudah siap sepenuhnya. Adakah pihak Indonesia ada meminta pihak Malaysia untuk persetujuan tapak yang telah dibina ini. Saya juga ingin menyarankan agar kawalan diperketatkan di kawasan sempadan ini kerana banyak penyeludupan yang berlaku ketika ini juga. Terima Kasih Datuk Speaker.

Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri [Datuk Abidin bin Madingkir]: Tuan Speaker, terima kasih emm, soalan tambahan daripada Nabawan. Maklumat yang ada pada saya setakat ini ialah mengenai dengan pengenalan Bantul di Nabawan yang telah dikenal pasti sesuai untuk dijadikan ICQS. Saya juga telah terbaca bahawa Pengarah Imigresen Sabah telah melawat kawasan tersebut dan telah mengatakan bahawa tempat tersebut adalah ataupun *spot* tersebut adalah

sesuai untuk ICQS. Jadi kita berharap sekiranya ini telah diselesaikan, telah dimuktamadkan mungkin apa juga permasalahan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dapat diperhatikan. Tetapi apa yang penting di sini, seperti yang saya katakan tadi bahawa peruntukan kewangan adalah *the key, what ever implementation*, projek *implementation* yang perlu dibuat. Kerana seperti yang saya katakan tadi juga di mana ini di ICQS Serudung, kita mengharapkan juga peruntukkan-peruntukkan yang telah kita dipohonkan, dipohon. Tetapi, apa ini syukurlah kebanyakan daripada yang peruntukan kita pohon itu telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12, *especially* di apa ni di *rolling plan*, kedua dan ah, ketiga. Terima kasih.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi soal jawab pada hari ini telah pun selesai, terima kasih saya ucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi soal jawab itu tadi. Setiausaha.

Setiausaha Dewan: Sambungan ucapan penggulungan perbahasan ke atas Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan (2025) 2024.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Saya menjemput Ahli Yang Berhormat, Menteri Kerja Raya untuk menyampaikan ucapan penggulungan.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Terima kasih Tuan Speaker. Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Tuan Speaker, pembentangan Belanjawan Tahun 2025 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan memberi tumpuan dan penekanan terhadap fokus serta komitmen Kerajaan Negeri untuk memacu dan memperkasa pertumbuhan ekonomi negeri serta meningkatkan kesejahteraan rakyat secara inklusif melalui pelbagai projek kemudahan awam dan utiliti.

Dalam konteks Kementerian Kerja Raya Sabah, hala tuju Belanjawan 2025 yang dibentangkan adalah berpaksikan kepada tonggak ke-4 belanjawan ini. Iaitu, meningkatkan pembangunan pemboleh daya atau *enables* khususnya infrastruktur fizikal, utiliti dan kemudahan awam bagi menyokong pertumbuhan dan

pengembangan ekonomi. Ini melibatkan pelaksanaan projek dan program infrastruktur awam seperti jalan raya, lebuh raya, dan lain-lain kemudahan awam yang dilaksanakan di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya Sabah selaras dengan pelan pembangunan negeri Sabah Maju Jaya. Seiring dengan tema Belanjawan 2025 ini “Sabah Makmur, Rakyat Sejahtera”, Kementerian Kerja Raya Sabah sentiasa dan akan terus komited dalam menyediakan kemudahan infrastruktur bagi kesejahteraan rakyat di negeri ini.

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Menteri Kewangan kerana mengesyorkan peruntukan Belanjawan 2025 sebanyak RM1.347 bilion bagi menangani isu-isu berkaitan dengan kemudahan asas seperti jalan raya, cerun, jambatan, bekalan air, perkhidmatan pembentungan dan infrastruktur, pelabuhan dan dermaga. Kementerian ini merakamkan kesyukuran dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan Yang Berhormat Menteri Kewangan atas keprihatinan dan perhatian yang diberikan berkaitan isu kekangan dana yang dihadapi selama ini.

Justeru itu, bertepatan dengan aspirasi Belanjawan 2025, Kementerian saya akan mengembleng usaha untuk sama-sama berganding bahu melaksanakan program-program pembangunan khususnya pembangunan kemudahan infrastruktur dan prasarana awam secara berterusan. Tuan Speaker, Kementerian Kerja Raya Sabah melalui jabatan dan agensi pelaksana di bawahnya, iaitu Jabatan Kerja Raya, Jabatan Air Negeri Sabah, Jabatan Perkhidmatan Pembentungan Negeri Sabah, Jabatan Keretapi Negeri Sabah dan Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah serta Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah akan terus komited memperkasa pembangunan infrastruktur awam. Jabatan dan agensi inilah yang menjadi nadi dalam melaksanakan pembangunan di lapangan untuk memenuhi Visi Kementerian ini dari aspek pembangunan serta Dasar Kerajaan untuk kesejahteraan rakyat. Bagi menjamin keberkesanan dasar-dasar tersebut, Kementerian ini akan memastikan setiap jabatan dan agensi dibawahnya melaksanakan program pembangunan seperti yang dirancang.

Kementerian juga akan melaksanakan pemantauan secara berkesan dari semasa ke semasa agar penyampaian perkhidmatan tidak lagi berada pada takuk yang lama. Sudah sampai masanya kita melakukan anjakan paradigma agar rakyat dapat

menerima manfaat secara *total*. Tuan Speaker, daripada jumlah peruntukan yang diperuntukkan kepada Kementerian saya, sebanyak RM424.53 juta diperuntukkan kepada Jabatan Kerja Raya dalam belanjawan tahun hadapan untuk menampung perbelanjaan bagi program-program seperti berikut:

Program penyelenggaraan jalan raya berturap negeri di bawah syarikat konsesi dan program kerja selenggara jalan raya luar bandar. Kedua, program penyelenggaraan jalan-jalan *gravel* negeri di bawah JKR. Ketiga, program membina dan menaik taraf jalan-jalan dalam kategori SRT2, SRT3 dan *non-qualified road* (NQR) PBT di kawasan luar bandar. Keempat, program pembaikan cerun, jambatan dan tembok dan kelima, program penyelenggaraan bangunan-bangunan kerajaan dan pengurusan sistem aliran trafik.

Selari dengan usaha untuk meningkatkan perkhidmatan bekalan air, Jabatan Air Negeri Sabah pula diperuntukkan sebanyak RM729.79 juta bagi melaksanakan program penyelesaian segera dan jangka pendek bertujuan meningkatkan kapasiti dan keberkesanan sistem bekalan air seperti program penambahan kapasiti bekalan air di seluruh negeri Sabah, Program *Building Facility Maintenances works* dalam loji rawatan air di bawah seliaan Jabatan Air Negeri Sabah, program penyelenggaraan *mechanical* dan *electrical* di loji rawatan air dan rumah *pump* dan *Maintenance Repair and Routine Maintenance Serve Water Pipeline* untuk tiga tahun. Berhubung dengan perkhidmatan pelabuhan dan dermaga, Kementerian ini ...

20/11/2024 – RAKAMAN 11 [11.40 PAGI – 11.50 PAGI] – [ABDUL WAFIY] – SITI JUBAIDAH – AHMAD

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Melalui Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah diperuntukkan sebanyak RM29.94 juta pada tahun hadapan untuk memastikan penyediaan laluan yang selamat bagi kapal-kapal kecil dan kapal-kapal dagang serta penyediaan kemudahan pelabuhan yang selesa dan selamat. Antara program yang dirancang termasuklah pengorekan dasar Sungai Megalong, Sipitang dan Sungai Sitompok, Kuala Penyu, naik taraf Jeti Awam di Pekan Karakit, Banggi. Pemasangan kemudahan Sistem **(VTMS)** di Tawau dan Sandakan serta penyelenggaraan

Dermaga Kerajaan di Jeti Barter Trade Sandakan dan Tawau dan penyiapan bot penguatkuasaan.

Bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan keretapi pula sebanyak RM63.61 juta diperuntukkan kepada Jabatan Keretapi Negeri Sabah. Selain daripada dua projek berbentuk kajian yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan Pembentangan Belanjawan 2025 pada Jumaat yang lalu. Peruntukan ini juga bertujuan untuk menampung pelaksanaan projek dan perolehan seperti perolehan enam unit **(DMU) powered cast** perolehan seunit *locomotive* dan dua unit **(DMU) non power cast** projek pembinaan enam perhentian kecil di Sektor Kinarut ke Sembulan untuk Perkhidmatan Komuter dan sebuah jejantas pejalan kaki di Petagas, Putatan dan pembaikan cerun dan tebing sungai di Sektor (kurang faham) Beaufort ke Tenom. Kementerian saya juga komited dalam menyediakan perkhidmatan pembedungan yang lebih efisien, efektif dan menyeluruh.

Di bawah Belanjawan 2025 Jabatan Perkhidmatan Pembedungan Negeri Sabah telah diberi peruntukan sebanyak RM91.59 juta bagi melaksanakan program-program seperti kerja-kerja operasi dan senggara, kerja-kerja rutin penyelenggaraan, program kerja membaik pulih sistem pembedungan, Program Skim Pembedungan Kota Kinabalu, Tawau, bandar kecil, Program Kajian dan Lukisan dan Program Skim Pembedungan Pihak Berkuasa Tempatan serta Program Mekanikal dan Elektrikal. Tuan Speaker, saya beralih kepada isu-isu yang dibangkitkan semasa perbahasan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu berkaitan Pembangunan Infrastruktur sama ada jalan raya, bekalan air dan lain-lain yang berkaitan dengan Kementerian sama ada secara umum atau spesifik. Oleh itu, izinkan saya menjawab pertanyaan isu dan cadangan mahupun pandangan tersebut dan saya mulakan isu-isu yang berkaitan dengan jalan raya.

Ahli Yang Berhormat dari Liawan membangkitkan beberapa isu berkaitan lampu jalan, jambatan dan jalan raya. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi lampu jalan di Jalan Persekutuan penyelenggaraan dan penambahbaikan lampu-lampu jalan ini sememangnya telah dilaksanakan secara berfasa dari tahun 2022 dan masih diteruskan. Bagi isu jambatan terdapat dua buah projek menaik taraf jambatan di Sungai Liawan, Keningau. Projek pertama adalah menaik taraf Jambatan Sungai

Liawan 3.4 km Jalan Luagan Keningau. Projek ini telah diluluskan bagi pelaksanaannya melalui Rancangan Malaysia Ke-12 *Rolling Plan* Ke-2 di bawah biayaan Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah. Projek ini telah bermula pada 22 November 2023, dan dijangka siap 21 Mei 2025. Projek kedua pula adalah menaik taraf Jambatan Sungai Liawan 2 km Jalan Kampung Dangulat Tuarid Taud Keningau.

Projek ini telah diluluskan bagi pelaksanaannya melalui Rancangan Malaysia Ke-12 *Rolling Plan* 3 di bawah biayaan Kerajaan Persekutuan melalui KKDW. Projek ini telah bermula pada 2 Julai 2024 manakala tarikh siap asal pula dijangka pada 8 Januari 2026. Bagi isu jalan yang dibangkitkan Yang Amat Berhormat Liawan kerja-kerja naik taraf jalan yang sedang dalam pelaksanaan ialah Jalan Keritan Ulu sepanjang 5.5 km di bawah program menaik taraf jalan raya-jalan raya SRT 2, SRT 3 Jabatan Kerja Raya dan *non qualified Road*, PBT di Sabah selama 10 tahun. Bagi Jalan Patikang Tengah Jalan Batu 27 pula, jalan ini telah disenaraikan di dalam program naik taraf jalan raya SRT 2, SRT 3 selama 10 tahun.

Ahli Yang Berhormat Darau. Darau tidak ada di sini tapi saya bacakan juga jawapan ataupun *reply* yang diberikan memandangkan ia juga meliputi atau *concern to the order* YB. Ahli Yang Berhormat dari Darau menyentuh tentang kualiti Jalan raya untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerja penyenggaraan rutin jalan, iaitu tampalan lubang dan tampalan rekahan hanya bersesuaian bagi jalan dalam keadaan sederhana yang mana kerosakan hanya berlaku pada lapisan turapan sahaja. Kerja penyenggaraan rutin tampalan lubang dan tampalan rekahan secara sementara dilaksanakan untuk mencegah lubang-lubang yang terbentuk daripada menjadi lebih besar dan dalam yang mana boleh membahayakan keselamatan pengguna jalan raya bagi menambah baik kerja penyenggaraan rutin tampalan lubang dan tampalan rekahan supaya berdaya tahan penggunaan inovasi bahan-bahan binaan terkini seperti *cold mix* serta bahan tambah seperti serat fiber dari bahan organik dan saintifik serta penggunaan jentera teknologi terkini sedang dalam peringkat ujian dan kajian oleh JKR Sabah.

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]: Yang Berhormat Menteri boleh minta laluan terima kasih. Ada izin tu. Ya, saya kena minta izin Tuan Speaker.

Tuan Speaker: Ya, sila silakan.

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]: Ya. Terima kasih melihat tadi bila Yang Berhormat Menteri sebut pasal penyelenggaraan jalan berlubang-lubang antara faktor utama yang saya lihat saya ada sebut dalam perbahasan saya tadi ialah penguat kuasa di jalan raya ini saya tengok memang konsesi itu saya nampak pasal saya dua tahun tidak berhenti lalu jalan raya saja ekoran daripada harga kapal terbang naik so saya guna jalan raya. Satu penguatkuasaan ini had limit muatan saya tengoh berat sangat, sepatut lori itu hanya 15 tan saya ingat sampai 30 tan so penguatkuasaan tu tiada. Yang kedua JPJ ada tugas ada jambatan timbang tu saya tengok terbuka ada dia punya orang tapi pelanggan dia itu juga sama ada ini ada penyelaraskah ataupun tidak dan yang lain-lain bas ekspres ini tengah terlalu laju dahlah jalan kita ini bukan macam *highway* saya tengok saya bawah kereta pun agak laju juga dalam 100 kilometer tidak boleh potong.

Tuan Speaker: Dia ekspres sebab dia ekspres.

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]: Bas ekspres.

Tuan Speaker: Ya, itulah dia laju sebab dia ekspres.

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]: Itu nama dia tapi mesti ada had limit ini yang menyebabkan jalan rosak dan menyebabkan kemalangan jadi perlu perkara ini dipantau kita asyik membaiki jalan berlubang-lubang, duit banyak digunakan duit tu boleh guna pergi pendidikan dan juga hospital. So, penguat kuasa itulah saya nampak tolong terima kasih banyak.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Terima kasih pada Yang Berhormat Sulabayan saya mengambil maklum dan juga bersetuju dengan *point-point* yang telah diutarakan dengan penguatkuasaan dari sudut teknikal memang penguatkuasaan ataupun pemantauan diselia oleh Jabatan Kerja Raya bersama juga dengan pihak konsesi dan juga dengan kemajuan teknologi moden sekarang ini kita mempunyai ada peralatan-peralatan yang boleh mengesan kelemahan-kelemahan struktur jalan raya dan ini sedang secara berfasa digunakan oleh JKR.

Mengenai dengan had limit muatan lebih muatan ia berkaitan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan dan pihak kami memang sering berhubung dengan Jabatan tersebut untuk melihat bagaimana untuk kita mengurangkan kejadian-kejadian lebih muatan ini terjadi terutamanya di Pantai Timur di kawasan-kawasan yang persekitarannya adalah kawasan perladangan berkenaan dengan bas ekspres yang memandu laju kita mempunyai had limit dan setiap jalan terutama Lebuhraya Pan Borneo yang sedang dalam pembinaan telah dilakukan audit, *Road Safety Audit* sebelum pembinaan, semasa pembinaan dan juga selepas pembinaan cuma mungkin ini adalah berpunca daripada sikap individu ataupun pemandu-pemandu yang tidak beretika jadi kita mengambil maklum.

20/11/2024 – RAKAMAN 12 – [11.50 PAGI – 12.00 TENGAH HARI] – [KHAIRUL] – DARRYL JUDE – NADA HAIFAA

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: ... maklum terhadap makluman tersebut.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Izin, Datuk Menteri, terima kasih, Datuk Speaker, terima kasih, Datuk Speaker. Saya turut menimbulkan dalam perbahasan dari segi koordinasi perbelanjaan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan dan juga dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri. Yang tadi Yang Berhormat, dasar-dasar tadi saya tak sentuh, pasal itu *the policy*. Apa dasar dan saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bahawa perkara yang saya telah bangkitkan di Dewan Rakyat tapi ini juga berhubung kait dengan koordinasi perbelanjaan prestasi dia, dan saya telah bertanya pada 6 November, perbelanjaan program seperti RM50 juta dan berbagai, ya, dan saya telah diberi jawapan ini *coordination* perbelanjaan, Datuk Speaker, *is related to what we have said just now*.

Contohnya bagi negeri Sabah, ya, jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri Wilayah Persekutuan. Bagi negeri Sabah, di bawah RM3 tahun 2023, JKR Sabah melaksanakan 128 program projek dengan peruntukan sebanyak RM235 juta dan perbelanjaan RM20 juta sahaja, ya. Mencatat prestasi belanja hanya 8.67%, JPS tadi Jabatan Pembetungan Sabah, JPS, pengairan Sabah pula melaksanakan dua program projek, *this is federal fund*.

Itu yang dikatakan perbincangan saya timbulkan koordinasi peruntukan, dua projek dengan peruntukan sejumlah RM2.4 juta ringgit dari Kerajaan Persekutuan namun belum ada perbelanjaan kerana status prapelaksanaan dengan prestasi belanja sifar, ya. Dan ini yang membimbangkan saya, ada lagi banyak persoalan yang saya bangkitkan tentang projek-projek JKR Sabah merancang 181 program, ini Kementerian Yang Berhormat telah timbulkan dengan peruntukan RM331,401,020.00 dan perbelanjaan setakat ini, hanya RM25 juta saja daripada RM300 juta, RM25 juta sahaja.

Saya ingin bertanya Datuk Speaker, oleh kerana peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan begitu banyak, berbilion duit, kenapa projek-projek ada yang sifar? Ada yang hanya 25%? Ada yang langsung mungkin ada satu 68% ada saya tengok. Cuma saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, *what is the problem with the* masalah prestasi tidak keupayaan pihak Kerajaan Negeri melaksanakan projek-projek? Ini dah 24 dah, dah penghujung tahun dah dan itu 2023 lagi dan tadi itu saya juga ingin bertanya supaya kerjasama di antara pihak kerja raya dengan Jabatan Pengangkutan Malaysia kerana saya dapati paling teruk jalan raya di Kalabakan, dan saya cadangkan kalau boleh, tindakan tegas terhadap lori-lori kayu balak.

Masa saya daripada Tawau lepas itu ke Keningau, lebih daripada 60-50 kayu balak, lori yang ada dibungkus dengan itu dan ini yang menjejaskan kerana dia punya *quality road is not good*. Jadi saya ingat saya mencadangkan supaya kalau boleh ambil tindakan yang tegas tentang perkara ini dan saya akan banyak lagi soalan ini, Yang Berhormat, tentang apa yang telah bangkitkan masalah air, ya. Terima kasih banyak.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senallang. Saya sebenarnya sedang menjawab soalan berkaitan dengan isu jalan raya tapi tidak apa, saya boleh juga bagi maklum balas berkenaan dengan prestasi projek-projek yang dilaksanakan di peringkat Kementerian melalui Jabatan Kerja Raya Sabah. Ya, kita memperakui bahawa ada peratusan pencapaian yang agak rendah daripada tahun 2023-2024. Tapi ingin saya nyatakan di sini, pada tahun 2023 yang mana merupakan *Rolling Plan* Ketiga, senarai-senarai projek yang dikemukakan kepada pihak Jabatan Kerja Raya Sabah adalah bersifat *stage* reka bentuk, jadi pada *stage* reka bentuk ini,

jumlah perbelanjaan tidaklah seperti yang diunjurkan berbanding dengan apabila ianya memasuki *stage* ataupun fasa pembinaan, ya.

Kalau fasa reka bentuk ini, kos yang ataupun perbelanjaan yang terlibat adalah seperti perbelanjaan membayar konsultan, *survey*, siasatan tanah dan juga konsultan yang membuat reka bentuk tetapi apabila sudah masuk ke fasa pembinaan, maka jumlah perbelanjaan itu akan meningkat disebabkan oleh jumlah kos pembinaan yang dilakukan, dan satu lagi yang kita hadapi, senarainya ini seperti pada tahun lepas, pemuktamad memuktamadkan senarai projek-projek yang dibuat oleh JKR Sabah bermula pada bulan Mac, April dan berlanjutan kepada bulan Julai. jadi daripada bulan Julai sehinggalah kepada bulan Disember, barulah kerja-kerja dapat dibuat.

Jadi bayangkanlah kerja yang sepatutnya dalam tempoh satu tahun menjadi kecil kepada tempoh kurang daripada enam bulan, sudah pasti itu adalah satu daripada perkara yang menyumbang kepada prestasi yang agak rendah. Kedua juga, memang kita mengakui bahawa kekurangan sumber manusia yang ada di JKR, memang terhad. Kita memohon pertambahan kakitangan dan juga melihat bagaimana cara untuk mempercepatkannya, sama ada terus melakukannya secara *in house* atau membuat lantikan juruperunding-juruperunding ataupun *out source* bagi tujuan kerja reka bentuk.

Bagi lori balak, lori-lori kayu balak, saya juga bersetuju bahawa tindakan yang tegas dan ketat memang perlu diambil tapi saya bersetuju juga dengan apa yang disentuh oleh Sulabayan, ianya sebenarnya adalah *constant monitoring*, pemantauan yang berterusan. Kita mempunyai undang-undang yang saya rasa sudah cukup lengkap dan ketat, cumanya pemantauan yang berterusan dan secara konsisten perlu dibuat.

Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]: Datuk Speaker.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Dengan jalan raya, saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat tentang kelewatan Pan Borneo yang dilaksanakan dahulu di antara yang sekarang ini pun ada. Ya, dia mula dan Selasa itu masalah yang ditimbulkan oleh masyarakat bukan hanya pelaksanaannya ialah masalah tiang elektrik yang ada di setiap jalan raya. Kelewatan

pelaksanaan, kenapa tidak ada koordinasi dengan pihak sama ada SESB untuk memastikan supaya *expedite, not only widenedening but improving the road* yang ada dengan tiang-tiang elektrik masih ada di situ? Jadi mereka menjalankan tugas dengan tidak akan terganggu oleh kerana keadaan ini. Adakah pihak Kementerian akan mengambil langkah-langkah dan yang ... yang cepat sikit untuk membolehkan supaya penggunaan Pan Borneo dapat dilakukan sebaik mungkin?

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Ya, terima kasih, Yang Berhormat Senallang. Semalam saya menyentuh tentang faktor-faktor ataupun cabaran dalam pelaksanaan Lebuhraya Pan Borneo Sabah dan kita mengambil pengalaman daripada pelaksanaan Fasa Satu A, yang masih sedang berlangsung dan mempunyai kelewatan dan dengan ... dengan bermulanya Fasa Satu B yang telah dikeluarkan surat-surat lantikan kepada kontraktor-kontraktor yang berjaya. Kita telah menubuhkan satu jawatankuasa pemandu yang dipengerusikan bersama oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kerja Raya Sabah dan juga Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya Malaysia, untuk melihat bagaimana kita membuat pengurusan risiko dalam pelaksanaan projek.

Jadi, salah satu daripada risiko pengurusan projek yang boleh melewati pelaksanaan kelancaran pelaksanaan projek lebuhraya ini adalah yang melibatkan pengalihan utiliti dan juga yang sebelum pengalihan utiliti adalah berkenaan dengan pengambil balik tanah. Ya?

Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Lamag]: Terima kasih, Tuan Speaker. Yang Berhormat Menteri, mungkin Berhormat saya maklum di Kementerian ini berbagai-bagai cabaran untuk mengatasi isu-isu pelaksanaan Pan Borneo ini. Salah satu cabaran saya tengok, iaitu WP32. Di mana Jabatan Penilaian JKR Negeri Sabah telah menilai sepuluh syarikat berhubung dengan WP32 ini. Malangnya JKR Sabah dipaksa sehingga pada hari ini untuk mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) kepada satu syarikat, TCS dari Semenanjung dan tidak dinilai oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah sebab tidak layak, tidak layak untuk dinilai, tidak layak untuk ditandatangani, tidak layak untuk dipertimbangkan. Selaku Menteri Kerja ...

Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Lamag]: Kerja Raya, apakah Yang Berhormat berdiri atas integriti JKR negeri Sabah atau menjadi pak turut kepada arahan daripada atas supaya mengeluarkan SST. Sedangkan JKR Sabah telah mengemukakan lapan syarikat yang layak daripada Sabah untuk dipertimbangkan. Kenapa kita perlu bertolak ansur dalam soal begini?

Yang kedua, dalam pakej WP33. WP33 ini yang mendapat SST, MTD. Tiba-tiba selang beberapa hari, Syarikat Ireka memaklumkan bahawa dia telah mendapat subkontraktor daripada Gamlite Sdn. Bhd. Bermakna, dua kali subcon. Jadi, inilah antara lain faktor-faktor jalan Pan Borneo kita ini gagal sebab di *subcon* dua kali. Harga yang 17.65% dipaksa oleh pihak-pihak tertentu untuk JKR Sabah keluarkan SST. Saya mahu pendirian Yang Berhormat Menteri, apakah tegas dalam soal ini mempertahankan hak-hak negeri Sabah. Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Terima kasih Yang Berhormat Lamag, yang telah sebenarnya juga mengutarakan soalan ini bersama Yang Berhormat Senallang selaku Ahli Parlimen Kinabatangan dan Semporna di Parlimen pada dua minggu lepas. Dan jawapan yang telah diberikan oleh Menteri Kerja Raya Malaysia juga telah diberikan tetapi, untuk *benefit* Dewan yang mulia ini, mungkin saya juga ingin perelaskan ataupun terangkan isu yang terjadi bagi kes tender WP32.

Ya, benar. Selepas proses tender selesai dan laporan analisa tender yang dibuat oleh JKR Sabah telah mengesyorkan satu Syarikat A, ya. Dan dibawa kepada Lembaga Perolehan Tender Kementerian Kerja Raya Peringkat Persekutuan. Dan saya difahamkan, saya bukan ahli Lembaga Perolehan Tender tersebut. Saya difahamkan keputusan daripada Lembaga Perolehan Tender mengesyorkan *Company B*.

Tadi, laporan tender mengesyorkan *Company A*, lepas itu Jawatankuasa Perolehan Tender mengesyorkan B. Dan apabila keluar keputusan daripada Kementerian Kewangan Malaysia mengesyorkan *Company C*. *Company C*. Dan selepas itu,

dihantar ke Kementerian Kerja Raya Malaysia mengeluarkan *Delegation of Authority* untuk Pengarah Jabatan Kerja Raya Sabah mengeluarkan Surat Setuju Terima.

Memandangkan keputusan yang agak berlainan, pihak Kerajaan Negeri Sabah melalui Kementerian dan JKR Sabah, kita menulis surat mendapatkan klasifikasi, sebelum mengeluarkan Surat Setuju Terima yang diarahkan untuk dikeluarkan. Dan kita, mendapat maklum balas surat daripada KKRM yang menyatakan bahawa keputusan daripada MOF merujuk kepada pertanyaan yang kita nyatakan adalah muktamad. Jadi dengan itu, kita menerima keputusan yang telah diberikan.

Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Lamag]: Jadi sebagai Menteri, adakah Yang Berhormat berpuas hati dengan keadaan? Sebab syarikat ini tidak dinilai oleh jabatan bertauliah daripada JKR Sabah. *Normal practice* dia, yang menilai adalah Jabatan Negeri Sabah. Jadi apa pendirian Berhormat tentang perkara ini? Apakah kita kena ikut ataupun kita kena berdiri atas landasan kebenaran? Itu sahaja yang saya mahu tahu.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Okey. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Syarikat C yang dikatakan gagal tersebut sebenarnya lulus dalam peringkat pra-kelayakan. Mereka gagal dalam tender peringkat kedua, iaitu peringkat harga. Yang mana saya difahamkan mereka mengemukakan tender pada harga yang berada rendah daripada paras yang ditentukan oleh Kerajaan. Jadi, itulah dalam penilaian tender.

Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Lamag]: Bukankah ini salah satu faktor, iaitu boleh menggagalkan projek ini pada masa akan datang? Sebab harga dia rendah di bawah, *below price* langsung. Yang Berhormat setujukah dengan saya?

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Jadi, itu. (kurang jelas)

Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Lamag]: Dan lagi, bagaimana dengan Soalan Kedua tadi P30. Apa ini.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Ah, ya.

Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Lamag]: 33.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Jadi, untuk WP32, isunya kita sudah mendapat *Delegation of Authority* dan surat arahan untuk mengeluarkan SST. Jadi, kita keluarkan. Manakala WP33 pula, sekejap Senallang. WP33 pula yang mana kontraktor yang berjaya adalah MTD dan selepas itu, kita juga dikejutkan dengan pemakluman, pengumuman di media-media bisnes, perniagaan yang memaklumkan bahawa Ireka sebuah syarikat yang berstatus PN17 menjadi subkontraktor kepada projek tersebut dan melalui Gamlite.

Jadi, pihak Jabatan Kerja Raya Sabah, pengarah selaku Pegawai Penguasa telah memanggil syarikat tersebut dan memberi amaran agar tidak mengulangi kesilapan yang mereka lakukan. Sekiranya mereka melakukan perkara-perkara seperti melantik *subcon subcon* tanpa persetujuan dan dalam tatacara kontrak maka, ianya boleh diambil tindakan.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Saya minta izin kalau boleh Yang Berhormat. Datuk Speaker. Dan berhubung kait serta satu cadangan, satu persoalan. Cadangan saya oleh kerana berbangkit daripada kawasan Lamag tadi itu. Kalau dapat diumumkan Tan Sri masa akan datang, akan ada lagi projek Pan Borneo yang akan datang oleh kerana dia berasaskan pre-Q, *and when it is on based on pre-Q*, dengan izin, *financial position of the company* juga menjadi perhitungan dia. Sama ada keupayaan dia atau tidak.

Pasal itu saya bangkitkan di Parlimen, bila saya bertanya “kenapa dibagi kepada syarikat semenanjung?” *When it is based on pre-Q, it is not only a ability to deliver the job but also the amount of money.* Dan saya telah cadangkan kalau boleh Yang Berhormat perhatikan di masa akan datang, *when it is based on pre-q, merge the company* yang ada. Mungkin syarikat Sabah ini dia punya *capital* cuma RM500 juta, yang satu ini RM200 juta, yang satu ini RM100 juta *capital* dia.

If you merge that company, supaya mereka boleh bergabung dan *tender the project*. Dan saya yakin ianya tidak akan berhadapan dengan dari segi persoalan keupayaan kewangan. Syarikat ini ada, akan ada, pasal banyak perkara seperti apa yang berlaku di Sipitang, ya. Kontraktor di Sipitang terganggu oleh kerana *financial problem* yang ada kepada syarikat itu. Bukan hanya *manpower*, dan saya

bangkitkan juga supaya kita teliti *on*, dari segi peringkat negeri Sabah ini. Subkontrak-subkontrak semenanjung *tax* dia akan bayar. Dia untung juga. *So*, seperti apa yang, saya setuju dengan Yang Berhormat Lamag, ini *should not happen, repeat again*. Di masa akan datang, saya cadangkan supaya kita teliti secara mendalam.

Yang keduanya, saya juga difahamkan tidak tahu betulkah tidak, ya. Bahawa syarikat yang dicadangkan juga membabitkan, ada juga dahulu dimiliki oleh Yang Berhormat. Tapi, tak tahu ada beberapa kontrak-kontrak yang ditawarkan juga memiliki Yang Berhormat. *I say why don't you*. Saya tidak mahu sebut. Cuma itu yang saya, saya difahamkan oleh Kementerian, ya. Daripada, *i said, because* saya bincang. *Please help the Sabahan contractor. Whoever they are, ya*.

Saya tidak ada kontraktor, saya tidak ada *company*. Cuma, saya bagi tahu saya nak *built up* supaya pastikan mereka ini yang ada keupayaan seperti kita lahirkan Gamuda. *Big company, international company*. Bukan hanya main di kawasan-kawasan pedalaman, di kawasan pantai timur, ya. Saya berharap sungguh sama ada benar ataupun tidak, persoalan, kalau tidak benar/mengenai, tidak apa.

Cuma saya difahamkan, itu yang saya tanya di antara perkara-perkara yang menggagalkan bahawa *it is related*, dari segi itu dan juga *failure-failure*. Kegagalan, contohnya daripada, apa ini, Sipitang *and that was a factor, they didn't deliver for second round. This project was not completed by them*. Dia tolak. Tapi, ini syarikat kita, ya. Tapi, itu yang kita harus melihat mana syarikat-syarikat.

Ada yang berupaya, contohnya dari Tawau itu. *Quality job* Tawau itu, Pan Borneo itu. Tapi, malangnya saya juga difahamkan, bila saya tanya dengan Kementerian, "*why you can't get it?*" Ya. Tapi, oleh kerana sistem yang ada. Ada syarikat yang pre-Q ini, *disubmit* oleh syarikat-syarikat, oleh pihak Kementerian. Saya tanya ini. Kalau boleh, saya difahamkan sama ada benar atau tidak, *you go to this place/space*. Sepuluh syarikat sahaja. *Is the Ministry directing all this company, where should they tender? Is it*, sama ada dia betul ataupun tidak? Dan ini yang saya, saya lihat.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: ...orang yang berupaya, dicadangkan supaya tender projek di kawasan Keningau, walhal dia ada keupayaan di Pantai Timur, walhal dia ada keupayaan di Sandakan. Takkan oleh kerana *manpower* dia ada, peralatan dia ada, ...(kurang jelas) dia ada, batu kelikir dia, itu takkan kita tidak dapat menilai secara mendalam supaya kita boleh lahirkan usahawan-usahawan kontraktor yang boleh memberi peluang pekerjaan kepada anak-anak kita. Terima kasih banyak.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Terima kasih Yang Berhormat Senallang. Saya mengambil maklum tentang saranan untuk ah pelaksanaan projek-projek pada masa akan datang. Namun demikian ingin juga saya terangkan bahawa dalam proses ah, *pre-queue* syarat-syarat yang telah dikemukakan adalah mengikut tatacara dan juga ah, peraturan syarat-syarat yang dikemukakan oleh Kementerian Kewangan dan soal status kewangan sesebuah syarikat tersebut ah daripada tempoh lulus *pre-queue*, nilai *pre-queue* sehinggalah kepada satu tahap penilaian tender yang mungkin sekiranya di peringkat *pre-queue* dan juga peringkat tender mempunyai satu jarak masa yang agak lama. *Let's say* satu bulan ya, pada waktu pembukaan dokumen di peringkat *pre-queue* mungkin syarikat tersebut kewangannya masih baik disebabkan belum menerima projek yang baru tetapi selepas mengemukakan dokumen tersebut, dua minggu sebelum menyertai tender dia dapat ah projek baru yang sudah pasti, mengubah kemampuan kewangan mereka.

Jadi itu antara senario-senario realiti yang ada. Jadi tentang cadangan untuk ah memuatkan ataupun *capacity building* syarikat-syarikat pembinaan tempatan di Sabah sebenarnya ini memang sudah lama saya perjuangkan sejak sewaktu saya terlibat di dalam pelaksanaan Projek Lebuhraya Pan Borneo melalui konsep PDP. Sekejap bukan mahu *argue* pasal PDP ya, *past is past* ah tetapi itulah kenapa sejarahnya Pan Borneo Sabah fasa 1 ini dibahagikan kepada 35 pakej, mengambil kira kapasiti syarikat-syarikat tempatan di Sabah yang agak terhad dan satu cabaran realiti kita adalah untuk sebagaimana Yang Berhormat Senallang katakan tadi, kenapa tidak kita gabungkan syarikat tempatan untuk membina satu kekuatan ah

syarikat mereka? Namun demikian, bukan senang untuk menggabungkan ah syarikat-syarikat *company* yang ada ini.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Sebenarnya Datuk Speaker, sebenarnya boleh bukan tidak boleh, bukan senang. Kalau kita belajar contohnya di Sarawak, masa itu saya menjadi Menteri dan bila kita meneliti secara mendalam di peringkat Persekutuan, *when we give the project to Pan Borneo in Sarawak, we give the project to Sabah* punya skim dia berbilion duit *but Sarawak did well* dan kita maklum Tan Sri, saya dah lupa bekas Speaker dahulu dan mereka melaksanakan berdasarkan dengan keupayaan syarikat-syarikat. *Based on the track record not based on political link*. Ini yang kita bimbang.

Jadi mesti ada disiplin dari segi ketegasan kita selaku pemimpin dan juga penjawat jawatan menterih apakah, *we have to be very bold in our state, dia qualified, dia deserved it*. Kalau tidak ada kita hanya terikat '*oh this is my alignment this is*' ini yang kadang-kadang saya bimbang. Baru saja saya terima Datuk Speaker, Speaker dari Johor pun dah *viral* dia cakap jawapan kepada Yang Berhormat Parlimen Kota Belud. *Don't say anything much in Parliament*, cermin diri kamu dulu di Sabah ini. Ini yang kadang-kadang membimbangkan saya rasuah ini dan saya berharap perkara ini mesti ada ketegasan kita. Terima kasih banyak.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Ya terima kasih YB Senallang dan mengambil perbandingan antara syarikat-syarikat di Sarawak dengan Sabah, memang secara realitinya buat masa ini syarikat-syarikat pembinaan di Sarawak adalah lebih besar ah kapasiti mereka, keupayaan mereka berbanding syarikat-syarikat di Sabah dan inilah kita mengharap dengan pelaksanaan projek lebuh raya seperti Pan Borneo, kontraktor-kontraktor tempatan di Sabah mengambil serius untuk membina *capacity building* mereka untuk memastikan bahawa mereka boleh muncul sebagai syarikat yang berdaya saing.

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: Tuan Speaker, ah okey. Terima kasih.

Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]: Terima kasih Speaker, ah Menteri saya ingin kembali kepada isu jalan berlubang ah. Saya telah menerima jawapan

bertulis semalam dan ah menyatakan bahawa ah pihak JKR sudah mengadakan melakukan ujian-ujian, termasuk bahan colimix? serta bahan-bahan serat fiber, supaya ah jalan raya yang dibina mempunyai daya tahan yang cukup.

Jadi soalan saya, ah macam di kawasan saya, di Kampung Likas contohnya dan kawasan lain, jalan raya itu sudah terlalu daif macam kita pergi *off-road*, memang terlalu teruk. Jadi soalan saya, bilakah? Adakah kita perlu menunggu sampai ujian-ujian ini selesai? Ataupun buat sementara ini kita perbaiki dulu sebab saya rasa mahu lama betul sudah ini, setahun sudah ada mungkin. Jadi masalahnya sekarang, bila kita timbun, kita tutup dengan seperti biasa, bila hujan ataupun selepas saja ditimbus, dia akan berlubang kembali dan banyak kemalangan berlaku terutamanya dari pengguna-pengguna jalan raya yang menggunakan motosikal. Jadi saya harap agar ah pembaikan jalan di kawasan saya seperti di Kampung Likas, ah Kampung Warisan dan lain-lain dapat dipercepatkan. Ini kawasan ini *sub urban*, masih dalam kawasan bandar raya, malu kita. Boleh? Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Terima kasih Yang Berhormat Darau ah saya sebenarnya pada minggu lepas menerima aduan juga daripada penduduk ah tempatan berkenaan dengan jalan Kampung Likas yang sudah agak teruk dan saya telah mengarahkan pihak konsesi untuk melaksanakan kerja-kerja penampalan buat sementara pada tahun ini kerana berdasarkan unjuran kewangan yang ada pada tahun ini , peruntukan sudah habis tapi mereka masukkan kerja-kerja menurap semula jalan ini di lokasi 0.65 kilometer sehingga 1.123 pada tahun hadapan, ya. Jadi pada tahun ini untuk kawasan-kawasan ataupun yang berlubang kita tampal dulu untuk sementara dan membuat penurapan semula pada tahun hadapan, insya-Allah.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Ah, Datuk Speaker, Merotai. Yang Berhormat Menteri.

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: Ah Tuan Speaker, Tuan Speaker emm terima kasih Datuk Menteri. Saya juga ingin memohon untuk Menteri mengarahkan konsesi untuk pembaikan beberapa jalan raya di kawasan Moyog dan khususnya juga berdepan dengan sekolah SMK Limbanak di Kampung Limbanak dan mereka tahu, *your JKR would know it*.

Emm saya ingin tanya kembali kepada soalan Pan Borneo, dalam kenyataan akhbar oleh Timbalan Menteri JKR di pusat *federal*, ah beliau telah mengatakan bahawa *delay* atas Pan Borneo adalah seperti mana Datuk telah menerangkan tadi ada *Phase I, because of land acquisition and also utility relocation*. Kelmarin Datuk juga membunyi sama *also clarified the same that it was RM2.5 bilion now* kita tahu bahawa bila adanya pampasan, dia disenaraikan dalam *Notice Board, Land and Survey Department*. Bolehkah Datuk, ya saya kasih *a bit of kerja to you and your officers to list down* kepada semua Ahli Dewan sini siapakah pemilik-pemilik ini? *Because we need to know because this is repeatedly used in politic* di mana Warisan kononnya telah membatalkan Projek Pan Borneo, telah ah adalah penyebab *delayed in* Pan Borneo tetapi bila saya baca balik jawapan, Menteri Kerja Raya Pusat Dato Alex Linggi, beliau cakap ini adalah kerana pada waktu *termination* di *Federal Cabinet when I was a member of the Federal Cabinet, the work progress is only 22% or more or less*, pada waktu *termination* walaupun kontrak diberi pada 2017, pada *termination it was about 20 over percent work progress but the issue is the same thing, land acquisition, delayed of relocation of utility*. So in order to get this right, dimanakah kawasan di Sabah, Pantai Timurkah, pedalamankah ataupun di Pantai Barat, *are these land aquired the most and the delay the most at*. Adakah dia dan juga dalam satu kenyataan ini, *one issue is the land owner were not working well dengan the government in terms of the acquisition, they keep on asking for more and more and more*. Itu yang saya baca. So *it's that the case, now sebab this is the people's money, I don't think it's a secret and I don't think there's any law to delay*.

Tuan Speaker: *I think you made your point, yeah of course they'll understand.*

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: *Yeah but I wanted to say these on record.*

Tuan Speaker: *Because you're you're making a debate now.*

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: *No Datuk, Datuk knows this very well they that, what I'm asking is that can we.*

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: ... *list down* nama-nama orang yang telah diberikan pampasan tanah ini supaya *we can also ask them why the delay and why cause the delay for the rest of Sabah?* Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Okey, terima kasih, Yang Berhormat Moyog. Berkenaan dengan aduan jalan yang ingin diturap atau diperbaiki, tolong tulis suratlah kepada pejabat dan kita akan ambil tindakan yang sewajarnya. Berkenaan dengan senarai penerima pampasan, saya akan berbincang dengan Unit Pan Borneo Sabah dengan Jabatan Tanah dan Ukur untuk mendapatkan senarai bagaimana yang dibenarkan. (Suara bertindih)

Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Lamag]: Cuma masalah yang kita hadapi di Sabah ini bukan macam di Semenanjung, bukan macam di Sarawak. Kita *propose* satu projek jalan tapi *utilities* kita tidak study. *So, I think* sudah tiba masanya, *the times has come* untuk negeri Sabah. Sebelum kita ketengahkan apa-apa projek, kita pastikan apabila sudah ada SST, kerja *must on*. Tidak ada lagi *delay* pasal *utilities*, pasal pampasan, pasal macam-macam pasal. Di Sarawak dia tidak. Dia anugerah satu projek, kontraktor boleh masuk bila-bila. *Must be in time*.

Di Sabah, dua tiga tahun *delay*. Kalau tanah itu milik orang lain bermakna akan dia berlawan di mahkamah. Walaupun dia tahu dia kalah, tapi *will drag the time for too long*. Ini yang masalah kita hadapi. *Why not ... why not* Kerajaan memutuskan satu polisi yang baharu untuk memudahkan perjalanan projek di Sabah ini, maka kita harus ada satu solusi. Macam juga air, sehingga hari ini tiada solusi yang rakyat tahu. Jadi saya mahu tahu apakah Kerajaan berhasrat untuk *move on* dengan teknologi dan cara yang baharu?

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Ya, terima kasih, Yang Berhormat Lamag. Sebagaimana yang saya katakan tadi, untuk pelaksanaan Fasa 1B Pan Borneo ini kita menubuhkan satu Jawatankuasa Pemandu yang akan bermesyuarat setiap bulan untuk mengenal

pasti apa risiko-risiko yang boleh menggendalakan atau mengganggu kelancaran pelaksanaan Fasa 1B ini. Insya-Allah, kita *should have some improvement* daripada situ. Ah, Merotai.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Berhubung kait dengan apa jalan-jalan yang berlubang ini. Kalau di kawasan saya Merotai hingga ke Kalabakan, banyak juga jalan yang berlubang. Kadang-kadang, Yang Berhormat Menteri, kontraktor sudah datang dia tanda dengan cat. Mungkin Yang Berhormat Menteri pun faham. Dia tanda dengan cat putih tetapi berbulan-bulan tidak ditampal. Saya dapat makluman bahawa kontraktor-kontraktor ini kalau tidak saya silap saya kontraktor Globinaco, izin. Kontraktor Globinaco dan saya difahamkan juga bila saya bertanya kepada staf-staf Globinaco, kenapa tidak terus ditampal? Dia orang tunggu *sub con*. *Sub con* kalau tidak silap saya Pemborong Bumi Jaya.

Jadi bila kita tanya lagi, tunggu, tak ada *volume*. Bila tak ada *volume*, dia orang tak boleh masak itu asphalt. Betul. Bila tunggu begitu lama yang tidak sampai satu *square meter*, kalau sudah berbulan-bulan, dia akan lebih besar. Bila lebih besar, air sudah masuk menyerap dalam, *foundation* tanah tu akan hancur. Datang lagi kontraktor sudah siap masak, tampal saja. Besok lori datang hancur lagi. Jadi saya rasa ini kontraktor tidak bertanggungjawablah. Yang Berhormat Menteri, harus ada ketegasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Ya, terima kasih, Yang Berhormat Merotai. Saya mengambil maklum isu yang dinyatakan dan ini bukanlah merupakan satu isu yang hanya berlaku di Merotai tapi juga ada berlaku di berapa tempat yang lain dan dalam lawatan saya ke daerah-daerah, memang ini menjadi satu daripada teguran saya kepada pegawai-pegawai kita di daerah yang ditugaskan untuk memantau kerja-kerja penyelenggaraan jalan ini. Kerana sebagaimana yang YB telah *point out* tadi, *rightly point out* lubang yang terjadi bukan terjadi dalam masa 24 jam, ya. Ia mungkin bermula daripada lubang yang kecil tetapi dibiarkan, dibiarkan, dibiarkan atas apa-apa sebab atau alasan maka ia menjadi besar dan menjadi mengundang risiko bahaya kepada pengguna lalu lintas.

Untuk mengatasi perkara ini sebagai selain daripada pemantauan yang kita akan ketatkan, kita juga menerima banyak apa yang kita katakan *non compliants record* terhadap kerja-kerja penyenggaraan yang dibuat oleh pihak konsesi bukan ertinya mereka buat kita semata-mata terima saja. Kita ada prosedur dan kita ada NCR. Untuk makluman, bagi tahun ini saja setakat Oktober 2024 sebanyak 2512 NCR telah kita keluarkan, berbanding pada tahun 2023 sebanyak 2728 NCR. Jadi satu lagi tadi poin yang dikatakan, kenapa tidak tampil *immediately*? Mungkin disebabkan tiada *economies of scale*, mungkin kerja itu mahal. Jadi kita sekarang melihat kepada penggunaan teknologi, yang tadi mahu tunggu cukup-cukup banyak ada *economies of scale* mereka menggunakan *hot mix*, ya. Kita sekarang ada teknologi *call mix*. Jadi ini mungkin ada sedikit mahal tetapi boleh digunakan sertamerta dan amat berguna di kawasan-kawasan yang luar bandar yang tidak perlu kita mahu masak, *maintain certain temperatures* untuk memastikan apa ni asphalt itu boleh berfungsi dengan baik.

Okey, saya teruskan jawapan-jawapan berkenaan dengan jalan raya. Ahli Yang Berhormat Nabawan mengesyorkan pengambilan jalan-jalan balak. Untuk makluman Yang Berhormat, jalan-jalan bekas balak yang dimaksudkan ini terletak di dalam kawasan hutan simpan yang mana kawasan tersebut merupakan bidang kuasa Jabatan Perhutanan. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah meluluskan pada bulan November 2021 yang membolehkan JKR Sabah menyelenggara jalan-jalan bekas balak tersebut dengan persetujuan Jabatan Perhutanan Sabah.

Bagi membolehkan perkara ini dilaksanakan, Kementerian melalui JKR telah mengesyorkan agar peruntukan khas disediakan untuk penyenggaraan jalan-jalan bekas balak tersebut disebabkan jalan-jalan ini tidak memenuhi kriteria untuk disenggara menggunakan peruntukan MARRIS dan masih berstatus tanah hutan simpan. Berkaitan dengan status terkini pembinaan dua buah jambatan konkrit yang menuju ke Pekan Nabawan, pembinaan jambatan tersebut telah diluluskan untuk pelaksanaannya melalui biayaan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah. Projek pertama adalah menaik taraf jambatan Sungai Pancuran Kilometer 020 dalam Jalan Nabawan Township, Nabawan. Projek ini sedang dalam pembinaan yang mana telah bermula pada 25 Mac 2024 dan tarikh siap asal pula pada 24 September 2025.

Setakat Oktober 24, projek ini terlewat jadual dengan kemajuan fizikal sebanyak 1.6% berbanding 9.8% mengikut jadual. Kelewatan ini adalah disebabkan oleh isu pengalihan utiliti dan sedang ditangani oleh JKR bersama semua pihak yang terlibat. Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kemabong, Kerajaan Negeri telah menyediakan ...

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Yang Berhormat Speaker, Yang Berhormat Menteri, boleh sekejap, ya? Sebelum Yang Berhormat beralih kepada benda-benda lain, ini berkaitan dengan jalan. Saya ada satu soalan yang saya bagi kepada Menteri Pembangunan Luar bandar tetapi jawapan ini dikaitkan dengan JKR, ya, bunyi jawapannya begini “Untuk makluman Yang Berhormat, jalan yang disebutkan oleh Yang Berhormat memang telah dikenal pasti pihak Jabatan Kerja Raya dan tersenarai di dalam pangkalan data JKR Sabah untuk dicadangkan dalam senarai permohonan *rolling plan* yang akan datang. Pihak JKR telah mencadangkan jalan baharu di pesisir pantai DUN Tungku melalui cadangan dua projek seperti berikut, naik taraf Jalan Dengan Bangigod ke Tandu, naik taraf Jalan Tandu, Sahabat 16, Lok Guani, Tegupi dan ke Tambisan.”

Jadi, Yang Berhormat Menteri, masalahnya yang pertama ni, jalan ni sudah dimasukkan ke dalam RP-12 kan, RMKe-12 dan baru-baru ni saya ada mendengar Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyatakan bahawa mana-mana jalan-jalan ataupun projek luar bandar yang tidak ...

20/11/2024 – RAKAMAN 16 [12.30 TENGAH HARI – 12.40 TENGAH HARI] – [CHARITY] – THEODORA – NORMA

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: ... dapat dilaksanakan dan sudah disenaraikan dalam RMKe-12 akan diberikan peruntukan yang besar untuk dilaksanakan. Jadi, saya minta kalau boleh Yang Berhormat Menteri boleh bagi jaminan kepada saya, dua jalan ini mestilah dimasukkan dalam kita punya apa ni, pelaksanaan sebelum RMKe-13. Terima kasih.

Keutamaan. Bagi keutamaan, sebab Yang Berhormat Menteri bagi tahu ada peruntukan besar untuk ini ni, jadi jangan lepaskan dua projek ini boleh.

Jalan ini penting Yang Berhormat. Bukan apa, satu ianya menghubungkan dengan sampailah ke Tambisan. Pada masa ini, kita cuma ada satu jalan melalui jalan lingkaran tengah FELDA di mana kita berhadapan dengan pelbagai masalah. Kalau kita mahu tembus ke kampung, kita kena limpas ladang FELDA dan ada kalanya *gate* di ladang tersebut ditutup dan kalau kita ada jalan ini, maksudnya kita tidak perlu melalui ladang FELDA. Kita terus dari kampung ke kampung. Pertama.

Keduanya, dengan adanya jalan ini usaha Kerajaan untuk membawa pembangunan, masukkan air, masukkan elektrik, telekomunikasi akan lebih mudah. Usaha Kerajaan untuk membuat pemantauan keselamatan akan lebih mudah. PDRM, Tentera ini akan jadi laluan untuk menghalang kalau ada kemasukkan mana-mana. Jadi, tolong bagi keutamaan kepada dua jalan ini Yang Berhormat. *Please*. Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Terima kasih Yang Berhormat Tungku. Saya mengambil maklum dan pohon Yang Berhormat Tungku kemukakan maklumat tersebut kepada Kementerian dan kita akan usahakan. Saya tidak boleh *guarantee*. Cuma kita akan usahakan demi kesejahteraan rakyat.

Ah, saya beralih kepada kepada isu ...

Tuan Arunarnsin bin Taib [Gum-Gum]: Minta laluan Menteri. Minta laluan. Sikit saja, sikit saja, nanti ini masih lagi jalan raya ini.

Okey, terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, okey pasal jalan raya saya dapat jawapan bilamana soalan saya yang bertanyakan apakah status jalan raya kampung Sungai Memanjang SPA(1) dan apakah nama syarikat yang bertanggungjawab menjaga atau menyelenggarakan jalan raya tersebut?

Jadi di sini, pada penggulungan saya, saya tanya kepada Kementerian bahawa jalan raya ini sebetulnya siapa yang menyelenggarakan ini. Saya sudah minta bantu estet-estet yang berhampiran. Bila berlubang ini, estet-estet yang menyelenggarakan. Apa nama, menggredlah, tabur batulah, sedangkan di sini dikatakan skop kerja yang terlibat adalah *regreding* dan *regraveling*. Jadi, saya nampak di sini daripada aduan yang saya dapat yang betul-betul saya, apa nama,

pantau daripada bulan Jun sampai sekarang, tidak ada orang yang menggred daripada JKR dan saya telah, apa nama, menulis surat kepada JKR Beluran. Tidak ada jawapan sampai sekarang. Yang saya ada bertelefon daripada pegawai di situ dia cakap kenderaan kami rosak. Kenderaan tidak cukuplah. Macam-macam. Jadi daripada apa nama belanjawan yang begini besar, takkanlah kenderaan rosak pun tidak boleh dibaik pulih. Itu alasan dia. Kan?

Sedangkan ini jalan raya ini bukan di, apa nama, digunakan oleh estet saja. Digunakan oleh apa nama jabatan, jabatan pertanian yang ada di situ tu, semua digunakan, jadi budak-budak yang sekolah mahu, keluar mahu belanja sebagainya jalan raya ini teruk. Tidak boleh diguna pakai.

Jadi, saya bertanya sama Menteri, adakah jalan raya ini sudah diserahkan kepada estet sebab estet yang sekarang, yang apa nama, yang menyelenggarakan jalan ini seperti Ladang Hassan. Terima kasih Ladang Hassan, minta, bila kita minta bantu dia orang segera membantu bahagian Kilang Hassan dan Elite Estate yang ada di situ tu dia orang membantu sangat.

Jadi, itulah seolah-olah jalan raya di Sungai Memanjang ini yang baru lebih kurang lima kilometer lebih ini sudah diserahkan sama estet. Jadi, kalau sudah diserahkan sama estet, apa pula tindakan Kementerian Kerja Raya yang ada sekarang? Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Terima kasih Yang Berhormat Gum-Gum. Sama juga saya minta Yang Berhormat, tulis surat pada saya maklumkan dan saya akan semak untuk tindakan susulan. Saya ...

Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]: Datuk Menteri, mohon. Datuk Menteri, Nabawan.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Ah, Nabawan.

Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]: Okey. Cuma saya ingin maklumkan ada dalam perbahasan saya mengenai naik taraf jalan Kampung

Pamuntarian dan juga dua buah jambatan yang di sana ini dan sementara ini memang di bawah konsesi dan saya ingin bertanya mengenai syarikat-syarikat konsesi yang telah dilantik untuk menyelenggara jalan-jalan ini.

Adakah kita perlu menunggu aduan daripada masyarakat setempat kalau sekiranya jalan itu rosak dan kadang-kadang bila dia orang mengadu ini, kita khususnya wakil rakyat, wakil rakyat tanya sama JKR dan JKR arah dia orang. Bukankah mereka ini sepatutnya bila dilantik sebagai kontraktor ini, sepatutnya sepanjang masa kontrak itu mereka yang memantau dan satu lagi, sepatutnya mereka ini, apa ini, menempatkan aset-aset di sana di tempat yang apa ini laluan itu. Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Nabawan. Untuk menjawab soalan yang dibangkitkan dalam perbahasan, berkenaan dengan jambatan, naik taraf jambatan Sungai Nabawan Kilometer 0.05 Jalan Kraftangan.

Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]: Di Kampung Pamuntarian, Nabawan.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Kampung Pamuntarian ...

Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]: Ya. Ada dalam perbahasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Okey, saya ambil maklum pertanyaan tersebut dan kita akan jawab secara bertulis berkenaan dengan prestasi konsesi ya. Memang, memang mereka tidak sepatutnya menunggu ada aduan baru bertindak. Itu adalah, apa nama ini, *reactive action*. Sepatutnya mereka mempunyai tanggungjawab melaksanakan pemantauan kerja-kerja rutin mengikut spesifikasi atau skop yang telah dinyatakan dalam kontrak mereka. Begitu juga dengan tanggungjawab mereka melaksanakan *periodical maintenance* dan juga *emergency* bagi kes-kes, kecemasan.

Jadi, kita akan terus memantau prestasi mereka daripada masa ke semasa untuk memastikan bahawa mereka mematuhi apa yang telah dimuktamadkan atau tertera di dalam kontrak. Jadi, izinkan saya beralih isu jalan raya ke isu air.

Ahli Yang Berhormat Bongawan. Ada bertanya tentang bekalan air ke Kampung Pamaladan Baru. Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Bekalan Air Luar Bandar, Loji Rawatan Air Bongawan-Membakut telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12.

Tuan Dumi bin Pg. Masdal [Silam]: Datuk Speaker.

Tuan Speaker: Sila bagi dia habis berucap.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Saya habiskan, habiskan saya punya dulu.

Tuan Speaker: *Kasih* (beri) dia habis berucap dulu baru *you* tanya. Duduk dulu.

Tuan Dumi bin Pg. Masdal [Silam]: Ini berkenaan dengan jalan raya tapi sekarang dia, Menteri sudah bagi ...

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Tidak apa, saya habiskan dulu jawapan Bongawan ini nanti saya buka, kalau tidak macam rojak sudah.

Projek ini melibatkan pembinaan loji rawatan air baharu berkapasiti enam juta liter sehari dan kini di peringkat penyediaan dokumen tender. Satu daripada kampung yang akan menerima manfaat daripada pembinaan loji rawatan air baru ini adalah Kampung Pamaladan baru. Ya? Silam.

Tuan Dumi bin Pg. Masdal [Silam]: Datuk Speaker. Yang Berhormat Menteri, dalam perbahasan saya, saya ada menyentuh berhubung dengan pembinaan dan jalan alternatif daripada bandar Lahad Datu ke Kampung Sepagaya pada sedang, diuruskan ke sudah masuk ke dalam Rancangan Malaysia Ke-12 tapi ditolak. Jadi, saya mohon kepada Berhormat Menteri untuk teruskan kaji balik ini, rancangan ini,

supaya orang ini tidak membuat sesak jalan raya, Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Okey, saya ambil maklum.

Tuan Haji Jamil bin Datuk Haji Hamzah [Bugaya]: Datuk Speaker.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Kalau yang jalan, saya ada jawapan. Nanti kita bagi jawapan yang bertulislah.

Tuan Speaker: Pakailah *mic*. Pakai mikrofonlah.

Datuk Rubin bin Balang [Kemabong]: Ya, tadi Yang Berhormat Menteri sudah sebut Kemabong. Oleh kerana ada dua, tiga orang yang telah bertanya tiba-tiba pindah pergi Bongawan. Sudah tersebut Kemabong, ada dalam *hansard*, terima kasih. Mungkin sudah tersasulka, apakah?

Tuan Haji Jamil bin Datuk Haji Hamzah [Bugaya]: Datuk Speaker.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Okey.

Tuan Haji Jamil bin Datuk Haji Hamzah [Bugaya]: Datuk Speaker ...

20/11/2024 – RAKAMAN 17 [12.40 TENGAH HARI – 12.50 TENGAH HARI] – [ZURINA] – TERESA – AHMAD

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: ... ini jawapan jalan raya untuk Kemabong sahaja, jawab secara bertulislah. Nanti saya jawab soalan Kemabong berkenaan dengan air. Boleh?

Datuk Rubin bin Balang [Kemabong]: Ya, kalau boleh baca jugalah supaya rakyat tahu.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Okey, terima kasih.

Tuan Speaker: Keluar *hansard* juga *bah* tu.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Berapa masa yang saya diberikan ini. Tuan Speaker?(Ketawa)

Tuan Speaker: Apa dia?

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Berapa masa yang saya diberikan untuk menggulung ini. Kalau di Parlimen dia bagi Kementerian 30 minit paling lama dia bagi *extension* lima minit.

Tuan Speaker: Lebih kurang begitulah.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Ini sudah satu jam lebih. Tak apa untuk kebaikan semua . Ok, bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kemabong, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan bagi perkhidmatan perunding untuk penyediaan reka bentuk jalan Kemabong-Gumisi Fasa Dua dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Reka bentuk tersebut telahpun siap sepenuhnya.

Manakala jalan-jalan lain yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat ialah jalan-jalan itu akan diteliti dan dimasukkan dalam senarai pangkalan data JKR Sabah untuk dicadangkan dalam permohonan *rolling plan* seterusnya di bawah Program Jalan Luar Bandar biayaan Kerajaan Persekutuan melalui KKDW.

Datuk Rubin bin Balang [Kemabong]: Yang Berhormat Menteri, oleh kerana ada beberapa tahun ini saya kemukakan ini, dia empat jalan raya yang sangat penting seboleh-bolehnya walaupun tidak empat jalan raya itu dibina sekali sekurang-kurangnya dalam empat tahun tu ada satu dibina pun syukurlah tapi kalau langsung tidak adapun itu tidak adalah saya rasa.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Saya mengambil maklum *priority* yang diutarakan dan akan maklumkan Kementerian dan juga Jabatan Kerja Raya Sabah untuk berurusan.

Tuan Haji Jamil bin Datuk Haji Hamzah [Bugaya]: YB Menteri. Saya ingin bertanya kepada YB Menteri di dalam perbahasan saya, saya ada membangkitkan juga isu adakah YB Menteri mahu menjawab atau macam mana? Saya tengok sudah beralih pergi bab yang lain sudah. Jalan raya.

Yang saya bangkitkan hari itu masa perbahasan dalam Jalan di Bukit Sakung, Jalan Sungai Tuhuk, Jalan Yeyek dan juga Jalan di Bakung-Bakung. Tapi benda ini sudah saya bangkitkan dalam beberapa siri Dewan Undangan sudah tapi sampai sekarang masih tidak ada tindakan dan saya pun ada juga tulis suratlah dan sampai sekarang pun masih belum ada pembaikan dan kalau tengok jalan itu semakin teruk lagi. Tapi tahun ke tahun ini kalau sampai tahun depan lagi teruklah keadaan dia tu barangkali.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Okey, saya tengok.

Tuan Speaker: Yang Berhormat mana yang sudah terlepas jalan raya tu minta Kementerian jawab secara *detail* dalam tulis.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Boleh. Boleh ya.

Tuan Speaker: *We move on to the next air.* Teruskan air.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Okey. Terima kasih. Berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sebatik, program bekalan air luar bandar negeri Sabah dalam Rancangan Malaysia Ke-11 telah diluluskan di Kampung Sungai Melayu, Bocosong Kecil, Pulau Batik. Walau bagaimanapun, sumber air mentah di kawasan cadangan projek tersebut adalah terhad untuk menampung keperluan permintaan bekalan air ke kawasan sasaran dan sekitarnya. Sehubungan dengan itu, Kementerian melalui Jabatan Air Negeri Sabah telah merangka beberapa inisiatif seperti berikut:

Tindakan jangka masa pendek Jabatan Air melalui peruntukan perbekalan bercadang untuk melaksanakan kerja-kerja mendalamkan empangan bagi memastikan sumber air dapat dikumpul untuk menampung keperluan semasa dan pada sama musim kemarau. Projek ini dalam proses perolehan dan dijangka bermula pada suku kedua tahun 2025 dengan tempoh pelaksanaan selama 24 bulan.

Bagi tindakan jangka masa panjang Jabatan Air akan menyenaraikan cadangan kajian kemungkinan sumber bekalan air dari kawasan *wallace bay* untuk dibekalkan ke Pulau Sebatik dalam Program Rancangan Malaysia Ke-13. Selain itu, kajian ini berserta dengan reka bentuk terperinci akan mengkaji semula sumber lain yang boleh dijadikan alternatif kepada sumber air sedia ada.

Berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Kapayan. Jabatan Air Negeri Sabah adalah terikat kepada Eeakmen Bekalan Air 2003 Pindaan 2022 di mana fungsi dan tanggungjawab Jabatan Air Negeri Sabah sebagai pihak berkuasa air negeri adalah untuk menyalurkan bekalan air yang dirawat sahaja, yang dirawat sahaja. Oleh itu, projek-projek bagi penyaluran bekalan air alternatif seperti graviti tidak dapat dilaksanakan oleh pihak Jabatan Air Negeri Sabah. Namun Jabatan Air Negeri Sabah bersedia untuk bekerjasama dan memberikan sokongan teknikal kepada agensi-agensi yang berhasrat melaksanakan sistem bekalan air alternatif seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Jabatan Pendidikan dan juga Jabatan Kesihatan.

Ahli Yang Berhormat Silam, membangkitkan status loji rawatan air Dewata. Untuk makluman Yang Berhormat, projek bekalan air luar bandar Kampung Dewata, Lahad Datu secara fizikalnya telahpun siap . Projek ini yang melibatkan pembinaan loji rawatan air baru berkapasiti 3 juta liter sehari ini dalam peringkat akhir untuk pelaksanaan *testing and commissioning* yang dijadualkan pada suku pertama tahun 2025.

Ahli Yang Berhormat dari Sri Tanjong, menyentuh tentang gangguan air di Tawau. Berdasarkan semakan dan rekod Jabatan Air Tawau, hanya 28 notis gangguan bekalan air di seluruh Tawau yang dikeluarkan di daerah Tawau yang dikeluarkan dari 1-12 November 2024 dan bukannya 111 seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat. Terdapat dua sebab utama yang menyumbang kepada notis

gangguan yang berlaku di daerah Tawau, iaitu kekeruhan yang tinggi serta masalah paip pecah ataupun bocor. Loji terpaksa henti tugas disebabkan oleh masalah kekeruhan yang tinggi, oleh itu cadangan pembinaan Empangan Tawau merupakan salah satu cara untuk menangani masalah kualiti air mentah.

Gangguan air berlaku disebabkan oleh paip pecah dan bocor. Untuk menangani masalah ini Jabatan Air Negeri Sabah telah menjalankan *maintenance* paip untuk memastikan masalah paip bocor dapat diselesaikan dengan kadar segera serta menjalankan program pengurangan kadar air tidak berhasil secara holistik. Butiran bagi kerja tersebut adalah seperti berikut:

Maintenance repair and rutin maintenance water paip for 3 year program pengurangan kadar air tidak berhasil bagi pembaikan semula pengurusan kadar aliran dan tekanan air dengan melaksanakan sebanyak tiga program di Kota Kinabalu, Tawau dan Lahad Datu.

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: Datuk Menteri mohon mencelah. Terima kasih Datuk Speaker. Nampaknya YB Menteri apa yang dikatakan ada penyelesaian untuk menyelesaikan masalah air ini. Nampaknya tidak ada hasil, sebab kalau kita melihat di Tawau dalam kebelakangan ini ada gangguan bekalan elektrik dan gangguan elektik ini mengganggu loji untuk berfungsi. Takkan di loji air itu tidak mempunyai *genset* untuk memastikan supaya bekalan air itu tidak terganggu. Itu satu.

Kedua. Macam mana masalah air ini dapat diatasi sedangkan di Tawau setiap kali ada gangguan bekalan air masalah paip bocor yang ada. Tapi apabila saya bertanya kepada Jabatan Air di Tawau untuk memastikan supaya penghantaran air itu diteruskan tapi apa yang saya apa yang saya dimaklumkan oleh Jabatan Air di Tawau mereka hanya mempunyai satu *water tanker* sahaja dan *water tanker* ini digunakan untuk seluruh kawasan Tawau termasuk juga Kalabakan jadi saya memohon supaya Kementerian boleh memperuntukkan untuk menambah *water tanker* yang ada.

Ketiga, pastikan juga loji paip air ini yang baru-baru ini di satu kawasan saja namanya Reka Industri. Satu minggu lima kali paip bocor. Jadi apa penyelesaian yang boleh Menteri bagi supaya gangguan ini tidak akan berterusan. Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Yang Berhormat Sri Tanjong utarakan soal gangguan bekalan air di Tawau, yang kita tidak nafikan sebagaimana yang saya katakan tadi untuk jangka panjang..

20/11/2024 – RAKAMAN 18 [12.50 TENGAH HARI – 01.00 TENGAH HARI] – [SALEHA] – RAMENAH – NADA

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: ... masalah air di Tawau adalah melalui pembinaan Empangan Tawau dan juga Loji Cinta Mata. Namun demikian, bagi jangka masa yang pendek pula sebagaimana yang saya telah nyatakan tadi pada tahun ini, kita telah membuat lantikan kepada kontraktor-kontraktor bagi kerja-kerja *repair and maintenance work for pipe* di seluruh negeri Sabah, ya. Jadi, kita berharap dengan adanya lantikan ini maka respons yang diberikan, *reaction* yang diberikan akan lebih pantas dan lebih efisien. Dalam masa yang sama juga, kita juga mempunyai Program Mengurangkan Kadar Air Tidak Berhasil yang mana air-air ini terbazir, tidak sampai ke pengguna disebabkan oleh kebocoran dan sebagainya. Jadi, dengan program yang sedang kita laksanakan akan kita mempunyai keyakinan bahawa kadar air yang tidak berhasil dapat dikurangkan dan disampaikan kepada *consumers*.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Datuk Speaker, Yang Berhormat Menteri, berhubung kait dengan jawapan Yang Berhormat Menteri tadi berkenaan dengan kebocoran paip. Di kawasan saya di Taman Semarak ini, setiap minggu paip bocor. Saya tahu sebab mungkin Taman Semarak ini sudah begitu lama, perumahan kos rendah, ya, LPPB. Jadi, selalu berlaku paip pecah. Namun, bila kita dapat maklumat, kontraktor-kontraktor ini sebenarnya lantikan ini, tidak tahulah kontraktor ini saya dengar maklumat yang tidak tahu betul atau tidak minta kepastian daripada Yang Berhormat Menteri. Kontraktor ini bukan daripada *local contractor*, dari Sandakan.

Jadi, kebiasaannyalah, Yang Berhormat Menteri, kalau hari ini pecah, dia orang akan buat sampai siap. Dahulu-dahulu saya tengok macam begitulah, diorang akan buat sampai walaupun dia kerja malam, dia akan buat sampai siap. Tapi, memandangkan kontraktor baharu ini, saya tidak tahulah mungkin setahun yang lepas sudah lantik. Dia buat sampai jam 5.00 petang sahaja, lepas itu dia biar tunggu esok pagi pula dia buat. Jadi, kadang-kadang air itu mati sampai dua tiga hari. Saya selalu menerima aduan, kadang-kadang ada jenazah yang mahu dimandikan sampai tiada air. Tapi, saya berhubung jugalah dengan pegawai-pegawai di Jabatan Air minta dia orang hantar air ke masjid pakai lori. Ada dua tiga kali sudah di Masjid Kubah sana. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri bagi penerangan sedikit apa mekanisme, apa tatacara yang mereka harus ikuti kontraktor ini dalam mengendalikan paip-paip bocor ini. Sekian, terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Menteri, berapa banyak lagi?

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Banyak lagi. Boleh saya, banyak lagi.

Tuan Speaker: *You* teruskan until 1 o'clock.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Okey. Okey berkenaan dengan kenyataan daripada Yang Berhormat Merotai tadi saya akan berhubung dengan Jabatan Air Daerah Tawau untuk melihat prestasi kontraktor yang telah dilantik dan kita akan membuat teguran sekiranya ada kelekaan daripada prestasi yang sepatutnya mereka pamerkan dan yang YB Sri Tanjong nyatakan tadi permintaan untuk menambah *water tanker*, YB daripada Tawau bukan seorang sahaja yang telah mengutarakan masalah ini. Yang Berhormat Datuk Nizam, Apas, juga telah mengutarakan permasalahan ini. Jadi, ini saya akan bincang dan harap Kementerian Kewangan akan dapat meluluskanlah, ya. Bugaya.

Tuan Haji Jamil bin Datuk Haji Hamzah [Bugaya]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri, tadi YB Menteri ada menyatakan pasal paip. Penukaran paip di seluruh negeri Sabah ini, jadi di kawasan saya terutamanya di Bugaya ini, ada juga

kontraktor-kontraktor ini yang memasang paip ini dia orang merobohkan pagar rumah orang. Jadi, untuk memasukkan paip utama itu. Jadi, bila dia orang masuk di sana itu dia orang robohkan ini kata dia orang janji akan bagi pampasan. Jadi sudah paip itu dipasang apa semua lepas sampai sekarang sudah lebih daripada empat bulan, lima bulan begitu, itu pagar masih dia orang tidak bagi pampasan lagi. Jadi apa tindakan Kerajaan Kementerian untuk memantau dan memastikan kontraktor tersebut bertanggungjawab untuk menggantikan pagar yang telah dirobohkan ataupun *structure* yang telah dirobohkan oleh kontraktor tersebut untuk dibina semula ataupun pampasan dipastikan dibayar kepada penduduk tersebut. Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Ya, saya mengambil maklum perkara ini tapi cuma perlu buat semakan terhadap perkara inilah, kerana saya juga pernah menerima aduan yang mana ada pemilik rumah, pemilik tanah memasang pagar di luar daripada sempadan tanah dia. Ertinya, dia mahu mendirikan pagar di dalam rizab jalan raya, ya, rizab *utilities*. Jadi, itu kes-kes tertentu, kes-kes berasingan. Apapun kita akan buat semakan. Ya, Yang Berhormat Senallang.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Yang Berhormat Datuk Menteri, saya juga turut bahaskan tentang keperluan air. Perbahasan saya cuma yang saya juga sentuh ada sedikit tentang sekolah-sekolah, ya. Di mana, ada antara sekolah tandas sudah ada. Kementerian Pelajaran sudah belanja RM1 bilion tapi airnya tidak ada. Saya berharap langkah-langkah, apakah langkah-langkah untuk memastikan, satu bekalan air, dahulu kita ada ... lah masalah dengan UMS dan ini anak-anak kita, kita tidak mahu nanti najis, penyakit akan datang, diarea akan datang, pasal ini perlu diatasi kita tidak boleh bergantung dengan hujan ataupun *river water* yang ada. Saya berharap Kementerian dan juga Jabatan Air dapat mengatasi masalah ini di sekolah-sekolah, kenal pasti mana yang ketandusan air yang ada. Terima kasih banyak.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Terima kasih, Yang Berhormat Senallang, kerana mengutarakan isu tersebut yang mana kita juga sebenarnya juga maklum memang ada beberapa sekolah terutamanya di luar bandar yang mempunyai masalah bekalan ataupun bekalan air

terawat. Apa yang kita difahamkan ada beberapa sekolah melalui Kementerian Pendidikan Malaysia, mereka melakukan atau membina *tube well*, *borewell* untuk air dibekalkan kepada sekolah dan juga kampung yang terdekat kerana apabila melakukan *borewell* itu adalah kategori alternatif, bukan air dirawat. Tetapi, dalam masa yang sama juga Kerajaan Negeri melihat bagaimana kita boleh membantu untuk membina loji dan juga memasang paip untuk disampaikan kepada sekolah-sekolah yang terlibat. Selain daripada itu, inisiatif satu daripada anak syarikat Kerajaan seperti JETAMA, mereka juga telah memperkenalkan *technology mobile drinking water machine* yang boleh digunakan untuk kawasan-kawasan yang terpencil yang mana sekiranya kita membina loji rawatan air, memasang paip akan memakan *capital expenditure* yang begitu tinggi. Jadi, kita gunakan *mobile drinking water machine* ini untuk membekalkan air minuman bagi penduduk yang terlibat.

Tuan Speaker: Ya, Elopura.

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: Terima kasih, Tuan Speaker, tentang Sandakan saya rasanya Menteri pun dapat satu gambar yang tentang itu Loji Segaliud, airnya yang agak alga yang hijau di atas airnya, saya rasanya Menteri pun dapat itu gambar juga. Jadi, itulah yang saya risau. Di Sandakan, seluruh Sandakan pun tanya ini soalan, ini air *safe to use* kah, itu air selamatkah digunakan. Sebab ini kita selalu cerita tentang ini Segaliud air, ada racun, ada baja dan sebagainya di situ. Jadi, saya harap ini buat satu kajian untuk ini air. Jelaskan untuk orang Sandakan, dapat puas hatilah dia punya rasa ini pertama.

Kedua, jadi di Taman Ramai-Ramai, Taman Lantung, Taman Tanah Merah, Taman Indah Jaya, Taman Mawar juga air tekanan memang kurang, dia sampai tingkat satu, saya sudah *report* banyak kali. Sampai, budak-budak mandi di luar tempat *parking* kalau saya tidak silap mandi di depan *parking* sana, sampai begitu. Contoh itu, yang ramai-ramai dia pasang *pump*. Kalau dia tidak pasang *pump* itu budak-budak mandi di dekat itu tangga sana, sampai serius begitu. Bukan satu hari punya isu. Saya rasanya saya sudah *report* banyak kali. Saya, saya ingat kalau dia *adjust* tinggi sikit mungkin itu paip pecah sebab air masin begitu, saya, saya rasa begitulah. Sampai hari ini tidak dapat orang jawab ini soalan saya. Kenapa air tekanan begitu rendah, lain-lain tidak ada masalah. Hanya itu flat ada yang Indah banyak rumah di situ.

Lebih kurang 5000 rumah, rumah Taman Mawar 5000 rumah begitu. Terima kasih, Tuan Speaker.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Terima kasih, Yang Berhormat Elopura, berkenaan dengan air Segaliud ...

20/11/2024 – RAKAMAN 19 [1.00 TENGAH HARI – 1.10 TENGAH HARI] – [NURIAHTIKA] – SITI JUBAIDAH – NORMA

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Kualiti air yang dibekalkan oleh Loji Segaliud semestinya menepati ... menepati piawaian Jabatan Air dan Kementerian Kesihatan Malaysia, *it's no doubt about it*. Saya juga menerima maklumat daripada penduduk Kampung Segaliud yang beri gambar tentang kedudukan ah, apa ni itulah permukaan air di Sungai Segaliud yang bertukar berwarna hijau dan ah, ada apungan-apungan di atas dia. Kita akan meminta jabatan-jabatan yang berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar dan juga Jabatan Pengairan dan Saliran untuk melihat perkara tersebut kerana itu berada di luar bidang Jabatan Air, ya. Tapi untuk jawapan air yang diproses oleh Loji Rawatan Air Segaliud adalah menepati piawaian. Berkenaan dengan tekanan rendah di Ramai-Ramai dan Sandakan, saya mengambil maklum dan kita akan berusaha untuk menangani isu ini secara berperingkat.

Tuan Speaker: Sila gulung.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Saya mengakhiri ucapan penggulangan ini, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih.

Datuk Dr. Yusof bin Yacob [Sindumin]: Yang Berhormat ...

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: ... dan menghargai ... okey ...

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Cuma minta izin ah, Datuk Menteri dan ah, saya cuma Datuk Speaker saya bagi peringatan ya. Kalau boleh ...

Datuk Dr. Yusof bin Yacob [Sindumin]: Penghabisan ya.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Kalau boleh saya bagi ...

Datuk Dr. Yusof bin Yacob [Sindumin]: Sindumin.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Pasal tidak sempat semua jawapan saya pun bangkit tentang bekalan elektrik juga. Ya. Jadi itu pen ... penting saya tidak tulis. Cuma saya minta kalau ada Yang Berhormat Menteri *be alert* dalam jangka masa yang pendek. *Sabah will have a very serious problem* di seluruh Sabah. Saya ingat pagi ini pun di Penampang, ya IPP tak mampu untuk melakukan bekalan elektrik dan banyak kawasan. Pasal IPP *have fail read more than thirty years now*. So, ini yang saya minta supaya *take it seriously deal with the* TNB, SESB di peringkat pusat untuk bukan hanya *thrigger subsidy*, kita tidak boleh bergantung pasal IPP ni tidak ada keupayaan dia. *There's a second hand vehicle* yang ada gunakan diesel dan berbagai-bagai, saya ingat perlu langkah yang ah, diatasi oleh pihak kerajaan negeri Sabah bersekali dengan Kerajaan Persekutuan supaya mengatasi masalah ini. *It is very serious matter*. Terima kasih banyak.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Terima ... terima kasih. Ya. Sebelum saya menggulung, saya juga boleh sentuh sedikit berkenaan dengan keupayaan Tenaga Sabah Electricity. Untuk makluman, keperluan tenaga bagi keseluruhan negeri Sabah buat masa ini adalah berjumlah 1166 mw dengan kapasiti penjanaan keseluruhan berjumlah 1226 mw. Jumlah *reserve* margin buat ketika ini adalah sebanyak 5% sahaja. Namun begitu, bagi memastikan *reserve* margin yang mencukupi, Sabah Electricity telah menambah set penjanaan diesel interim, dengan kapasiti berjumlah 90 mw yang telah siap sepenuhnya bermula bulan Jun 2024 yang terletak di seluruh Sabah dan penjanaan interim ini telah dilanjutkan selama dua tahun sehingga tahun 2026.

Selain daripada itu juga, Sabah Electricity sedang berusaha untuk menambah set penjanaan yang terdiri daripada *rental gas turbines* 100 mw, dan *mobile battery storage system* 100 mw yang dijangka akan beroperasi pada Julai 2025. Dengan adanya projek-projek yang dinyatakan ini, *reserve* margin menjelang Julai 2025 dijangka berada pada 22% di mana catuan beban akan dapat dielakkan. Jadi, saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih.

Tuan Alias bin Sani [Sekong]: YB Menteri ... YB Menteri ...

Datuk Dr. Yusof bin Yacob [Sindumin]: Penghabisan Datuk Speaker. Tadi panas-panas pasal Pan Borneo saya tidak masuk sebab sekarang supaya Yang Berhormat Menteri jawab tenang. Sebenarnya WP1 WP2, sudah EOT empat kali. Saya langsung tidak mahu bergaduh dengan siapa-siapa dengan kontraktor dan sebagainya. Cuma saya menyampaikan hasrat rakyat di kawasan saya bertanya, sudah EOT empat kali, apakah rancangan Kerajaan sebab meneruskan, ataupun menamatkan? Atau apakah rancangan? Saya minta jawab itu saja ringkas. Rakyat di kawasan saya mahu tahu.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Ya. Terima kasih pada Yang Berhormat Sindumin. Buat masa ini, kita masih meneruskan kontrak sebagaimana yang telah dimaterai bersama syarikat yang telah dilantik dalam proses ah, pembinaan ini. Ada beberapa isu yang timbul yang perlu apa penyelesaian *dispute resolution*. Mana ada yang dibawa kepada ah, *commitee* dan juga *arbitration* untuk menentukan memuktamadkan tuntutan-tuntutan yang menjadi *dispute*. Jadi, inilah antara kekangan ataupun cabaran kita dalam pelaksanaan projek ini dan kita sentiasa mengambil maklum untuk memastikan bahawa projek ini memang akan boleh disiapkan pada satu masa kelak.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Yang Berhormat Menteri, Datuk Speaker. Merotai. Ah, Yang Berhormat Menteri saya mahu mohon kepastian, ah, sebab Suruhanjaya Tenaga Sabah ini berada di bawah Jabatan Ketua Menteri? Sama ada soalan-soalan kita dimaklumkan hari tu soalan-soalan berkenaan dengan elektrik harus ditujukan kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Saya mahu kepastian saja. Sama ada masih di bawah kelolaan kementerian JKR atau di bawah Jabatan Ketua Menteri.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Di bawah Jabatan Ketua Menteri.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Oh, jadi maknanya soal elektrik nanti ah, Ketua Menteri akan menjawab?

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Ya. Ya.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Okey, terima kasih. Kami tunggulah.

Tuan Alias bin Sani [Sekong]: YB Menteri, sikit. Sikit-sikit. Dalam perbahasan saya kelmarin Tuan Speaker, saya ada bertanya tentang kampung Bambang. Isu bekalan air di kampung Bambang. Untuk pengetahuan YB Menteri, kampung Bambang ini mempunyai lebih daripada 100 buah rumah, ada satu buah sekolah dan surau dan sehingga sekarang ini dia orang tiada mendapat bekalan air bersih. Jadi, mohon penjelasan daripada YB Menteri, terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: Terima kasih Ahli Yang Berhormat Sekong. Saya tidak ada jawapan buat masa ini. Saya akan jawab secara bertulislah. Jadi, sekali lagi sebelum mengakhiri penggulungan saya pada hari ini, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyertai perbahasan dan menyentuh dan memberi pandangan serta komen mereka terhadap isu-isu berkaitan dengan Kementerian Kerja Raya Sabah. Kepada Ahli-ahli Berhormat yang telah sempat saya jawab soalan, saya harap ianya jelas. Kepada yang belum sempat dijawab kita akan susuli dengan jawapan bertulis. Jadi dengan demikian, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Natal dan Menyambut Tahun Baharu 2025. Saya mohon menyokong.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Menteri. Saya mahu menasihatkan di sini, mana-mana yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan *dorang* tu, minta jabatan-jabatan di Kementerian teliti satu persatu. Jangan ada yang tertinggal untuk jawapan bertulis dan beri satu jawapan yang lengkaplah. Jangan *supervisal*, ya. Ya. Okey, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Jam pukul satu kita jalan-jalan cari makan,
sekarang saya jemput Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Terima kasih Datuk Speaker. Salam sejahtera, salam Malaysia MADANI dan salam Sabah Maju Jaya. Datuk Speaker, terlebih dahulu saya memanjatkan rasa kesyukuran pada tuhan yang maha esa kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya, saya berpeluang menyampaikan ucapan penggulungan di Dewan yang mulia ini. Tahniah diucapkan kepada Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Masidi Manjun, Menteri Kewangan atas pembentangan belanjawan bagi tahun 2025. Terima kasih juga pada semua Ahli Yang Berhormat yang mengutarakan pelbagai isu, pandangan dan cadangan kepada Kementerian saya. Saya bersama Pembantu-pembantu Menteri, Setiausaha Tetap, dan semua pegawai-pegawai di Kementerian sentiasa berusaha untuk memastikan hala tuju Sabah Maju Jaya berkaitan dengan Kementerian saya dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

Datuk Speaker, belanjawan bertemakan Sabah Makmur Rakyat Sejahtera, yang dirangka pada tahun 2025 masih berjaya meneruskan tradisi belanjawan lebihan atau *surplus bajet* dengan lebih sebanyak RM24.08 juta bagi tahun 2025. Belanjawan lebihan ini ...

20/11/2024 – RAKAMAN 20 [1.10 TENGAH HARI – 1.20 TENGAH HARI] – [NABILA] – DARRYL JUDE – AHMAD

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: ...adalah bukti kejayaan Kerajaan Negeri mengurus kewangan negeri dengan cemerlang. Momentum pertumbuhan ekonomi negeri yang dijangka berterusan ini adalah pemangkin kepada usaha pembangunan lestari atau *pomogunan do sogigisom*. Saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di atas peruntukan Bajet Tahun 2025 kepada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan berjumlah RM247.01 juta, iaitu RM227.69 juta bagi perbekalan dan RM19.32 juta untuk pembangunan.

Kementerian saya komited melaksanakan Dasar Perbelanjaan Berhemah dan mengelak pembaziran dalam setiap pengurusan dan pentadbiran kementerian dan juga kesemua jabatan, agensi dan 25 Pihak Berkuasa Tempatan yang ada. Datuk Speaker, sukacita saya ingin maklumkan bahawa Kementerian saya masih meneruskan usaha meningkatkan kecekapan Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi di bawah KKTP. Antara program yang telah dan akan dilaksanakan adalah:

1. Program Kembara Menteri sebagai satu platform mendekati dan meningkatkan mutu perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan diteruskan pada tahun 2025. Program ini memberikan impak positif dengan mendekati kesemua Pihak Berkuasa Tempatan;
2. Pendigitalan Pihak Berkuasa Tempatan yang mana sebanyak 13 PBT akan terlibat dalam pelaksanaan e-PBT;
3. Program Pembangunan Landskap dan i-Hijau;
4. Pembangunan Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Pengurusan Sisa Pepejal di kawasan PBT;
5. Perancangan dan Pembangunan Bandar-bandar dan Pekan-pekan baharu;
6. Perancangan dan Pembangunan Perumahan fokus kepada rumah kos rendah, rumah mampu milik dan PPR;
7. Perancangan Guna Tanah dan Penyediaan Pelan Tempatan;
8. Pemeriksaan Komuniti di PBT dan di PPR dengan pelaksanaan Program Komuniti PPR MADANI Selamat dan Sejahtera. Ia adalah kerjasama antara KKTP, PBT dan Polis, Polis Diraja Malaysia atau PDRM;
9. Pemantapan dan Pengukuhan Pentadbiran dan Pengurusan Mahkamah Anak Negeri;

10. Tindakan mencapai *Sustainable Development Goals (SDGs)* dengan penyediaan *SDG Roadmap* di Pihak Berkuasa Tempatan dan bandar mampan.
11. Pemantapan penguat kuasa, Pihak Berkuasa Tempatan;
12. Pencapaian sekurang-kurangnya tiga bintang ke atas *Star Rating* Pihak Berkuasa Tempatan; dan
13. Pemantapan peranan Jawatankuasa Kemasyarakatan Dalam Bandar atau JKDB di negeri Sabah dan program-program lain yang akan diteruskan.

Datuk speaker, izinkan saya menyentuh isu-isu dan menjawab pertanyaan yang ditujukan kepada kementerian saya. Saranan Yang Berhormat ADUN Kadamaian agar Institut Latihan Mahkamah Anak Negeri (ILMAN) mengadakan kerjasama dengan Universiti Malaysia Sabah, dengan menjadikan ILMAN sebagai salah satu sekolah atau fakulti pengajian UMS dalam bidang Perundangan Anak Negeri Sabah. Untuk makluman Yang Berhormat Kadamaian dan makluman Dewan yang mulia ini, Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah dan Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah pada masa ini sedang merangka kerjasama strategik dengan Universiti Malaysia Sabah serta Institut Pengajian Tinggi yang lain untuk meneroka potensi ILMAN sebagai pusat latihan dan pengajian akademik dalam bidang Undang-undang Adat Negeri, Adat Anak Negeri.

Manakala harapan Yang Berhormat ADUN Kadamaian agar sebuah Mahkamah Anak Negeri dapat dibina dalam Rancangan Malaysia Ke-13. Sukacita dimaklumkan bahawa cadangan projek Mahkamah Anak Negeri Kota Belud telah pun disenaraikan dalam cadangan Projek Program Khas Anak Negeri Sabah di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 biayaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada kelulusan dan ketersediaan kewangan yang mencukupi kelak.

Datuk Speaker, Yang Berhormat ADUN Kukusan ada mengemukakan keperluan melantik lebih banyak jawatankuasa keselamatan dalam bandar di DUN Kukusan. Kementerian ini telah menerima permohonan penubuhan tiga kawasan JKDB di kawasan DUN Kukusan daripada Majlis Perbandaran Tawau. Walau bagaimanapun, pihak kementerian telah meminta agar senarai tersebut dikemas kini dan akan diambil tindakan segera selepas maklumat terkini telah dikemas kini.

Untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat ADUN Kapayan mengenai Pindaan Enakmen Hal Ehwal Anak Negeri untuk menghentikan perkahwinan bawah umur di kalangan anak negeri. Pada masa ini, pindaan terhadap Kaedah Enakmen Mahkamah Anak Negeri, Undang-undang Adat Negeri, Undang-undang Adat Anak Negeri 1995 telah disediakan oleh jawatankuasa di bawah Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah. Proses penyediaan ini melibatkan kerjasama erat dengan pemegang taruh yang relevan dan kertas kabinet yang telah disediakan akan dibentangkan di Kabinet dalam masa yang terdekat.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah melalui Institut Latihan Mahkamah Anak Negeri akan merangka dan mewujudkan latihan khusus berkaitan impak dan kesan perkahwinan bawah umur dalam kalangan anak negeri dengan penglibatan Ketua-ketua adat sesudah pindaan ini dikuatkuasakan. Selain itu, untuk memperbaiki prestasi kakitangan Mahkamah Anak Negeri, sejumlah RM760,000 daripada jumlah keseluruhan peruntukan diterima oleh Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah, iaitu RM8.19 juta digunakan untuk latihan dan pembangunan modal insan melibatkan kakitangan Mahkamah Anak Negeri.

Berkenaan dengan usaha mewujudkan Jabatan Kehakiman Anak Negeri, *ianya* akan melibatkan penggubalan dan pengenalan enakmen baharu dan pindaan ke atas beberapa enakmen sedia ada khususnya berkaitan dengan Mahkamah Anak Negeri Sabah. Proses ini telah bermula dan akan berterusan tetapi akan mengambil sedikit masa sehingga penggubalan, penggubalan dan pengenalan enakmen baharu telah selesai.

Datuk Speaker, Yang Berhormat ADUN Sekong mencadang untuk membina sebuah pasar tamu rakyat di Sekong melalui *bajet* 2025 merupakan cadangan yang baik. Walau bagaimanapun, pada masa kini, Majlis Perbandaran Sandakan tidak mempunyai tapak tanah milik Majlis Perbandaran Sandakan di kawasan Sekong untuk pembinaan pasar tamu ini. Manakala untuk menaik taraf pasar di Taman Sibuga dan Taman Mawar, kerja-kerja naik taraf dan penyelenggaraan telah ada dilakukan oleh pihak MPS atau Majlis Perbandaran Sandakan.

Pasar Sibuga Batu Enam telah dinaik taraf pada tahun 2022. Sekiranya ada kerosakan kecil, pembaikan akan dilakukan dari masa ke semasa. Bagi Pasar

Taman Mawar pula, pengurusan pembaikan infrastruktur bukan di bawah tanggungjawab MPS kerana pasar ini adalah milik pihak swasta. Yang Berhormat ADUN Sekong turut mengutarakan beberapa isu berkaitan dengan pemasangan lampu solar, pembinaan jambatan kayu yang rosak di DUN Sekong, dan saranan membina dan membaik pulih tempat rekreasi atau riadah di kawasan perumahan termasuk di Taman Sibuga dan Taman Mawar.

Untuk makluman, Majlis Perbandaran Sandakan ada menerima peruntukan bagi pemasangan lampu solar di sebahagian kawasan kampung.

20/11/2024 – RAKAMAN 21 [1.20 TENGAH HARI – 1.30 TENGAH HARI] – [MARIA HANNAH] – AYATUL – NADA HAIFAA

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Manakala, bagi kawasan Taman Sibuga dan Taman Mawar, setakat ini belum ada peruntukan untuk pemasangan lampu solar. Walau bagaimanapun, pihak majlis akan mengenal pasti dan memohon peruntukan pemasangan lampu solar pada tahun hadapan bagi kawasan yang telah dikenal pasti.

Bagi jalan kampung di kawasan Sekong, pihak majlis juga akan mengenal pasti jalan-jalan kampung di bawah seliaan majlis untuk dinaik taraf atau dibaiki. Bagi jambatan kayu yang rosak, setakat ini terdapat beberapa peruntukan untuk tujuan penyelenggaraan jambatan, baik pulih atau bina semula di kawasan DUN Sekong, iaitu 16 projek jambatan peruntukan negeri dan 26 projek jambatan peruntukan persekutuan yang sedang dalam pelaksanaan pada masa ini. Untuk pembinaan atau pembaikan tempat rekreasi dan riadah di kawasan perumahan, pada masa ini ianya sedang dalam perancangan untuk *fast* perancangan.

Untuk fasa pertama, satu kajian inventori semasa kawasan lapang dan taman awam di kawasan perkarangan/perkadaran Majlis Bandaran Sandakan akan dilakukan. Fasa kedua adalah merancang reka bentuk dan fungsi kawasan lapang dan taman awam tersebut dengan lebih teratur dan mengikut keadaan semasa. Untuk makluman, kedua-dua fasa ini telah pun dimasukkan dalam draf Pelan Strategik 2024/2028 Majlis Perbandaran Sandakan.

Datuk Speaker, Yang Berhormat ADUN Bugaya meminta agar status setinggian bagi Kampung Bangau-Bangau, Semporna, ditarik balik. Seperti yang kita sedia maklum, koloni di Bangau-Bangau ini merupakan kawasan setinggian kerana kawasan yang diduduki merupakan *state land* yang termasuk dalam perancangan pembangunan daerah. Kawasan tersebut telah dizonkan sebagai *commercial area* dalam draf Pelan Tempatan Daerah Semporna.

Perancangan di peringkat daerah terhadap penduduk tempatan di kawasan tersebut adalah dengan memindahkan mereka ke kawasan terancang bagi penempatan semula penduduk, iaitu di kawasan Tinagayan, Semporna. Mengenai status perobohan perkampungan atas air di Semporna, penduduk di situ sememangnya dirancang untuk dipindahkan dan ditempatkan semula ke kawasan yang telah diwartakan, iaitu di kawasan Tinagayan dan Malanta Tutup.

Beberapa aspek penting diambil kira bagi perancangan memindahkan penduduk tempatan di perairan Semporna ini. Yang pertama, rancangan pihak Kerajaan bagi membangunkan *state land* yang berpotensi tinggi menyumbang kepada peningkatan ekonomi setempat. Kedua, risiko keselamatan di kawasan perairan dan ketiga, kebersihan persekitaran. Kebanyakan sampah ada sisa buangan domestik yang hanyut di perairan adalah daripada kawasan setinggian di atas air ini. Sebagai makluman juga, seperti yang dijanjikan, saya sendiri telah mengadakan lawatan kerja ke daerah Semporna pada 12 hingga 13 November yang lepas. Menjawab pertanyaan Yang Berhormat ADUN Bugaya.

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Mengenai status permohonan.

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]: Tuan Speaker, boleh tak?

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Saya habis dulu.

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]: Okey. Bagi saya laluan nanti itu. Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Menjawab pertanyaan Yang Berhormat ADUN Bugaya mengenai status permohonan lapan orang mangsa ribut untuk ditempatkan di PPR, Kampung Bubul Ria.

Untuk makluman, perkara ini telah dibincang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Konsultatif peringkat Kementerian. Pihak Majlis Semporna telah menyenaraikan sepuluh Ketua Isi Rumah (KIR) yang terkesan akibat bencana alam dan yang berminat untuk memohon rumah PPR di Bubul Ria. Pihak majlis juga telah membuat semakan terhadap senarai KIR untuk tapisan syarat kelayakan yang telah ditetapkan.

Untuk makluman, pemohon rumah PPR adalah dipilih melalui syarat-syarat kelayakan seperti kelayakan yang berikut. Yang pertama, warganegara Malaysia. Kedua, berumur 18 tahun ke atas. Yang ketiga, pendapatan isi rumah di bawah RM3000 sebulan dan keempat, pemohon belum memiliki rumah.

Setelah semakan dan tapisan dibuat, hanya empat dari sepuluh KIR yang disenaraikan melepasi syarat permohonan dan telah diberi surat tawaran penyewaan di PPR Bubul Ria, Semporna. Manakala, baki enam KIR lagi telah ... tidak layak disebabkan status pasangan bukan warganegara dan tidak mengemukakan dokumen yang lengkap.

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]: Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih juga kerana baru ini saya difahamkan Yang Berhormat ada ... lah melawat Daerah Semporna. Semporna ini, saya tengok dalam masa terkini ini, sama dengan Kundasang. Jadi tumpuan pelancong, saya tengok. Terlalu ramai.

So, perkara pertama, saya nak suka bangkitkan supaya juga penguat kuasa di bawah PBT ini. Saya ingat perlu ditambah dan juga diberi kefahaman sebaiknya, kerana ini berkaitan satu dengan mengeluarkan lesen perniagaan, termasuk juga *resort* yang saya sentuh dalam perbahasan saya di pulau. Macam mana dikeluarkan

lesen? Sudah tentu lesen ini daripada daerah dikeluarkan setelah mendapat laporan daripada PBT.

Di Semporna sendiri, Yang Berhormat Menteri, saya ingat, melihat sudah tidak teratur. Tempat perumahan pun, di situlah perniagaan, jual papanlah, *workshop*lah, apa semua. Yang sepatut kalau mengikut dia punya kawasan, kawasan perumahan itu tidak boleh diadakan perniagaan begitu. Bila saya tengok ada lesen. Di mana dikeluarkan lesen? Pejabat daerah contoh, *trading* lesen tapi sebelum lesen dikeluarkan mesti dapat laporan daripada PBT. Itu yang kita lihat hari ini keadaan itu orang kata, tidak teratur. Sampai pelancong pun bercakap, sayang Semporna ini, banyak pelancong datang tapi *messy*. Termasuklah soal kebersihan tadi.

Begitu juga rumah-rumah, yang dekat pekan itu pun. Di sebelah, dia buat kedai runcit, dikasi sewa, ya. Sehingga saya tengok dekat dengan pencawang elektrik di situ. So, macam mana lesen boleh dikeluarkan. Itu yang saya kata penting pihak penguasa PBT ini supaya memantau keadaan ini. Sekali pun kita ada perancangan, setiap daerah ada apa ini, *master plan* setiap daerah tapi kalau penguatkuasaan ini tidak tegas, susahkan?

Yang Berhormat Menteri sendiri nampak. Satu lagi, pasar-pasar umum ini lagi saya tengok, dibuat cantik termasuk pasar ikan itu, pasar sayur. Peniaga, kosong sahaja di dalam itu. Semua berada di tepi jalan. Peniaga ini, di siring-siring jalan, itu juga mencemarkan keadaan. Supaya juga ini balik kepada penguatkuasalah supaya kita telah tegas lagi.

Semporna juga, tempat-tempat lain, soal jeti, pelancong ke pulau-pulau ini, saya tengok, ini satu, bukan *ja* tanggungjawab, peluang yang baik. Masa saya dulu Menteri, saya ada perancangan di setiap pulau itu perlu ada jeti *under* PBT, supaya kita dapat kawal dan dapat *collect* dari segi pendapatan majlis daerah. Jangan dibiarkan. Sayang sahaja bot-bot pelancong itu kadang-kadang dia orang dapat duit.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Yang Berhormat. Soalan dia?

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]: Ini saya nak, PBT ini, pihak penguasa. Tadi, saya ada awal-awal.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Tolong jangan hujah.

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]: Tambahkan pihak penguat kuasa ini. Pasal kalau saya tidak ulas, cakap sahaja begitu akan ditambah. Itu sahaja.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Ya, teruskan, terus.

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]: Tapi, saya nak sentuh soal pasal ini penggulungan, penting.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: *Straight to the point*lah ah.

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]: Memang pergi poinlah ini. Pasal supaya Menteri ini. Saya dulu di Kementerian ini, saya merasai bukan senang tapi itu yang penting. Kita ada Undang-Undang Akta Perundangan PBT ini, kita ada kuasa perkara-perkara ini. Termasuk yang saya kata *resort* di pulau ini, yang banyak tumbuh macam cendawan. Dia orang dapat lesen, perlu juga dilihat sebelum dia keluarkan lesen sama ada pembangunan di situ sudah setarakah dengan keselamatan, dengan apa yang perlu saya kata macam *security system*.

Kalau tidak, saya tengok dibiarkan. Sesuka hati mereka, lesen keluar berniaga, apa semua, yang jadi mangsa PBT, termasuk sampah sarap ini. Jadi, ini yang saya katakan pasar tadi, yang saya lihat, pasar cantik dibuat. Belanja duit banyak tapi peniaga masih juga di siring jalan. Di dalam itu kosong dan bukan *ja* di Semporna sahaja, tempat-tempat lain. Termasuk juga di Sandakan itu saya tengok, termasuk juga di Beaufort.

So, Kerajaan membina begitu pasar yang cantik. Tapi penguatkuasaan itu, mesti juga. So, itulah yang saya tekankan tadi. Satu lesen, mengeluarkan ini pejabat daerah atau *trading* lesen tidak akan keluar selagi tidak mendapat, apa ini, laporan daripada PBT. Itu yang saya katakan pihak penguat kuasa ini mesti tegas dan yang satu lagi ada dapat jawapan pasal terminal bas ini. Pasal Semporna pun, Yang Berhormat Menteri pun ada datang. Terlalu ramai pelancong dan juga penggunaan bas yang saya sebut tadi.

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]: ... bas ekspres ini, banyak sudah di Semporna ini. So, bila dapat jawapan tadi ada satu kawasan di Simunu. Saya ingat tempat itu ialah agak jauh. Lagipun mungkin mengambil masa. So, di sebelah dewan masyarakat itu ada tanah persendirian. Kalau dapat saya ingat, pihak PBT boleh bincang dengan tanah itu sama ada berbentuk sewakah? Apa? Tapi tak tahu kalau bolehlah. Saya ingat, ya lah, PBT pun perlu ada pendapatan, perlu berniaga buat di situ. Mungkin boleh buat kontrakkah? Satu, lima tahunkah? Sepuluh tahun?

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Menteri, sila jawab.

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]: *At least*, sementara perkara-perkara ini, kita boleh keadaan itu janganlah macam keadaan sekarang inilah, ya? Sayang. Rugi. Pelancong ramai datang bawa duit tapi PBT apa dia dapat duit? Terima kasih.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Biar menteri jawablah.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Okey. Terima kasih, Yang Berhormat Sulabayan. Tuan Speaker, banyak isu yang ditambah dan saya, *i don't have the answer right now*. Cuma, berkenaan dengan lesen-lesen sebenarnya apabila penguat kuasa *check* atau memeriksa tentang lesen-lesen premis ataupun yang beroperasi di kawasan Semporna didapati bahawa semuanya sebenarnya adalah lesen yang sah, yang lokal dan boleh diguna pakai.

Cuma, ada kemungkinan juga *there's owners sublease to people* yang orang asing. So, ini yang ada masalah sedikit. Namun, kita juga telah buat penguatkuasaan dan *i think* sedang ditangani. Yang lain berkenaan dengan apa ini, penguatkuasaan yang lain *i'll ask them to my officers* untuk bertulis. Boleh Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Speaker, saya sambung.

Datuk Speaker, Yang Berhormat ADUN Sebatik sekali lagi meminta agar pertimbangan dibuat untuk mewujudkan Majlis Daerah Kalabakan. Kementerian saya telah mengadakan perbincangan dengan Pejabat Daerah Kalabakan mengenai cadangan pewujudan Majlis Daerah Kalabakan.

Pihak Kementerian pada masa ini sedang meneliti kriteria dan kemampuan daerah Kalabakan untuk mewujudkan Majlis Daerah Kalabakan. Kementerian saya bersedia untuk mempertimbangkan cadangan pewujudan Majlis Daerah Kalabakan berdasarkan Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bilangan Empat Tahun 2008.

Untuk makluman, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau KPKT Persekutuan telah meminta agar Kerajaan Negeri menangguhkan sebarang permohonan untuk pewujudan dan naik taraf Pihak Berkuasa Tempatan buat masa ini. Ini adalah kerana KPKT dalam proses memperhalusi pindaan-pindaan kepada kriteria pewujudan dan naik taraf PBT dan diseragamkan di seluruh negara.

Oleh yang demikian, ketetapan yang akan diambil mengenai cadangan pewujudan Majlis Daerah Kinabatangan kelak. *Sorry*, bukan Kinabatangan ah, Kalabakan. Kelak akan berpandukan kepada kriteria-kriteria baharu tersebut.

Datuk Speaker, Yang Berhormat ADUN Elopura membangkitkan isu mengenai pembayaran letak kereta di Majlis Perbandaran Sandakan yang beliau katakan tidak sistematik dan tidak teratur.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kawasan yang dikenakan caj letak kereta adalah di Pusat Bandar Sandakan sahaja dan kaedah yang digunakan masih menggunakan sistem kupon. Sistem letak kereta secara digital akan dilaksanakan sebaik sahaja konsesi pengurusan letak kereta telah dilantik.

Yang Berhormat ADUN Elopura turut menyatakan Pasar Kim Fung tidak dinaik taraf dan infrastruktur tidak diselenggara dengan baik. Untuk makluman, pihak majlis ada menyediakan kertas cadangan bagi menaik taraf Pasar Kim Fung. Walau bagaimanapun, cadangan ini tertakluk kepada kelulusan peruntukan. Bagi

penyelenggaraan pasar pada masa ini dilaksanakan secara rutin dan mengikut aduan yang diterima oleh pihak majlis.

Bagi isu semak samun dan lampu jalan tidak diselenggara dengan baik di taman-taman pula, kerja-kerja pemotongan rumput di taman-taman perumahan, pihak Majlis Perbandaran Sandakan telah melantik empat kontraktor untuk menjalankan kerja-kerja ini. Kerja-kerja pemotongan rumput dijalankan sebulan sekali dan pada masa ini, semua kontraktor melaksanakan kerja-kerja pemotongan rumput mengikut jadual.

Bagi isu lampu jalan yang tidak diselenggara, pihak majlis kini mempunyai ...

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: ... dua *skylift* yang digunakan untuk kerja-kerja menyelenggara lampu jalan di dalam negeri dan di kawasan perumahan milik majlis. Selain itu, kerja-kerja pembaikan lampu jalan merupakan tugas rutin majlis dan setiap aduan mengenai lampu jalan kawasan perumahan dan lampu jalan negeri sentiasa diambil tindakan.

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Datuk Speaker. Mengenai pemotongan rumput tadi itu, *maintenance* dan juga tiang lampu, ya? Apakah status Bandar Renofajar di Lahad Datu? Yang mana saya dapati bahawa bandar ini dia punya penyelenggaraan jalan, lampu agak terbiar. Rumput sudah tidak dipotong. Tiang lampu tidak diperbetulkan. Apakah sebenarnya status Bandar Renofajar ini? Dan kalau boleh saya teruskan dengan soalan yang lain, boleh? Jadi, boleh jawab satu kali nanti.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Saya akan ke Tungku sebentar lagi.

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Okey.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Belum sampai Tungku. Boleh? Okey, terima kasih Yang Berhormat Tungku. Datuk Speaker, Yang Berhormat ADUN Elopura juga turut membawa isu berkenaan dengan kemudahan infrastruktur di Terminal Bas Sandakan dan penyelenggaraan flat di Kim Fung, Sri Taman dan Sri Indah yang terletak di bawah DUN Elopura.

Bagi Terminal Bas Sandakan, Majlis Perbandaran Sandakan mempunyai perancangan untuk membaik pulih jalan sedia ada dan menambah baik pencahayaan di sekitar kawasan Teriminal Bas Bersepadu dan permohonan untuk mendapatkan peruntukan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Persekutuan akan dikemukakan pada tahun hadapan.

Manakala penyelenggaraan flat di Kim Fung, Sri Taman, Sri Indah, kerja-kerja penyelenggaraan adalah di bawah tanggungjawab seperti berikut. Untuk flat Kim Fung untuk menyelenggara adalah di bawah tanggungjawab pemilik bangunan sendiri.

Untuk flat di Sri Taman, tanggungjawab untuk menyelenggara adalah di bawah tanggungjawab Lembaga Pembangunan Perumahan Bandar atau LPPB Sabah dan untuk flat di Sri Indah, tanggungjawab untuk menyelenggara adalah di bawah tanggungjawab pihak *Management Corporation* atau MC.

Datuk Speaker, mengenai gesaan Yang Berhormat ADUN Tungku kepada Kerajaan Negeri untuk membantu menyelesaikan masalah pembeli rumah projek semi-D, Perumahan Khazanah Indah di mana rumah belum siap walaupun ada di kalangan pembeli telah hampir menyelesaikan pembayaran rumah tersebut.

Kementerian saya telah membuat pemeriksaan ke atas Tapak Projek Perumahan Khazanah Indah pada bulan Oktober tahun ini. Berdasarkan pada laporan pemeriksaan didapati pemaju perumahan telah pun menghentikan kerja-kerja pembinaan di tapak projek.

Kementerian saya sedang dalam proses mengisytiharkan projek perumahan ini sebagai projek terbengkalai. Pengisytiharan ini dijangka akan dibuat dalam bulan Disember tahun ini.

Kementerian juga akan memulakan proses mencari kontraktor penyelamat ataupun *white knight* untuk memulih dan menyiapkan projek ini. Selepas ianya diisytiharkan sebagai projek perumahan terbengkalai.

Berkenaan isu projek pembinaan tempat ibadah atau masjid di Taman Farm Heights, pembinaan tersebut ...

20/11/2024 – RAKAMAN 23 [1.40 TENGAH HARI – 1.50 TENGAH HARI] – [EVY CHARLYN] – NADIA – AHMAD

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: ...telah mendapat bantahan daripada beberapa penduduk taman tersebut. Isu projek ini telah dibawa ke Mahkamah Tinggi di Tawau oleh pihak pembantah. Keputusan daripada Mahkamah Tinggi telah dikeluarkan pada 16 April 2024 dan pihak Majlis telah diarahkan oleh Mahkamah untuk mengambil tindakan perobohan.

Pihak defendan pertama dan defendan kedua telah memfailkan permohonan *stay of execution* di Mahkamah Tinggi Tawau pada 27 September 2024. Berdasarkan permohonan rayuan oleh defendan pertama dan kedua ini, pihak Majlis tidak dapat melaksanakan penghakiman bertarikh 18, 16 April 2024 sehingga kesemua proses undang-undang selesai sepenuhnya.

Yang Berhormat Tungku turut menimbulkan isu mengenai haiwan terbiar seperti di kawasan Felda Sahabat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Majlis Daerah Lahad Datu dalam usaha meningkatkan tangkapan dari masa ke semasa khususnya dalam kawasan operasi Majlis. Walau bagaimanapun, kawalan anjing terbiar di Felda Sahabat tidak diletak, tidak terletak dalam bidang tanggungjawab Majlis Daerah Lahad Datu. Walau bagaimanapun Majlis Daerah Lahad Datu sedia membantu mengikut keadaan dan keperluan.

Sebagai makluman, *Registration and Control Dogs-By Laws 1973* yang diguna pakai oleh Majlis Lahad Datu pada masa ini adalah lebih kepada melesenkan anjing-anjing peliharaan. Yang Berhormat ADUN Tungku juga ada menimbulkan isu ketiadaan kemudahan awam dan kemudahan peniaga di Stesen Bas Taman Fajar. Untuk makluman, stesen bas di kawasan ni sudah dipindah ke kawasan *First Palm City*. Kemudahan awam seperti tandas awam, surau, pondok polis dan lampu jalan disediakan di stesen bas baharu ini. Buat masa ini, stesen bas baharu ini masih dalam pengurusan syarikat pemaju dan sedang dalam proses untuk diserahkan kepada pihak Majlis Daerah Lahad Datu.

Berkenaan dengan isu perkhidmatan pemotongan rumput, pihak majlis sentiasa melaksanakan kerja-kerja pemotongan rumput secara berkala di kawasan taman-taman perumahan dan juga kawasan bangunan komersial.

Datuk Speaker...

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang pertama sekali kalau boleh saya mintalah yang usaha untuk mencari kontraktor penyelamat bagi projek perumahan di Khazanah Indah itu dibuat segerakan sebab kesian pembeli ini ada di antara mereka ni adalah *pensioner* sudah. Di mana mereka lagi terpaksa lagi membayar rumah tetapi rumah tu tidak ada.

Keduanya, mengenai *stray dog* tadi tu apa ni anjing-anjing yang terbiar ni. Kalau boleh kita mencadangkan supaya setiap majlis daerah tu mempunyai satu pusat perlindungan sementara untuk haiwan-haiwan ini. Dimana haiwan ini ditangkap dan dijaga dengan baik sebelum mungkin diserahkan kepada siapa-siapa yang berminat untuk dipelihara begitu.

Saya rasa benda tu lebih sesuai selain daripada membiarkan haiwan tu berkeliaran begitu lepas tu mengganggu apa kehidupan seharian masyarakat. Dengan tindakan sebegitu, saya rasa itu lebih baik dan ada satu soalan lagi Yang Berhormat Menteri mengenai keluhan di kalangan peniaga kita mengenai polisi penggunaan *polystyrene* ya. Apakah sebenarnya pendirian Kerajaan menggunakan penggunaan *polystyrene* ini? Sama ada dibenarkan ataupun tidak, sama ada dari segi kesihatan apakah. Saya rasa Kementerian kena anda pendirian apa ni tetap tentang perkara ni.

Dan mengenai perumahan masjid di Palm Height itu Yang Berhormat Menteri, saya rasa benda ni bermula daripada apabila kita punya dasar perumahan itu ada keperluan untuk kita kaji. Di mana projek perumahan yang kurang daripada 400 unit, pemaju tidak diwajibkan untuk menyediakan pusat ibadah dan ini menimbulkan sedikit rasa bukan bilang tidak apa ni tidak baiklah. Tapi ada baiknya dimasukkan dalam kita punya sama ada enakmenkah *whatsoever* di mana projek perumahan tu mesti memasukkan sekali, selain daripada *open space* taman permainan, adalah pusat ibadah. Supaya tidak timbul lagi perkara-perkara begini dibawa ke mahkamah dan kadang-kadang macam timbul yang tidak syoklah. Soal hubungan kaumlah apa semuanya. Ada baiknya kalau Kerajaan mengambil keputusan yang tepat tentang perkara inilah. Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Terima kasih Yang Berhormat Tungku.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Sebelum tu Yang Berhormat Menteri, sebelum tu saya ingin mengalu-alukan kehadiran pelajar dari SMK Klias seramai 35 orang. Ada yang akan jadi pemimpin masa depan ni. Selamat belajar, sila duduk. Teruskan Menteri.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Terima kasih Datuk Speaker. Sekali lagi terima kasih daripada Yang Berhormat Tungku. Kita ambil maklum tentang saranan-saranan Ahli Yang Berhormat dan saya sendiri *actually appreciate* dan kita sokong sekiranya ada perumahan-perumahan yang begitu besar disediakan juga tempat apa ini beribadah. *Something like that*. Ini saya sokong penuh. Cuma dalam keadaan ini ada bantahan daripada penduduk sendiri dan termasuklah yang lain-lain.

Berkenaan *polystyrene*, *I don't remember the exact* apa, tidak digalakkan but *I don't think there is a policy to ban polystyrene all together*. Cuma ya kita akan ambil apa ini, *will take into consideration* dan dalam perbincangan pada masa-masa akan datang.

Datuk Speaker, saya teruskan..

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Anjing liar. Yang Berhormat anjing liar, yang soal anjing liar kalau boleh ada, anjing terbiar tadi kalau ada. Belum dijawab soalan anjing?

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Okey, seperti mana yang saya katakan tadi, anjing yang kita saran apa itu yang kita *mentioned* itu *actually* di luar kawalan Majlis. *It's not in the* Majlis punya kawasan operasi *but yes we are willing to work with the* pemegang taruh untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut. Seperti mana saya katakan tadi, Majlis Daerah Lahad Datu, *up this point in time they are* lebih kepada pelesenan anjing peliharaan.

Mengenai tu apa ini mendapatkan *pound-pound* bagi anjing liar ini, *yes* itu pun kita galakkan sebenarnya semua majlis-majlis untuk supaya dapat membanteras apa ini masalah dengan anjing liar ini. *It's not peculiar to* Lahad Datu. Semua apa ini bandar-bandar pun semua mengalami masalah-masalah anjing liar ini. *It's not just* Lahad Datu dan kita memang ada menyarankan supaya ditangani secara *be positive* dan juga *the way forward with* itulah. *Of course* untuk menyelesaikan masalah haiwan liar ini. *It's not easy because* ada tentangan daripada *especially* daripada SPCR dan juga penggiat-penggiat yang *animals lover* semua ini.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Datuk Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam perbahasan saya pun bangkit tentang pelancong-pelancong tapi dalam perkara ini juga ada hubung kait dengan Majlis Daerah di Semporna dan disamping itu dalam belanjawan pun kita dapat membaca di mana *one-off* to gerai-gerai yang ada RM5,000.00 *one-off*. Sama ada Yang Berhormat Menteri mempunyai pangkalan data untuk memastikan pemberian ini keberkesanan dia, bukan hanya *we want to give the money to them*. *End of the day* mungkin dia beli *handphone*kah...

20/11/2024 – RAKAMAN 24 [1.50 TENGAH HARI – 2.00 PETANG] – [MOHD NOOR RIZAL] – THEODORA – NADA HAIFAA

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Dia beli macam dulu BR1M, bagi sikit tapi *we don't know where the money is*. Kita tidak

boleh menyelesaikan masalah melahirkan usahawan-usahawan di peringkat daerah-daerah, oleh gerai-gerai yang ada. Kita tahu banyak gerai, *but we cannot just simply it give the money, it must be coordinated, with Ministry of Finance to make sure that*, contoh, bantuan-bantuan ini dipantau oleh majlis-majlis daerah, mereka mempunyai data.

Yang kedua, masalah yang berbangkit ini pun telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelancongan, di mana dinyatakan dia terjumpa ada pihak yang punya *trading license*, China punya tu. Dia pun hairan, dan di samping itu, Menteri Pelancongan pusat ah, juga menyatakan ada kes rasuah majlis daerah di Semporna. Saya tidak mahu terbabit, Datuk Speaker, bahawa ini menjadi satu pencemaran kepada nama baik majlis itu dan di peringkat daerah itu ada rasuah di situ.

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Menteri dan juga Kementerian Kerajaan Tempatan untuk membanteras *immediately*. Satu, jangan tidak dibiarkan, dipantau majlis daerah itu bagaimana pemungutan hasil-hasil yang ada, bagaimana saya tak mahu nanti besok, ia kadang-kadang itu saya dapati ikan yang ada yang itu, *there don't collect the money for majlis daerah, there collect for themselves* sama ada perkara ini benar ataupun tidak, saya minta supaya apa tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian dan Yang Berhormat Datuk, terima kasih banyak.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Terima kasih, Yang Berhormat Senallang. Ah, *first and foremost*, kalau saya dengar apa yang dikatakan oleh Kementerian Kewangan itu, yang akan mendapat, apa ini bantuan lima ribu adalah mereka yang di jalan raya, yang berlesen. *I'm not sure that included* yang ada di gerai-gerai ataupun tidak yang ditempatkan yang *special* kawasan di gerai itu. Walau bagaimanapun, Kementerian saya memang sentiasa akan bekerjasama dengan pihak Kementerian Kewangan dan juga daripada Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan untuk koordinat tentang ah, apa ini, bantuan-bantuan yang lima ribu ini. *I'm sure the five thousand were actually really help, really really help this people*. Okey, berkenaan dengan ...

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Yang Berhormat Menteri, Merotai.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Disebut tadi jawapan Yang Berhormat Menteri, bahawa mana gerai-gerai di tepi jalan di kawasan. Pembiakan, dia dengar lima ribu, dia akan *set up* gerai-gerai daripada dulu cuma mungkin satu ribu akan ada satu juta, di Tawau, di Sandakan, kena dia *attacked by*. Itu yang saya minta supaya sama ada Kerajaan Tempatan mempunyai pangkalan data, ini usahawan daripada situ, contohnya, daripada jalan Kota Kinabalu ke apa ini, Sipitang di situ, gerai-gerai dekat Penampang itu, *somewhere around there, you go down them* sebelum sampai Papar, ada gerai di situ sudah bertahun-tahun mereka berada, ada *take record* dia. Jadi, pangkalan data ini *we are giving money not for the sake off, just giving them money*. Pasal kita *giving them money* supaya membantu meringankan usaha dia sebagai orang usahawan. Di samping itu, kesinambungan. A *sustainability of* sebagai usahawan kedai-kedai runcit yang ada di tepi jalan itu. Pangkalan *data is very crucial*, pasal saya yakin, Yang Berhormat, akan timbul dia dengar sahaja berita lima ribu. banyak itu. Dibawa-bawa dia, itu akan timbul gerai-gerainya, terima kasih banyak.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Terima kasih. *I share, I do share your concerns. But* ah, apabila kita merancang sesuatu ini saya pasti mereka sudah ada *lock figure* yang akan di ... sebagai satu ah, *point of an interaction* ataupun *there must be some figure* yang terlebih awal lagi yang sudah dicadangkan sebelum mendapatkan ... merangkakan perancangan tersebut. *So, in short* kalau pihak majlis daerah, kita akan menyarankan mereka *there should be no new license* yang baru up, *just application licenses* mana tahu yang baharu ah, mahu mengintai atau *there just want to see it to get the five thousand*. Walhal, mereka itu bukan sebenarnya peniaga di tepi jalan. *So, that's is why I said*, peniaga yang berlesen. *The license that they're already got it early on* dan bukan yang terbaharu.

Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]: Datuk Speaker, isu yang sama, Datuk Speaker, boleh. Boleh Datuk Menteri, ah, okey.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Isu yang sama juga, Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya kalau kita lihat peniaga-peniaga di tepi jalan ini, saya pun tidak tahu apa kategori yang Kementerian Kewangan hendakkan ini, ialah sebut berlesenkan. Biasanya peniaga-peniaga di

tepi jalan ini, jarang yang ada lesen, susah untuk dapat lesen. Sebab apa, nama pun tepi jalan, bila tepi jalan dia membabitkan JKR. Bila permohonan-permohonan peniaga ini, ke Majlis Perbandaran (PBT) dan sebagainya, pastinya mereka minta ulasan daripada JKR.

Tapi pada kebiasaannya, *hundred percent*lah kalau tidak silap saya, *hundred percent* tidak akan disokong oleh JKR, maknanya PBT tidak akan mengeluarkan lesen. Jadi, saya pun tidak tahu apa kategori sebenarnya peniaga di tepi jalan yang diminta, yang akan disalurkan. Kalau saya kira peruntukan yang disediakan itu lima ribu, lima juta seluruh Sabah. Lima juta, jadi kalau kita bagi seribu peniaga yang akan terlibat. Kalau kita bagi lagi 73 DUN, satu DUN, 13 penjaja di tepi jalan. Tapi, kalau di kawasan saya, saya rasa dari Semarak sampai ke Kampung Iban, satu pun tiada lesen. Sebab apa, saya sudah cuba banyak kali minta lesen, saya sokong dan sebagainya. Alasan, begitulah minta ulasan daripada JKR, tapi JKR tetap tidak menyokong. Jadi, saya minta ulasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang perkara ini.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Terima kasih daripada ADUN Merotai. *We are actually discussing subject di mana the definition you have to ask kepada Kementerian Kewangan. Of course, kalau yang di tepi jalan seperti itu di jalan raya besar, majlis daerah tidak akan memberikan lesen tersebut. So, people yang sudah mendapat lesen itu, there must be have a kriteria-kriteria yang tertentu yang membolehkan mereka mendapatkan lesen. Ah, for that wait until penggulangan daripada Kementerian Kewangan because I don't have the answer too. All I can say is that,* kita akan bekerjasama dan kita koordinasi bersama-sama dengan Kementerian dan pihak agensi yang berkenaan bagi, *so that all this people yang layak akan mendapatkan ah, bantuan-bantuan tersebut.*

Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]: Terima kasih, Datuk Speaker, Datuk Menteri. Saya minta sahajalah terima kasih atas itu jawapan. Saya minta nanti bila sudah dapat itu *definition* untuk itu garis panduan dan kriteria sebagainya, macam mana itu penjaja boleh jadi layaklah untuk menerima itu bantuan itu diberi kepada kitalah, supaya kita boleh bantu sebab di kawasan saya ini ada banyak itu penjaja di

Tanjong Aru, di area itu banyak itu penjaja di sana. So, saya kalau bagi saya rasa dorang sudah layaklah kan.

Macam ada yang di tamu-tamu, dia orang berlesen juga boleh *operate* di tamu tapi dia orang bukan sehari-hari, macam di Gaya Street. Dia satu minggu dua kali sehari tapi sudah tentu dia orang ada lesen jugalah untuk peniaga di sana dan juga kita kena ambil ah, apa ini itu *account* bahawa berapa penjaja seperti yang jual buah-buahan itu macam durianlah sekarang bukan *season*. So, kalau bukan *season* dia orang tidak jual tapi dia orang berlesen juga sebagai penjaja. Ah, kalau dapatlah saya rasa dapat jawapan daripada Menteri tadi, bila sudah dapat itu definisi untuk garis panduan dan sebagainya bolehlah bagi sama kita supaya kita boleh bantu sama kita penjaja-penjaja di kita punya kawasan untuk menerimalah itu bantuan. Terima kasih, Datuk Speaker.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Untuk semua kawasan seluruh Sabah.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Terima kasih, Yang Berhormat. Datuk Speaker, *I'm sure there is a contrived of formula on how to distributed* dan kita akan agih, bagi-bagi juga sama semua wakil rakyat. Datuk Speaker ...

Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]: Datuk Menteri, *sorry*, ya. *You* ada saya punya nama nantikah, *are you gonna address* saya punya isu nanti sebab *you* sudah sentuh *bus interchanged* tadi kan, *you* ada sentuh itu *street light*, saya ada bahas juga itu tapi *you* belum lagi jawab tidak ada saya punya Tanjong Aru di sanakan atau sudah terlimpas sudah.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Semua yang berkenaan.

Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]: Soal jawab?

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Belum jawab, *just wait*.

Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]: Oh, okey, terima kasih.

20/11/2024 – RAKAMAN 25 [2.00 PETANG – 2.10 PETANG] – [JULIAN] – TERESA – NORMA

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: ... Yang Berhormat ADUN Pantai Manis, ada mencadangkan agar isu haiwan ternakan lembu berkeliaran di Pantai Manis diatasi dengan Majlis Daerah Papar. Menguatkuasakan peraturan mengenai penjagaan dan mengurus haiwan ternakan, untuk memastikan haiwan ternakan tidak berkeliaran tanpa pengawasan.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Yang Berhormat Menteri, sebenarnya tadi saya bertanya kepada Yang Berhormat tentang *trading license* yang disebut oleh Menteri Pelancongan yang diperolehi oleh pelancong dari China dan apakah tindakan pihak Kerajaan, Kementerian khususnya untuk mengatasi masalah ini dan bagaimana contohnya sama ada dia Ali babakah *joint venture* kah ya walaupun tidak saya minta supaya ianya secara bertulis untuk membolehkan supaya fakta kita dapat diperolehi, kerana itu satu. Keduanya, tindakan tegas harus diberi amaran kepada majlis daerah menjalankan tugas dengan baik yang seperti yang saya sebutkan. Menteri Pelancongan Pusat menuduh majlis daerah yang di situ rasuah itu. Terima kasih banyak.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: *Thank you*, Yang Berhormat Senallang. Berkenaan lesen sebenarnya *when they check the licensing or the license the premies too. Most of the licenses actually our say is in order.* Dan *when you say* ada unsur-unsur rasuah *this is very serious matter you better persuade further with the majlis daerah. I have to protect my majlis, it is not betul.* Namun, yes, kita selalu menyarankan kepada semua majlis-majlis ini, *we have to work with integrity. Anyway, i don't have the full eh, picture or i cannot explain to you 100% regarding the license ni, and i think is only fair that we give you in writing.* Yang Berhormat Senallang, boleh? *Thank you sir.*

Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]: Datuk Speaker. Berkenaan ada sedikit apa ini isu *same matter*lah, *matter of subject*. Mungkin *abuse of power* saya pun sebenarnya ada mencelah bukan saya membahar tapi mencelah dalam perbahasan YB Moyog. Saya sentuh sini, saya mahu tanya jugalah tentang ini *abuse of power*.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Yang Berhormat Moyog belum lagi saya sampai. *So can you wait?*

Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]: Okey.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Tunggu sekejap. *Passion is a virtue* dia bilang, *so be patient* sikit.

Tuan Speaker, untuk makluman Yang Berhormat Pantai Manis dan Dewan yang mulia ini. Majlis Daerah Papar telah melaksanakan pengawalan haiwan ternakan melalui penguatkuasaan Undang-undang Kecil Papar, District Council Control of Animal by Laws 1980. Berdasarkan peruntukan ini, para penternak adalah bertanggungjawab untuk memastikan haiwan tidak menceroboh ke kawasan umum. Di bawah Seksyen 10(1), pemilik perlu membayar ganti rugi ke atas sebarang kerosakan, yang berlaku disebabkan haiwan berkenaan. Jika disabit kesalahan, pemilik boleh dikenakan denda RM500.00 atau denda enam bulan penjara. Antara usaha yang telah dilaksanakan diperingkat majlis adalah:

1. Pengeluaran notis kepada penternak atau pemilik;
2. Melaksanakan operasi ke atas haiwan ternakan lembu di kawasan tersebut berdasarkan aduan yang diperolehi;
3. Mengeluarkan kompaun kepada penternak haiwan; dan
4. Menyediakan paun untuk binatang ternakan yang belum dituntut.

Sebagai salah satu usaha menangani isu ini, pihak Majlis Daerah Papar bercadang untuk mengadakan satu sesi dialog, bersama penternak dan agensi yang terlibat, seperti pihak polis dan pegawai veterinar daerah Papar, bagi membincangkan berkenaan isu ini.

Yang Berhormat ADUN Pantai Manis membangkitkan mengenai tahap kebersihan yang kurang memuaskan di restoran dan tandas awam di Papar. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Majlis Daerah Papar bersama dengan pejabat kesihatan daerah, melaksanakan pemeriksaan premis makanan, berdasarkan Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009, dan Undang-undang Seragam Food Establishment 2022. Antara tindakan yang telah diambil adalah, sehingga Oktober 2024, sebanyak 150 buah premis makanan telah diperiksa oleh pihak Majlis Daerah Papar manakala, pihak Pejabat Kesihatan Daerah pula telah memeriksa sebanyak 624 buah premis makanan. Daripada jumlah itu, 14 buah premis telah ditutup, disebabkan ketidakpatuhan kepada Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009, dan sebanyak 86 kompaun telah dikeluarkan atas pelbagai kesalahan. Pemeriksaan ini dibuat berdasarkan kepada penilaian risiko dan penilaian kebersihan premis. Bagi premis yang mendapat markah kurang daripada 50% notis arahan penutupan sehingga ada pembetulan akan dikeluarkan.

Pada masa ini, kebersihan tandas awam merupakan salah satu fokus utama Majlis Daerah papar. Melalui kempen tandas bersih, menawan dan wangi atau BMW yang telah diperkenalkan oleh KPKT, pihak majlis telah dan akan menaik taraf sebanyak enam buah tandas awam di daerah Papar, iaitu:

1. Tandas awam bersebelahan Terminal Keretapi Papar;
2. Tandas awam bersebelahan Gerai Makanan *non*-muslim;
3. Tandas awam Pasar Ikan Pekan Papar;
4. Tandas awam dataran Tapak Tamu Pekan Papar;
5. Tandas awam padang Pekan Papar; dan
6. Pasar awam Pekan Kinarut.

Setakat ini, dua tandas di pasar awam telah siap sepenuhnya dan baki empat buah tandas awam masih lagi dalam proses dinaik taraf. Sebagai makluman tambahan, tandas-tandas awam di daerah Papar telah diswastakan pengurusan

pembersihannya. Terma dan syarat telah digariskan dan ditetapkan. Sebarang ketidakpatuhan akan boleh menyebabkan konsesi penjagaan kebersihan tandas ditarik balik. Pihak majlis turut melakukan pemantauan tandas awam, bagi penerapan bintang dengan penerapan minimum empat bintang, setelah kesemua tandas awam selesai dinaik taraf.

Datuk Speaker, untuk menjawab pertanyaan ADUN Limbahau dan makluman Dewan yang mulia ini, tidak ada perancangan setakat ini untuk membuka bandar baharu di kawasan DUN N.27 Limbahau. Walau bagaimanapun, pihak kementerian mengambil perhatian sewajarnya ke atas perkara ini, dan akan mengarahkan jabatan-jabatan teknikal seperti Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah, untuk mengkaji keperluan bagi mewujudkan bandar baharu di kawasan berkenaan. Draf pelan bandar baharu akan disediakan setelah kajian ini selesai kelak.

Datuk Speaker, ADUN Moyog ada meminta penjelasan mengenai kedudukan jaminan wang atau bank *guarantee* bagi projek rumah terbengkalai di daerah Penampang. Perkara ini juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Tanjong Aru. Projek perumahan yang dimaksudkan ialah Tryconnect Kondominium. Saya ingin menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa sebenarnya pemaju perumahan Tryconnect Kondominium tidak pernah menandatangani wang tunai berjumlah RM17 juta dengan KKTP. Sebaliknya, pemaju perumahan telah mengemukakan jaminan bank atau bank *guarantee* daripada MBSB Bank yang berjumlah RM16 juta kepada pegawai perumahan, bagi tempoh 22 November 2019 hingga 21 November 2020. Jaminan bank tersebut adalah berdasarkan cagaran ke atas tanah yang telah dicagar oleh pemaju perumahan dan merupakan ...

**20/11/2024 – RAKAMAN 26 [2.10 PETANG – 2.20 PETANG] – [ANNETY] –
RAMENAH – AHMAD**

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: ...Jaminan daripada MBSB Bank untuk membayar wang berjumlah RM16 juta jika dituntut oleh pegawai pengawal perumahan. Pengawal perumahan boleh membuat tuntutan ke atas jaminan bank sekiranya pemaju perumahan gagal menyiapkan projek perumahan. Dalam kes ini, pihak perumahan pengawal perumahan KKTP telah mengeluarkan surat untuk

menuntut jaminan bank pada 20 Disember 2020. Namun pihak MBSB Bank telah menolak tuntutan ini pada 7 Januari 2021 disebabkan tarikh surat tuntutan tersebut telah melebihi tempoh tuntutan yang ditetapkan selama tempoh pinjaman bank. Dalam hal ini, masalahnya, masalahnya ialah keengganan MBSB Bank untuk menunaikan tuntutan pengawal perumahan untuk jaminan bank tersebut serta ketidakupayaan pemaju perumahan untuk mengemukakan jaminan bank yang baharu. KKTP telah menunjukkan perkara...merujuk kepada perkara ini kepada pihak Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah dan pihak Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah telah mengemukakan pandangan jabatan itu. Walaupun demikian, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan telah mengeluarkan surat tuntutan kepada pemaju perumahan tersebut untuk mengemukakan jaminan bank yang baharu. Selaras dengan kewajipan pemaju perumahan yang telah ditetapkan di bawah Enakmen Perumahan Kawalan dan Pelesenan Pemaju-pemaju 1978. Selain itu, pengawal perumahan telah mengadakan mesyuarat di antara pemaju perumahan dan pihak pembeli pada 18 Oktober 2024 di mana pemaju perumahan tersebut telah menawarkan untuk membayar balik semua yang telah dibayar oleh pembeli berdasarkan perjanjian jual beli dengan tambahan faedah 8% bermula dari tarikh perjanjian jual dan beli. Dalam mesyuarat itu, pemaju perumahan tersebut menawarkan kaedah ini kepada kesemua 252 orang pembeli terlibat. Namun begitu, sehingga kini pemaju perumahan tersebut masih belum mengemukakan surat tawaran rasmi kepada setiap pembeli. Sebagai makluman lanjut, MBSB telah melantik *liquidator* yang sedang dalam proses mencari kontraktor penyelamat. Juga dikenali sebagai *white knight* untuk memulihkan projek ini. Sebagai langkah penambahbaikan, dan untuk mengelakkan perkara ini ah berulang, Kementerian sedang dalam proses untuk membuat pindaan kepada Enakmen Perumahan Kawalan dan Pelesenan Pemaju-pemaju ah 1978, untuk menambah baik enakmen sedia ada. Kementerian juga telah menyediakan draf SOP pengurusan jaminan bank. Usaha mendigitalkan pengurusan jaminan bank sedang disediakan. Proses pendigitilan ini termasuk kaedah pemantauan tarikh tamat tempoh jaminan bank. Kementerian turut mengambil langkah untuk mengadakan perbincangan dengan pihak bank supaya menerima pakai cadangan meletakkan syarat pembaharuan jaminan bank daripada secara automatik sebelum tamat tempoh.

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: Terima kasih Menteri.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Yang Berhormat Menteri, ada berapa kawasan yang mahu jawab? Jawapan itu.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Ah, mahu *coming to an end already*.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Ah, berapa? Berapa lama lagi?

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: *Coming to an end.*

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: *No, no. I am asking the* Menteri. Yang Berhormat, *your* jawapan ada berapa lagi?

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Sikit lagi.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Sikit lagi ah. Kalau tidak saya cadangkan ambil itu soalan-soalan dulu. Nanti tengok keadaan macam mana. Kalau dapat itu berikan jawapan dalam 10 minit. Yang lain itu kalau tidak dapat segera itu secara bertulis dengan lengkap dan tepat mungkin lebih memuaskan saya rasa. *Anyway* teruskan ah Moyog.

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: (Ketawa) Okey, terima kasih Datuk Speaker. Terima kasih Datuk Menteri. Ah kalau saya faham tadi di *bank guarantee was I mean the KPKT local government, housing controller ah tried to redeem the bank guarantee but it was too late. So what happen along the way? Im sure the notice there are was a..a failure in the project already. So why did they redeem late?I am a bit curious lah on that part and why was they do extension required from the local authority..local government to the developer to seek from the bank and extension of the bank guarantee for redemption was short* lah. Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: *If I cannot answer it fully, will give your in writing. But a to be fair em* pengawal perumahan sebenarnya. *They did ask for the*

bank guarantee earlier on but I think that time 2020 was a pandemic a covid and all this thing. Well ah they will given to the wrong bank. So when they realize it.

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: *Sorry?*

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: *It was a address to a wrong bank.*

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: *Oh my. Can I have all this in writing* Datuk, please. Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: *Okey. So I give your in writing* Tuan Speaker. Ah Tuan Speaker, saya teruskan.

Datuk Speaker, sekali lagi saya merakamkan penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa isu, cadangan dan pandangan melibatkan Kementerian saya.

Tuan Haji Jamil bin Datuk Haji Hamzah [Bugaya]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Kementerian saya..

Tuan Haji Jamil bin Datuk Haji Hamzah [Bugaya]: Ah menggulung sudahkah? Belum? Belum tutup lagi kan. Saya mahu ada.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Mahu tutup sudah ini.

Tuan Haji Jamil bin Datuk Haji Hamzah [Bugaya]: Okey, saya punya ada satu soalan saya bangkitkan masa saya punya perbahasan. Mungkin Datuk, Menteri terlupa. Untuk ini saya ingatkan di sini ya yang mana saya mengaitkan tentang isu anjing liar di kawasan daerah Semporna. Ah jadi saya bangkitkan isu ini. Jadi diharap Kementerian yang bertanggungjawab mengambil tindakan untuk

menyelesaikan sebab di Semporna ini untuk makluman Yang Berhormat Menteri, baru-baru ini kita ada seorang anak ya. Yang mati kena gigit anjing ya. Jadi ini bukan kejadian yang pertama. Sudah berkali-kali. Ada sampai saya dimaklumkan ada lima kali kejadian sudah. Jadi diharap tindakan yang segera dan tegas diambil oleh Majlis untuk menangkap semua anjing-anjing liar ini. Sebab tidak mahu lagi berulang. Ada di sama ada di kampung-kampung yang lainkah atau di mana. Jadi saya mohon Menteri menjawablah tentang isu ini. Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Terima kasih Yang Berhormat ah Bugaya tentang isu anjing luar *its not perculiar to* Semporna atau pun Lahad Datu. Semua di pekan-pekan lain pun ada. Tentang insiden yang melibatkan mangsa ada mangsa yang terjadi. *I didn't have the full picture but they could be many scenario there. So I don't want speculate but* nanti kita akan bagi secara bertulislah setelah mendapatkan butir-butir yang lebih terperinci. Okey, terima kasih. Tuan Speaker,

Tuan Arunarnsin bin Taib [Gum-Gum]: Datuk Speaker, ah sikit saja. Yang mengenai status sahaja. Sikit saja. Okey, terima kasih Datuk Speaker dan Yang Berhromat Menteri. Mahu tanya statusnaik taraf Tamu Gum-Gum ini sahaja. Sebab sudah empat tahun saya tengok yang Tamu Gum-gum ini yang telah saya bina dulu. Sampai sekarang belum dapat pembelaan untuk peniaga-peniaga yang di kawasan DUN Gum-Gum. Itu sahaja Menteri, terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Terima kasih, Yang Berhormat Gum- Gum. Nanti kita akan bagi secara bertulis. Okey, terima kasih. Tuan Speaker, bagi soalan-soalan yang tidak sempat saya jawab atau jelaskan Kementerian secara bertulis ah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kepada ahli bekenaan...

Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]: Saya tiadalah tapi itu, itu ini penting.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Cukuplah itu. Cukuplah itu anjing. Cukuplah.

Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]: Bukan anjing. Bukan anjing. Bas berhenti-henti *bah*. Ah yang saya ada bahas itu dalam perbahasan saya.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Kalau ada masa perbahasan *those* yang saya tidak sempat, akan dijawab oleh ah *my officers in writing*.

Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]: Tapi itu penting itu.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Saya tahu penting *but* ah...

20/11/2024 – RAKAMAN 27 [2.20 PETANG – 2.30 PETANG] – [NOREERA] – SITI JUBAIDAH – NADA HAIFAA

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Kita, pengakhiran ...

Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]: Saya nak tanya jugalah, Datuk ...

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Dalam satu minggulah, kasi jawapan.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Okey, boleh, boleh.

Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]: Itu Sembulan punya tanah tu, yang *investigation* tu bawah Kementerian Datuk Menteri juga, yang Sembulan *eviction notice* tu atau kita mahu tanya sama Ketua Menteri, yang Sembulan tu, saya ada bahas tu sebenarnya Sembulan penduduk di Sembulan yang dapat *eviction notice* itu.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Okey, kita akan akan jawab *in writing*.

Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]: Okey, terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Tuan Speaker, sebagai mengakhiri ucapan penggulungan saya pada hari ini, saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan atas pembentangan *budget* yang memfokuskan kesejahteraan rakyat. Semoga usaha murni ini, akan menjadi dorongan untuk kita sebagai rakyat di negeri ini untuk terus bersatu padu ke arah yang makmur dan masyarakat yang sejahtera.

Saya juga turut ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Natal kepada semua Ahli Dewan Undangan Negeri, penjawat awam dan rakyat Sabah yang meraikannya. Selamat Menyambut Tahun Baharu 2025 dan Selamat Menyambut Tahun Baharu Cina, semoga tahun mendatang ini akan lebih sejahtera dan bermakna bagi kita. Sabah Makmur, Rakyat Sejahtera, akhir sekali ada dua kerat pantun.

Daun tarap daun timadang,

Kalau ada silap jangan meradang.

Datuk Speaker, saya menyokong.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri Pelancongan Kebudayaan dan Alam Sekitar menyampaikan ucapan penggulungan Kementeriannya.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Datuk Speaker, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan atas kejayaan membentangkan Belanjawan Negeri Sabah 2025 pada 15 Nov 2024 yang lalu. Belanjawan Negeri Sabah tahun 2025, yang bertemakan “Sabah Makmur, Rakyat Sejahtera” yang menjurus kepada pembangunan lestari berasaskan kebersamaan dengan berpanduan teras utama. Teras utama merupakan satu bajet yang menjurus kepada komitmen Kerajaan Negeri untuk menyokong pembangunan

dan pertumbuhan ekonomi negeri demi memakmurkan dan kesejahteraan negeri ini secara *inklusif*. *Excuse me*,

Datuk Speaker, saya amat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah meluluskan peruntukan perbekalan dan pembangunan secara keseluruhan sebanyak RM155.27 juta kepada Kementerian dan agensi di bawah saya bagi tahun 2025, peningkatan sebanyak 4.49% daripada peruntukan yang diberikan pada tahun 2024. Selaras dengan Belanjawan Kerajaan Negeri ini, Kementerian saya komited untuk memastikan Sektor Pelancongan Negeri terus berkembang serta alam sekitar dan warisan budaya terpelihara dan dipulihara. Kementerian saya bersama enam Jabatan dan agensi di bawahnya akan merancang program-program berkaitan pelancongan, kebudayaan dan alam sekitar.

Untuk pelaksanaan pada tahun 2025, sebagai persediaan Tahun Melawat Malaysia 2026, tahun 2025 juga merupakan penghujung kepada Rancangan Malaysia Ke-12. Justeru, Kementerian saya komited untuk memastikan perancangan pembangunan yang dimantakan kepada Kementerian dalam tempoh lima tahun terlaksana.

Datuk Speaker, setakat September 2024, ketibaan pelancong adalah sebanyak 2 416 131, 2.416 *million tourist* orang dengan anggaran perbelanjaan pelancongan berjumlah RM5.62 bilion, RM5.62 bilion. Ini merupakan satu peningkatan yang memberangsangkan dengan kata pertumbuhan sebanyak 28.3% berbanding tahun lepas.

Negara China merupakan terbesar ketibaan pelawat antarabangsa dengan menyumbangkan sebanyak 39% ketibaan, diikuti ketibaan Brunei dan Korea Selatan. Peningkatan yang ketara ini, didorong oleh jumlah penerbangan pada tahun ini yang mana 98%, 98% ketibaan adalah melalui pengangkutan udara sebanyak 377 penerbangan domestik dengan 66 546 kapasiti tempat duduk seminggu yang menghubungkan negeri Sabah kepada beberapa negeri di Malaysia manakala bagi sektor antarabangsa pula sebanyak 17 destinasi antarabangsa dengan jumlah penerbangan seminggu sebanyak 126 dengan kapasiti 23 394 tempat duduk.

Syarikat penerbangan Air Asia merupakan syarikat penerbangan utama yang menyediakan perkhidmatan penerbangan antarabangsa dengan menghubungkan

Sabah kepada 15 destinasi antarabangsa. Suka cita saya memaklumkan, negeri Sabah bakal menerima empat lagi perkhidmatan laluan terus antarabangsa pada bulan November dan Disember pada tahun ini, *direct flight, four more direct flight to Sabah in November and December.*

Datuk Speaker, sebagai persediaan untuk tahun Melawat Malaysia 2026, Kementerian saya melalui Lembaga Pelancongan Sabah telah melancarkan Kempen Explore Sabah untuk dilaksanakan sepanjang tahun 2025. Kempen ini yang dilancarkan semasa penyertaan Sabah di acara pelancongan berprestij di dunia, iaitu World Travel Mart di London pada 4 hingga 6 November lalu bertujuan untuk memperkenalkan pada pelancongan Sabah ...

20/11/2024 – RAKAMAN 28 [2.30 PETANG – 2.40 PETANG] – [ADRIAN] – DARRYL JUDE – NORMA

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: ... melalui tiga tema utama, iaitu *Culture, Adventure, and Nature in Sabah.*

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: China, Korea.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Datuk Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini.

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: Datuk Speaker.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Acara *Mount Kinabalu International Climba.*

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: YB Menteri? YB Menteri *can i just interject* sedikit?

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *Give me a rest also.*

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: *Okay good, good for you to rest, drink your water. Thank you Datuk Speaker. Datuk Menteri, berkaitan dengan Visit Sabah Year or Visit Malaysia Year 2026, 2025 or 2026?*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *Okay, actually di Federal Tourism had change it from to 2025 to 2026.*

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: *Yes.*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *Melawat Malaysia yes.*

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: *I think it is now corrected to 2026, kan?*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *So, we started Sabah.*

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: *Earlier?*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *Tourism Board, early. We push, that's why we are going all over the world to attract tourist to come.*

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: *Yes.*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *Also in, to join our Malaysia Travel Group because we want the people, the tourist to come to Malaysia, not only just Malaya but also Sabah and Sarawak.*

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: *Understood, thank you. YB Menteri, i like to clarify something dengan izin of course, to clarify that in this program. In your preparation, did this include as the logistic transportation for all of them as well as*

cleanliness of our public toilet? I mean let's, i'm sure that Datuk Menteri have gone to some of the public toilet as well as the mall toilets, they are in horrible condition.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *I know.*

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: *A lot of people if they can, they would rather go to the five star hotel to go and do their a little you know to visit the water closet tetapi in Sabah, we are in a bad condition. Can you imagine the impression we leave to the tourists who have so much hope for Sabah? Among other things, our roads are still bad. Will your ministry be working with the other ministries to make sure that by 2026 all this are perfected? And that you and i can use the public toilet even with a confidence. Thank you.*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *I totally agree and understand what you mean. Yes tetapi i give you a good news. The Transport Minister also have announce just one two weeks ago when he came Sabah, that the Malaysia Holding Berhad, Malaysia Airport Holding Berhad is going to announce, they are coming next week to visit here Sabah and they are going to announce a RM400 million worth of upgrading and repairing job in KKIP, KK Airport alone, not include Tawau yet. So, i am prepared to meet with them and.*

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: *Yang penting Sabah punya kontraktor boleh dapat ah.*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *Ya, yang penting itu. I always complaint myself, i understand what you mean. When the tourist come to Sabah, Sabah punya International Airport is really a place where we need to improve. Macam mana saya lawat airport itu, KK Airport, ramai tourist ada sana, pelancong sana tetapi tidak cukup toilet, tidak cukup facilities. So, i am, i am ...*

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]: *Minta penjelasan tadi Datuk Speaker.*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *Eh, let me finish firstlah Datuk.*

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]: Sekejap saja, nanti lupa. Tadi *mention* Yang Berhormat Menteri kata *upgrade KKIA Airport not including Tawau, that is for 2026*. Dalam *bajet* baru ini di *Federal*, Tawau Airport akan dinaik taraf.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *Yes, yes.*

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]: Itu perlu diperbetulkan itu.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *Tawau. They will announce on Tawau also.*

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]: Yalah, yalah.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Tetapi saya tidak mahu *announce*. Kita tunggu dia orang datang Tawau.

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]: *But Minister said that tadi excluding Tawau.*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *Well, well, well it will come because Tawau is now getting a lot of chartered flights already.*

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]: Yalah, i ... i.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *A lot of tourist coming to Tawau direct too.*

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]: *What i meant is, what i meant is not tourist, i meant is.*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Yes.

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]: *Upgrading Tawau Airport.*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *Actually not only Tawau and Kota Kinabalu. I think.*

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]: *Another added lagi. Okay, thank you.*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *We should look into Sandakan also. Okay. So, the facilities that we have to provide to tourist very important. So, i also had a meeting with the Mayor Kota Kinabalu and we talked about we want the Kota Kinabalu City Park. Where we are going to upgrade all the facilities. Now this is not only for tourist purpose, it is also for kita, kita pun mahu enjoy what we have in Sabah. So, this is taking place step by step. Of course i hope by 20, thank you. I hope by 2026 we will have at least half of this facilities upgraded and repaired, okay? May i continue?*

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Datuk, Yang Berhormat Menteri, kalau boleh?

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *Can I continue?*

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: *On the same subject.*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *Oh, sorry.*

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: *On the same subject, you talked about the airport dengan izin.*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *Aiyo.*

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Datuk Speaker dan saya setuju dengan Datuk Speaker. *So make sure* kontraktor itu dari Sabah. Kalau kontraktor itu daripada sebelah sana, nanti subkontrak lagi, tidak ada projek.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *I know.*

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Cuma saya ingin apa yang berhubung kait dengan lapangan terbang, lapangan terbang.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Okey.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Walaupun Yang Berhormat telah menyatakan bahawa Kota Kinabalu *will be upgraded by MAB but don't just depend on hearsay.*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *No.*

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: *Because* saya persoalkan Menteri Pengangkutan di Parlimen. Bila dia sebut RM200 juta lebih, RM230 juta akan diperuntukkan di Lapangan Terbang Tawau dan juga Lapangan Terbang Sarawak, Bintulu di sana. Cuma saya telah minta supaya *but need to be followed up*, Lapangan Terbang Tawau *is not only the bridge.*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Yes.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: *That need to be.* Kita ada cuma dua.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Yes, yes.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Ya *bridge* di situ.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Yes, *true*.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Kalau ada dua kapal, tiga kapal, *gone*. Cuma satu lagi, *parking bay*.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Yes.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: *The nose bridge is not a you know good enough.*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Ya.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: *Parking bay*, satu ketika dahulu penerbangan daripada China, *Private Airline*. Lepas itu, ada penerbangan daripada AirAsia, dua dah *and there is another aircraft, Firefly*. Tak muat *some of the aircraft*. So, *i think*, saya ingat kalau dapat Yang Berhormat Menteri, dalam susun atur program ini, *Airport Sandakan, Airport Kota Kinabalu, Airport Tawau* yang tidak ada air, yang tidak kadang-kadang padam lampu, *very embarrassing*. Cuma saya minta kepada Yang Berhormat supaya *we have a proper plan*.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Yes.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Now.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Yes.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: *Don't wait until they all tender sana, tender sini macam.*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *No, i will wait till i become ...*

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Saya dengar daripada Menteri Kerja Raya *we are* tengah nak atur semua, tak boleh.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Okay.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: *You must be very comprehensive the need of the tourist.* Pasal bimbang saya *tourism* di **Sem**, di Tawau itu dia duduk di lantai. Jadi saya berharap Yang Berhormat Datuk Speaker supaya perkara ini.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Ya.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Pertama.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Yang Berhormat ...

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: *Make sure* dari segi cadangan saya supaya *nose bridge* ditambah. Yang kedua, dari segi landasan itu. *The landasan is okay already* cuma dia punya *parking bay* ya. Terima kasih banyak.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *Thank you.*

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Itu akibat dia.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Ya.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Terlalu banyak *tourist tourist* yang datang *bah* kan?

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Ya. Kalau tidak ada *tourist*.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: Kalau banyak *tourist*, ini dia punya *consequences*.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Datuk Speaker.

Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]: *Alright carry on* Yang Berhormat Menteri.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Datuk Speaker, jika sebagai Menteri Pelancongan tidak bawa *tourist* datang, pun susah. Bawa *tourist* sini terlampau ban ... ramai, pun susah. Fasiliti mesti diupgraded. *I totally agreed with that. Okay, may i continue Datuk Speaker?*

Datuk Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, acara *Mount Kinabalu International Climbathon* pada tahun hadapan akan diangkat ke satu tahap yang lebih tinggi apabila acara ini akan memasukkan dalam *Calender Skyrunner World Series*. Kita akan naik kita punya *title* sampai *International World Series*. Acara ini akan menjadi salah satu hentian dalam siri larian antarabangsa, di mana pelari-pelari di bawah *International Skyrunning Federation* di seluruh dunia akan menyertai

acara ini sebagai satu, salah satu syarat untuk dinobatkan sebagai pelari terbaik di dunia. *We are inviting the international runners to come to Sabah and it is on the international level.* Acara ini sememangnya di dalam agenda Kementerian untuk menunjukkan keistimewaan negeri Sabah sebagai *Unesco Triple Crown*.

Datuk Speaker, *on the subject of conservation*. Selain daripada aspek promosi pelancongan, perluasan kawasan melindungi, perlindungan juga antara agenda Kementerian yang utama dalam memastikan kejayaan biodiversiti hidupan marin dan daratan dipelihara. Sukacita dimaklumkan ...

20/11/2024 – RAKAMAN 29 [2.40 PETANG – 2.50 PETANG] – [ARINA] – AZYATUL – AHMAD

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Dan Taman Teluk Darvel dijangka diwartakan pada bulan Mac 2025. *We are gonna have a new product*, pewartaan ini akan menjadikannya sebagai taman yang ke-10 di Sabah di bawah Enakmen Taman-taman Sabah.

Datuk Speaker, Taman-taman Sabah komited untuk meningkatkan kawasan perlindungan dan telah mencadangkan beberapa kawasan diwartakan sebagai kawasan taman. Antara lokaliti yang dicadang adalah Perairan Tambisan, bekas Lombong Mamut, Pulau Mantanani, Pulau Mengalum dan Pulau Ligitan. Mohon komitmen ini disokong penuh oleh Ahli Dewan yang mulia ini, memandangkan pewartaan kawasan ini secara langsung menjadi produk pelancongan yang premium kepada negeri ini. Alam sekitar, Datuk Speaker, sukacita dimaklumkan.

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Yang Berhormat Menteri.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Di bawah Perjanjian MA63.

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Yang Berhormat Menteri.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Kerajaan Persekutuan telah mempersetujui untuk.

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Yang Berhormat Menteri. Boleh saya mencelah sedikit?

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Kalau mengenai Lahad Datu dan Semporna, akan datang.

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Taman Teluk Darvel.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Ya, akan. Saya akan *explain further*.

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: *Alright.*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *Okay, thank you. Ini perlu, a lot to talk. Sorry. Okay. Mana saya. Persekutuan telah mempersetujui untuk menurunkan kuasa pengurusan alam sekitar kepada Kerajaan Negeri, bermula dengan pengurusan sisa buang, this one I don't know how to pronounce. Can you help me? Buangan terjadual. Terjatuh. Terjatuh. Ngam ah? Otherwise I said english, oh. Okay.*

Pada bulan Januari 2026, *by 2026 we will have a few international standard* punya pelancongan *products*. In the, in Sabah.

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: *But YB Menteri, the international punya standard of toilet, rest house, pit stops and whatever.*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Ya, ya.

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: Bukan sahaja di *airport*. *Everywhere*kan?

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *Alright. So, I continue* Datuk Speaker? Sebagai persediaan kepada penurunan kuasa tersebut, kementerian saya melalui Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah telah mengambil beberapa langkah termasuklah memulakan pindaan Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002 dan merangka peraturan berkaitan sisa buangan terjadual, *again*. Menyediakan Pelan Pengurusan Sisa bangun, buangan terjadual untuk Sabah membangunkan sistem pemantauan sisa bang, *there's a lot of this word*, buangan terjadual. Terjat. Terjat. *What is this word?*

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Yang Berhormat Menteri.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Terjatuh ah?

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Yang Berhormat Menteri.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *Alright, the Speaker is not helping me.*

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Yang Berhormat Menteri, *you can say in english if you would like to.*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *I used english?*

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Ya, ya.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *I try to practice my malay.*

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Di bawah Peraturan Mesyuarat kita, 42A.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *Okay, boleh, boleh, boleh.*

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Kita boleh berbahas dalam bahasa melayu dan *english*.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *Okay, boleh, boleh. Noted. Noted. Thank you.* Secara dalam talian dan memperkukuhkan keupayaan kapasiti Jabatan Perlindungan Alam Sekitar. *Okay. I go to the subject one of my agency which is Kebudayaan.*

Datuk Speaker, aspek kebudayaan antara portfolio yang menjadi teras utama kementerian saya yang menjadi fokus pada 2025. Sukacita saya ingin memaklumkan di dalam Dewan yang mulia ini, bahawa Kerajaan Negeri akan membangunkan Pusat Kebudayaan Negeri Sabah yang bertempat di kawasan Kinarut, Papar dengan keluasan 48 ekar.

Pembangunan Pusat Kebudayaan Negeri Sabah ini akan mulai dilaksanakan pada tahun 2025 dan akan menjadi salah satu produk pelancongan baharu, yang menjadi *one stop centre* untuk menunjukkan etnik dan budaya di Negeri Sabah. Pusat kebudayaan ini juga akan menjadi tempat bagi menganjur acara-acara kebudayaan yang akan datang. *The Kebudayaan Complex would be, with a big capacity, where we can have a lot of big and small kebudayaan punya function to be held there.*

Datuk Speaker, sebelum saya menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih atas saranan dan cadangan yang telah dikemukakan kepada Kementerian saya. Kementerian mengalu-alukan cadangan dan saranan Ahli-ahli Yang Berhormat agar kita bersama-sama membantu memulihkan serta meningkatkan lagi kualiti sektor pelancongan negeri ke peringkat lebih tinggi.

Dengan itu, izinkan saya memberi penjelasan kepada beberapa isu yang telah dibangkitkan kepada kementerian saya. ADUN N.11 Kadamaian, *he is not here*. Tak perlu kan. *No need ah. Okay, okay. Actually I have a lot to announce for him, he's*

not here. ADUN N.55 Gum-Gum ada? Tidak ada. No need ah. Actually a lot too. Okay, ADUN N.56 Tanjung Papat and N.10 Usukan. Okay.

Datuk Speaker, berhubung pertanyaan Yang Berhormat N.56 Tanjung Papat dan N.10 Usukan, berkenaan data statistik. Kementerian saya tidak mempunyai statistik khusus hubungan, berhubung sumbangan setiap daerah dan setiap segmen pelancongan. Walau bagaimanapun, Kementerian dengan kerjasama *Department of Statistic Malaysia* telah menitipkan akaun, setelah satelit-satelit pelancongan wilayah Sabah tahun 2022, yang boleh dijadikan sebagai rujukan untuk sumbangan pelancongan dari segi penginapan, makanan dan minuman, pengangkutan serta industri berkaitan.

Berdasarkan statistik yang telah dilaporkan bagi tahun 2022, industri pelancongan telah menyumbang sebanyak RM13 bilion kepada ekonomi Sabah. Perbelanjaan pelancong imbang adalah sebanyak RM2.7 bilion. Perkhidmatan pengangkutan penumpang dan jualan runcit, bahan api, kenderaan merupakan komponen utama dalam perbelanjaan pelancongan imbang dengan sumbangan sebanyak 35.1%. 35.1 percent. Diikuti dengan produk perkhidmatan penginapan dan penyediaan makanan dan minuman sebanyak 29.4%. Manakala, perbelanjaan pelancongan domestik adalah sebanyak RM3.5 bilion. Keseluruhan perbelanjaan ini dibenga, I can not see. Dibenga.

20/11/2024 – RAKAMAN 30 [2.50 PETANG – 3.00 PETANG] – [NELLY] – MOHELENA – NADA HAIFAA

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: ... dipengaruhi, *did I say it right?*

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: Ya.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *Thank you*, oleh aktiviti membeli-belah, iaitu 47.2 peratus daripada jumlah perbelanjaan pelancongan domestik di Sabah. Diikuti oleh perkhidmatan penginapan dan penyediaan makanan dan minuman, iaitu 29.8 peratus.

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: YB Menteri, *can I get the point of clarification of Datuk Speaker? This, you mention that your Ministry has no data that you have to use DOSM's data.*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Ya, *we have to use because dari daerah to daerah, we don't have.*

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: *I know but with all the money given to your Ministry all the years, you never build a data collections center or database center at least?*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *I shall take your advise (ketawa).*

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: (ketawa) *Seriously?*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *Seriously. Okay, I passed it to my Ministry.* Yang Berhormat ADUN N60 Tungku, Yang Berhormat N60, N60 Tungku ada mencadangkan untuk menambahbaikan dan pembinaan fasiliti kemudahan pelancongan seperti jeti pelancongan, hotel dan *homestay* dan *Leisure Center Waterfront*. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas sokongan Yang Berhormat dalam mengutamakan belanjawan negeri khusus kepada sektor pelancongan negeri sebagai pemaju ekonomi negeri.

Datuk Speaker, sememangnya fasiliti seperti jeti pelancongan dan *waterfront* yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tungku ini tidak dinafikan kepentingan dan keperluannya memandangkan Kementerian menjangkakan dengan perwartaan Teluk Tawi ini akan memberi limpahan sosioekonomi daerah Lahad Datu ke Kunak. Kepelbagaian biodiversiti yang telah dipromosi sejak sekian lama di Lahad Datu serta keistimewaan Teluk Tawi ini yang merangkumi keindahan Blue Ring Reef pastinya menjadi daya tarikan baharu bagi negeri ini. Sehubungan itu, Kementerian akan meneliti perkara ini dan semestinya akan dimasukkan ke dalam pelan

pembangunan lima tahun Rancangan Malaysia Ke-13. Sebagai makluman Yang Berhormat juga ...

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Datuk Speaker, *can I just interrupt for a while* (ketawa) dengan izin Datuk Speaker kalau boleh, pasal saya juga bila Yang Berhormat telah menyatakan berdasarkan DOSM punya data dan dinyatakan hasil yang diperolehi dan saya ingin, saya juga menyebut dalam Dewan ini tentang pelancong yang datang, saya ingat Yang Berhormat pun sedar bahawa pelancong yang paling ramai dari China ke kawasan saya sendiri. *The biggest in number*, mungkin dalam satu minggu 4000 ya.

Dalam satu pangkalan data yang saya perolehi dalam satu bulan *quite big*. Cuma bila disebut tentang hasil, saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat sama ada *you have also*, sama ada data ataupun pelan untuk memastikan saya sudah tanya dengan Menteri Kerajaan Tempatan, *trading licence* ada, pasal pelancong China saya ulang balik, berulang-ulang, saya tidak mau nanti perkara ini seakan-akan *you know just hearsay. No action is taken. What is important to for us is to ensure that when we raise an issue in this Dewan or in Parlimen, action must be taken. For example, like restaurant own by them. Now how much we earn?* Itu yang saya katakan dari segi *master-diver*. Tadi pengangkutan dah ada pelancong China pengangkutan dia. Saya tahu dia punya warna pun warna hijau putih. Bila saya kita punya *grab driver*, kita punya bas operator pun *dying*. Kita tidak mau nanti, Datuk Speaker, dalam kita menarik sebarang *my* pelancong datang dari luar sama ada domestik, tapi ini dari *particular, that particular area you know, from China, we must make sure we have to learn*. Saya tidak mau nanti berulang macam dulu Korea, dia bawa dia punya makanan, dia bawa dia punya ni, *there were times*.

But I think we have to learn, dari segi ini cuma saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat juga tentang pulangan kepada daerah yang memberi sumbangan yang besar tentang pelancong yang datang. *Do you have the amount of money? To ensure that you know give back to them. We have contributed to the income to the State*. Kadang-kadang saya di kawasan saya, saya punya peruntukan tu saya bagi untuk menambah dari segi kemudahan pelancongan di situ walhal yalah *the State Government should also play the role to ensure that the return of investment there* supaya pelancong-pelancong bukan ada operator dia, mampu untuk menarik

seramai keselesaan macam Moyog kata, *it must be there, the toilet is there, the bridge is there*, jambatan dia. Kadang-kadang itu *quite the problem* so saya harap nanti saya akan tanya dari segi rancangan, tindakan yang dilakukan oleh pihak Kementerian untuk pastikan ada keberkesanan. Terima kasih banyak.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *Thank you.*

Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]: Tuan Speaker, saya nak minta sekejap ekoran daripada itu. Saya guna bahasa yang senang. Sekarang ini sektor pelancongan ini antara terbanyak menarik pelancong di Sabah dan sudah tentu Kerajaan berbelanja. Saya nak ambil matematik yang kira, berapa Sabah perolehi daripada sumber pelancongan yang datang? Itu yang saya nak. Pasal kita nak berbelanja tapi *return* dia berapa? Saya nak tiga itu ja. Matematik yang senang. Terima kasih.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Terima kasih, Yang Berhormat-Yang Berhormat. Untuk menjawab soalan yang kelmarin yang mana saya tidak ada *information, detail information on what happen if the* pelancong datang ke misalnya di Semporna *and then he go on open business, do business there, what happen? So I went back to my Ministry and they gave me the detail answer. I like answer to* Yang Berhormat dari Senallang. Okey.

Datuk Speaker, *issue* berkaitan lesen perniagaan oleh pelancong China, isu berkaitan pelancong yang membuka perniagaan ini hanya dapat ditentukan oleh status pelancong itu sendiri daripada Jabatan Imigresen Malaysia. *I am in the Ministry I don't know how I can check, so immigration would be the one because they come in with passport.* Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, sebarang permohonan warga asing yang datang ke Malaysia adalah tertakluk kepada Peraturan dan Akta Imigresen 1957, 1963 dan Akta-akta Passport 1966. Ini menjadikan bahawa hal-hal berkaitan warga asing yang menjalankan perniagaan adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Imigresen Malaysia untuk diambil tindakan.

I like to add this one also. The local government counsel them, so they should issue licence before they operate their business tetapi based on the record they have. Untuk makluman Yang Berhormat Senallang serta Dewan yang mulia ini, Majlis Daerah Semporna tidak pernah mengeluarkan ... mengeluarkan sebarang lesen perniagaan kepada pelancong China selaras dengan dasar Kerajaan sedia ada. So these two, dua pihak kuasa very important immigresen and also the DO sana, the Council Office. So we don't have that.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Yang Berhormat, saya faham *is a Federal Government, immigration* saya faham, Kerajaan Tempatan Negeri punya, *but you are Ministry* pelancongan. Saya cadangkan, saya nasihatkan kalau dapat, ya, *because you* keluar negeri selalu. *Then you have mention there will be how many million tourist coming into the country, into Sabah. But before you even know the figure you already know that. But where the source is? Can't you discuss with the source? Pamphlet distributed to even China there, tourism companykah* apakah ...

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Okey.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Katakan bahawa *this is the do's and the don't, that you can't do, you are tourist, you cannot operate business there ...*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Emm...

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: ... *and you cannot say that while it's not by responsibility. It shows that the government of the State* yang ada ini tidak ada koordinasi ...

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: ... jadi tidak ada koordinasi. Jangan cerita tentang Persekutuan. *Even Kerajaan Negeri pun tak tahu-menahu. You don't understand.* Data yang ada dengan dia, you tak ada. *How can you govern the state and the people when you don't share whatever responsibility* yang ada. Saya berharap supaya Datuk Speaker, perkara ini kita atasi. Tadi itu ada datang apa nama, pelancong, apa ini larian yang besar dari antarabangsa. *Sky runner, you say that. There will be a thousand or million will be coming. Are you prepare that?* Satu, saya minta kalau Datuk Speaker, saya cadangkan kalau boleh, *you have your own structure.*

Macam di Sarawak, dia tidak bergantung dengan Kerajaan Persekutuan. *They have their own structure.* Pangkalan data dia tahu, dari Korea berapa ribu, dari Germany berapa ribu, daripada domestik, dari semenanjung, daripada mana-mana tempat, *they have that.*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Kita pun ada rekod begitu, ada juga ...

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: ... *but you. It's not only the records but you must have an out pit. A particular structure within the Ministry* supaya *these can be connected to other department when there is issue arises.* Kita tidak mahu nanti Yang Berhormat keluar negeri, keluar negeri lepas itu pelancong datang *and then ok you whatever you do, you know airportkah. Whatever you do, it's not my responsibility.*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *No, no.*

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: *I don't think that is way we cannot excel. You know as the tourism centre for the country even i suggested when you are the minister.* Produk-produk pelancongan contohnya, kita kenal pasti di Telupid. Saya cadangkan supaya 30 ribu ekar di situ kita tempatkan

gajah, kita tempatkan di situ macam di Serengeti South Africa. *This is tourism product.* Supaya kita dapat *income*. Di samping itu, kita selamatkan gajah-gajah yang makan kelapa sawit, makan buah-buahan di Tawau, di Kinabatangan, di Lahad Datu and *this is where i think we have to had that product kind of things to ensure that you can realise a tourist and comprehensive approach to ensure that the tourism sector is far much better than now.* Terima kasih banyak.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *Thank you.* Terima kasih. Pelancongan, Kementerian Pelancongan adalah *record in and out of the tourist from which country even tetapi it happens very particularly in Semporna. Maybe Semporna is too famous already. All the belanjawan to go to Semporna. So, we have to take special care in Semporna. Saya akan bawa officers saya in this weekend. We all go to Semporna. All must go there. Physical contact.* Kita mahu tahu *what's going on.* Dari saya punya SUT sampai saya punya *senior officers, we all go to Semporna. Because we need to know what's going on, we try to resolve the problem.*

Jadi, *i can think of this.* Kita berhubung dengan *The Council General of China, Council Office. We advise them to advise your people when they come here, you come here as a tourist, you leave here as tourist. You don't do business. You want to do business, that's a difference procedure that you must observe. You have to go through Immigration, you have to go through Council or Local Authority. So we, our stand is like that. Cuma kadang-kadang you have people that pandai-pandailah dia sendiri. So we have to study how to do it. I accept your advise that we have to be very closely following. So we are going to call meeting with all the hotel association, tour and travel, group association. All this to have a dialog bersama mereka. Suruh mereka advise you punya customer. Pelancong datang sini tolonglah, sebagai enjoy our tourism, enjoy our tourist product but don't go into businesslah. Because business is untuk kita punya local people bah. Unless you have other investment, that's a difference story. Thank you very much.*

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Datuk Speaker, sebenarnya, contoh macam saya sebutkan tadi *must be a proper coordination.* Untuk mengambil tindakan, saya tahu saya jumpa dengan Menteri Dalam Negeri, *he himself*, Saifuddin Nasution. Saya maklumkan dengan Pengarah

Imigresen. Ambil tindakan. *The Immigration Director took actions.* Berapa orang yang ditarik *overstay*, satu, *but can you imagine a member of Parliament, doesn't have any position?* Saya bagi arahan, saya panggil DO, 23 operator Cina. Ini orang Cina Semporna, bukan orang Cina dari China. Mengadu dengan saya. *I have all the data with me. I can show it to you.* Saya bagi dengan Menteri Pelancongan, YB Tiong. Saya bagi tahu, *action must be taken. So he form a task force there. To make sure that actions is taken,* saya panggil Majlis Daerah dia tak, panggil Pegawai Daerah, pasal saya ini mungkin Pembangkang. Walaupun saya di Parlimen tetapi sistem kita bukan oleh kerana. *I am very constructive you know. I am not being very emotional* dari segi pandangan, *all my debate here, i don't hit anyone.* Nak mencaci, menghina, tidak ada. Cuma saya *very constructive as a senior leader make sure that Sabah is on top there. This is my place. That's why* saya harap sungguh Yang Berhormat supaya runding dengan majlis daerah, jangan bergantung sangat dengan Pusat.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Yes.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: *We have to be independent, cannot be too dependent. Everytime KL, KL, susah. Terima kasih Yang Berhormat.*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Tak jugalah. Saya selalu pergi KL. Saya adalah petugas di Sabah sebagai Menteri Pelancongan bukan KL. Tetapi kita perlu ...

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: *I didn't mean you travel to KL. I meant that whatever problem in Sabah must be resolve first by us.*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Yes.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: *Not by them. Ours can resolve within. Than why don't we resolve that?*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *Our State Government especially our Chief Minister has been very supportive to the Kementerian Pelancongan. Almost all out to back us up on the programme that we propose. He's always very supportive and i think that State Government is able to handle what problem that we have. Tidak, tidak boleh over night, one month, two month, we settle all the problem that we have. Not enough toilet, not enough clean place, not enough kerusi, not. We are working on it. I am very confident in two three years time, our new repair, upgraded international airport will be there and then will get even more tourist coming to Sabah. I notting that is one of the ways that we also push for the economic contribute to the economy of Sabah because we believe that tourism is an upcoming, upcoming force that we need to take chance of it.*

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: *Datuk Speaker, not only the airport of course. All the infrastructure that directly contribute to tourism ...*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *Ya. Thank you.*

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: *Minister, can you carry on with your speech. We are running out of time now.*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *Nanti saya pun. Sebagai makluman Yang Berhormat juga, pada ketika ini daerah Lahad Datu mempunyai 37 buah premis penginapan dengan jumlah 1011 bilik. Kementerian sememangnya mengalu-alukan pelaporan berkaitan sektor hotel, penginapan terutama sekali yang taraf empat dan lima bintang memandangkan Lahad Datu antara destinasi pilihan kepada pelancong daripada Eropah. Baru-baru ini saya pergi ke London attend the worlds most prestige, The International Tourism World and we sell Sabah very much. We push and they are very interested to the diving and the sanctuary in Sandakan especially Semporna. They all know about Semporna. Actually i say, i give my credit to my CEO of Sabah Tourism Board. They really push very hard for all these destinasi. So, i believe that if we all work together, we will be able to improve our state as a better*

destinasi. *Don't repeat me as what i say here. Don't say. I think we can take over Bali, we can take over many many countries ...*

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: *Datuk Speaker, YB Menteri, i just receive, someone is watching you of course explaining. This is a person who went to Ranau or Kundasang recently. So, she and her family booked into one of the many lodges or hotel di sana Kundasang. The quality is bad and these are people who have a lot of money from Singapore. So they came to Sabah. They didn't spend much, so they spend little bit, tapi they said the quality. Can you imagine our rooms. Why is your ministry not monitoring this type of lodging. You have to punish them. Since you are issuing licence to them and charging RM10.00 anyway per tourism.*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *I'm coming to that in a little while. So i hope we can attract four or five star kind of hotels, lodging, houses in Lahad Datu in ...*

20/11/2024 – RAKAMAN 32 [3.10 PETANG – 3.20 PETANG] – [NURFARA AIN] – THEODORA – AHMAD

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *What to Semporna also, because there are so many of them coming, we know the booking in advance, February, January, February, March how many will come, we know the booking, we know the record, so we have to be prepared. I understand what you mean but we are doing it also.*

Okey let me go ahead, bertaraf empat dan lima bintang memandangkan Lahad Datu antara destinasi pilihan kepada pelancong daripada European. Europeans loves to come to Lahad Datu and also Semporna. I just came back, I know, namun yang demikian, pembangunan hotel dan segmen pelancongan bersifat “niche”, “niche market” ini adalah dipacu oleh permintaan dan juga daya maju komersial di samping meningkatkan amalan pembangunan mampan terutamanya di kawasan yang sensitif, kawasan sensitif means in order of border in eascost of advisory (sebutan tidak jelas/suara bertindih)

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri boleh...

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Sudah. Lahad Datu sudah saya cakap.

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: *No...no...* Okey, ada satu perkara yang penting, *you are talking about sensitive area in Sabah, is turn part of Sabah.* Okey.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Apa lagi? Okey cepat *advisory, advisory...*

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Ya, *travel advisory.* (Suara bertindih)

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Okey, *coming, coming... sit down...*

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Okey.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Datuk Speaker, Yang Berhormat juga ada menyentuh, yang mana, *see I told you coming.* Berhubung dengan *travel advisory* negara-negara luar terhadap kawasan pantai timur Sabah. Kementerian sememangnya telah mengambil beberapa pendekatan dalam meyakinkan negara-negara terbabit akan keselamatan di kawasan ini. Antara tindakan yang telah diambil adalah Kementerian melalui Lembaga Pelancongan Sabah telah mengadakan perjumpaan bersama duta-duta di Kuala Lumpur untuk membincangkan berkenaan perkara ini. Susulan daripada perjumpaan ini juga Kementerian Dalam Negeri bersama Escom dan wakil-wakil kedutaan telah mengadakan lawatan ke kawasan perairan Lahad Datu dan Semporna untuk melihat secara fizikal tahap kawalan dan keselamatan kawasan ini.

Pada masa yang sama Kementerian juga telah memberikan input kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) berkenaan dengan implikasi-implikasi dari Sektor Pelancongan berhubung perintah Kawalan Pergerakan Escom, yang memperkenalkan

oleh MKN bagi menggantikan perintah berkurung. Kementerian berharap melalui pendekatan ini *travel advisory* yang dibuat dapat ditarik balik dari negara-negara berkenaan. *Just to share, is not in my speech, just to share with you* Yang Berhormat, *when I was in London with my staff, we when to see this person very high position in the government. He was bekas Australian high commission in KL. We explain to him what we feel about the advisory. His very supportive. His go bring this out, his go bring this out and we hope that we will continue following up and make sure Australia start first and all the other country also, we had one hour meeting with him and he was very fresh-full, itu not in my speech ah just to tell you* itupun untuk makluman saja.

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: YB M, YB M. *I think you should talk to MITI, you should talk to Foreign Ministry as well as the beside Embassy, High Commissioner...* (suara bertindih)

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Ya, *you're ...*

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: *...just imagine the American are still considering Sabah, ah sorry, the eascost level two, that is serious. I just read in a news, your deputy minister just went, just made The United Kingdom authorities to leave the travel advisory. Now this I, think you should have deal with the Foreign Minister, Mitty as well, they have all facilities for you.* (suara bertindih)

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *We invited nine or ten High Commissioner and Duta-duta Ambassador from all this country, two months ago to visit Semporna, route them to three Pulau. They so own this nice Escom people. They very competent also, tapi ini cara ini ambil masa lah.*

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, *if I may suggest, go the route coast of this problem,*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Okey... *how do I know how to coast it oh?* (suara bertindih)

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:...*actually, no, no, you listen to me alright. Calm down okey calm down. The reason for this is because of yang pertama sekali pengisytiharan oleh Kerajaan bahawa kawasan tersebut adalah kawasan peperangan. Because of Tanduo caselah, so, dorang ada perintah berkurung. And then know sekarang rebrand pergi ke PKP.*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: ...*tapi the last time they have the incident was twenty years ago, they are trying to...*

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:...*Itu PKP tariklah. Tidak perlu lagi ada PKP untuk kawasan pantai timur since what we haved said now, itu tempat sudah secure bah. So, itu travel advisory datang daripada because of kawasan itu...*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *I know, no need to say it la, I know.* (ketawa)

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Ya. So, itula minta dengan MKN, minta dengan Menteri, minta dengan PMX, suruh tarik balik itu PKP *all of this kind of thing and then selesai.*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *Ministry Kementerian Pelancongan, the whole ministry, senior staff, all go there. I'm going also, so its very sad, what is the problem? Okey, sudah.*

We are telling the Ambassador and Council and The High Commissioner, we our-self go there. What is the problem? Semporna is very safe. You go to Semporna I told them you don't see many people walking on the street because all of them a down diving in the water. So?

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Yang Berhormat Menteri, saya ingat walaupun apa, saya *appreciate the effort that you do, to ensure the rate kind of thing to believe ted as soon as possible*. Cuma dalam usaha kita supaya kita terlepas daripada *red alert of kind of labeling*, cuma saya minta supaya kerajaan dan Kementerian bersedia berhadapan dengan pelancong yang datang, satu, untuk makluman Yang Berhormat, tahun depan Semporna ada lima star hotel satu. *You know. Is coming up next year, just to inform you to insure, please, when you go there to you, as to you care kah, there is one five star Hotel in Semporna next year. I'm going to launch another one di pekan itu, some kind of facilities for the torist.*

Pasal kita hanya bergantung dengan mungkin maklumat yang tidak ada dengan Yang Berhormat. Cuma saya mencadangkan kalau dapat Yang Berhormat, penerbangan, *you cannot relay on MAS*. Sekarang ini MAS dulu ada sepuluh *flight*, sekarang kurang lima *flight*. Kita tak boleh bergantung dengan *Firefly*. Kita tidak boleh bergantung dengan apa ni, *private jet* yang ada, MAS. *That is the reason why, I lead the money to Air Asia and I told Tony Fernandes.*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Okey, *will work on that?*

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: *Job's oportunity*, bagi *Stewardess*, bagi *Steward*, bagi *Pilot* anak-anak Sabah, makanan, masuk bilik hotel *and I was advised Tony Fernandes, make sure there is a direct flight from Kota Kinabalu to Bali. There are also direct flight from Kota Kinabalu to Australia. And this is the effort to make sure the pinjaman yang kita lakukan. Cuma saya minta supaya persediaan dia ada. Get ready with it. Kita tidak mahu nanti we don't know how it is. But this happen this is responsibility of Ministry.*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *Noted, I will pass this, I thing my CEO of The Sabah Tourism Board is here, they will be taking action. There are the one very working very hard. Communicating with all the Air Lines to communicating with all the official. So, that we can pull more tourist come here. Bukan sahaja tourist dari China, but also European, American, we name it, Indonesian, Brunei, Singapore,*

Hong Kong. *All this a coming into next year especially during the Chinese New Year, that is why we are very, we have to work very hardlah.*

Kementerian berharap melalui pendekatan ini *travel advisory* yang dibuat dapat ditarik balik, okey, dari negara-negara berkenaan, Datuk Speaker yang...

20/11/2024 – RAKAMAN 33 [3.20 PETANG – 3.30 PETANG] – [LOVELLA] – TERESA – NADA HAIFAA

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Yang Berhormat juga ada membangkitkan pertanyaan berkenaan rangka kerja strategik untuk memastikan pewartaan Taman Teluk Dawi mencapai matlamatnya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sejak Kabinet Negeri mempersetujui cadangan untuk mewartakan kawasan tersebut pada 13 Januari 2021 sebagai Taman Teluk Dawi, Kementerian ini melalui Taman-Taman Sabah telah membuat banyak persediaan dan perancangan dari awal lagi. Taman-Taman Sabah juga telah mengenal pasti beberapa lokasi yang strategik yang sesuai dijadikan sebagai pejabat pengoperasian dan potensi hak pelancongan seperti di kawasan persisir Pantai Silam dan kawasan Bakapit.

Permohonan tanah untuk tujuan ini telah dikemukakan ke Pejabat Tanah daerah yang berkaitan bagi mendapatkan kelulusan. Pada masa ini Taman-Taman Sabah bekerjasama dengan WWF Malaysia untuk membangunkan sebuah pelan holistik meluluskan taman khusus untuk Taman Teluk Dawi. *We are working very hard for you taman.* Yang Berhormat, *usually we have copy, kan? Nevermind.* Okey melalui kerjasama ini dari peringkat awal lagi banyak *Programme Consultation Dialogue* mesyuarat dan sebagainya dengan penglibatan pihak berkepentingan daripada agensi dan jabatan, institusi penyelidikan dan termasuklah wakil-wakil komuniti di semua daerah yang terlibat dilaksanakan.

Pelan pengurusan ini nanti akan menjadi bantuan untuk kita merancang dan melaksanakan pembangunan dan program bersama-sama pihak yang berkepentingan dengan menggunakan pendekatan dalam pelbagai guna sama seperti Taman Tun Mustapha. Pelan yang dibangunkan ini adalah komprehensif

dengan memasukkan juga Rancangan Pembangunan Industri Pelancongan di daerah-daerah yang terlibat. Okey? *Don't ask me questions* ah.

Kementerian komited untuk ... saya janji ini. Kementerian komited untuk memastikan dengan perwartaan ini, ia akan membawa manfaat kepada masyarakat di daerah yang terlibat termasuk peluang-peluang pekerjaan dan seterusnya memberi impak pembangunan khususnya dalam Industri Pelancongan di negeri Sabah. ADUN N64, Sulabayan ...

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: *One last question, Yang Berhormat Menteri.*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Haiyaa, ini banyak *question*. Okey.

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Ada satu *request* daripada *community the gazetted area to be extended* sedikit daripada yang ada sekarang ini. Sekarang ini dia punya *border* sampai di Tambabatang *if I not mistaken*. Dia orang minta supaya kawasan tu *to be extended* sampailah ke kawasan Makuau. *Is it possible to do that?*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *I will have to refer back to my sektor pembangunan because we have the garis panduan already. What we should do, usually we have meeting with the DO and know this things. Okay but noted, I think is recorded* ah. *Okay, thank you.*

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: *Thank you.*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *Now, come to my bestfriend* Sulabayan. Datuk Speaker, terdapat dua isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat N64 Sulabayan. Isu yang pertama adalah berhubung pertumbuhan resort-resort yang tidak terkawal di daerah Semporna.

Datuk Speaker, sememangnya isu ini turut menjadi perhatian Kementerian. Ianya bukan sahaja melibatkan lambakan premis penginapan bahkan aspek-aspek keselamatan pelancong di premis penginapan juga menjadi perhatian Kementerian saya. Untuk makluman Yang Berhormat, Pihak Berkuasa Tempatan sedang dalam pemurniaan senarai premis penginapan dan resort-resort yang terdapat di daerah Semporna. Kementerian akan mengadakan perbincangan lanjut bersama Majlis Daerah Semporna berhubung perkara ini untuk tindakan lanjut. *You happy? Okey.*

Kementerian saya tidak akan berkompromi dengan mana-mana *resort* dan pengusaha pelancongan yang tidak mematuhi syarat yang ditetapkan serta tidak mempunyai lesen perniagaan. Kementerian saya melalui Lembaga Pelancongan Sabah tidak akan memberi bantuan dari segi promosi dan pemasaran kepada premis tersebut serta tidak menyenaraikannya dalam inventori pelancongan negeri ini. Sudah satu lagi, oh, ini yang terakhir.

ADUN sit down, I'm talking about you. ADUN N69 Sri Tanjong.

Datuk Speaker, Yang Berhormat N69 Sri Tanjong ada membangkitkan berkenaan inisiatif Kerajaan untuk menyambung semula perkhidmatan penerbangan Tawau dan Tarakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat N69 Sri Tanjong, Kementerian sememangnya sedang dalam usaha untuk menarik kembali potensi pelancongan di antara negara-negara jiran. Pada bulan April, Kementerian saya melalui Lembaga Pelancongan Sabah telah menganjurkan lawatan suai kenal serta Program-program *Business to Business (B2B)* bagi *segment tourism* untuk ejen-ejen dari Kalimantan Utara, Kalimantan Timur dan Jakarta. Agenda ini juga telah diangkat oleh Kementerian-Kementerian ke platform-platform perbincangan hubungan antarabangsa seperti BIMP-EAGA dan Sosek Malindo. Pada masa yang sama Kementerian melalui Lembaga Pelancongan Sabah juga telah berbincang dengan syarikat penerbangan Air Asia untuk menghubungkan Tarakan ke Sabah dan perkara ini sudah dalam penelitian oleh syarikat tersebut.

Datuk Speaker, mengenai saranan dan soalan Ahli Yang Berhormat yang tidak sempat saya berikan penjelasan, Kementerian saya akan memberi penjelasan secara bertulis. Datuk Speaker, di kesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Hari Natal dan Selamat Menyambut Tahun Baharu 2025. Dengan ini ...

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: YB Menteri, minta penjelasan.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Emm.

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: Okey? So, tadi YB Menteri sebut ada dalam usaha berbincang dengan negara jiran kita dalam permohonan untuk menyambung semula antara Tarakan dan Tawau. Saya nak tanya YB Menteri setakat ini apa status dia?

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Apa status? Bagus, saya tidak ada dia punya *details* sini, soal ini saya akan ...

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: *You can give me secara bertulis, you can give me secara bertulis.*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Ya, *I will give you, I'll give you.*

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: *Okay one more thing, Datuk Menteri, one more thing. I need to highlight this to you. Okay, because just now you mention about upgrading two airports, one KKIA, the other one is our airport.*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Yes, yes, yes.

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: *I need to bring this to your attention,* sedarkah YB Menteri until today pelancong-pelancong dari luar negara ...

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: I know.

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: ... ditahan oleh *immigration* kerana apabila mereka tiba di KKIA oleh sebab tidak ada ...

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: ... minta cop.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Ya.

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: Maka lepas mereka nak berlepas ba ... balik ke negara mereka ...

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Yes.. emm.

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: Mereka ditahan oleh Jabatan Imigresen. Jadi, saya minta YB Menteri untuk adakan satu *proactive pro* ...

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Okey.

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: Dengan MAHP supaya, tentang *up grade airport* ini di KK dan Tawau mesti berasingkan.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Emm.

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: ... dari segi *international arrival hall* dengan *domestic arrival hall* ...

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: Ya.

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: ... supaya perkara ini tidak akan timbul lagi dan menjejaskan imej kita.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *Thank you very much. Perkara ini bukan baru itu dulu pun ada ini masalah tetapi kita manage resolved it, but it's coming back again, kita akan ambil tindakan.*

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: *Yes, yes. It's still happening. Until your ...*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *Yes, yes. Akan ambil tindakan and also whenever this happen ask them, the tourist that yang ditahan to call immediately the China Consult if it's a chinese. Call, call them immediately so they will be able to assist you know and also we already have a very big banner at the airport in Chinese it says if you are transiting to Tawau atau mana-mana tempat you must get your cop first when you come in. So perhaps i have to talk to the tourist association and also the Consult General of China about this one. Adalah ini perkara coming back, i don't know why. But it was ok, it was managed two years ago but now coming back. We will take action on that. Thank you very much.*

Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]: *Ya, i hope YB Menteri can take action on that.*

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar [Datuk Seri Panglima Liew Chin Jin @Christina Liew]: *So two ah, two perkara sahaja kan? Okay, so let me finish. Datuk Speaker, di kesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat, already say, Menyambut Baharu 2025 dengan ini saya menyokong. Sekian terima kasih.*

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: *Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar. Seterusnya, saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar untuk menyampaikan ucapan penggulungan.*

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Datuk Jahid bin Jahim @Nordin]: *Bismillahirrahmanirrahim Tuan Speaker. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan*

rasa syukur kepada Allah SWT kerana dengan izin-nya kita sekali lagi dapat berhimpun dan bersidang di Dewan yang mulia ini untuk memenuhi tanggungjawab terhadap kesejahteraan rakyat negeri Sabah.

Saya juga ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah di atas kepimpinan menerajui pentadbiran negeri Sabah dan kepada Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Masidi Manjun, Menteri Kewangan Sabah atas pembentangan ucapan belanjawan negeri Sabah dalam mesyuarat ke-3 penggal ke-5 persidangan Dewan Undangan Negeri Sabah yang ke-16.

Saya yakin dan percaya bahawa jentera pentadbiran Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri akan memastikan pelaksanaan program-program dan projek-projek pembangunan dalam *bajet* 2025 seterusnya dapat memberi impak yang tinggi terhadap kemakmuran dan kesejahteraan rakyat bersesuaian dengan tema Belanjawan Negeri Sabah 2025 “Sabah Makmur, Rakyat Sejahtera”. Tema *bajet* tersebut mencerminkan kesungguhan dan komitmen Kerajaan Negeri dalam melaksanakan agenda pembangunan negeri secara berterusan, berdaya mampan, komprehensif dan inklusif.

Kementerian saya mengalu-alukan *bajet* lebihan atau *surplus bajet* ini dan menye ... dan menyokong sepenuhnya segala usaha yang diketuai Yang Amat Berhormat Ketua Menteri untuk mendapatkan lebih banyak agihan hasil yang dikutip oleh Kerajaan persewad ... Persekutuan dalam negeri ini sepertimana hak kita yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia, hak-hak kita dalam Perjanjian 1963.

Tuan Speaker, dalam *bajet* ini Kerajaan Negeri menekankan pembangunan yang lebih seimbang di antara kawasan bandar dan luar bandar bagi memastikan kemakmuran negeri turut dinikmati oleh semua lapisan masyarakat di negeri ini. Bagi meningkatkan taraf hidup penduduk dan pembangunan di luar kawasan luar bandar, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM106.43 juta bagi anggaran perbekalan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang termasuk pejabat-pejabat daerah, dan pejabat-pejabat daerah kecil. Sementara

RM243.50 juta telah diperuntukkan kepada kementerian ini bagi program pembangunan.

Peruntukan ini akan digunakan untuk melaksanakan sebanyak sepuluh program-program sedia ada di bawah kementerian seperti berikut. Projek Pembangunan Kecil, Program Ameniti dan Ekonomi Desa, Program Satu Daerah, Satu Produk, Pembangunan Usahawan Desa, Peruntukan Khas ADUN-ADUN, Program Pembasmian Kemiskinan, Program Rumah Sejahtera Rakyat Sabah, Program Bekalan Elektrik Luar Bandar Alternatif (BELBA), Program Bekalan Air Luar Bandar Alternatif (BALBA) dan Program Aktiviti Ekonomi Tambahan.

Tuan Speaker, berkaitan isu JKKK yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat N.41 Liawan dan Ahli Yang Berhormat N.73 Sebatik. Kementerian ini sentiasa menambah baik dan mempertimbangkan inisiatif baharu bagi memenuhi keperluan semasa JKKK. Kementerian ini juga sedang memperhalusi cadangan kenaikan kadar elaun tertakluk kepada keadaan semasa kewangan negeri. Kementerian ini adalah komited untuk menambah baik sistem pembayaran elaun JKKK dan sebagai langkah awal mempermudah urusan tersebut maka bermula April 2024 kementerian telah menyalurkan peruntukan elaun JKKK kepada Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, majlis-majlis perbandaran, pejabat-pejabat daerah dan pejabat-pejabat daerah kecil negeri Sabah. Pembayaran elaun pengerusi dan setiausaha adalah dibayar secara bulanan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, antara faktor-faktor yang menyumbang kepada kelewatan pembayaran elaun JKKK dan elaun mesyuarat adalah seperti berikut. Satu, nama di akaun bank tidak sama dengan nama pemohon. Pemohon tidak mengemukakan maklumat akaun bank persendirian. Akaun bank badan JKKK tidak aktif. Menggunakan akaun bank orang lain, akaun bank saudara-mara atau pasangan. JKK tidak dapat dihubungi untuk tujuan pengemaskinian maklumat pembayaran dan JKK diisytiharkan mufliis, disenarai hitam oleh pihak bank maka bayaran tidak dapat diproses. JKK tidak isytihar dirinya mufliis, sepertimana yang terdapat dalam borang JKK. Bagaimanapun semua ini sedang diatasi dan sekarang ini sedang secara aktif dan progresif diambil tindakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat N.43 Kemabong. Kementerian telah menerima permohonan pembayaran elaun JKK daripada Pejabat Daerah Kecil Kemabong. Permohonan tersebut sedang diproses untuk penyaluran peruntukan. Untuk makluman juga, segala urusan berkaitan pelantikan atau penamatan JKK kini di bawah tanggungjawab pejabat-pejabat daerah selaras dengan peruntukan Enakmen Pentadbiran Luar Bandar ...

**20/11/2024 – RAKAMAN 35 [3.40 PETANG – 3.50 PETANG] – [ITAN AZWANA] –
SITI JUBAIDAH – AHMAD**

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Datuk Jahid bin Jahim @Nordin]: ... Pindaan 2023. Sebagai tambahan, Kementerian akan menyalurkan waran peruntukan untuk membiayai elaun JKK berdasarkan prosedur kewangan yang telah ditetapkan. Kementerian sentiasa memantau dan kerjasama dengan pejabat-pejabat daerah bagi memastikan urusan pembayaran elaun JKK dilaksanakan dengan lebih lancar pada masa akan datang. Berhubung isu permohonan portal baharu JKK yang mendapat kelulusan, yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat N.70 Kukusan. Semakan daripada Majlis Perbandaran Tawau setakat hari ini, MPT atau Majlis Perbandaran Tawau masih belum menerima permohonan baharu bagi kuota JKK DUN N.70 Kukusan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat N.26 Moyog, dan Ahli Dewan yang mulia ini, bagi kawasan-kawasan Dewan Undangan Negeri yang tidak menyokong Kerajaan, Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPMM) adalah bertanggungjawab dalam penyelarasan senarai cadangan ahli badan JKKK, untuk dibawa ke Jawatankuasa peringkat daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Pembayaran elaun JKK adalah dibiayai oleh Kerajaan Negeri, selaras dengan pelaksanaan Enakmen Pentadbiran Luar Bandar Pindaan 2023.

Seterusnya, berkaitan pelantikan dua JKKK dalam satu kampung, yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat N.57 Kuamut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat N.57 Kuamut, JKKK adalah lantikan Kerajaan Negeri Sabah manakala JKDM adalah dibawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Negeri Sabah hanya JKKK Sabah sahaja yang diiktiraf selaras dengan pelaksanaan Enakmen Pentadbiran Luar Bandar Pindaan 2023.

Tuan Speaker, berhubung isu pewujudan Mini Estet Sejahtera (MESEJ) Kampung Bangkaruan Lahad Datu, yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat N.62 Silam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat N.62 Silam dan Ahli Dewan yang mulia ini, pembangunan 60 buah rumah MESEJ Kampung Bangkaruan ini tidak dapat dilaksanakan kerana kos pembinaan tersebut kini tidak dapat ditampung dengan siling sedia ada. Hal ini adalah disebabkan oleh bentuk muka bumi, tapak projek yang memberi implikasi peningkatan kos pelaksanaan yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, Kementerian ini mengambil maklum di atas cadangan Ahli Yang Berhormat. Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat N.62 Silam, sebanyak 60 unit Rumah Mesra SMJ telah dilaksanakan di DUN N.62 Silam. Setakat 20 November 2024, sebanyak 54 unit telah siap sepenuhnya baki enam unit sedang dalam pembinaan dan akan siap sepenuhnya pada 30 November 2024.

Kementerian saya sentiasa turun padang untuk memantau Rumah Mesra SMJ di seluruh Negeri Sabah dari semasa ke semasa. Selain dari itu, Kementerian saya juga sentiasa membuat pemantauan bersama Pejabat Pelaksana melalui Mesyuarat Jawatankuasa Induk Rumah Mesra SMJ, Mesyuarat Pemantauan dan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal bagi memastikan pelaksanaan Rumah Mesra SMJ dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Ahli Yang Berhormat N.62 Silam juga untuk makluman, penerima Rumah Mesra SMJ seperti yang dinyatakan dalam terma dan rujukan pelaksanaan Rumah Mesra SMJ adalah seperti berikut. Berdaftar dalam pangkalan data e-Kasih atau mangsa bencana, banjir, kebakaran, tanah runtuh, taufan atau golongan Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan, Kebajikan Masyarakat Negeri Sabah atau Rumah Daerah. Golongan penerima bagi keempat-empat kriteria di atas hendaklah dimuktamadkan dalam *focus group*.

Tuan Speaker, sebagai makluman Ahli Yang Berhormat N.25 Kapayan dan Ahli Yang Berhormat N.50 GUM-GUM, Kementerian ini amat prihatin dan tiada halangan berkaitan pembinaan Rumah Mesra SMJ dalam satu geran tanah bagi isu keluarga yang memenuhi kriteria yang ditetapkan. Asalkan lot-lot tersebut telah dibahagi-bahagi lotnya dengan jelas serta disahkan oleh Jabatan Tanah dan Ukur bagi mengelak masalah akan datang.

Namun demikian, pembinaan Rumah Mesra SMJ dalam lot tersebut pula perlu mematuhi penetapan minimum teknikal, iaitu tapak rumah perlu ada *setback area* sepuluh kaki atau tiga meter daripada hujung per meter Rumah Mesra SMJ. *Setback area* ini adalah bertujuan untuk satu, sebagai *buffer zone* atau zon penampan bagi mengelak daripada Rumah Mesra SMJ terdedah kepada kejadian tanah runtuh atau cerun runtuh atau terlalu hampir dengan jalan raya, atau terlalu hampir dengan tebing sungai dan lain-lain.

Pencegahan daripada insiden kajian kebakaran rumah secara berkelompok atau berdekatan dan ketiga, agar infrastruktur sokongan Rumah Mesra SMJ seperti parit, tangki septik dan lurang atau tangki air dapat dibina pada ruang yang cukup dan sempurna.

Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat ADUN Dilantik YB Datuk Jaffari Waliam, Kementerian melalui Pejabat Pelaksana, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), Majlis-majlis Perbandaran, Pejabat-pejabat Daerah, Pejabat-pejabat Daerah Kecil juga sentiasa memperingatkan dan memberi amaran kepada kontraktor yang tidak dapat menyiapkan rumah SMJ mengikut tempoh yang ditetapkan. Mesyuarat Jawatankuasa Induk Rumah Mesra SMJ, Jawatankuasa Pemantauan dan Jawatankuasa Teknikal sentiasa memantau dan memastikan agar kontraktor dapat menyiapkan Rumah Mesra SMJ mengikut jadual dan tempoh yang telah ditetapkan.

Seterusnya, Ahli Yang Berhormat N.1 Banggi.

Tuan Arunarnsin bin Taib [Gum-Gum]: Datuk Speaker, boleh minta laluan? Sikit saja untuk GUM-GUM. Pertama kali, terima kasih ah Datuk Speaker dan Yang Berhormat Menteri, Okey. Saya ada Rumah Mesra SMJ di kawasan saya tapi, yang masalahnya ni bukan pasal pembinaan pasal pemasangan elektrik. Jadi dalam aduan yang saya dapat tu rumah sudah siap tapi bila memasang elektrik ni ah, SESB ni pula banyak yang dia minta. Kalau ada aduan yang saya dapat tu kalau ada yang lima orang dalam nama geran tu, lima-lima kena cari untuk pengesahan. Bayangkanlah kalau diantara ada di Semenanjung, ada di Sarawak macam mana mahu dapat cepat pengesahan sehinggalah orang, rumah sudah siap tapi tidak dapat tinggal sebab lampu tidak ada. Dan ada lagi yang sudah apa nama, buat penambahan sedikit lah apa sebenarnya apa nama peraturan yang dibuat oleh

Majlis Perbandaran bila kita menambah sedikit mungkin tidak berapa selesai dapurkah apakah, daripada rumah SMJ ini apa peraturan yang dibuat oleh Majlis Perbandaran. Jadi dua, masalah aduan yang saya dapat tu satu diantara dia, pemasangan elektrik kepada rumah tersebut dan juga penambahan apa nama *renovate* rumah SMJ itu, terima kasih.

Tuan Dumi bin Pg. Masdal [Silam]: Datuk Speaker, Menteri-menteri. Terima kasih Datuk Speaker, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Adakah pihak Kementerian ada data peribadi mengikut empat kategori yang Datuk beritahu tadi, kepada orang-orang yang mendapat rumah khususnya di Lahad Datu, satu. Dan berapa buah rumah yang sudah dibina untuk orang-orang yang Datuk macam ada masuk data...

20/11/2024 – RAKAMAN 36 [3.50 PETANG – 4.00 PETANG] – [ERNANI] – DARRYL JUDE – NADA HAIFAA

Tuan Dumi bin Pg. Masdal [Silam]: ... yang *focus group* tadi. Terima kasih, Datuk.

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Datuk Jahid bin Jahim @Nordin]: Terima kasih, Gum-Gum dan Silam. Setelah mengambil kedua-dua data itu dan saya nanti akan berhubung kepada kedua Ahli Yang Berhormat, terima kasih. Seterusnya Ahli Yang Berhormat tadi N.1 Banggi, Kementerian saya mengambil maklum berkaitan cadangan untuk penilaian semua harga Rumah Mesra Sabah Maju Jaya, khususnya dari segi pengangkutan bahan binaan. Insya-Allah, kita akan buat kajian mengenai.

Tuan Speaker, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian saya atas komitmen, dedikasi serta komitmen tinggi dalam memastikan penambahbaikan kecemerlangan perkhidmatan Kementerian. Ucapan terima kasih juga atas khidmat bakti dan sokongan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Tawau, Sandakan, Penampang, Pejabat-Pejabat Daerah dan Pejabat-Pejabat Kecil Daerah seluruh Sabah atas usaha gigih dan komitmen melaksanakan pelbagai usaha meningkatkan kesejahteraan rakyat seluruh negeri, khusus dalam usaha kita untuk pembasmian kemiskinan tegar di kalangan rakyat.

Kementerian saya sangat prihatin dalam membela nasib masyarakat luar bandar demi kesejahteraan rakyat dan sentiasa akan memberi perhatian seiring dengan

inisiatif Hala Tuju Sabah Maju Jaya di bawah kemen, Kesejahteraan Rakyat dan Pembangunan Insan dan Jaringan Infrastruktur. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu berkaitan yang dengan KPLB, dan Kementerian akan mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Kementerian akan berusaha untuk meneliti kesesuaian saranan yang dikemukakan dan menambah baik segala usaha, segala dasar dan inisiatif yang ada demi bersama-sama ke arah kemakmuran dan kesejahteraan negeri Sabah. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan Hari Natal, *Merry Christmas* kepada semua yang meraikan dan sukacita juga saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2025. Semoga setiap lembaran pada tahun 2025 akan diisi dengan semangat dan harapan kita bersama memastikan “Sabah Makmur, Rakyat Sejahtera.” Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, dan seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan untuk menyampaikan ucapan penggulungan. Silakan.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Terima kasih, Datuk Speaker, salam sejahtera kepada semua, salam Sabah Maju Jaya. Syukur pada tuhan kerana kita dapat berhimpun sekali lagi dalam Sidang Dewan Undangan Negeri Sabah Yang Ke-16 peringkat ... Tanggal Kelima untuk mendengar pembentangan belanjawan dan seterusnya membahas belanjawan tersebut. Sebelum meneruskan ucapan saya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan atas pembentangan Belanjawan 2025 yang bertemakan “Sabah Makmur, Rakyat Sejahtera” pada 15 September yang lalu.

Tema ini menggambarkan keprihatinan Kerajaan terhadap keperluan pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat Sabah dalam menghadapi keadaan sosioekonomi yang mencabar. Tuan Speaker, ucapan penggulungan saya pada hari ini adalah bertemakan “*Unity is Duty*” yang menekankan bahawa tindakan bersatu

adalah bertanggungjawab kita semua dan tugas kita bersama. Pemimpin barisan pembangkang dan seluruh rakyat perlu bersatu bagi mencapai matlamat pembangunan negeri Sabah.

Tuan Speaker, peruntukan yang telah diterima oleh Kementerian saya pada tahun 2024 adalah sebanyak RM3.91 juta bagi perbekalan dan RM143.98 juta untuk pembangunan. Berdasarkan Belanjawan 2025 yang telah dibentangkan, Kementerian saya diperuntukkan sebanyak RM373.24 juta bagi perbekalan dan RM148.13 juta untuk tujuan pembangunan. Peratus peningkatan peruntukan perbekalan tahun 2025 adalah hanya sebanyak 2.49 peratus berbanding 2024. Manakala terdapat peningkatan sejumlah RM4.15 juta, iaitu 2.8 peratus dalam peruntukan pembangunan 2025 berbanding tahun 2024.

Saya merasa amat kecewa atas peningkatan yang amat kecil dalam peruntukan pembangunan bagi tahun 2025, sedangkan perancangan untuk membangunkan sektor pertanian dan menyelesaikan masalah berkaitan memerlukan peruntukan yang besar. Sektor pertanian merupakan salah satu daripada tiga fokus utama pertumbuhan ekonomi Sabah di bawah Hala, Sabah Maju Jaya. Sektor Pertanian juga mempunyai potensi yang tinggi dalam menjana pendapatan negeri, mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan membantu mengatasi masalah kemiskinan, terutamanya di kalangan miskin serta miskin tegar.

Oleh sebab itu, peruntukan pembangunan perlulah ditingkatkan agar konsisten dengan keperluan dan agenda pembangunan negeri. Selaras dengan dasar keterjaminan makanan di peringkat kebangsaan dan negeri, Kementerian saya menfokus pada peningkatan *Self-Sufficiency Rate* atau SSR untuk pengeluaran padi (*ruminant*) dan hasil-hasil pertanian yang lain. Di samping itu, Kementerian saya juga berusaha untuk mengurangkan kebergantungan masyarakat terhadap bahan asas makanan yang diimport melalui peningkatan pengeluaran hasil pertanian tempatan.

Kementerian saya turut berusaha meningkat tahap sosioekonomi golongan sasar, Kementerian, iaitu, petani, penternak dan nelayan yang tergolong dalam kategori miskin dan miskin tegar. Oleh itu, pelbagai program pembangunan telah dirancang dan cuba dilaksanakan oleh jabatan dan agensi di bawah Kementerian saya namun

terbantut akibat daripada kekangan kewangan. Sebagai contoh, setakat 7 September, November 2024, Kementerian saya telah menerima permohonan menaik taraf atau menyelenggara jalan-jalan kebun atau pertanian daripada pelbagai daerah berjumlah RM40.3 juta.

Namun Kementerian saya hanya menerima peruntukan sebanyak RM4.2 juta. Begitu juga dengan permohonan Lembaga Padi dan Beras, iaitu berjumlah RM27.5 juta dan hanya diluluskan RM2.5 ...

20/11/2024 – RAKAMAN 37 [4.00 PETANG – 4.10 PETANG] – [ABDUL WAFIY] – AZYATUL – NORMA

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Juta, beginilah pandangan pembuat keputusan terhadap permohonan dan keperluan kita dalam Agenda Pertanian Kerterjaminan Makanan. Namun, saya telah merayu kepada Jemaah Menteri untuk mempertimbangkan semula 30 juta daripada peruntukan interim, 600 juta untuk pembangunan industri padi di Sabah dan ... (Kurang jelas)

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Usul penangguhan.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Untuk pembangunan padi dalam *bajet* ini, dengan peruntukan ini Kementerian saya yakin peningkatan SSR padi pada 30% tahun 2027.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Dan seterusnya 60%.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Ya.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Sebentar, ada usul daripada Menteri Kerajaan Tempatan.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Silakan.

Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]: Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Tetap 2 (1) (b), Peraturan-peraturan Tetap Dewan. Dewan pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai semua Kementerian menjawab perbahasan ke atas *bajet* 2025 dan Rang Undang-undang Perbekalan 2025 dan usul Anggaran Pembangunan 2025 diputuskan dan diluluskan dan selepas itu dewan akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari khamis 21 November 2024.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Ada yang menyokong?

Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Isnin bin Haji Aliasnih @Liasnih]: Datuk Speaker, saya sokong.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Dewan ini tidak akan ditangguhkan sepertimana yang dicadangkan. Ahli-ahli yang bersetuju katakan bersetuju, yang tidak bersetuju katakan tidak, lebih suara yang bersetuju, usul disetujui. Teruskan, Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Terima kasih Datuk Speaker, walaupun menghadapi kekangan kewangan, kementerian saya bersama jabatan dan agensi dibawahnya telah membuat perancangan untuk mencapai keterjaminan

makanan. Antara tumpuan Kementerian saya ialah meningkat pengeluaran padi dan kadar sara hidup sara diri atau SSR.

Dalam usaha ini, Lembaga Padi dan Beras. *Sorry*. Dalam usaha ini, Lembaga Padi dan Beras Sabah telah ditubuhkan, diwartakan melalui Warta Kerajaan Negeri Sabah pada 23 Mei 2024 bertujuan untuk memodenkan Industri Padi dan Beras dengan peruntukan sejumlah 32.5 juta. Dalam jangka masa dua minggu, dua atau tiga tahun, menjelang 2027 adalah diharapkan agar SSR padi akan meningkat, daripada 22% ke 30% dan seterusnya 60% menjelang 2023. Bagi tahun 2025.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Yang Berhormat Menteri, boleh. Boleh?

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Boleh-boleh.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Terima kasih Datuk Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi, saya meneliti ucapan Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan ketidakcukupan peruntukan yang diberikan kepada Yang Berhormat Menteri Kementerian. Sebab saya yakin, saya setuju juga dengan Yang Berhormat Menteri bahawa Kementerian Pertanian ini perlu difokuskan khususnya untuk keterjaminan makanan.

Saya ingin minta pandangan Yang Berhormat Menteri sebab yang diumumkan oleh Kementerian Kewangan banyak insentif-insentif kepada rakyat, tetapi tidak memfokuskan kepada keterjaminan makanan. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Terima kasih, ya, Yang Berhormat daripada, dari mana itu.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Merotai.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Ya, Merotai. Dan biarlah itu

sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Dalam jangka masa dua atau tiga tahun, dengan peruntukan yang kita berjaya mendapat adalah diharapkan agar SSR dapat ditingkatkan kepada 30% menjelang tahun 2027 dan 60% menjelang 2030.

Bagi tahun 2025, LPBS telah merancang untuk menggerakkan program di enam daerah, iaitu Kota Marudu, Kota Belud, Tuaran, Tambunan, Keningau dan Papar dengan aktiviti berikut, iaitu mekanisasi dan moralisasi penanaman padi, memandangkan pada masa ini masih ramai yang menggunakan kaedah konvensional dan penanaman padi yang manual. Yang kedua, meningkatkan dan membaik pulih saluran dan pengairan atau *irrigation*.

Yang tiga, menanam padi sekurang-kurangnya dua musim atau dua kali setahun. Ini boleh lipat gandakan pengeluaran kitalah, melipatgandakan dua kali kalau dua kali tanam padi. Yang keempat, menggunakan benih padi baharu. *High-yielding variety* seperti TR8. Kalau kita gunakan *variety* ini boleh meningkatkan apa ini, pengeluaran atau produktiviti daripada tiga tan sehektar menjadi enam sehingga sepuluh tan sehektar. Jadi, ini juga boleh melipatgandakan keluaran padi atau produktiviti.

Yang kelima, menjalankan kursus, latihan dan kempen untuk mengubah sikap petani-petani agar bersikap komersial dan melihat pertanian sebagai asas perniagaan atau yang menguntungkan. Bukan hanya pengeluaran menanam padi untuk cukup makan. Dan yang keenam, memulihkan dan mengaktifkan semula tanah-tanah yang terbiar. Yang ketujuh, membuka tanah-tanah pertanian atau penanaman padi yang baharu.

Kerajaan juga akan mengfokus kepada peningkatan ruminan, bukan padi sahaja tetapi juga daging. Pada masa kini, SSR ruminan ialah 7.6% dan menjelang 2030 SSR dijangka meningkat ke 25%. Peningkatan SSR ini adalah hasil intervensi import untuk meningkatkan baka atau bibitlah. Penggunaan *artificial insemination* dan kolaborasi dengan GLC, DVS atau Jabatan Veterinar akan terus melaksanakan Program Bantuan Baka Ternakan kepada penternak dan pada 2025, kita akan mengagihkan sebanyak 950 ekor Lembu Brahman import, 1250 ekor biri-biri dan kambing import, 50 ekor Lembu Tempatan dan 100 ekor Kambing Tempatan, penternak kecil seni komersial dan.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: ...komersial di seluruh Sabah. Kerajaan turut menumpukan perhatian kepada peningkatan bekalan ayam juga melalui kolaborasi *private public partnership* dan telah bekerjasama dengan MARDI untuk membangunkan ladang pembiakan ayam saga di Bantaian, Tuaran.

Tujuan utama adalah untuk menjadi pembekal anak ayam kepada penternak di Sabah dengan matlamat untuk mengurangkan kebergantungan kepada pembekal luar negara dan kerajaan melalui Jabatan Veterinar akan terus apa ini, memberi bantuan kepada penternak-penternak kecil seperti memberikan kambing, lembu. Kalau pembiakan kambing dan lembu, satu jantan lima betina. Kalau itik, satu jantan 20 betina. Kalau ayam satu jantan 50 betina. Saya tidak tahu kenapa? (ketawa) Untunglah dia tu. Tapi ini akan diteruskan,

Tuan Speaker bagi mencapai matlamat dasar dan visi kerajaan termasuk sektor pertanian, kita tidak boleh lagi mengamalkan *mentality* dan sikap *BAU* atau *business as usual* kerana mengikut Albert Einstein dia bilang, *insanity is doing the same thing over and over again and expecting different result* dan kita kena buang ini jauh-jauh sebab dia *BAU*, business as usual.

Kita perlu berfikir di luar kotak dan membuat perubahan dan dari segi sikap dan tindakan bukan yang seperti yang kita amalkan sebelum ini. Tiada guna kita merancang agenda pembangunan yang besar tapi tidak memberi sokongan atau peruntukan yang setimpal kerana ia hanyalah menjadi hanyalah satu impian. Kita akan gagal mencapai ...

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: (mencelah)Menteri, Menteri...

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: ...tunggu dulu...kita akan gagal mencapai matlamat kita sekiranya kita terus bersikap sedemikian. Jika kekangan kewangan menjadi penghalang, carilah penyelesaian yang kreatif. Satu

daripadanya adalah menarik pelaburan. Yang kedua, carilah sumber kewangan yang baru. Yang ketiga, yang paling penting sekali adalah mendapatkan kembali hak kewangan kita termasuklah hak 40% hasil bersih kewangan, 10% eksport duti dan 10% lagi import duti petroleum produk. Keempat...

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: (mencelah)Yang Berhormat Menteri, mengantuk sudah, boleh...

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Saya *kasi* habis dulu ni satu *page*...

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]:...baik-baik...

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: ...hak kewangan 40% bukanlah hak kewangan yang sikit dan bukan RM600 juta tetapi dalam kiraan saya, dalam tahun ini sahaja adalah lebih kurang RM20 bilion. Bukanlah jumlah ini, bukankah jumlah ini *worth fighting for*?

Jika kita berjaya, ini akan mampu menyelesaikan keperluan dan masalah pembangunan kita. Kita hanya boleh berjaya sekiranya kita sokong-menyokong, bersatu dan bekerjasama untuk menuntut hak kita sama ada di sebelah sini atau di sebelah sana atau di luar sana, rakyat untuk bersatu dengan kerajaan. Dalam perkara ini *unity is duty* untuk menuntut hak kita sebab mereka tiada, jangan harap orang lain untuk menuntut dan memberi kepada kita apa yang kita punya kerana ini mereka bukan kita. Yang kita boleh harap adalah kita, diri kita sendiri sebab kalau bukan kita siapa lagi.

Sebagai contoh, sekiranya kita menginginkan pembangunan dan kemajuan, kita perlu mengambil tindakan, iaitu menyediakan kewangan yang setimpal dan melaksanakan tindakan elektif, efektif. Jika kekangan kewangan menjadi penghalang, saya secara peribadi melihat perkara ini sebagai keterbatasan yang menghadkan pembangunan masyarakat. Oleh itu kita perlu bersatu untuk mencari jalan menyelesaikan keterbatasan ini. Okey?

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Yang Berhormat Menteri, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Datuk Speaker saya tidak tahu sebab sudah pun diulas tadi mungkin saya terlepas ataupun tidak, sebab saya melihat daripada pembentangan belanjawan oleh Yang Berhormat Kewangan berkenaan dengan padi, Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan padi. Kalau saya merujuk kepada pembentangan belanjawan daripada Yang Berhormat Menteri sekarang negeri, kadar SSL adalah 22.6% dan pada tahun depan 2026 kerajaan mensasarkan 30% SSL dengan peruntukan 32.5 juta tapi Yang Berhormat Menteri kalau saya lihat juga pembentangan belanjawan yang sama 2024, taraf SSL 22% dan akan meningkat 31% pada 2025. Jadi saya mintalah Yang Berhormat Menteri adakah peruntukan-peruntukan ini memadai untuk Yang Berhormat Menteri untuk meningkatkan SSL padi di negeri Sabah.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Ya sebab itu, sebab itulah saya meminta supaya peruntukan untuk keterjaminan makanan ini diberi perhatian yang cukup ah, sebab kalau kita lihat peruntukan-peruntukan yang lalu termasuk juga daripada *federal* tidak ada peningkatan. Sebagai contoh, kita minta memohon untuk 382 jentera pembajak, kita diberikan sepuluh. Jadi macam mana kita mau tingkatan ah...

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Berapa harga? Harga pembajak itu satu, berapa harganya? Berapa harga?

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Itu tidak bertulis...

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Sebab kita mahu *compare*lah. Kalau satu juta, kalau minta sepuluh, sepuluh juta. Takkanlah Yang Berhormat Menteri Kewangan tak boleh bagi? Ini untuk kepentingan, untuk meningkatkan SSL. Kalau disebut sahaja dalam belanjawan punya cantik tapi tidak ada juga peruntukan, RM10 juta saja, RM10 juta saja.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Amaun tidak disebut.

Sebagai contoh juga ini daripada *federal*, ya, tebatan banjir kita mohon RM800 juta, dia bagi RM50 juta. Jadi untuk masalah kita yang bertimbun macam gunung, kita diberikan cangkul untuk meratakan gunung itu macam mana? Jadi begitulah contoh-contoh ya. Jadi saya bercakap dengan...

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: Menteri, Menteri...

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Jadi saya bercakap dengan saya punya anu ini, jadi berdasarkan pemerhatian saya, sikap kita termasuk sikap pemimpin tali pusat masih berada di takuk lama, iaitu *business as usual* sebagai contoh saya sebutkan tadi peruntukan permohonan negara, *bajet* RM88 bilion dibagi kepada kita 6...

20/11/2024 – RAKAMAN 39 [4.20 PETANG – 4.30 PETANG] – [SAFWAN] – NADIA – NADA HAIFAA

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: ... tujuh bilion. Dia tingkatkan 100 juta. Tapi yang *control* pembangunan ni *budget* ini, masih lagi dia orang dan Sarawak dapat kurang sikit daripada kita. Tetapi sebahagian besar, iaitu 86% dan ke atas sama juga *Malaya centric*. Jadi inilah keluhan saya. Saya tidak mahu Kerajaan Negeri ikut sikap Kerajaan Pusat. Saya mahu Kerajaan Negeri juga bersikap yang baharu. Ya. Begitu.

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: Bukankah ini, Datuk Speaker, bukankah ini sudah dibincang di Kabinet sebelum ... sebelum ... *you know*, kelulusan daripada Kabinet, bajet yang dibentang oleh Menteri Kewangan dan patut dalam Kabinet permohonan YB Menteri patut sudah diselesaikan sebelum itu.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Itulah sebab saya dapat 30 juta tambahan, okey.

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: *It's still not enough*, kan?

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: *Still not enough, but at least we have, we are changing and trend* ini perlu di ... apa ini, diamalkan. Supaya kalau kita rancang, kita perlu sumber kewangan untuk melaksanakannya.

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: (bercakap tidak menggunakan mic).

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Ya. Saya harap gitulah.

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Boleh saya habiskah ni? Daripada ... sudah yang saya sebutkan tadi dan kita mahu ini berubah dan begitu juga isu-isu yang lain berkaitan dengan peruntukan yang dipohon. Saya juga perlu sampaikan mesej ini kepada bukan sahaja kepada kita sendiri, tetapi juga kepada kakitangan Kerajaan supaya jangan bersikap BAU atau *business as usual*. Kementerian saya melalui DVS telah mengemukakan permohonan peruntukan bagi Projek Transformasi Tenusu Sabah berjumlah RM60 bilion, milion. Namun tidak diluluskan. Iaitu tidak menerima sebarang peruntukan. Projek seumpamanya telah wujud sejak RMKe-6 lagi. Namun tidak diteruskan di bawah RMKe-12. Oleh itu, tidak ada penambahan baka induk dan pejantan tenusu import sepanjang masa daripada sepanjang masa RMKe-12 lagi sehingga sekarang. Jadi ah ...

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: ... Tuan Speaker, matlamat dan visi Kerajaan dalam ...

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: ... dalam ah, kasi habis dulu ini set, ya. Dalam sektor pertanian tidak akan tercapai dengan berdasarkan atau dengan kesan berkesan sekiranya kaedah dan pendekatan yang lama masih diamalkan. Penggunaan kaedah konvensional dalam sektor pertanian perlu digantikan dengan teknologi moden yang membolehkan pengeluaran berskala besar secara efisien dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, kaedah konvensional boleh juga diintegrasikan dengan teknologi moden dalam meningkatkan hasil pertanian. Rakyat juga perlu berubah supaya mengadaptasikan pemodenan dalam sektor pertanian, mengamalkan *commercial minded* dan juga meningkatkan pengeluaran industri padi dan bukan setakat hanya untuk memenuhi keperluan sara diri atau secukup makan. Ya.

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Yang Berhormat Menteri, kalau saya boleh bertanyalah. Sepanjang ucapan Yang Berhormat Menteri tadi tu, adakah Yang Berhormat Menteri menyatakan kekesalan bagaimana Kerajaan Persekutuan melayan kita? Terutamanya sekali dari segi peruntukan belanjawan dan adakah Yang Berhormat Menteri sebutkan ucapan ni, menunjukkan memang ada kelemahan dalam pentadbiran kita sekarang ini? *Is that what you mean* atau adakah Yang Berhormat Menteri setuju dengan *budget* yang akan kita undi nanti?

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Ya, memang saya setuju sebab ada perubahan, okey. Saya hanya mahu memperingatkan supaya bukan sahaja kita berubah di peringkat kepimpinan tapi di peringkat pegawai dan juga di peringkat luar sana, rakyat. Juga Kerajaan Pusat, kepimpinan dan juga apa ini untuk kita berjaya, untuk kita mendapatkan hasil kewangan kita yang masih lagi kita apa ini mencari-cari dan menuntut sehingga ke hari ini, ada satu sahaja yang kita perlu buat. Kita perlu bersatu, kita perlu bekerjasama. Bukan sahaja di sini, tetapi di sana dan bukan sahaja di sini tapi di luar sana dan itu sahaja cara dia untuk kita berjaya dan saya harap ini akan berlaku. Seterusnya ...

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: Menteri, Menteri, Menteri, Menteri, Menteri. Ah, ya.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Saya habiskan dulu. Sekejap lagi, ya.

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: Soalan yang senang sahaja.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Seterusnya, izinkan saya menjawab. Nanti kamu punya soalan-soalan tidak kena jawab. Soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri semasa perbahasan sepanjang dua tiga hari ini. Pertama sekali, saya ingin menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat Tanjung Aru, Yang Berhormat Bongawan, Ahli Yang Berhormat Kemabong, dan yang lain-lain. Berkenaan dengan SSR beras Sabah sejak 2023.

SSR pada 2023 adalah 22%. Lembaga Padi dan Beras Sabah telah ditubuhkan dan mensasarkan 30% SSR pada tahun 2027 dan 60% menjelang tahun 2030. LPBS atau Lembaga Padi Beras akan berusaha membangunkan penanaman padi secara berfasa. Bermula dengan enam daerah utama penanaman padi di Kota Marudu, Kota Belud, Tuaran, Papar, Keningau dan Tambunan. Fasa seterusnya akan diteruskan dengan di daerah-daerah yang lain selepas itu. Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Liawan mengenai cadangan naik taraf saliran padi, sawah padi. Saliran air. Kerja-kerja ...

Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]: Datuk Menteri.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: ... pembersihan longkang dan pengorekan sungai, Kementerian saya melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Sabah telah melaksanakan beberapa kerja penyelenggaraan dan menaik taraf berikut. Pertama ...

Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]: Datuk Menteri.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: ... menaik taraf tali air di

Kampung Keningau ke konkrit. Kedua, memperbaiki empangan Bulu Silou yang rosak dilanda banjir. Saya percaya empangan ini sudah dibuat tapi rosak kerana banjir dan kena buat lagi balik. Yang ketiga, menyelenggara tali air di Kampung Toboh Baru. Yang keempat, menyelenggara sistem pengairan Kampung Kaladakan dan Ulu Liawan. Bagi ...

Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]: Datuk Menteri.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: ... memastikan infrastruktur pengairan yang lain turut dinaik taraf, Kementerian saya akan terus memohon peruntukan tambahan agar penanaman padi penduduk kampung berjalan lancar dan sekali gus dapat meningkatkan hasil pengeluaran. Mudah-mudahan peruntukan akan diluluskanlah.

Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]: Boleh, Datuk Menteri, nak minta penjelasan pada, *clarification*. Terima kasih, Datuk Speaker. Datuk Menteri, tentang tadi padi itu. Sebab saya sudah berdiri sekian lama tapi kau *tida* (tidak) nampak sayalah. Sebenarnya saya mahu dapat *confirmation* daripada Datuk Menteri bahawa dalam tadi ... saya rasa *budget speech* memang ada laporan bahawa sekarang kita punya hasil-hasil untuk beras adalah 22.6% ...

20/11/2024 – RAKAMAN 40 [4.30 PETANG – 4.40 PETANG] – [MOHD. ZULFIKREE] – THEODORA – NORMA

Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]: Pada hari inilah, *but* boleh saya dapat *confirmations* daripada Menteri? Sebab saya ingat bila saya pegang *portfoliolah*, ah, *agriculture* itu, waktu itu kita sudah mencapai 27% SSL untuk beras itu. *So can i get the confirmation from* Menteri? Adakah SSL kita sudah telah turun dalam ini empat tahun atau macam mana? Terima kasih Datuk Speaker.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Semua SSL diperingkat ah, kebangsaan *i recall national* SSL peringkat negeri juga selama dalam lima tahun ini

menurun dan ini disebabkan satu daripadanya, ini belia-belia tidak minat lagi untuk menanam padi.

Kedua, saingan untuk penggunaan tanah menjadi bandar, menjadi perumahan dan sebagainya, dan yang ketiga, ialah seperti yang saya katakan tadi, isu-isu perubahan iklim telah merubah apa ini, landskap bumi kita sehinggalah ada kemarau yang berpanjangan dan hujan yang tiba-tiba menimpa kita dan ini semuanya memberi apa ini, pemikiran yang mencari, petani kita mencari alternatif untuk asas ekonomi mereka. Jadi, menurut ini telah menurun dan sekarang ini kita ingin tingkatkan lagi sebab apa, sebab makanan ini penting, kalau tiada lampu, masih boleh hidup, ya. Tiada jalan, masih boleh jalan. Cubalah fikir kalau tiada makan, macam juga tiada air, kita akan mampus.

Datuk Jonnybone J. Kurum [Telupid]: Yang Berhormat Menteri ...

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan

[Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Jadi, sebab itu keterjaminan makanan pertanian ini amat-amat penting untuk *survival* manusia dan apa ini kita semualah. Jadi, kita perlu bagi sokongan, kita perlu bagi peruntukan yang cukup dan kita perlu berusaha yang lebih tinggi lagi untuk itu.

Datuk Jonnybone J. Kurum [Telupid]: Datuk Menteri, Telupid.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan

[Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Silakan.

Datuk Jonnybone J. Kurum [Telupid]: Tadi Pembantu Menteri ada menyatakan mengenai dengan pewujudan jelapang padi melalui pengabungan kluster beberapa daerah. Jadi, saya mahu bertanya di sini untuk Terusan Sapi daerah Telupid, di manakah kluster untuk daerah Telupid ini *join* dengan kluster yang ada dicadangkan kerajaan untuk menjadi satu jelapang padi kerana tiada dinyatakan tadi, Telupid tiada disenarai, itu satu saya mahu tanya?

Kedua, Datuk Menteri mengenai dengan sistem perairan dan saluran di Terusan Sapi yang masih lagi tidak berjaya dilaksanakan sehinggakan beberapa kawasan

tanaman padi di tanah KPD Terusan Sapi masih terbantut. Jadi, adakah pihak Kementerian telah melihat suatu penyelesaian supaya kawasan tanah ini dapat ditanam padi secara keseluruhannya di Terusan Sapi? Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Ya, soalan yang pertama isu sama ada Telupid ini ada kluster padi dan saya percaya Timbalan Menteri tidak menyebut semua, dia hanya menyebutkan contoh-contoh dan sekiranya Yang Berhormat daripada Telupid mempunyai cadangan sila cadangkan kepada MAFI dan kita akan usahakan untuk buat kluster tanaman padi di kawasan berhampiran di Telupid.

Mengenai isu perairan, mengenai isu perairan di Terusan Sapi yang penanaman padi sekarang ini, kita telah memohon peruntukan untuk menyelesaikan ataupun menaik taraf pasal *allegation* di kawasan Terusan Sapi dan insya-Allah kita harap tahun ini kita akan dapatkan peruntukan yang cukup.

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: Menteri, Menteri.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Terima kasih.

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: Menteri, sampai saya sebab lama sudah, ya *sorry*, terima kasih Tuan Speaker.

Jadi di Sandakan, empat tahun yang lalu, saya tanya soalan yang sama, beras tidak dapat beli beras tempatan. Telur, sekarang makin serius, Sandakan tiada telur biasa, semua *omega* punya, jenis *omegalah*. Minyak masak, kadang-kadang ada, kadang-kadang tiada minyak masak, saya tanya itu KPND itu bukan dia punya *control*, kawasan *control*, saya tidak tahu mahu tanya siapa.

Ini yang soalan pertama saya tanya, bilakah kita *supply chain* ini akan stabil balik? Dulu yang cakap alasan Menteri cakap, kita mahu sedia itu jagunglah, air salirankah dan sebagainya, *kasih* (memberi) rendahkan ini harga, kalau *short term* atau *long term*, empat tahun sekarang, hari ini saya pun tidak dapat beras yang tempatan,

semua yang *import* punya. Kedua, telur, langsung tidak dapat telur biasa dan itu yang sekarang ayam pula, empat belas ringgit satu kilo, tidak macam sebelah yang Sarawak, Sarawak masih boleh dapat yang bawah sepuluh kilo, sepuluh ringgit satu kilo, lapan ringgit satu kilo, ini yang saya tidak tahu, hairan, sampai hari ini Sandakan ini macam anak angkat tidak peduli, biar dia yang hidup-hiduplah, mati-matilah begitu Sandakanlah. Saya tiada lain tempat, saya tidak tahu lain tempat.

Soalan kedua, di bandar, pertanian bandar *urban farming*, saya ada minta pusat Kerajaan di *Federal* tentang cerita tentang ini, ini *hydroponic* punya tukang atau komuniti untuk membangunkan ini *urban* punya industri di *farming* di bandarlah sama hari ini mungkin Menteri ada jawapan atau yang *kasih* (memberi) faham orang Sandakan apa macam *urban farming* di Sandakan bandar ini. Terima kasih.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Menteri, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, Speaker. Saya minta Yang Berhormat Menteri kalau boleh jawab secara bertulis sebab kita masa kita terhad sekarang.

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: Speaker, *sorry* ya. Sebab saya pun nasib, Speaker ada *remind* saya, saya tidak dapat dari dulu sampai sekarang, saya jarang dapat kamu punya tulis, jawapan tulis, betul, saya tidak tahu lupakah, apakah.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Okey, nanti saya bagi jawapan bertulis isu apa ini telur yang saya pergi pasar kelmarin masih ada telur, cukup ya.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Okey, sila jawab secara bertulis.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Nanti saya akan jawab secara bertulis ya.

Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]: Datuk Menteri, Datuk Speaker, Datuk Menteri.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Okey, ADUN Sekong.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Teruskan dengan ucapan penggulungan Datuk Menteri.

Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]: Dia berhakkan satu orang, dia *que up* baru boleh beli dua saja itu, Datuk Speaker.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Tidak apa, tidak apa saya habiskan dulu masih tebal lagi di sini.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Ya, teruskan.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Bagi menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Sekong, mengenai cadangan membangunkan usahawan perikanan melalui bantuan kewangan, peralatan, pembinaan fasiliti berkaitan dan pelaksanaan kursus serta latihan. Kementerian saya mengambil maklum mengenai cadangan tersebut, kementerian saya bersama jabatan dan agensi yang lain akan meneliti dan akan mempertimbangkan semua cadangan berkenaan berdasarkan keperluan dan peruntukan yang ada.

Ya, untuk makluman Yang Berhormat Sekong, bagi cadangan membina usahawan *urban farming*, Kementerian saya melalui Jabatan Pertanian Sabah telah melaksanakan program pembangunan *urban planning* pada tahun ini. Cadangan peruntukan sebanyak 150 ribu yang melibatkan 120 orang pengusaha di daerah seluruh Sabah. Bagi daerah Sandakan satu komuniti telah mendapat faedah daripada program ini, iaitu SK Ulu Dusun, Parlimen lebar ADUN Gum-Gum dalam perancangan bagi tahun 2025. program pembangunan pertanian atau *urban planning, farming* akan diteruskan dengan mensasarkan 11.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]:....dua daerah melibatkan 180 orang pengusaha dengan peruntukan sebanyak RM400,000.00.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Sekong tentang peruntukan yang diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan untuk penanaman padi pada tahun ini, Jabatan Pertanian telah menerima peruntukan sebanyak RM5.88 juta daripada Kerajaan Persekutuan bagi Projek Pemulihan Tanah Sawah Terbiar seluas 437.57 hektar. Projek ini dilaksanakan di tiga daerah, iaitu Sook 99.57 hektar, Papar 228 hektar dan Tuaran 110 hektar melibatkan kerja-kerja pembersihan, reka bentuk semula sawah dan pembangunan infrastruktur.

Bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Segama, Yang Berhormat Silam mengenai kejadian banjir kawasan masing-masing, Jabatan Pengairan dan Saliran Sabah telah menyiapkan Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam bagi daerah Lahad Datu pada tahun 2023. Kajian tersebut adalah untuk mengenal pasti langkah mitigasi banjir yang sesuai di beberapa kawasan di daerah Lahad Datu. Cadangan mitigasi banjir bagi kawasan ini akan dipohon di bawah RMKe-13 selaras dengan cadangan dalam kajian berkenaan.

ADUN Telupid, bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Telupid mengenai hakisan tebing sungai. Kementerian saya melalui Jabatan Pengairan dan Saliran telah memohon peruntukan bagi projek pembinaan struktur hakisan tebing di bawah Rancangan Malaysia Ke-12, namun tidak diluluskan. Oleh itu, JPS akan mengemukakan semula permohonan tersebut di bawah Rancangan Malaysia Ke-13, harap tidak sampai ke-14. Sebagai strategi jangka panjang untuk menyelesaikan isu berkenaan terutamanya di Kampung Tebidong-Bidong sebagai langkah jangka pendek. JPS akan meneliti kesesuaian dan keberkesanan pelaksanaan kerja-kerja pertahanan tebing pada kawasan yang amat kritikal sahaja dulu.

Datuk Jonnybone J. Kurum [Telupid]: Datuk Menteri, saya bertanya berkaitan dengan kesan bencana alam ini, saya ada kemukakan permohonan untuk ihsan

daripada Kementerian berkaitan dengan kejadian padi rebah di kawasan KPD Terusan Sapi yang melibatkan lebih kurang 20 peserta, orang kampung dia punya padi rebah, tiadakah inisiatif ataupun bantuan Kerajaan dalam mengurangkan bebanan kerana mereka tidak dapat menuai padi tersebut kerana semua rebah? Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Saya akan meminta jabatan Pegawai Pertanian untuk memeriksa dahululah. Ya. Terima kasih.

ADUN Sebatik, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Sebatik mengenai status projek naik taraf bekalan air bersih dan pembinaan loji rawatan air di FELDA Gugusan Emas, Kementerian saya melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Sabah telah melaksanakan projek menaik taraf sumber bekalan air mentah serta loji rawatan air bersih FELDA Gugusan Emas, Tawau pada 13 Mei 2024. Skop utama projek tersebut adalah membina loji baru dan kerja-kerja pemindahan paip setakat ini projek tersebut masih di dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka akan siap pada 12 Mei 2026.

Sehubungan itu, Kementerian saya bersama-sama jabatan dan agensi di bawah MAFFI akan mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Persekutuan bagi membolehkan program dan projek yang telah dirancang dapat dilaksanakan.

Bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bongawan, mengenai sistem pengairan di Bongawan. Kementerian saya melalui JPS sentiasa membantu memantau sistem pengairan yang telah dibina. Sistem pengairan yang berada dalam kawasan Skim Pengairan Bongawan boleh berfungsi dengan baik untuk membekalkan air ke kawasan sawah padi di sepanjang tali air. Infrastruktur yang terdapat dalam kawasan Skim Pengairan Bongawan adalah terdiri dari tali air konkrit sepanjang 9,025 meter parit, pembuangan sepanjang 3,363 meter, jalan ladang sepanjang 5,180 meter dan sebuah ibu bekalan ataupun empangan.

Bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bongawan mengenai peruntukan untuk penggunaan teknologi *IOT*, Kementerian saya melalui Jabatan Pertanian telah menerima peruntukan RM200,000.00 daripada Kementerian

Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Pada tahun 2023, peruntukan tersebut telah digunakan untuk pembinaan dua buah struktur pelindung hujan berkonsepkan *IOT* atau *Internet Of Things*. Sejajar ke arah pertanian pintar, pada tahun 2025 nanti Jabatan Pertanian mensasarkan lapan lagi buah projek *IOT* yang akan dilaksanakan di dua daerah, iaitu Taman Kekal Pengeluaran Makanan Tawau, empat buah. Taman Kekal Pengeluaran Makanan Putatan, empat dengan peruntukan sebanyak RM300,000.00.

Pada RMKe-13, Jabatan Pertanian Sabah merancang untuk membina sepuluh buah Projek Pertanian Pintar berasaskan *IOT* dalam usaha menyebar luas dan menerapkan teknologi tersebut kepada pengusaha. Bagi cadangan oleh Yang Berhormat Bongawan untuk melaksanakan kajian isu pemasaran produk pertanian, Kementerian saya mengalu-alukan dan akan meneliti cadangan tersebut. Adalah dimaklumkan bahawa agensi Persekutuan, iaitu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan atau FAMA yang mempunyai cawangan di negeri ini berperanan dalam membantu memasarkan produk atau hasil pertanian petani, penternak, nelayan dan usahawan. FAMA turut mengenal pasti isu-isu pemasaran yang dihadapi oleh usahawan dan sentiasa berusaha memperluaskan akses pasaran di peringkat tempatan dan antarabangsa. Kerajaan juga berhasrat untuk mewujudkan agensi pemasaran di Sabah sendiri, iaitu *Sabah Marketing Agency* untuk membantu usahawan tani memasarkan hasil mereka di Sabah.

Bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bongawan mengenai Pusat Pengumpulan Hasil atau APCC, Kementerian saya melalui KPD telah membina enam pusat yang telah beroperasi di dalam tempoh setahun dan dalam tempoh tersebut APCC atau Pusat Pengumpulan Hasil ini telah mencatatkan nilai belian berjumlah RM3.34 juta, iaitu hasil pertanian yang dibekalkan oleh para petani. Pada masa ini seramai 1,103 orang petani berdaftar...

**20/11/2024 – RAKAMAN 42 [4.50 PETANG – 5.00 PETANG] – [CHARITY] –
RAMENAH – NADA HAIFAA**

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: ... dengan KPD sebagai pembekal hasil pertanian ke pusat pengumpulan hasil. Setakat ini, tidak ada

sebarang aduan berkaitan masalah pemasaran hasil pertanian yang diterima oleh KPD. Kerajaan telah menerima peruntukan berjumlah 10 juta untuk membina APC-APC yang baharu dan APC-APC ini kita berharap dapat di ... dibina lagi di 21 daerah.

Bagi menjawab soalan dibangkitkan oleh Bongawan yang banyak juga Bongawan ni, Kementerian saya melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah melaksanakan Program *Feed lot* dan tahun ini program tersebut menunjukkan kemajuan yang signifikan. Program *feed lot* yang dilaksanakan oleh Sawit Kinabalu Live stock Integrated Centre telah diperuntukkan dan sebanyak 15 juta daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan sebanyak 2695 ekor lembu pedaging baka brangus. Brangus ini adalah kacukan daripada di antara brahman dan angus. Anggus bukan angus. Jadi branguslah, telah diperolehi untuk program ini. Sehingga kini populasi dalam *feed lot* yang disebutkan telah mencapai sekitar 3500 ekor lembu dan projek ini masih dalam fasa pembangunan dengan fasa kedua dan ketiga sedang dijalankan. Apabila siap kelak, *feed lot* ini dijangka mampu menampung sehingga 15 ribu ekor lembu pedaging.

Dengan kapasiti ini, pengeluaran daging tempatan akan meningkat menyokong pengurangan kebergantungan daripada import. Berhubung peratusan peningkatan pada 2024 dan unjuran ... unjuran hingga 2030 pada tahun ini ...

Tuan Speaker: Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri. Sini. *Hello*.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Ya.

Tuan Speaker: Panjang lagi?

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Ya, Tuan Speaker.

Tuan Speaker: Panjang lagi?

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan
[Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Tidak. Mahu habis sudah.

Tuan Speaker: Mula gulunglah, yang tidak sempat tu kasi jawapan bertulis saja.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan
[Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Ya. Saya habiskanlah, ah?
Yang lain itu saya akan jawab secara bertulis.

Tuan Speaker, sepanjang persidangan Dewan yang mulia ini, berbagai soalan dan isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat dan pada mereka yang tidak sempat saya jawab, saya akan jawab secara bertulis. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada golongan petani, penternak dan nelayan atas segala sumbangan dalam pembangunan sektor pertanian khususnya untuk memastikan dasar keterjaminan makanan dapat direalisasikan.

Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Natal 2024, Selamat Tahun Baharu 2025 kepada semua Ahli Dewan Undangan Negeri dan rakyat di seluruh Sabah, dan sebagai penutup, ingin saya menyampaikan satu ... dua pantun;

Padi indah burung bernyanyi,
Menyapa alam penuh harmoni;
Hati berpadu, semangat diberkati,
Perpaduan asasnya *unity is duty*.

Burung terbang dijangka raya, dengan kasa raya,
Membawa bendera Sabah Maju Jaya;
Hak Sabah kita bersama,
Mari bersatu menuntut 40% bersama.

Ada lagi,

Duduk memancing di tepi jeti,
Umpan dipasang penuh teliti;

Mari bersatu sepenuh hati,
Maju bersama *unity is duty*.

Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker: Lupa menyokong.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Dengan itu, saya mohon menyokong.

Tuan Speaker: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan]: Terima kasih.

Tuan Speaker: Pantun punya pantun dia lupa sokong.

Sebelum saya memanggil seterusnya, Ahli-ahli Yang Berhormat saya ingin mengingatkan dalam penggulungan setiap kali pencerahan diminta ialah mengenai isu yang kita bangkit dalam perbahasan kita tidak terjawab. Mana-mana isu baharu yang dibangkitkan, Yang Berhormat Menteri yang jawab boleh mengambil maklum dan beri jawapan yang bertulis.

Sekarang saya jemput Yang Amat Berhormat Sulaman untuk gulung.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum WBT. Salam Malaysia MADANI dan salam Sabah Maju Jaya.

Tuan Speaker, alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, Belanjawan Negeri Sabah tahun 2025 yang bertemakan “Sabah Makmur, Rakyat Sejahtera” telah berjaya dibentangkan dan dibahas dengan bernas di Dewan yang mulia ini.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam mengutarakan pelbagai isu dan saranan dalam perbahasan Belanjawan kali ini serta sokongan padu terhadap Belanjawan Negeri tahun 2025.

Isu-isu dan saranan yang telah dibangkitkan akan diteliti dengan sewajarnya demi memastikan kesejahteraan rakyat di negeri ini terpelihara. Di samping itu, kita harus melipatgandakan usaha pembangunan dan kemajuan negeri ini agar ianya dapat ditingkatkan. Kerajaan Negeri amat prihatin dan sentiasa mengambil berat tentang isu-isu dan cadangan-cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali bagi isu-isu yang berkaitan dengan Jabatan Ketua Menteri. Dengan itu, izinkan saya menjawab beberapa isu yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan.

Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Senallang serta Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri telah membuat keputusan untuk membatalkan Perjanjian Lesen Sabah Forest Industry, SFI, bermula 1 September 2021 atas dasar kepentingan awam kerana syarikat SFI yang dibeli oleh Syarikat Ballarpur Industry telah diisytiharkan muflis dan tidak lagi mengusahakan kawasan lesen tersebut.

Atas dasar kepentingan awam juga, geran-geran tanah SFI yang berkeluasan 12 348.8 hektar telah diambil balik dan diberi hak kepada kumpulan Yayasan Sabah. Manakala seluas 238 563 hektar kawasan konsesi SFI telah dilesenkan semula kepada tiga pelesen Sustainable Forest Management License Agreement, SFMLA, di mana Kerajaan Negeri mempunyai kepentingan ekuiti 15% melalui Chief Minister Incorporated dan Yayasan Sabah.

Skim penggunaan pemprosesan pengurusan penyelidikan dan pembangunan pemuliharaan kayu hutan lestari daerah Sanda ... Sipitang adalah nama bagi skim tujuan awam di mana tanah-tanah bekas SFI telah diperolehi oleh Kerajaan Negeri.

Mengenai status Kayu Tanaman Akasia dalam kawasan SFI tersebut, iaitu tanah geran. Kebenaran membalak telah diberikan oleh pihak Yayasan Sabah bagi membolehkan kayu-kayu akasia yang ditanam di kawasan geran tanah tersebut dibalak. Berikutan terdapat kes jangkitan kulat yang ...

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: ... menyerang pokok tanaman di kawasan tersebut. Proses penuaian pokok perlu disegerakan untuk mengeluarkan pokok-pokok tanaman yang dijangkiti kulat tersebut bagi membolehkan penanaman pokok baharu dijalankan. Penyakit kulat yang menyerang pokok tanaman akasia ini memerlukan penuaian segera bagi mengelakkan penyebaran jangkitan ke kawasan lain.

Setakat 3 November 2024, pembalakan telah dilaksanakan di kawasan seluas lebih kurang 1921.33 hektar dan pihak Yayasan Sabah akan menjalankan penanaman semula di kawasan tersebut dengan kos penanaman lebih kurang RM12,000.00 sehektar.

Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat dari Merotai telah menyentuh isu berkenaan tatakelola pengurusan mineral.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Terima kasih Yang Amat Berhormat untuk beri ruang kepada saya dan Tan Seri Speaker. Saya ingin bertanya.

Tuan Speaker: Belum Tan Sri lagi *bah* ... amin sajalah.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat tentang tadi disebutkan. Kayu akasia yang ada telah pun diurus ada dua. Satu, yang satu yang diberikan kepada Yayasan Sabah yang satu lagi di mana Kerajaan Negeri 15% yang tadi tu. Syarikat-Syarikat yang terlibat kalau boleh senarai siapa punya syarikat. Saya ingin bertanya kalau boleh Yang Amat Berhormat jelaskan, kalau tidak boleh *return* dari segi yang ada menjadi persoalan saya bangkitkan Datuk Speaker dalam perbahasan saya dan kayu akasia yang ada ini di mana dijual dan siapa yang jual dan hasil yang diperolehi ke arah itu dan saya juga tanya yang kedua mengapa 50% kenapa tidak diberikan langsung kepada Yayasan Sabah untuk menguruskan sedang kita galakan Yayasan Sabah juga tanam semula akasia itu yang disebut tadi FMU yang ada.

Jadi kena spesies ini merupakan satu kayu yang cukup mahal nilainya dia dan dia tidak diperolehi daripada mana-mana tempat di Asia Tenggara. Saya amat bimbang keadaan ini sudahlah hasil kita amat terbatas dan saya berharap perkara ini dapat dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Tuan Speaker, saya ingin memberi penjelasan masih banyak untuk pencerahan semua wakil-wakil rakyat di Dewan yang mulia ini. Apabila kita mengambil alih Kerajaan dan melihat bahawa SFI tidak dilaksanakan sepertimana lesen yang telah diberikan kerana syarikat industri itu telah bankrap. Jadi apabila kita mengambil alih Kerajaan, kita telah memberi semula kepada tiga syarikat yang dulunya syarikat ini dipunyai oleh penender yang tertinggi pada waktu itu.

Tetapi apabila Kerajaan Warisan mengambil alih dia tidak bagi kepada syarikat itu, dan dibagi kepada satu syarikat yang lain dan juga belum melaksanakan tanggungjawab untuk mengusahakan lesen tersebut. Jadi, apabila kita mengambil alih Kerajaan, kita telah memutuskan untuk memberikan kepada tiga buah syarikat dan memberi kepada Yayasan Sabah tanah-tanah yang bergeran hampir 30 ribu ekar yang saya sebutkan tadi 12 ribu lebih hektar. Itu yang berlaku.

Jadi, apabila Yayasan Sabah sudah memilik tanah tersebut dan tanah yang bergeran ini ditanam dengan pokok akasia. Jadi pokok akasia itu, dipotong kerana ada laporan sebahagian besarnya mempunyai penyakit kulat dan daripada sana hasil daripada pemotongan itu dijual dan untuk Yayasan Sabah dan untuk makluman pihak Yayasan Sabah sudah menerima pembayaran sebanyak RM10 juta hasil daripada aktiviti tersebut.

Jadi ini yang dilakukan. Jadi, dalam SFI ini kita mempunyai 15% kepentingan. Dulu waktu pelabur kita cuma mempunyai 1.8% jadi selain kita dapat 15% kepentingan kita juga dapat tanah yang bergeran itu balik kepada Kerajaan dan kita bagi kepada Yayasan Sabah. Itu dia punya kedudukan.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Sebenarnya bila disebut tentang bila kita mengambil Kerajaan kita tidak bagi kepada SFI tu kepada mana-mana pihak. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya perkara

ini dalam rancangan kita kerana SFI ini bukan dimiliki oleh Kerajaan Negeri. Dia telah jual kepada satu kumpulan William Cheng dengan izin. Syarikat lepas itu dijual kepada India *company* yang ada, lepas itu dijual kepada Tan Sri Syed Mokhtar dia punya rentetan sejarah dia tapi tujuan kita SFI ini Datuk Speaker ialah untuk mengeluarkan kertas yang berkualiti bukan hanya *tissue paper*.

Maka dengan itu bila saya melihat berasal kepada 1970-an. Pasal itu masa saya pegawai kerajaan sepuluh tahun saya pegawai kerajaan dan kita juga unit projek *investment* unit yang ada. SFI juga di bawah jagaan kita waktu itu dan kita melihat bahawa perkara ini penting di mana *downstream* yang ada. Bagaimana kita nak proses. Kita mahu proses di peringkat negeri Sabah supaya keluaran kertas yang ada dan saya pergi Beijing bila saya pergi Beijiing berjumpa dengan sebuah syarikat di situ yang dimiliki oleh China dan saya nampak dia masuk ke kilang dia, tidak tahu sama ada bekas apa ini Hasyim Paijankah ataupun yang sekarang SKN saya bawa pergi Beijing melawat bersekali dengan mantan Menteri Perindustrian Madius Tangau dan lepas itu kita lawat kilang itu dan saya maklumkan dengan dia saya bagi tahu *because it doesn't with belong to us now, it's belong to the bank*. SFI dimiliki oleh bank bukan cuma kita punya kuasa *is the 2%* yang kita katakan *golden share* di mana Ketua Menteri boleh *sign*. Kayu balak itu tidak boleh dipotong selagi Ketua Menteri tidak *sign*. Ini di dalam perlembagaan kita di dalam enakmen kita. Jadi, saya telah mengambil langkah untuk tidak *sign*. Ya, dan yang saya sebut nama tadi berjumpa dengan saya. *Now i said, you do other things*, jangan ini pasal tiada *expertise* dia saya mahu dan tidak ada pasaran. China sudah ada pasaran. *Comfirm*. *They are demand* dia cukup-cukup jadi ini yang saya nak jelaskan dengan Yang Amat Berhormat bahawa kita sebenarnya tidak benar apa Yang Berhormat bahawa kita jual kepada syarikat.

Selepas itu saya nyatakan dengan pemilik syarikat itu. *You give us 30% of the share which does'not belong to us* pasal kalau saya tidak *sign* itu yang *authority Chief Minister* yang ada. Tapi kita tidak sempat untuk tandatangan dia bawa pergi mahkamah dan saya bawa pergi mahkamah juga tentang perkara ini dan keadaan itu kita faham saya maklumkan dengan Peguam Negeri waktu itu Datuk Zaleha supaya *follow the laws*. Undang-undang yang ada, jangan bercanggah dengan undang-undang. *We have authority*. Kita nakkan supaya *we are forceful* dari segi undang-undang. Jadi, ini yang saya nyatakan kepada Yang ... Yang Berhormat nanti

kekeliruan di peringkat Dewan seakan-akan kita menjual. Kita tidak jual pasal itu bukan lagi milik kita syarikat pasal tu sekarang di peringkat mahkamah tapi saya tidak mahu bincang nanti kita *content of court* yang sedang berjalan dengan *bankers* yang ada.

Cuma saya berharap perkara ini yang saya nyatakan *i want to know* syarikat-syarikat yang diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk memotong kayu yang ada dan jualan yang disebut tadi 10% yang ada saya kalau boleh dari segi *detail* dia ya. Ke mana dijual kayu ini. Terima kasih banyak.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Terima kasih, ADUN daripada Senallang. Jadi kita akan bagi nanti maklumat itu secara bertulis. Jadi Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat dari Merotai telah menyentuh isu berkenaan tatakelola mineral dan turut mencadangkan untuk menyerahkan pengurusan mineral kepada syarikat milik Kerajaan seperti Yayasan Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat ...

20/11/2024 – RAKAMAN 44 [5.10 PETANG – 5.20 PETANG] – [SALEHA] – DARRYL JUDE – AHMAD

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: ...dan Dewan yang mulia ini, ingin saya jelaskan bahawa Sabah Mineral Management Sdn. Bhd. adalah merupakan syarikat milik penuh Kerajaan. SMM ditubuhkan untuk menguruskan sektor mineral adalah merupakan langkah strategik bagi memastikan pengurusan sumber mineral dijalankan dengan lebih tersusun, fokus dan berkesan bagi memaksimumkan potensi dan sumber baharu pendapatan kepada Kerajaan Negeri Sabah di masa akan datang.

Setakat ini, untuk makluman, Ahli Lembaga Pengarah SMM telah mengesyorkan bahawa kita telah mengeluarkan 26 lesen mencari gali, *Prospecting License* (PL), selaras dengan Seksyen 6, Ordinan Perlombongan Sabah 1960 untuk tempoh dua tahun. Daripada 26 lesen mencari gali PL tersebut, dua PL telah ditarik balik sendiri oleh pemegang lesen. Satu PL telah dibatalkan dan empat PL telah luput tempoh, dan atas beberapa sebab seperti tiada kemajuan eksplorasi yang signifikan dalam tempoh dua tahun oleh pemegang lesen.

Ada yang tidak mendapat persetujuan daripada pemegang SFMLA dan kebenaran daripada Jabatan Perhutanan untuk memasuki kawasan tersebut dan selebihnya berada dalam *Totally Protected Area (TPA)* dan berada dalam kawasan tadahan air sensitif. Manakala, 19 PL masih berkuat kuasa. PL ini hanyalah bertujuan untuk mencari gali sama ada terdapat jumlah mineral yang ekonomik untuk dilombong. Sebarang permohonan melombong *mining list* untuk operasi perlombongan, hanya akan diputuskan setelah dibuktikan terdapat mineral yang bernilai untuk dibangunkan hasil daripada dapatan daripada kerja-kerja *Prospecting License*.

Kepentingan Kerajaan Negeri akan dibincangkan di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri sebelum *mining list* dikeluarkan. Ini baru urusan cari gali, belum lagi kita bagi lesen melombong, ini yang kita. Saya juga ingin menyentuh isu yang hangat diperkatakan mengenai pengurusan mineral, laporan berkaitan perkara tersebut telah pun diserahkan oleh pihak SPRM kepada pihak berwajib. Kerajaan Negeri menyerahkan sepenuhnya kepada pihak berwajib untuk menjalankan siasatan dan mengambil tindakan sewajarnya jika terdapat sebarang unsur salah laku atau penyalahgunaan kuasa.

Bagi maklumat yang terperinci, saya rasa kita, saya tidak dapat mengulas dengan lebih lanjut kerana kes ini sedang dalam siasatan oleh pihak yang berwajib dan sebarang kenyataan boleh menjejaskan siasatan yang dijalankan. Tetapi untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, saya ingin memberi jaminan bahawa pengurusan pentadbiran baharu SMM adalah teratur dan mengikut tadbir urus yang baik. Semua pertimbangan dan kelulusan diputuskan melalui Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Terima kasih Yang Amat Berhormat telah menyatakan bahawa 26 *mineral license* yang telah pun diluluskan dan di samping itu juga, dua telah ditamatkan, ya.

Datuk Rubin bin Balang [Kemabong]: Bukan per, bukan dilulus.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Bukan lulus, ya. Jadi saya, saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat, walaupun saya tahu bahawa SSM telah pun mengeluarkan kenyataan tetapi di Dewan yang mulia

ini, SMM, ya. Saya ingin bertanya kerana ini membabitkan Yang Amat Berhormat sendiri, satu. Keduanya, beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat, minta penjelasan tentang keadaan ini. Pasal ini, saya bimbang kalau tidak ada penjelasan, kita tunggu, saya tahu siasatan berlaku tapi kita tidak mahu dia *molding the minds* dengan izin.

It become perception, it become molding the minds of the people kalau kita tidak berlandaskan dengan kebenaran yang ada bahawa benarkah apa yang dikatakan ataupun tidak, ya dan perkara ini saya bimbang kerana dia akan melahirkan satu keadaan yang, yang menjejaskan bukan hanya imej kita di merata tempat. Saya bahaskan di Dewan ini, emas pun hilang, RM100 juta lebih duit terjumpa di Jabatan Air dan berapa perkara dan ini membabitkan rasuah yang telah berlaku. Kenapa duit itupun RM100 juta lebih, ya dan mungkin.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Ya.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Perkara ini perlu dijelaskan.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Ya.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Secara terperinci di Dewan yang mulia. *There is nothing wrong it.*

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Ya.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: *Pasal it is not contempt of court, its still* di peringkat siasatan tapi walaupun kita tahu bahawa tidak boleh menjejaskan siasatannya, cuma fakta kenyataan perlu dijelaskan.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Ya.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: kepada Dewan yang mulia supaya rakyat di peringkat Sabah ini maklum tentang perkara ini.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Untuk makluman Ahli daripada Senallang dan juga Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, saya beranggapan motif yang dilakukan, dikeluarkan oleh satu portal atau berita MalaysiaKini. Tetapi, saya tidak boleh menuduh sesiapa tetapi bagi saya, ini siaran ini bertujuan politik untuk menjejaskan imej Kerajaan termasuk imej saya sebagai Ketua Menteri. Saya ingin jelaskan bahawa setiap yang kita lakukan, kelulusan adalah melalui Lembaga Pengarah, Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah tetapi saya ingin menyatakan sedikit di sini. Saya bukan menuduh tetapi CEO, bekas CEO, kalau ikut laporan daripada SMM kita, dia tidak berpanduan kepada keputusan *board*. Ahli Lembaga Pengarah memutuskan lain seperti apa yang saya sebutkan, dia sebagai CEO, dia buat surat meluluskan kebenaran untuk memberi *Prospecting License* kepada syarikat yang tertentu. Ini berlaku dan ini sudah kita sampaikan kepada pihak SPRM dan juga laporan Polis.

Jadi bagi saya, biarlah pihak yang berkenaan apa nama dia itu buat siasatan, cari kebenaran, siapa yang salah, apa motif ini, kenapa jadi begini? Kerana tatakelola yang dilakukan untuk melulus *Prospecting License* ini, ini belum lagi melombong, belum ada duit lagi ini. Dia orang fikir lain, itu yang saya nampak tapi saya tidak mahu menjelaskan sejelas-jelasnya di dalam Dewan ini. Biarlah pihak yang berkuasa buat penyiasatan secara adil. Saya sudah nyatakan awal, *nothing to hide*, pasal saya nampak ini banyak permainan. Yang Berhormat daripada Senallang pun orang politik, ahli politik yang lama boleh nampak tetapi itu biarkan. Sebagai orang politik, kita menghadapi itu dengan cara apa pun kerana akhirnya terpulanglah kepada rakyat untuk membuat keputusan. Itu sahaja yang boleh saya terangkan sedikit.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Terima kasih banyak, terima kasih, terima kasih banyak atas penjelasan itu dan saya berharap siasatan secara mendalam dapat dilakukan oleh pihak yang berwajib. Cuma bila perkara ini berlaku, saya pun tidak kenal CEO dia siapa dia, saya pun tidak tahu Ahli-ahli Berhormat yang bersuara menyatakan tentang perkara-perkara, perjalanan cuma terkadang itu, ada di antara pimpinan yang menyatakan keluar kenyataan bahawa ini *political motive* pembangkang. Jadi saya ini Ketua Pembangkang, *i am also responsible want to know, don't just simply accused* pembangkang. Pasal *if you*

have evidence to say that it is individually involve yang mengurus segala lesen ini ataupun perjalanan transaction

20/11/2024 – RAKAMAN 45 [5.20 PETANG – 5.30 PETANG] – [NURIAHTIKA – AZYATUL – NADA HAIFAA]

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: ... *money grip* yang ada itu. Pasal ini saya ... saya faham tentang peraturan-peraturan. Cuma, kadang-kadang itu disuarakan seakan-akan dinyatakan ini agenda pembangkang untuk menjatuhkan pihak Kerajaan. *Never*. Dari segi niat, kita langsung, saya pun tidak tahu berapa lesen mineral yang ada. Siapa yang dapat, saya tidak tahu. CEO pun saya tidak kenal.

Jadi, perkara ini saya harap Yang Amat Berhormat, bukan hanya perkara ini, kadang-kadang boleh kita dengar di Dewan yang mulia ini macam-macam perkataan terhadap, “oh, pakai baju *orangelah*, pakai macam-macam lah.” Saya tahu, pasal saya, saya faham keadaan-keadaan yang saya lalui dalam kehidupan politik saya. *But let me tell you, I’ll never give up* untuk perjuangkan hak Sabah, rakyat Sabah *whatever it takes*. (Bunyi ketukan meja)

Pasal ini penting kepada, kepada rakyat umat yang di peringkat akar umbi. Masa saya pun Ketua Menteri, haramkan kayu balak. (kurang jelas)

Datuk Jonnybone J. Kurum [Telupid]: Datuk Speaker.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Terima kasih banyak.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Terima kasih, Ahli daripada Senallang. Kalau, mungkin ada yang bercakap pembangkang, tetapi tidak semesti dia Ketua Pembangkang. Penyokong pembangkang pun ada juga. Tetapi, ini kita tidak pernah menuduh *direct* kepada wakil-wakil rakyat kita. Itu yang ... yang berlaku. Jadi, *insya-Allah* lah. Kalau kita tidak ada niat begitu, tiada ada apa-apa.

Jadi, kalau kita cerita pembangkang, penyokong pun namanya pembangkang juga, ya.

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: Berkaitan. (Suara bertindih)

Datuk Jonnybone J. Kurum [Telupid]: Datuk Speaker, saya rasanya isunya sekarang, Datuk Speaker, kita telah selamatkan sesuatu yang berharga. Soal persepsi, siapa yang boleh larang dalam media? Orang semua boleh cakap. Kita dalam Kerajaan pun kena cakap juga. So, saya rasa apa yang paling penting sekarang, Datuk Speaker, kita telah menyelamatkan satu keadaan yang mana perkara yang tidak baik, yang di belakang pengetahuan, telah diperbetulkan dan ini perlu kita sokong, dan kita tidak perlu terlalu prejudis. Terima kasih, Speaker.

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: Datuk Speaker, terima kasih, YB. Ah, YB.

Suara: *Standing Order*, Datuk Speaker.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: *Standing Order*, Datuk Speaker. *Standing Order* 43 (4). Dan jangan sangkaan jahat dan juga berkata *but we should not be prejudice*. Perkara itu *what you, what you saying is that we shouldn't be prejudice, is it just now ...* (suara kurang jelas)

Datuk Jonnybone J. Kurum [Telupid]: Tiada. Tiada sangkaan jahat.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: *No. Because this a the thing, we have to very sincere.* Dalam perbahasan ini.

Datuk Jonnybone J. Kurum [Telupid]: Lagi satu, tiada pun pembangkang secara spesifik disebut.

Tuan Speaker: Ahli-ahli Yang Berhormat, isu pasal video yang diviralkan ini sedang dalam siasatan sekarang. Dan siasatan itu akan merangkumi, adakah suara itu benar, orang itu benar berkatakah tidak, adakah dia digunakan *artificial intelligence*kah tidak, termasuklah juga segala laporan-laporan yang dikeluarkan oleh *the allegedly reveal by the ex CEO*.

Jadi, biarlah siasatan ini berjalan dengan baik, tanpa kita ganggu. Sampai dapat ketahuan siapa yang *culprit*nya. Adakah benar YB itu terlibat, dan dia diambil tindakan, ambillah tindakan. Jadi untuk masa sekarang, kita teruskan sahaja kita punya sidang untuk penggulungan seterusnya.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Yang, Yang Berhormat Datuk Speaker.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Datuk Speaker, saya faham.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Datuk Speaker.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Saya faham apa yang dinyatakan dan juga pandangan, Datuk Speaker. Cuma, ingin kita perelaskan *about*. Itu yang saya katakan, bukan kita *prejudice*. Pasal yang bercakap ini, bukan kita di sini. YB-YB yang di sana itu. *But*, itu yang, walaupun siasatan dilakukan, itu yang saya minta penjelasan. Bukan saya tuduh. Tidak. *But, I'm not prejudice. But don't say that we are prejudice in terms of making statement in the Dewan ini.*

Tuan Speaker: Ok, Senallang. Kita *move on*.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Yang Berhormat Speaker, yang tadi itu.

Tuan Speaker: Pasal apa itu? Pasal video lagi?

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Tidak. Tidak. Pasal, sebab soalan itu, soalan saya.

Tuan Speaker: Okey.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Pada asalnya. Jadi, sebenarnya tadi kita pun tak sebut pasal video pun. Kita minta pengurusan mineral. Tapi, Yang Amat Berhormat yang sebut. Jadi, itu yang berlarutan itu, Datuk Speaker. Dalam ucapan

saya, saya ada meminta supaya Yang Berhormat *transparency*, yang ada untuk menyatakan, tadi sudah disebut, ada 28 syarikat.

Cuma ada dua lagi, tiga benda yang disebut, tidak, tidak disebut. Berkenaan dengan senarai nama syarikat yang terlibat dan juga kawasan mana. Sebab rakyat semua ingin tahu berkenaan perkara *mining* ini. Kita tahu *prospecting licences* belum lagi mahu *dimining*. Tapi, ini adalah sesuatu yang perlu dijelaskan lebih awal supaya tidak berlaku prasangka kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: Menteri, minta izin. Okey. Saya juga telah membahas pasal isu ini. Dan ini berkaitan dengan seperti diucap ataupun dibahaskan oleh Merotai. Sepatutnya kita *lay down* sekarang di *states essembly* ataupun *a particular select community*, yang merangkumi semua wakil rakyat supaya kita tahu, bagaimana dan siapakah dapat *prospecting licences* ini, terma-termanya untuk *prospecting*.

Dan selepas itu, bila *mining* diputuskan, adakah *prospector* ini akan dapat *mining* itu juga, *mining licences* itu dan adakah terma-terma ini akan mengikat kita seperti mana Petroleum Development Act 1974, telah mengikat Sabah sampailah ke hari ini. *Because REE, gold, coal*, apa sahaja yang kita dapati di *minerals* ini adalah hasil bumi Sabah. Dan sepatutnya ditadbiri, di ... over ... di apa ini, di ... di ... dilaporkan kepada Majlis Dewan Undangan Negeri. Terima kasih.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Terima kasih, Ahli daripada Moyog dan juga Ahli daripada Merotai. Kita ada senarai itu, jadi saya minta nanti pihak SMM *bulih*, apa nama dia tu, bagikan senarai kepada yang mahu melihat siapa syarikat-syarikat itu. Dan dipunyai oleh siapa. Ah, nanti kita akan bagi secara bertulis.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Ah, terima kasih, Yang Amat Berhormat. Ah, kalau itulah, saya ucapkan terima kasih. Minta surat jawapan bertulis nantilah.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Ya.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Senarai-senarai nama tersebut.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Kalau tidak, pergi pejabat SMM lagi cepat. Dapat memuaskan. (Kurang jelas)

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Ah, tidak mungkin kami ini dilayan pergi di pejabat SMM.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Saya mengikut arahan.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Lebih baik daripada Yang Amat Berhormat dan arahan daripada Datuk Speakerlah. Itu lebih baik daripada kami ke sana.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Saya yang arah SMM, *bulih*.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Okey, minta, kalau boleh surat itu kami terimalah.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Terima kasih, ya.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Terima kasih, Yang Amat Berhormat.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Tuan Speaker, saya teruskan. Bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Senallang, mengenai emas, yang ditahan di Lapangan Terbang Tawau, pada 6 Februari 2024. Sebenarnya, telah dikembalikan kepada syarikat operator lombong berkenaan kerana tiada pelanggaran di bawah undang-undang, di bawah Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Syarikat tersebut mempunyai lesen melombong. Sudah diserahkan balik sama dia, ya. Itu sahaja jawapan saya.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Terima kasih, Yang Amat Berhormat. Cuma saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat, pasal *the land belong to private sector*. Sebuah syarikat yang ada, yang mengenai dengan perlombongan ini. Dan kita tahu enakmen yang ada, undang-undang yang

ada. Berapa kaki ke bawah, mineral yang ada, kalau sekiranya dia di bawah di situ, *the State Government must be able to get remedy from them.*

Walaupun ini merupakan tanah dimiliki oleh pihak swasta. Pasal kita punya undang-undang. Kita tidak mahu selama ini, kita nak tanya, berapa juta, berapa jongkong yang dah dikeluarkan daripada ini untuk memastikan sama ada pemantauan. Pasal *I know that when you dig, yang di bawah itu is ... is not 6 inci, is not 20 inci. It's ... so deep down there to get all the mineral yang ada, gold.*

Cuma ini yang saya nakkan, supaya kita tidak mahu bahawa isu apa ini, berbangkit tentang masalah emas di merata tempat. Di ... dari Sabah, mineral *is not there, you know.* Ini yang saya nak penjelasan daripada Yang Amat Berhormat tentang perkara ini supaya kita teliti. *How much money has been given, satu bab, yang satu.*

Yang keduanya, *did we do any kind of enforcement?* Dari segi perundangan, enakmen, ya. Galian yang ada seperti yang kita tuntutan daripada PETRONAS. *Continental shield/shelf is there, you know. But, we question PETRONAS, don't just extract all the gas and oil.* Masa saya Ketua Menteri, *I know the tankers passing by here. I told the officers, I want to know the volume of gas yang the extracted by PETRONAS,* supaya kita boleh menilai hasil yang kita boleh perolehi untuk Negeri Sabah.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Terima kasih. Ah, saya ingat ...

20/11/2024 – RAKAMAN 46 [5.30 PETANG – 5.40 PETANG] – [NABILA] – MOHELENA – NORMA

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: ... ya ini saya perlu minta laporan daripada Pengarah Tanah dan Ukur sebagai *mining inspector*, syarat-syarat ataupun sampai mana yang boleh dikurik. Sampai bawahkah sampai macam mana, ini saya nanti maklumkan. Saya sendiri tidak kabur-kabur saya dalam hal ini.

Tuan Speaker, saya teruskan tanah merupakan antara isu yang dibahaskan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat melibatkan kawasan masing-masing. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Tanah dan Ukur sentiasa peka dan berusaha sebaiknya, untuk menyelesaikan setiap permohonan berkaitan tanah dan melaksanakan pengukuran Program PANTAS di seluruh daerah di negeri Sabah.

Bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kedamaian, Jabatan Tanah dan Ukur menjalankan pemeriksaan dan pengesahan di lapangan secara berperingkat mulai pada awal tahun 2025 di sepuluh kampung yang disenaraikan di kawasan DUN Kedamaian. Ahli Yang Berhormat dari Kepyayan pula memohon untuk mempercepatkan penyerahan geran tanah adat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat serta Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri telah memberi keutamaan kepada pemberi milikan tanah adat melalui Program PANTAS sejak tahun 2011. Setakat 31 Oktober 2024 sebanyak 233 043 geran tanah Anak Negeri NT dan FR berkeluasan 1 225 088 hektar telah dikeluarkan yang mana merupakan 45% keluasan keseluruhan geran tanah yang berdaftar di Sabah berbanding sebelum ini dari tahun 2011, iaitu 477 171 hektar ataupun 25% sahaja daripada keluasan keseluruhan geran tanah yang berdaftar.

Ahli Yang Berhormat dari Segama telah membangkitkan isu pewartaan kawasan kediaman Anak Negeri di Kampung Unta, Kampung Pancuran, Kampung Wawasan 1 dan 2, Kampung Damai 1 dan 2 serta Kampung Dusun. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Segama, pewartaan kawasan kediaman Anak Negeri bagi kampung-kampung tersebut tidak dapat dipertimbangkan kerana termasuk dalam tanah bergeran dan kawasan tadahan air.

Tuan Speaker, hutan adalah sebahagian daripada ekosistem global yang menampung serta memperkayakan kehidupan manusia selain mempengaruhi iklim setempat dan menyediakan habitat pelbagai spesies tumbuhan, haiwan dan serangga. Oleh kerana itu juga Ahli-ahli Yang Berhormat turut terpanggil untuk membangkitkan isu berkenaan dengan hutan.

Ahli Yang Berhormat dari Senallang telah mengemukakan pertanyaan berkaitan tiada penanaman semula pokok dalam kawasan hutan simpan. Untuk makluman

Ahli Yang Berhormat serta Dewan yang mulia ini melalui *action plan on Forest Plantation Development (2022-2036)* Kerajaan Negeri telah mensasarkan untuk membangunkan seluas 400 ribu hektar kawasan ladang hutan, *Industrial Timber Plantation (ITP)* dalam kawasan hutan simpan yang telah dikenal pasti terosot dalam tempoh 20 tahun bermula tahun 2022 sehingga tahun 2036. Setakat bulan Oktober 2024 seluas 180 901 hektar kawasan ladang hutan telah berjaya dibangunkan. Bagi tahun 2024 sahaja seluas 3328 hektar kawasan ladang telah dibangunkan. Spesies utama yang ditanam untuk pembangunan ladang hutan adalah getah, akasia, batai, larang, ukaliptuspalita, *ngamkah* itu?

Pembangunan ladang hutan ini perlu dilakukan bagi memastikan bekalan kayu untuk industri perkayuan dapat dikekalkan dan dijangka dapat menyediakan sebanyak 40 000 peluang pekerjaan untuk pekerja mahir dan separuh mahir. Dengan pembangunan ladang hutan secara berkekalan ini, desakan permintaan kayu dari kawasan hutan asli dapat dikurangkan dan seterusnya dapat memenuhi piawaian antarabangsa untuk mengurangkan kemusnahan hutan asli.

Bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Nabawan, Kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Setiausaha Hasil Bumi dan terdiri daripada, yang terdiri daripada Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perhutanan Sabah, Jabatan Tanah dan Ukur dan Kementerian Kewangan untuk mengenal pasti jalan-jalan yang termasuk dalam hutan simpan yang perlu diwartakan untuk kegunaan komuniti di bawah Seksyen 14, Enakmen Hutan 1968. Melalui jawatankuasa tersebut Kerajaan Negeri telah menyenaraikan, menyenarai pendek dan menyediakan draf pewartaan bagi 28 jalan untuk pelaksanaan Seksyen 14, Enakmen Hutan 1968 dalam inisiatif pengikhtirafan hak dan keistimewaan bagi jalan raya awam yang memasuki hutan simpan yang meliputi beberapa daerah seperti Tenom, Nabawan, Kinabatangan, Kota Kinabalu, Tongod, Keningau, Sipitang, Kota Marudu dan Sook.

Di daerah Nabawan sebanyak enam jalan yang telah disenarai pendek, pendek adalah seperti berikut; Jalan Kampung Masoko-Kampung Katalirus, kedua Jalan Sepulut-Pensiangan, Jalan Katalirus-Kampung Layun, keempat Jalan Kampung Pohon Batu-Kampung Pengaraan, lima Jalan Keningau-Kampung Pohon Batu dan enam Jalan Keningau 12, Nabawan ke Kampung Pengaraan.

Kerajaan Negeri berharap agar semua jalan yang telah dikenal pasti akan diwartakan melalui Seksyen 14, Enakmen Hutan 1968 yang mengiktiraf hak dan keistimewaan penduduk kampung yang menggunakan jalan-jalan melalui hutan simpan untuk memasarkan hasil pertanian atau akses utama mereka untuk mendapatkan kemudahan kesihatan, pendidikan dan lain-lain ke daerah yang berhampiran serta bagi membolehkan pembangunan yang sewajarnya dapat disalurkan untuk penyelenggaraan.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Terima kasih Yang Amat Berhormat yang perhutan tadi. Pasal saya membangkitkan perkara ini daripada sidang yang dahulu, iaitu bulan Julai pun. Bila saya bangkitkan dan Yang Berhormat Menteri Kewangan menjawab dan ini jawapan dia secara bertulis, bila saya tanya tentang Gunung Rara dari tahun 1997 sehingga 2097 dari hasil HS Kalabakan dari tahun 1996 to 2040 Gunung Rara. *Another one* HS Kalabakan dari 2018 sehingga 2118, 100 tahun jawapan yang diberikan dari Menteri Kewangan kepada saya, “untuk makluman Yang Berhormat dari Senallang hasil yang telah diterima daripada FMU atau syarikat seperti yang disebutkan sepanjang tempoh ia beroperasi ya, sepanjang dia beroperasi ada daripada 97 seratus tahun kontrak dia. Ada yang 96, ada yang 2018 akan tamat 2118 yang ada dan ada yang *joint venture* dengan Benta Wawasan. *Joint venture* dengan Benta Wawasan ini ialah Syarikat Hormat Jadi. Saya bertanya kepada Yang Amat Berhormat ya, hasil yang saya lihat dari jawapan ini cuma dalam lingkungan 35 juta sahaja, dari hasil kayu balak satu *bulk* ...

20/11/2024 – RAKAMAN 47 [5.40 PETANG – 5.50 PETANG] – [MARIA HANNAH] – NADIA – AHMAD

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: ...mengapa perkara itu berlaku? Persoalan yang kedua saya tanya kenapa Perjanjian FMU yang ada tapi bila Albert Lim, dengan izin Datuk Speaker. Dia bukan tanam kayu balak, dia tanam kelapa sawit. *But*, sejauh pengetahuan saya dari dahulu bila kita jadi Kerajaan, FMU is *Forest Management* ya, yang kita katakan tanam kayu spesies yang baik untuk memastikan *sustainable and environment is protected*. Tapi malangnya sebahagian besar daripada hasil ini, dia lebih (tidak jelas) dari tanam kelapa sawit. Kenapa tidak berdasarkan dengan undang-undang perjanjian.

Datuk Jonnybone J. Kurum [Telupid]: FMU, FMU berapa? FMU berapa yang tanam sawit itu?

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Datuk Speaker, saya akan ambil maklum dan akan siasat perkara ini. Saya pun saya ingat perkara-perkara seperti ini perlu diberi perhatian yang serius tentang hasil-hasil dan juga aktiviti-aktiviti yang dijalankan sehingga boleh menjejaskan ataupun boleh meragukan kepada bukan sahaja pimpinan atau Ahli-ahli Dewan tetapi juga masyarakat. Nanti saya akan ambil maklum Ahli daripada Senallang.

Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Silam, Sebatik dan Tungku, Kerajaan Negeri sememangnya amat prihatin kepada rakyat yang telah tinggal dalam kawasan hutan simpan sejak sekian lama tanpa jaminan pemilikan. Atas sebab itu, Kerajaan Negeri telah membubarkan kawasan hutan simpan yang telah lama didiami oleh rakyat untuk tujuan penempatan atau perkampungan dan *exercise* ini telah pun pernah dijalankan sebelum ini. Ini termasuklah sebahagian kawasan Hutan Simpan Tanjung Tumunong Hallo Kelas 1, seluas 140 hektar melibatkan Kampung Sri Aman dan Kampung Silam di Hutan Simpan Silam Kelas 1 seluas 56 hektar di Lahad Datu.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, semua cadangan pembubaran bagi kampung-kampung yang termasuk dalam kawasan hutan simpan akan dikaji dan diperiksa secara terperinci di lapangan oleh Jabatan Perhutanan Sabah. Pemeriksaan dan pengesahan semula maklumat penduduk melalui *social baseline survey* akan dijalankan oleh Jabatan Perhutanan Sabah di kesemua kampung-kampung tersebut sebelum keputusan lanjut dibuat. Cadangan ini juga akan dibincangkan dengan lebih terperinci melalui Mesyuarat Jawatankuasa Hutan Simpan Negeri Sabah yang dipengerusikan oleh Setiausaha Hasil Bumi.

Tuan Speaker, isu perkhidmatan awam adalah merupakan antara isu...

Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]: Yang Berhormat Ketua Menteri. Boleh saya mencelah sekejap ya. Tadi Yang Amat Berhormat Sulaman ada menyebut soal penempatan yang berada di kawasan hutan simpan. Dalam ucapan perbahasan saya, saya ada menyentuh benda ini mengenai perumahan masyarakat kampung

sepanjang jalan daripada Lahad Datu ke Tungku. Di mana jalan itu melalui kawasan hutan simpan dan rumah-rumah orang kampung berada di bahu jalan. Adakah satu kaedah di mana bagaimana disebabkan hutan simpan itu cuma betul-betul berdekatan dengan jalan bah. Jadi saya rasa tidak ada keperluan untuk apa hutan simpan supaya berada sampai 50 apa, 50 kaki, 100 kaki di tebing jalan itu pun. Jadi kalau ada kaedah di mana benda ini kita boleh permudahkan. Saya harap ada perhatian daripada Yang Amat Berhormat Sulaman.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Ya, saya akan ambil perhatian kerana apa pun yang kita buat ini jangan sampai menjejaskan kehidupan ataupun rumah-rumah rakyat ataupun orang kampung kita. Saya akan nanti semak perkara itu.

Tuan Dumi bin Pg. Masdal [Silam]: Datuk Speaker. Terima kasih Datuk Speaker, terima kasih Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Dalam perbahasan saya, dalam perbahasan mohon Yang Amat Berhormat Ketua Menteri membubarkan 350 hektar hutan simpan di Kampung Tumunong Hallo, tiga yang saya anggar ada kelas 3. Pasal pernah sudah diduduki dan ditinggalkan oleh penduduk yang teroka. Untuk makluman YB Menteri dan Dewan yang mulia ini, pada Isnin yang lalu, 18 hari bulan, sebanyak 80 buah rumah telah dirobohkan di Kampung Bakau, Lahad Datu dan saya mohonlah supaya 350 hektar ini dibubarkan untuk perkampungan orang-orang yang telah dirobohkan rumahnya ini. Pasal mereka ini bukannya pendatang. Kebanyakan adalah orang-orang tempatan. Terima kasih Datuk Seri.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Terima kasih Ahli daripada Silam. Saya akan semak perkara ini kalau boleh kita bubarkan untuk orang-orang kampung, saya ingat tidak ada masalah. Saya perlu laporan sama ada kawasan itu boleh kita bubarkan atau tidak. Tetapi yang lain-lain di kawasan Silam, banyak sudah yang kita bubarkan untuk orang kampung. Terima kasih banyak.

Datuk Jonnybone J. Kurum [Telupid]: Yang Berhormat Sulaman, boleh minta sekejap, sekejap sahaja Menteri, minta maaf. Kerana ini, ada kaitan dengan perbahasan saya mengenai dengan pengukuran Anak Negeri PANTAS. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian kerana meluluskan penyukatan Tanah Anak Negeri di daerah Telupid sebanyak empat kampung tapi

saya menghadapi masalah dan memohon budi bicara kepada Ketua Menteri mengenai dengan pengeluaran kawasan tanah adat yang termasuk dalam kawasan Jabatan Haiwan. Yang mana ada surat daripada Ketua Penolong Ukur Tanah, Ibu Pejabat Kota Kinabalu yang mengarahkan supaya tanah-tanah adat ini jangan diukur yang termasuk dalam ini kawasan Jabatan Haiwan.

Sedikit penceritaan mengenai dengan kawasan ini, Yang Berhormat Sulaman, kawasan ini telah diteroka oleh orang kampung sejak kewujudan kampung, iaitu kampung saya sendiri di Kampung Wonod. Sebelum Jabatan Haiwan wujud, kehidupan orang Kampung Wonod, hidup di sepanjang Sungai Labuk. Jadi kebetulan Jabatan Haiwan telah diwartakan di tempat ini dan tanaman-tanaman orang kampung, tanah itu masih diusahakan oleh orang kampung dan sekarang ada penyukatan tanah anak negeri di Kampung Wonod, iaitu di kampung saya sendiri tetapi malangnya ada pula surat daripada Jabatan Haiwan untuk tidak menyukat tanah-tanah ini di bawah program PANTAS. Oleh sebab itu, Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat mohon ihsan kalau boleh Jabatan Haiwan kasih keluarlah mana-mana tanah yang telah dibuka oleh orang kampung di sepanjang Sungai Labuk itu. Terima kasih.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Terima kasih Ahli daripada Telupid. Kita ambil maklum permasalahan itu. Tuan Speaker...

Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]: Yang Berhormat, boleh sikit?

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Boleh, boleh.

Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]: Dalam perbahasan saya, saya ada menyebut menyentuh berkenaan dengan satu tanah di Kampung Likas. Kawasan ini telah diduduki oleh enam, sedang diduduki oleh enam keluarga dan mereka ini telah mendiami tempat ini seawal tahun 50-an dan mereka telah memohon kawasan ini pada tahun 70-an dan permohonan mereka telah ditolak atas alasan kawasan ini adalah kawasan terbuka dan kawasan lagun. Dan permohonan ini telah berulang kali dihantar kepada pihak Jabatan Tanah dan Ukur. Malangnya jawapan yang diterima masih lagi sama, iaitu kawasan terbuka dan kawasan lagun. Kawasan tempat tinggal mereka ini tidak sampai pun satu ekar saya rasa.

Tapi malangnya pada tahun, kalau tidak silap saya pada tahun 2012, sebuah syarikat, saya tidak perlu sebut nama syarikat ini saya rasa, telah memohon tanah ini dan telah diluluskan seluas 40 ekar. Saya tidak tahu kenapa apabila penduduk asal Kampung Likas yang terdiri daripada orang tempatan dan kampung ini adalah kampung tradisi. Bila permohonan mereka dikemukakan tidak dapat kelulusan. Maksud saya ini dari dululah. Tapi bila syarikat ini yang tiba-tiba datang dan saya lihat pengarah syarikatnya, pemiliknya pun bukan orang sini. Bukan orang sini, orang sebelah Pantai Timurlah. Jadi apa yang saya mohon, kalau boleh satu kalau dapat, kalau ada sedikit...

20/11/2024 – RAKAMAN 48 [5.50 PETANG – 6.00 PETANG] – [GRACIA] – THEODORA – NADA HAIFAA

Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]: ... sedikit sisa-sisa kuasa Kerajaan Negeri itu, kalau boleh kita buat *demarcation*. *Demarcation*, maksudnya keluarkan mereka daripada tanah tersebut. Ataupun kalau ada cara lain, kita bagi kawasan lain untuk mereka ini. Mereka ini memang orang *local*. Terima kasih, Datuk Seri.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Saya ingat permohonan ini sudah lama. Bukan sahaja daripada orang kampung tetapi kelulusan yang diberi kepada Syarikat MLGH, saya ingat ini.

Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]: Mula-mula MLGH. Lepas itu, sekarang *since* Yang Amat Berhormat, sudah sebut sekarang ini dia Primadaya Sendirian Berhad. Saya sudah berusaha untuk berbincang dengan Pengarah, Lembaga Pengarah Syarikat tapi tidak dilayan. Begitu juga dengan peguam mereka. Itu yang saya kata dalam perbincangan saya itu, mereka ini sombong. Langsung tidak mahu layan. Panggilan telefon tidak dilayan.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Berapa, berapa ...
(suara bertindih)

Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]: Dia tidak bagi muka sikit pun ...
(suara bertindih)

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Yang diperlukan?

Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]: Apa dia?

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Berapa ekar diperlukan oleh untuk?

Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]: Satu ekar pun cukup.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Berapa?

Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]: Satu ekar pun cukup untuk enam keluarga ini.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Saya ambil maklum, nanti saya usahakan.

Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]: Terima kasih, Yang Berhormat.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Jangan saja terlampau besar ... (suara bertindih)

Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]: Tidak sampai. Satu ekarlah.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Kalau sampai satu ekar itu kita fikir-fikirlah. Pasal ini orang kita juga ini di sana yang ...

Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]: Orang kita. Orang Bajau Samah ... (suara bertindih)

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Ya ... (suara bertindih)

Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]: Orang Pagari semua ini. Terima kasih, Datuk Seri.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Terima kasih Ahli daripada Darau. Tuan Speaker, isu penyampaian perkhidmatan adalah merupakan antara isu yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat dari Bongawan bersetuju dengan cadangan Kerajaan mengkaji semula gaji Perkhidmatan Awam termasuk bagi Penjawat Awam bergaji hari.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri telah menaikkan kadar upah Pekerja Sambilan Harian (PSH) di peringkat Perkhidmatan Awam Negeri berkuat kuasa pada satu hari bulan Disember 2024. Kadar upah Pekerja Sambilan Harian bagi kebanyakan akademik Penilaian Menengah Rendah (PMR) telah dinaikkan daripada RM44 sehari kepada RM75 sehari atau RM1,725 sebulan.

Kelayakan akademik SPM telah dinaikkan daripada RM54 sehari kepada RM80 sehari atau RM1,840.00 sebulan. Kelayakan akademik Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), diploma, telah dinaikkan daripada RM72 sehari kepada RM85 sehari atau RM1,955 sebulan dan kelayakan akademik ijazah telah dinaikkan daripada RM100 sehari kepada RM105 sehari atau RM2,415 sebulan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, gaji minimum swasta dinaikkan kepada RM1,700 telah diumumkan oleh Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Oktober yang lalu dan akan dilaksanakan bermula bulan Februari 2025. Kerajaan Negeri akan memaklumkan pihak swasta sebaik sahaja perintah dibuat dan dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan nanti.

Ahli Yang Berhormat dari Bugaya telah menyentuh isu Perkhidmatan Awam khususnya kehakiman agar peluang pelantikan diutamakan ke atas orang-orang Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat serta Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri Sabah sememangnya sentiasa berjuang bagi memastikan anak-anak Sabah dilantik ke dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan termasuklah jawatan-jawatan kehakiman.

Merujuk kepada Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah. Walaupun jabatan ini ...
(suara bertindih)

Tuan Haji Jamil bin Datuk Haji Hamzah [Bugaya]: Yang Amat Berhormat ...
(suara bertindih)

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: ... di bawah seliaan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, namun telah dikenal pasti dan layak di kawasan masing-masing bagi mendapat ... (suara bertindih)

Tuan Haji Jamil bin Datuk Haji Hamzah [Bugaya]: Yang Berhormat, Ketua Menteri.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Sekejap, saya kasi habis, ya?

Tuan Haji Jamil bin Datuk Haji Hamzah [Bugaya]: Okey.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Terdapat rundingan dan usaha untuk menyelaraskan semua isu termasuk isu perjawatan. Keutamaan pengisian jawatan dan penempatan pegawai adalah diberi keutamaan kepada pegawai yang merupakan anak tempatan negeri Sabah. Silakan, Bugaya.

Tuan Haji Jamil bin Datuk Haji Hamzah [Bugaya]: Terima kasih, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Datuk Speaker, dalam perbahasan saya memang saya ada bangkitkan tentang perjawatan di kehakiman terutamanya di negeri Sabah ini. Maksud saya ini bukan pelantikan baharu.

Pegawai dan juga hakim-hakim dan juga majistret-majistret yang ditempatkan di kota, di negeri Sabah ini kebanyakannya daripada bukan sudah orang dari Sabah. Ada yang dari Semenanjung ada yang dari ... kebanyakannya daripada Sarawak. Jadi, kita melihat macam seolah-olah orang Sabah ini macam kena didiskriminasikan memandangkan mereka dipindahkan ke tempat lain jadi, memandangkan kita punya majistret dan juga hakim-hakim bukan sudah orang Sabah tapi orang daripada Sarawak sudah.

Jadi, saya mohon kerjasama daripada menerimanya aduan daripada rakan-rakan jugalah, daripada Jabatan kehakiman. Seolah-olah mereka sudah tidak ada

pembelaan. Memandangkan Yang Amat Berhormat mempunyai kuasa boleh membantu kita punya rakyat Sabah yang mana mungkin ditempatkan tempat-tempat yang lain dan ada yang mereka dipindahkan dan saya difahamkan ada juga.

Kita faham juga, biasalah dipindahkan-dipindahkan ini dan ini kalau memang kita penjawat awam memang kita akan sepatutnya akur dengan perpindahan apa semua. Tapi kalau sudah sampai hampir semua ataupun majoriti yang dipindahkan mungkin, ada baiknya kita minta jugalah kalau boleh kuota kepada kehakiman di negeri Sabah ini.

Maksudnya, kalau jangan lebih daripada 50% dipindah. Janganlah sampai 70% semua orang Sarawak di sini. Jangan saja begitu. Terima kasih, Yang Amat Berhormat.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Terima kasih, Ahli daripada Bugaya. Insya-Allah kita akan perjuangkan agar anak-anak Sabah ini terutama di ... sebagai pegawai-pegawai hakim-hakim Mahkamah Syariah ini dapat diberi peluang yang sewajarnya ...

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: YB.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: ... untuk berkhidmat di Sabah. Insya-Allah. Saya akan sampaikan masalah ini ataupun permintaan kita ini kepada pihak Kerajaan Persekutuan. Ketua Hakim Mahkamah Syariah Persekutuan.

Tuan Haji Jamil bin Datuk Haji Hamzah [Bugaya]: Bukan Mahkamah Syariah, Yang Amat Berhormat. Mahkamah Sivil.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Sivil?

Tuan Haji Jamil bin Datuk Haji Hamzah [Bugaya]: Ya, mahkamah sivil.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Oh, minta maaf.

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: Keseluruhan. YB Menteri. Ketua Menteri, saya ingin tambah sedikit. *I'm sure* YB tahu bahawa *control* untuk memasuki ke Sabah oleh bukan orang Sabah boleh dihalang oleh YAB atas *work permit* termasuk juga majistret-majistret ataupun DPP yang akan mengambil alih kerja ataupun pangkat anak orang Sabah yang patut diberikan kepada orang Sabah seperti Jusa C, B dan sekian. *You can stoplah*.

Anyway, saya ingin kembali kepada gaji. Ada seorang, minta maaf. *Special Financial Aid* yang diumumkan kepada Perkhidmatan Awam. Adanya beberapa mesej yang saya dapat yang ingin saya bertanya kepada Ketua Menteri. Sama dia ini juga diberi kepada *Statutory Body* ataupun Badan Berkanun yang skim dia masih ada *pension* seperti dahulu walaupun mereka bukan lagi *fully* Kerajaan tetapi *quiet as a* Kerajaan.

Sama ada *financial aid* yang diumumkan oleh dalam *budget* ini akan juga diberikan kepada mereka dalam Badan Berkanun yang demikian. Terima kasih.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Terima kasih. Saya minta ini pasal Bantuan Kewangan ini untuk jadi biar gaji ini. Jadi, saya semak dulu. Nanti kalau ada mungkin nanti Menteri Kewangan boleh nanti komen, komenlah. Jadi, okey. Tanjong Aru.

Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]: *There's point of clarification* saja, Datuk Speaker. Yang Amat Berhormat tadi *you* sentuh tentang RM1,700 minima *wedges* tu apa yang *you* punya itu ucapan? *You* boleh ulang balikkah? Saya tidak dengar jadi, tidak faham. Terima kasih.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Bagus kau pergi di pejabat saya. Saya kasi terang.

Tuan Speaker: *Where were you?*

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Saya punya kawan juga ini. RM1,725 itu minima bagi Pekerja Harian yang berkelulusan PMR. Yang SPM ...

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Dia akan terima, er, berapa ini 1840. Dia beza PMR, SPM dan juga diploma dan juga ada yang ijazah tu yang tidak dapat kita ambil secara tetap di jabatan kerajaan, kita akan bagi *diorang* peluang bekerja dengan bayaran seperti ini sehingga ada kosong baru kita akan bagi keutamaan kepada mereka untuk masuk perkhidmatan tetap. Itu dia punya konseplah.

Tuan Speaker, bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tungku, dalam usaha bagi memastikan tiada sesiapa yang tercicir dalam Program Menoktahkan Kemiskinan Tegar Negeri Sabah. Saya telah mengarahkan Sekretariat SMJ untuk mengadakan satu sesi libat urus kepada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri daripada parti bukan Kerajaan pada 28 November ini untuk memurnikan senarai ketua isi rumah (KIR) dan ahli isi rumah yang telah dikenal pasti dan layak di kawasan masing-masing bagi mendapatkan intervensi bantuan.

Bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tungku dan Gum-Gum mengenai status dan jumlah ketua isi rumah, ahli isi rumah miskin dan miskin tegar di dalam kawasan Tungku dan Gum-Gum. Setakat 24 September 2024 adalah seperti berikut:

Tungku miskin 1285, miskin tegar 89. Gum-Gum miskin 644, miskin tegar 73. Senarai nama ini akan dihantar kepada pejabat ADUN. Tapi kita yakin banyak lagi ini yang belum berdaftar ini. Itulah kita minta supaya *diorang* adakan sesi libat urus itu untuk kita untuk apa nama dia itu, mungkin ada senarai yang perlu kita pertimbangkan. Ya silakan.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Saya juga bangkitkan tentang *cost of living* dan kehidupan masyarakat yang ada dan ini membabitkan tentang miskin dan miskin tegar. Setelah mendengar semalam jawapan yang diberikan oleh Pembantu Menteri, miskin tegar di Sabah yang mungkin tadi Yang Amat Berhormat telah nyatakan ada yang mungkin tidak didaftarkan, tapi bila dijelaskan oleh Yang Berhormat Pembantu

Menteri, miskin tegar di Sabah ini yang dikenal pasti cuma 3000 sahaja. Masakan mungkin 3000, lapar *district* termiskin di negara di Sabah satu *bam*, 60 000 jawapan dia miskin. Takkan jawapan yang diberikan ialah bila saya tengok belanjawan, kita sediakan rumah. Berapa rumah yang disediakan? Dan dia jawab tentang ketua isi rumah. Tapi kita tanpa sedar, dalam satu rumah dia ada empat keluarga, ada tiga keluarga.

Di situ mungkin kita boleh selesaikan ketua isi rumah tapi di dalam rumah itu kalau ketua isi rumah pun miskin tegar, takkan orang yang menumpang dalam rumah itu tak miskin tegar. Kenapa kita berdasarkan definisi seumpama ini mengelirukan. Satu mengelirukan Dewan yang ada ni yang Datuk Speaker kena tidak mahu nanti di bawah sana *dibilang* kami ni masih miskin tegar *bah* ini. Kadang-kadang bila saya turun ke bawah saya tanya kampung-kampung saya pergi Pitas, saya nak rumah orang di Pitas. Saya pergi Telupid ya, melawat di Telupid. Saya masuk rumah di kampung Telupid sana dan saya tanya orang kampung di mana-mana masalah ...

Datuk Jonnybone J. Kurum [Telupid]: Itu sebab (*Senallang Mencilah*), YB Senallang, Itu sebab sekretariat ini diwujudkan, ini sebab sekretariat ini dia ini diwujudkan. Ini melibatkan Telupid dan kita terlibat secara langsung. Sekretariat ini diwujudkan diumumkan pada 31 Julai untuk memurnikan dan juga yang tercicir itu didaftarkan ...

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: No, no, no. Saya ingat Yang Berhormat, *you don't get the data completely* ...

Datuk Jonnybone J. Kurum [Telupid]: *That's why* kita *bikin* itu Sekretariat SMJ itu untuk minta ...

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: *That is why i am asking* Yang Berhormat ya ...

Datuk Jonnybone J. Kurum [Telupid]: Kerana perangkaan pun kita minta eKasih.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Tapi jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Pembantu Menteri dan saya tidak mahu

berdebat dengan dia cuma saya minta penjelasan dan ini mengelirukan Dewan Rakyat, ehh Dewan yang mulia ini. Dia tidak boleh menyatakan Datuk Speaker miskin tegar di Sabah *headline* besok “dah selesai”, keluar astro. *How can it be?* Dan saya berharap data ini, saya pun persoalkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam perjumpaan saya ingat *the* YB Tambunan pun ada, Kundasang pun ada di situ berdepan bila saya bangkitkan *then you go to the ground* nasib ada dalam satu bulan rakyat Sabah di kampung-kampung ini nampak duit RM100.00 *note you know* ini yang saya bimbang kalau sekiranya kita menyatakan *just to please that ears to listen but on the ground the people are suffering you know*.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Tuan Speaker, saya faham sangat apa yang dimaksudkan oleh Ahli daripada Senallang ini, tetapi apa yang kita telah nyatakan itu mengikut senarai yang dibagi mula-mula 22 000 itu sudah dinoktahkan, tetapi baru-baru ini kita terima lagi hampir 3000 eh, hampir 4000 senarai miskin tegar. Miskin ini memang ramai itu kita akui, apa lagi orang kampung kita pegawai kerajaan yang gaji empat, lima ribu pun anak ramai bukan senang juga.

Jadi, miskin ini itulah sebabnya kita minta data daripada pejabat daerah, daripada wakil rakyat, mereka yang betul-betul miskin di kawasan dia bagi kepada Sekretariat SMJ supaya boleh kita bantu untuk mengurangkan bebanan mereka. Miskin ini memang banyak, miskin tegar pun masih banyak, yang dinoktahkan itu yang senarai yang dikeluarkan oleh ICU Jabatan Perdana Menteri yang dulu 22 000 itu. Jadi, ini tidak bererti tiada miskin atau miskin tegar, masih banyak. Saya, saya faham apa yang dimaksudkan oleh Ahli daripada Senallang ini ...

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Saya Yang Berhormat bukan pasal apa, walaupun ICU data dia ada ataupun DOSM yang ada, Department of Statistics Malaysia yang ada, tapi kita tidak boleh bergantung untuk mengatasi masalah miskin tegar dan bila dinyatakan 3000 ketua isi rumah. Itu kita kena pasti di mana mereka ya, semestinya bukan ICU yang bagi peruntukan untuk membantu yang menoktahkan miskin tegar. Persoalan saya berhubung kait apa yang telah dijawab oleh Pembantu Menteri. Kalau kita kenal pasti sudah ada ketua isi rumah di situ, takkan kita tak boleh kenal pasti dalam kandungan rumah it. *We should have the data as well. We cannot rely* kita ada pejabat daerah, kita ada majlis daerah. *Why can't you utilize what one outfit* yang ada, belanja gaji begitu banyak ...

Datuk Jasni bin Daya [Pantai Dalit]: Datuk Speaker, saya rasa Datuk Speaker, saya mencelah sedikit. Saya rasa dalam proses ini, apa juga yang dibuat oleh kerajaan sekarang ini yang penting sekali *effort*, usaha untuk kita menangani isu kemiskinan proses itu akan berubah dari masa ke semasa dan diperbetulkan sudah dimaklumkan tadi, akan diperbetulkan ...

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Yang menjelaskan ini bukannya ...

Datuk Jasni bin Daya [Pantai Dalit]: Saya rasa tidaklah terlalu menjadi isu punca kenapa terdapat perbezaan data sekarang ini, yang penting *effort* itu ada dan diperbetulkan, (*Senallang Mencelah*) ... terima kasih.

Tuan Speaker: Ahli-ahli Yang Berhormat, ini isu miskin tegar ini ia *dynamic* dia bukan *static*.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Saya, saya minta penjelasan bukan dari dia, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri ...

Datuk Jasni bin Daya [Pantai Dalit]: Saya cuma cuba bagi penjelasan sedikit. Kalau boleh diterima boleh, tidak boleh tidak apa.

Tuan Speaker: Dia *dynamic*, dia bukan *static*. Jadi untuk memurnikan dan memastikan jumlah yang bertambah sekian hari, sekian bulan maka itulah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Sulaman tadi ada libat urus dengan Ahli-ahli Yang Berhormat semua khususnya daripada kawasan Pembangkang pada bila itu? 28 November?

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: 28 November.

Tuan Speaker: 28 November dan di sanalah keluarlah senarai mana-mana yang masih ada miskin tegar di kawasan masing-masing okey.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Saya ingat ini Datuk Speaker mungkin kelemahan di bawah kerana tidak buat laporan yang cukup apa nama dia itu lengkap, kerana banyak lagi yang miskin ini. Saya faham ini, tapi yang kita cakap ini mana satu usaha yang telah kita jalankan yang senarai yang terdahulu itu, jadi senarai ini lebih ada lagi ini, dia bertambah ini. Selagi Yang Berhormat dari Senallang, selagi ada dalam dunia ini ada saja miskin ini ...

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Yang Amat Berhormat. Datuk Speaker, Datuk Speaker ...

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Datuk Speaker, Datuk Speaker menyebut tadi penglibatan urus pimpinan macam kami ini, di peringkat akar umbi, cuma saya ingin minta kerjasama daripada Yang Amat Berhormat, libat urus ADUN-ADUN yang ada, saya ni mantan Ketua Menteri nak gunakan Dewan Masyarakat Semporna pun, ada dewan masyarakat yang saya bina masa saya Ketua Menteri tidak ada Pembangkang yang dihalang untuk menggunakan kemudahan-kemudahan masyarakat, dewan masyarakatnya tapi ...

20/11/2024 – RAKAMAN 50 [6.10 PETANG – 6.20 PETANG] – [MOHD NOOR RIZAL] – RAMENAH – AHMAD

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Ya.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Penglibatan urus macam mana, *we have to be transparent...*

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Ya.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: ...*we cannot just say that* oh, kita perlukan supaya pembabitan YB,YB yang ada, ya. Contohnya, nak bagi dewan *Sport Complex* pun di Tawau batal dan ini yang kadang-kadang membimbangkan saya.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Ya. Okey, terima kasih ahli daripada Senallang. Datuk Speaker, saya teruskan penutup sudah ini. (suara ketawa)

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: Sebelum penutup, boleh saya mencelah sedikit.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Ya.

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: Terima kasih, terima kasih Datuk Speaker. Ah ...

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Mana yang tidak terjawab, kita bagi secara bertulis.

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: Okey, terima kasih, terima kasih. Ini tidak dibangkit dalam ucapan saya tetapi saya ingin membawa perhatian kepada YB Ketua Menteri bahawa dalam jawapan kepada Ahli Parlimen Kota Belud oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri semalam, telah memberi maklumat bahawa dalam proses mereka meluluskan *citizenship bill*, mereka akan memindah satu *Federal Sabah Ordinan*, iaitu Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian, cap 1,2,3. Saya faham juga dalam jawapan itu, Timbalan Menteri telah mengumumkan bahawa Kerajaan melalui Peguam Negara, Peguam Negeri Sabah ataupun Peguam Negara Sabah, telah bersetuju. Saya dapati dari maklumat ini bukan benar, *but I would like to ask*, saya ingin tanya pendirian Kerajaan Sabah sama ada emm, akan ataupun cara untuk memindah ordinan ini akan dipersetujui dan setujukah juga Kerajaan untuk emm, melupuskan bebal *court* yang dijalankan oleh Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak, emm, yang sejak 10 tahun ini, yang telah mengurangkan salah guna kuasa dalam pendaftaran lewat sijil lahir di Sabah. *Because that's our protection* di Sabah, *mobile court* yang di, yang mengendalikan pendaftaran ini ataupun kelulusan pendaftaran ini tertakluk kepada ordinan kelahiran dan kematian cap 1,2,3 kita di Sabah. Terima kasih.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Saya, undang-undang ini tidak berapa mahir. Ini kita punya dari Moyog ini peguam. Jadi, dalam isu

ini kita telah buat satu pendirian dalam Kabinet yang saya ingat ah, tidak akan menjejaskan, apa nama dia itu, kita mesti dipersetujui dulu Sabah dan Sarawak untuk memberi hak kewarganegaraan dan sebagainya ini. Itu yang pendirian kita ini.

Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]: Datuk, saya setuju YB tetapi sekarang ini, dalam hal pendaftaran lewat sijil lahir, dia, dia diluluskan oleh apa ini, Mahkamah Sabah melalui di *mobile court* dan juga mahkamah-mahkamah, apa itu, hakim-hakim majistret kita dan juga *registrar* kita di Sabah. Terima kasih.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Ya, terima kasihlah, kita ambil maklumlah tu, kita *check* nanti. (suara ketawa)

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Ini, dalam bab yang sama perundangan dan saya telah bangkitkan dalam perbahasan saya berhubung kait dengan lautan cina yang ada begitu agak hangat dibincangkan dan juga dihebahkan dan saya telah bangkitkan di Parlimen. Tentang perkara ini, bila mana saya bagitahu dengan ah, Kementerian Luar Negeri berhubung kait dengan *South China Sea* kerana ini membabitkan perkara-perkara yang berhubung kait dengan masalah sempadan kita dan saya yakin bahawa kita mempunyai undang-undang yang jelas tentang perkara ini, saya mempunyai salinan perjanjian yang ada dimana Lautan Cina Selatan belum lagi ditandatangani, ya. Cuma, bila dijawab oleh Kementerian Luar Negeri, iaitu Semporna apa yang juga perundangan ya, dia jawab dia cakap yang penting ialah Kerajaan Negeri Sabah termasuk Kerajaan Sarawak juga bahkan Jabatan Tanah dan Ukur, Sabah telah dirujuk dan saya telah bangkitkan, yang ini Kerajaan Negeri Sabah, dalam Perlembagaan (1), *clearly step a late there, any amendment to the terrorist*, ada perubahan dari segi persempadanan di negara ini membabitkan Sabah dan Sarawak mesti ada persetujuan daripada Kerajaan, ya dan juga persetujuan bila pindah sempadan ini termasuk Dewan Undangan Negeri, *it has to pass by Dewan*, dia tidak boleh membabitkan Jabatan Tanah dan Ukur, dia tidak boleh membabitkan Ketua Menteri malahan tidak boleh membabitkan hanya TYT, kalau sekiranya undang-undang itu nak diluluskan, TYT tidak boleh tandatangan sehingga kita boleh bahaskan. Cuma saya minta kalau sekiranya berlaku di masa akan datang, ini belum lulus lagi, kebimbangan saya perkara ini dihalusi bukan hanya atas persetujuan Yang Amat Berhormat, setuju dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri *because this is Sabah, interest is*

there continental shape yang ada, saya nyatakan pasal kemungkinan akan ada usaha sama di antara negara China dan juga pihak Petronas tapi hasil seperti pengalaman kita di Brunei dahulu, dimana kita tidak dirujuk, masa itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi dan hasil kita tidak tahu dan ini saya tidak mahu perkara ini berulang, untuk memastikan supaya Kerajaan Negeri kalau ada rundingan pindahan sempadan bawa kepada Dewan Undangan Negeri untuk kita bantah, kita luluskan tapi kita *must be transparent*, yang kedua lagi saya tahu masa mungkin agak singkat, banyak persoalan yang saya telah bangkitkan dalam belanjawan ini di bawah jawatan Ketua Menteri, bermaksud perbelanjaan RM44 juta, termasuk perbelanjaan dari segi apa ini Sabah Maju Jaya, peningkatan dari RM2 juta hingga RM8 juta ...

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Nanti kita jawab secara bertulis, okey.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: ... saya ingat perkara ini perlu penjelasan *to be transparent on how the money*, pasal Yang Berhormat Menteri Kewangan dikatakan *it must be prudent*, dari segi penelitian kewangan yang terbatas ini. Ada penurunan hasil negeri Sabah, dahulu RM7 bilion, sekarang tinggal RM6 bilion lebih ya, dan perbelanjaan pun saya dapati bahawa kebimbangan saya Yang Amat Berhormat, daripada projek-projek yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan, RM6 bilion diluluskan tapi hanya RM2 bilion, nanti akan bangkit di Kementerian Kewangan, cuma saya bangkitkan tentang JKM, ada saya ingat *Hansard* saya ada di sini. Kadang saya minta kalau dapat yang itu untuk bertulis termasuk dari segi pindahan *continental*, apa ini, Lautan Cina Selatan.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Okey, ya, Datuk Speaker, mengenai dengan sempadan ini, pendirian kita jelas kita *maintain* kita punya sempadan yang ada sekarang ini. Kita tidak mengiktiraf mana-mana sempadan baru, ini jelas ini pendirian Kerajaan Negeri yang melibatkan Sabah, itu sahaja saya boleh nyatakan di dalam Dewan yang mulia ini. Jadi, Tuan Speaker, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, mana-mana soalan yang tidak sempat dijawab...

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Yang Amat Berhormat, boleh bagi jaminan kalau sekiranya berlaku satu perundingan diantara

Kerajaan Malaysia dengan juga *Republic China* yang ada, kerana ini bukan hanya membabitkan masalah *Philippines* yang ada, mereka juga menuntut sempadan-sempadan, cuma dari segi kegiatan sama ada mineral yang ada, eksplorasi yang ada, kerjasama yang dilakukan kita kenakan. *Protect the interest of Sabah*, kita tidak mahu seperti PDA, *license PDA* tahun 1974, *Petronas control the whole thing*, kita dapat 5% saja, 90% *there taken by Petronas*.

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Okey, kita *protect* sama-sama.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Boleh jaminan bahawa pergi Dewan Undangan Negeri kalau sebelum ditandatangani oleh...

Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]: Kalau perlu di masa akan datang, kalau perlu kita bawa di Dewan Undangan Negeri, kita bawa, tiada masalah. Jadi, Tuan Speaker, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, mana-mana soalan yang tidak sempat dijawab akan dijawab secara bertulis sebelum mengakhiri ucapan penggulungan ini, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah mengemukakan soalan dan isu-isu berkaitan dengan Jabatan Ketua Menteri dalam usaha merealisasikan matlamat dan hasrat Kerajaan Negeri, untuk membawa negeri ini terus maju ke hadapan. Saya menyeru kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat untuk bersama-sama memikul tanggungjawab dengan lebih komited dan dedikasi demi mencapai aspirasi rakyat negeri Sabah. Akhir kata, saya mengucapkan selamat menyambut Hari Krismas kepada mereka yang beragama Kristian dan Selamat Tahun Baru 2025 kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mohon menyokong. Terima kasih. (bunyi ketukan meja)

Tuan Speaker: Terima kasih Yang Berhormat Sulaman. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Karanaan Menteri Kewangan untuk membuat penggulungan.

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum WBT, Salam Maghrib. Tuan Speaker, izinkan saya menyampaikan ucapan penggulungan Kementerian Kewangan...

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Tuan Speaker, Walaupun menghadapi pelbagai cabaran ekonomi yang kompleks, termasuk ketidaktentuan dalam pertukaran wang asing, situasi ini terus menguji ketahanan dan keupayaan Kerajaan, serta pelbagai pihak berkepentingan untuk mengekalkan kestabilan ekonomi. Cabaran ini memberi impak kepada perancangan kewangan dan pengurusan sumber dalam memastikan pembangunan negeri dapat diteruskan dengan mampan.

Sukacita saya ingin maklumkan dalam Dewan yang mulia ini, pungutan hasil setakat 20 November 2024, telah pun mencapai 87.6% daripada anggaran hasil disemak, dan telah menembusi anggaran asal 2024. Walaupun pungutan ini tidak seperti prestasi tahun sebelumnya, ekoran faktor-faktor yang saya telah nyatakan tadi, kedudukan kewangan negeri Sabah kekal kukuh dengan mencatat lebih kewangan sebanyak RM624.6 juta. Ini mencerminkan pengurusan kewangan yang berhemah dan berkesan dalam mengimbangi hasil negeri dengan perbelanjaan. Lebih ini juga menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri dalam memastikan sumber kewangan diurus secara strategik untuk memenuhi keperluan pembangunan dan kebajikan rakyat. Namun begitu, Kerajaan Negeri tidak akan alpa atau merasa selesa dengan kedudukan ini sebaliknya bertekad untuk terus melangkah dengan iltizam yang tinggi dan komitmen yang tidak berbelah bahagi memperkukuhkan kewangan negeri ke tahap yang lebih gemilang.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri Sabah sekali lagi telah berjaya mengekalkan taraf Sijil Tanpa Teguran (STT) bagi Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tahun 2023. Apa yang membanggakan, buat pertama kalinya tahun ini Sijil Tanpa Teguran, dianugerahkan tanpa sebarang syarat atau komen penambahbaikan daripada Ketua Audit Negara Malaysia. Kejayaan ini mengukuhkan lagi reputasi Sabah sebagai negeri yang cemerlang dalam pengurusan kewangan. Suka saya maklumkan, hanya lima negeri sahaja mencapai taraf prestasi ini. Pencapaian ini mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri Sabah dalam memastikan integriti, ketelusan dan kecekapan dalam pengurusan kewangan negeri Sabah. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh penjawat awam,

dan setiap pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung atas kesungguhan dan dedikasi yang telah diberi sehingga kita berjaya mencapai prestasi kewangan yang cemerlang ini.

Tuan Speaker, saya pergi kepada isu cukai jualan negeri. Ahli Yang Berhormat Sulabayan dan Tungku telah menyuarakan kerisauan hasil negeri yang banyak bergantung dan komoditi petroleum dan juga kelapa sawit. Kerajaan Negeri juga dikatakan tiada kemajuan dari segi hasil untuk masa tiga tahun kebelakangan ini. Sememangnya Kerajaan Negeri sedar bahawa hasil negeri perlu dipelbagaikan dan merangkumi semua sektor yang berpotensi seperti pelancongan, pertanian, teknologi hijau dan ekonomi digital untuk mengurangkan risiko kebergantungan hasil ke atas dua komoditi yang telah saya nyatakan di atas.

Justeru, Kerajaan Negeri telah mempelbagaikan asas hasil dengan memperluaskan cukai jualan negeri ke atas lima produk baharu sejak 2022, iaitu besi buruk dengan buangan pada 1 Februari 2022, ammonia dan urea pada 1 Ogos 2022 diikuti dengan produk maternal pada 1 Oktober 2023 dan yang terkini produk pasir silika serta biojisim kelapa sawit yang telah mula dikenakan cukai pada 1 April 2024. Setakat Oktober tahun ini, kelima-lima produk ini telah pun menyumbang sebanyak RM226.01 juta sejak ia dilaksanakan.

Sukacita juga dimaklumkan, dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat ADUN Sekong dan Dewan yang mulia ini. Persediaan-persediaan untuk mengenakan cukai jualan negeri ke atas emas dan perak kini dalam peringkat akhir dan akan dikuatkuasakan pada bulan Januari 2025. Adalah dianggarkan cukai jualan baharu ini dapat menyumbang lebih kurang RM5.7 juta pada tahun hadapan bergantung kepada harga dan kuantiti produk yang dikeluarkan.

Mengenai dengan cukai jualan negeri ke atas komoditi Perikanan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Sri Tanjong. Untuk makluman Dewan mulia ini, pelaksanaan cukai ini telah berkuat kuasa sejak bulan Mei 2021, pada kadar 5% dan 10% bergantung kepada jenis produk. Sejaknya ... sejak ianya dilaksanakan, sehingga bulan Oktober 2024, sejumlah RM27 juta telah dikutip dengan jumlah dikutip daripada 195 syarikat. Bagi memastikan keseimbangan yang wajar antara

hasil negeri dan kemampunan Industri Perikanan, Kerajaan Negeri sememangnya telah pun mula melaksanakan kajian ke atas dasar cukai ini.

Tuan Speaker, perkara mengenai pemberian khas dibangkit sekali lagi oleh Yang Berhormat Tanjong Papat, Segamat dan Sekong. Yakinlah bahawa Kerajaan tidak akan berganjak dari hak yang jelas termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963.

Dari Tawau hingga ke Kudat,

Bersatu suara teguh bersama;

Sabah makmur rakyat sejahtera,

Hak dipelihara sepanjang masa.

(bunyi ketukan meja)

Tuan Speaker ...

Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya sikit. Ah, yang Berhormat Menteri dan Datuk Speaker. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 4 Ogos 2024 telah mengumumkan bahawa sebanyak RM10.2 bilion hasil daripada Sabah telah diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan. Kita tahu bahawa sebanyak RM600 juta telah diperuntukkan kepada Kerajaan Sabah sebagai pembayaran interim. Saya ingin mencadangkan ah, saya ingin mencadangkan, oleh kerana Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan telah mengamalkan Sistem Perakaunan Akruan ataupun eh, *Accrual Accounting System*, mengapa kita tidak *trade* baki sejumlah RM9.6 bilion yang belum dibayar kepada kita sebagai amaun terakru. Jadi, dengan adanya amaun terakru ini, ianya akan diiktiraf sebagai akaun boleh terima ataupun *account receivable*. So, manakala dalam akaun Kerajaan Persekutuan, ianya akan diiktiraf sebagai *amaunt payable*. Sekali gus menjadikan amaun ini sebagai liabiliti kepada Kerajaan Persekutuan dan pada masa yang sama ianya menjadi eh, *automatically* dia menjadi *receivable* kepada negeri. So, *anytime* kita tunggu saja tapi amaun itu kita boleh *trade* sebagai *income* sudah ada. Itu saja, Yang Berhormat Menteri.

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Tuan Speaker, saya ambil satu pandangan dan juga cadangan baik dan kita akan serahkan kepada Jawatankuasa Teknikal MA23 untuk tujuan rundingan. Terima kasih.

Tuan Speaker, pengurusan sumber hasil yang cekap bukan saja penting untuk kelangsungan pentadbiran Kerajaan, tetapi juga untuk pembangunan sosioekonomi masyarakat. Secara keseluruhannya, dengan sokongan daripada semua pihak dan pelaksana strategi yang terancang, Kerajaan Negeri dapat memastikan hasil kekal kukuh dan mampan sekali gus memberi manfaat kepada rakyat. Ini akan membolehkan Kerajaan melaksanakan program dan inisiatif yang membawa perubahan positif dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat.

Tuan Speaker, beralih kepada anggaran perbekalan. Untuk maklum perbekalan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senallang, pecahan kepada peruntukan yang dinyatakan di bawah Kementerian Kewangan adalah seperti berikut:

Di bawah kepala S26 sejumlah RM21.9 juta merupakan perbelanjaan emolumen dan operasi bagi Kementerian Kewangan manakala RM5 juta adalah untuk perbelanjaan pembangunan;

Bagi kepala S26, iaitu pencaruman kepada Kumpulan Wang Berkanun yang berjumlah RM2.14 bilion adalah termasuk caruman ...

20/11/2024 – RAKAMAN 52 [6.30 PETANG – 6.40 PETANG] – [ANNETY] – DARRYL JUDE – NORMA

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: ... kepada Kumpulan Wang Pembangunan yang mana sebenarnya tidak adalah aliran ke apa itu tunai yang terlibatlah. Caruman kepada Kumpulan Wang Berkanun pengendalian dan penyelenggaraan jalan raya dan jabatan, caruman kepada Tabung Amanah Khas Kerajaan Negeri dan lain-lain.

Ketiga, manakala di bawah kepala S27 yang berjumlah RM936.16 juta merupakan peruntukan perbelanjaan yang dipusatkan di Kementerian Kewangan bagi menampung sebarang kekurangan-kekurangan perbelanjaan pengoperasian di

kementerian-kementerian, di jabatan dan pejabat-pejabat daerah negeri seperti pembelian kelengkapan pejabat, pakaian seragam, sewaan dan pembelian kenderaan, perbelanjaan latihan kursus penjawat awam, insurans perubatan dan pembedahan termasuk pemberian bantuan kepada Badan-badan Keagamaan Bukan Islam, sekolah, sekolah mubaligh dan persendirian serta lain-lain perbelanjaan.

Bagi menjawab pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Kadamaian dan Kemabong mengenai bantuan kewangan Badan-badan Keagamaan Bukan Islam serta sekolah-sekolah mubaligh dan persendirian, sepertimana yang telah saya bentangkan dalam Belanjawan Negeri 2025, peningkatan peruntukan daripada RM56.75 juta pada tahun 2024 kepada RM70 juta pada tahun 2025 bagi memberi, bagi pemberian bantuan kewangan ini akan diharapkan dapat meringankan sedikit sebanyak beban Badan-badan Keagamaan Bukan Islam dan pihak sekolah, dalam memastikan kemudahan rumah-rumah ibadat dan sekolah sentiasa berada dalam keadaan yang kondusif, selamat dan selesa digunakan. Di samping untuk memelihara keharmonian kepelbagaian penganut agama dan kaum di Sabah. Untuk makluman Yang Berhormat dari dan Dewan yang mulia ini.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Datuk.

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Jawatankuasa bagi menyelaras peruntukan bantuan ini.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Datuk Speaker.

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Ini telah pun ditubuhkan di bawah Kementerian Kewangan. Permoho ... permohonan bagi bantuan kewangan ini dibuka seawal 1 Januari hingga 31 Mac setiap tahun. Secara prinsipnya, bantuan ini telah diketahui umum kerana telah pun dilaksanakan semenjak, semenjak 2021.

Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]: Ada celahan.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Datuk Speaker, dengan izin kalau boleh. Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah menjelaskan persoalan yang saya bangkitkan tentang beberapa butiran. Butiran 5000 ada satu lagi yang disebut di situ dan kalau kita lihat daripada ini, dua daripada 2024. Perbelanjaan yang telah diberikan RM1.6 bilion, pada tahun ini ditingkatkan RM2.0 bilion. Ini bukan caruman kepada wang amanah, ini merupakan perbelanjaan-perbelanjaan lain, ya.

Cuma saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dari segi keadaan kewangan yang kita katakan bahawa ini membabitkan beberapa perbelanjaan sekolah dan bagai. Jumlahnya cukup besar dan kalau kita lihat daripada RM2 bilion, ada perkara asas yang dihadapi oleh rakyat Sabah. Elektriknya, airnya, kemudahan-kemudahan yang lain dan perbelanjaan ini kalau boleh, *we have to be transparency*. Saya merayu supaya perbelanjaan RM2 bilion, kita tidak mahu nanti macam tahun lalu. Oleh kerana peruntukan tidak cukup, *we have to* tambah lagi peruntukan RM1 bilion tahun lalu. Jadi ini yang seperti Yang Berhormat nyatakan *we must be very prudent* ya dari segi *financial management* kita. Cuma saya berharap sungguh keadaan ini kalau kita biarkan termasuk seperti apa yang kita hanya nyatakan perbelanjaan-perbelanjaan yang dilakukan oleh Jabatan Ketua Menteri dan dalam peruntukan yang ada untuk pembangunan sahaja, di Kementerian Kewangan cuma RM5 juta saja, yang lain itu perbelanjaan khas.

Almost how many RM3 billions yang ada? Jadi saya ingin sedikit penjelasan secara terperinci kalau pun tidak pada hari ini ya, secara bertulis. Kebimbangan saya *when i want to know the detail*, kadang-kadang itu tidak dapat dijelaskan kepada saya, ya. Seperti Datuk Speaker dulu nyatakan bahawa ada dia nyatakan *Sabah Finance Minister told to give Shafie all documents that backed the bond issue plan* tapi sampai sekarang, saya belum dapat itu. Dan ini yang saya ada *bond issue* tentang *bond* yang diisu kononnya oleh saya RM100 juta sebab *i think i havent got it yet, the rest* itu *i got*. Cuma yang itu yang saya minta supaya penjelasan ini, jelaskan dari segi peruntukan perbelanjaan RM2 bilion yang ada. Dari segi *management of the money* yang seperti yang saya sebutkan lebih daripada Pemberian Khas dan Pembangunan cuma RM5 juta sahaja.

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Terima kasih Yang Berhormat Senallang. Insya-Allah seperti biasa semua perbelanjaan akan diaudit ya. *Then nda* adalah sukar kita untuk membuat perbelanjaan yang tidak teratur. So, saya teruskan. Bagi mahu menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Kemabong mengenai ...

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Yang Berhormat.

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Melalui dakwaan dedominasi ...

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Yang Berhormat Menteri.

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Gereja SIB yang tidak menerima bantuan.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Tuan Speaker. Yang Berhormat Menteri.

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: 2019.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Yang Berhormat Menteri. Soalan sama juga tadi. Mengikut rekod di kepala S26 pencaruman kepada Kumpulan Wang berkanun, ada dinyatakan bahawa ada aktiviti baharu, iaitu caruman kepada Tabung Amanah Khas Kerajaan Negeri. Boleh Yang Berhormat Menteri beri sedikit penjelasan berkenaan dengan caruman kepada Tabung Amanah Khas Kerajaan Negeri sebanyak RM560 juta, iaitu aktiviti baharu?

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Insya-Allah kita akan tulis secara khusus secara bertulislah, ya. Lebih elok begitulah. Saya teruskan. Tuan Speaker, bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Kemabong mengenai dakwaan dedominasi Gereja SIB tidak menerima bantuan tersebut sejak 2019. Sebagai makluman, sebanyak 67 permohonan yang diterima dan diluluskan melibatkan dedominasi Gereja SIB dalam peruntukan RM1.25 juta di kawasan DUN Kemabong bagi tempoh 2019 sehingga 2024. Pada dasarnya, pemberian bantuan ini disalurkan melalui Akaun Pusat Badan

Keagamaan Bukan Islam sepertimana yang dipersetujui di antara Kerajaan dan Badan Keagamaan Bukan Islam.

Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat daripada Moyog dan Dewan yang mulia ini, Kerajaan yang memerintah sekarang mengutamakan semangat perpaduan dalam mentadbir negeri dalam mengamalkan pendekatan mengenai mengeneipkan kepen ... kepentingan politik dan parti masing-masing demi kepentingan rakyat dan negeri. Berkenaan itu, sebenarnya ini telah pun dijawab lebih awal yang saya ingat daripada apa itu Menteri Luar Bandar, Kerajaan Negeri akan terus membantu kawasan-kawasan DUN yang bukan apa itu menyokong Kerajaan melalui Pejabat Daerah, Pejabat Daerah Kecil dan Pihak Berkuasa Tempatan di kawasan yang terlibat.

Untuk penye ... untuk tujuan penyelarasan, semua unit UPPM telah di pun meminta membantu pejabat yang terlibat bagi memastikan peruntukan dapat dibelanjakan dengan sewajarnya.

Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat daripada Sekong, Tabung Amanah Khas Kerajaan Negeri ditubuhkan bagi melaksanakan pelbagai program dan aktiviti. Antaranya, seperti Program Pencegahan dan Pemulihan Bencana, Pembasmian Kemiskinan, Penyediaan Kemudahan Perkhidmatan Sosial, Infrastruktur dan Utiliti. Setakat ini, Tabung Amanah Khas Kerajaan Negeri hanya menerima pencaruman daripada Kumpulan Wang Amanah dalam Belanjawan Negeri sahaja sejak ditubuhkan. Untuk makluman, berdasarkan Penyata Kewangan Tahun 2023, baki, baki peruntukan dalam Tabung Amanah Khas Kerajaan Negeri setakat 31 Disember 2023 adalah RM51.33 juta.

Untuk menjawab isu yang dibangkitkan Ahli Yang Berhormat daripada Kemabong dan ADUN Dilantik, Yang Berhormat Datuk Suhaimi bin Nasir, peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan yang diperuntukkan kepada Kerajaan Negeri adalah untuk Kementerian dan Agensi Persekutuan melaksanakannya. Projek pem ... hanya sebahagian kecil sahaja daripada peruntukan tersebut disalur terus kepada agensi Kerajaan Negeri dan dipantau oleh Kementerian Persekutuan. Oleh itu, Kerajaan Negeri tidak ada kawalan dalam pengurusan dan pembahagian peruntukan tersebut. Walau bagaimanapun, prestasi kemajuan projek-projek ini

dipantau melalui Majlis Tindakan Pembangunan Negeri yang bermesyuarat setiap tiga bulan kalau saya tidak silap ya, yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan urus setianya ialah Pejabat Pembangunan Negeri Sabah.

Antara isu-isu yang menyebabkan dana pembangunan yang diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan tidak dapat dibelanjakan sepenuhnya adalah seperti berikut;

Kera ... satu, Kerajaan Negeri lewat menerima senarai projek yang telah diluluskan di peringkat Persekutuan, ya. Dua, kurang penyelarasan.

20/11/2024 – RAKAMAN 53 [6.40 PETANG – 6.50 PETANG] – [NOREERA] – AZYATUL – AHMAD

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Di antara Agensi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Jabatan Teknik.

Tiga, peruntukan yang diluluskan dan tersedia tidak realistik. Terlalu tinggi sehingga tidak dapat dibelanjakan, sebagai misalan keperluan pada tahun yang berkenaan hanyalah RM5 juta. Mungkin apa itu, apa, persediaan projek. Tapi, kadang projek atau duit yang diturunkan ialah RM50 juta. Jadi, tidaklah kita belanjakan yang selebihnya itu, kerana keperluan dia, cuma misal kata RM5 juta atau RM10 juta pada tahun itu. Ini supaya kita fahamlah.

Nombor tiga, ya, nombor empat, minta maaf. Kerajaan Negeri tidak dilibatkan lebih awal oleh kementerian dan jabatan persekutuan dalam proses pemilihan projek atau tapak yang sesuai, dan kelima Jabatan Teknik tidak dimaklumkan oleh Kerajaan Persekutuan lebih awal dilantik sebagai pelaksana projek yang diluluskan.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Menteri Kewangan saya ingin bertanya, takkan Kerajaan Negeri tidak mempunyai rancangan senarai projek-projek lebih awal dan saya tahu, tahun ini pun sudah diumumkan berapa bilion untuk 2025. Jadi, maknanya sudah kita tahu peruntukan yang akan diberikan tapi, senarai yang ada kepada kita sepatutnya kita lengkapi.

Bila saya mendengar jawapan daripada Menteri Kerja Raya pun tadi, pentingnya bagi kita untuk menyelaraskan serapi mungkin. Cuma, mungkin persediaan kita, ya. *We don't know, because sometimes the delay, I don't know whether KL just purposely delay* ataupun tidak. Contoh macam peruntukan RM50 juta itu, ya. RM50 juta yang diberikan, ada di antara prestasinya cukup membimbangkan, ya. Begitu juga dengan perbelanjaan RM6.6 bilion, ya.

Dalam seratus, 1,244 projek yang ada. Cuma dibelanjakan 40%, *it's already* Oktober, November. Jadi, saya nampak cuma belanja RM3.11 bilion. Ini yang saya, saya, saya melihat bahawa perkara ini harus diperbetulkan oleh pihak Kerajaan Negeri. *Can not be repeating the same kind of mistake last year, the same kind of mistake another next year.*

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Terima kasih Yang Berhormat daripada Senallang, sebenarnya saya belum habis jawab apa itu, beri penjelasan, ya. Dan saya tidak mengatakan ini, Kerajaan Negeri is *blameless. I think*, dua-dua pihak ada kelemahan, ini terpaksa kita terima hakikat, ya. Ya, apa yang saya nyatakan ialah pada pengalaman kita, yang kita minta tidak dapat, yang kita tidak minta, dapat. Ini kadang-kadang juga ini, ya.

Tuan Speaker, untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, maklumat berkenaan peruntukan persekutuan bagi 2024 adalah seperti berikut. Peruntukan asal yang diumumkan RM6.67 bilion, ya. Peruntukan setelah disemak RM5.063 bilion, ah sudah turun, ya.

Bilangan projek, seperti kata Yang Berhormat Senallang, 1241 projek baru RM2.21 bilion atau 43.81%, projek sambungan melibatkan RM2.845 bilion atau 56.19%. Jadi, kalau kita lihat di sini, projek baru cuma 43.18%, yang lain itu ialah untuk *finance, on going* projek ataupun projek sambungan. Perlakuan projek ini adalah di bawah kawalan 22 buah Kementerian Persekutuan. Contohnya, Kementerian Pertahanan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan dan lain-lain.

Setakat 7 Oktober 2024, prestasi perbelanjaan atau peruntukan yang disalurkan telah mencapai 53.97% atau RM2.732 bilion. Dan untuk makluman, makluman, peruntukan dikeluarkan mengikut keupayaan kita untuk menggunakan. Erti dia,

kadang kala kita berhadapan dengan masalah untuk merancang kerana bukan seperti di peringkat negeri, peruntukan ini terus dibagi kepada Kementerian. Misal kata 10 *million* itu, 1 bilion untuk itu, dia bagi 1 bilion. Ini tidak, perlahan-lahan untuk diberi mengikut apa itu, pada hemat mereka itulah kemampuan kita berbelanja.

Jadi, inilah antara cabaran. Kalau saya tidak mahu, apa ini, seolah-olah saya apa itu, apa itu, saya menyalahkan Kerajaan Pusat, tidak. Saya hanya menyatakan *complexcity* dalam soal pelaksanaan ini sedikit sebanyak menyumbang kepada ketidakmampuan apa itu, di peringkat negeri untuk melaksanakan dan jangan lupa, duit itu bukan diberi kepada Kerajaan Negeri untuk dilaksanakan. Duit itu diberi kepada jabatan-jabatan atau kementerian, jabatan persekutuan untuk dilaksanakan, cuma kita membantu dan sebagainya.

Tuan Speaker, sebagai makluman, penyaluran peruntukan secara langsung dan juga pinjaman adalah mengikut kemajuan prestasi pelaksanaan projek. Ah, ini yang saya nyatakan tadi. Saya, saya ulang, penyaluran peruntukan secara langsung dan juga pinjaman adalah mengikut kemajuan prestasi, prestasi pelaksanaan projek. Perancangan Kerajaan Negeri untuk meletakkan peruntukan persekutuan yang tidak habis diguna ke dalam Tabung Amanah telah ditolak oleh Kerajaan Persekutuan kerana mengikut mereka, peruntukan tersebut merupakan pinjaman daripada Institusi Kewangan di peringkat pusat untuk membiayai program dan projek pembangunan di negeri Sabah.

Peruntukan ini hanya akan dikeluarkan berpandukan kepada prestasi pelaksanaan program dan projek yang telah dikenal pasti bagi sesuatu tahun kewangan. Walau bagaimanapun, bagi menambah baik prestasi perbelanjaan peruntukan persekutuan tersebut, Kerajaan Negeri akan memohon untuk dilibatkan daripada peringkat awal perancangan dan penetapan projek.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri akan meneruskan rundingan dengan Kerajaan Persekutuan agar sejumlah peruntukan pendahuluan untuk kerja-kerja awalan dapat disalurkan lebih awal. Ini, saya ingat ini, ini penting kerana kalau peruntukan, dia suruh kerja, tiada duit, apa, peruntukan awal tiada, sukar juga kontraktor-kontraktor ini.

Tuan Speaker, walau bagaimanapun, Majlis Tindakan Pembangunan Negeri telah bersetuju untuk menubuhkan satu jawatankuasa penyelarasan antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan bagi memperbaiki prestasi pelaksanaan projek-projek yang mengalami masalah dan memulihkan peruntukan yang diluluskan dapat digunakan.

Tuan speaker, bagi menjawab isu yang dibangkit, yang dibangkitkan oleh, Ahli Yang Berhormat daripada Tungku, berkenaan peningkatan perbelanjaan berulang, iaitu kos pengoperasian dan pentadbiran, yang mana juga dibangkitkan oleh ADUN Senallang tadi. Untuk makluman, terdapat keperluan Kerajaan Negeri meningkatkan perbelanjaan tersebut bagi melaksanakan fungsi sesebuah kementerian dan jabatan untuk menyantuni dan menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat.

Selain daripada itu, peningkatan ini juga disumbang oleh kenaikan kadar cukai jualan dan perkhidmatan, SST. Ah, jangan lupa, kita juga bayar SST kepada Kerajaan Pusat bagi projek, setiap projek yang apa itu, yang juga apa itu, yang dilaksanakan. SST, ya.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, bila menjelaskan tadi bahawa bila berurusan dengan Kerajaan Pusat bahawa dia, alasan yang diberikan oleh Kerajaan Pusat oleh kerana duit ini datangnya daripada bank. Duit itu pihak Institusi Kewanganlah.

Tapi, saya ingat, untuk makluman Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya lama di Kuala Lumpur sebagai Menteri, tujuh kementerian, dan bila saya tengok, dari segi dasar yang ada, bila duit itu kita perolehi daripada Institusi Kewangan, ia merupakan sama ada bon, yang menelan masa agak 20 tahun ataupun lebih daripada itu, *it's not immediate. It doesn't mean that* dengan izin, bahawa duit itu, hari ini diperlukan, *then it's there, it's already there*, jaminan kerana setiap apa yang telah ditandatangani oleh kerajaan ini, Kerajaan Pusat dengan Institusi Kewangan, *their duty bound to give the money to us, but the reason given by federal government, that it's not. They should not be accepted, they must give immediate money when it is needed by the state, each that* (kurang jelas) yang ada, terima kasih banyak.

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Terima kasih Yang Berhormat, di atas penjelasan tersebut dan kita harapkan Yang Berhormat akan selaku Ahli Parlimen akan bercakap pasal isu di Parlimen nanti, ya.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Seperti apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat, *special trust fund, there*. Saya bangkitkan jauh lebih awal, berpuluh, berapa tahun dah. Kalau sekiranya ada duit yang tidak boleh belanja, bukan hanya dibelanjakan, *it must be put*. Masa itu, saya bincangkan dengan Sarawak, *we must have trust fund there. Where every money can not be brake to the central government*, lepas itu.

20/11/2024 – RAKAMAN 54 [6.50 PETANG – 7.00 PETANG] – [ADRIAN] – MOHELENA – NADA HAIFAA

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: ... kita pohon lagi oleh kerana kelewatan masalah tanah, masalah teknikal yang ada. Kerajaan Negeri *they blame us because we can't do the job*. Pasal itu saya bagi cadangan waktu itu *must be, had fast track for every Federal project* yang ada. Kalau State tak pa. *But dealing with the Federal, it must be a fast track* supaya kita tidak mahu nanti besok peruntukan dari RM6 bilion, cuma kita belanja RM3 bilion saja. RM3 bilion *is gone. It's already end of the month, end of the year already*. So, saya berharap, saya cadangkan Yang Berhormat mencadangkan *trust fund* tapi ditolak. Saya dah bangkitkan di Parlimen. Jadi saya ingat dan kalau boleh ada *they must be* penegasan daripada Kerajaan Negeri untuk membolehkan perkara ini tidak boleh dilewat-lewatkan kerana kita merupakan wilayah yang agak jauh terpencil dari segi pembangunan yang ada.

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Terima kasih, Yang Berhormat Senalang. Inilah perkara-perkara di mana kepentingan bersama negeri Sabah itu timbul. Saya ingat kita jangan lagi pilih kita daripada parti mana, kerajaan atau pembangkang kerana isu ini penting bagi seluruh rakyat negeri Sabahlah. Saya dari dulu memang amat bersetuju dan saya mencadangkan supaya *Trust Fund* itu ditubuhkan. Dua hari lepas kalau saya tidak silap, Timbalan Premier Sarawak juga telah pun menyuarakan perkara yang samalah, ya. Terima kasih.

Saya teruskan. Tuan Speaker, selain itu, peningkatan, iaitu peningkatan kos pengoperasian, ya, juga disumbang oleh kenaikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST). Kita pun ... Kerajaan pun membayar ni SST ini. Termasuk pelarasan semula kadar gaji Pekerja Sambilan Harian (PSH) yang telah dihuraikan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri tadi selaras dengan Perkelilingan Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.4/2024, Dasar dan Prosedur Pengambilan Pekerja Sambilan Harian yang akan dikuatkuasakan pada 1 Disember 2024.

Berhubung isu peningkatan gaji atau emolumen yang telah dibangkitkan, Kerajaan Negeri perlu menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bil.1/2024 Perlaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan yang melibatkan kenaikan gaji lapan peratus. Itu fasa 1 yang akan berkuat kuasa pada 1 Disember 2024. Ahli Yang Berhormat daripada Senallang juga membangkitkan mengenai jumlah kenaikan gaji awal yang drastik di bawah Perbelanjaan 2024 yang mungkin, kalau saya tidak silap mengikutnya kerana Yayasan Sabah, ya, akaun Yayasan Sabah tidak termasuk dalam perbelanjaan kita sepertimana juga semua GLC kita, ya.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Cuma saya tahu bahawa itu bukannya *State Government* punya *appointment*? Cuma ini merupakan *Public Fund*. Yayasan Sabah itu di bawah jagaan Kerajaan dan Ketua Menteri dan saya melihat bahawa perbelanjaan banyak. Bila saya difahamkan betul ke tidak banyak pegawai-pegawai yang dilantik. *Operating expenditure very costly* sampai berpuluh pegawai. Apa peranan mereka? Persoalan saya yang bangkitkan, apa peranan mereka bertugas di Yayasan Sabah sehingga jumlahnya agak besar kerana ini duit bukan hanya Kerajaan Negeri tapi ini duit awam. Yayasan Sabah *is trusted* sebagai satu *foundation* untuk menjaga kebajikan rakyat yang ada dan Kerajaan berwajib untuk memantau, meneliti supaya ada *transparency*. *Is not for the sake of a political reason we appoint them as many as possible*, ya. Itu yang saya tanya. Adakah benar bahawa perkara ini berlaku sehingga jumlah, walaupun Yang Berhormat tidak ada maklumat, *I want to know*. Berapa jumlah yang ada *you can write it in a written form*.

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Kementerian Kewangan bukanlah apa tu ... pihak yang sesuai untuk bercakap pasal Yayasan

Sabahlah, ya. Tapi apapun kita akan cuba dapat maklumat tersebut untuk makluman Yang Berhormat daripada Senallang.

Tuan Speaker, berkaitan dengan kenyataan Yang Berhormat Tungku yang menyatakan bahawa lebih atau *surplus* yang kecil ini tidak dapat memberikan ruang fizikal yang mencukupi untuk Kerajaan berhadapan dengan bencana dan lain-lain. Kerajaan Negeri setiap tahun mengamalkan pengawasan dan pemantauan perbelanjaan agar tidak menjejaskan lebih seperti yang dianggarkan. Berdasarkan rekod, Kerajaan Negeri sentiasa mendapat *surplus* setinggi setiap tahun kecuali pada tahun 2020 yang mencatatkan defisit RM934 juta kerana waktu itu kita menghadapi masalah Pandemik COVID-19. Dengan pandemik dengan mengambil kira keadaan yang normal setelah pasca pandemik sehingga kini, Kerajaan Negeri telah berupaya mendapat semula surplus pada akhir tahun kewangan tersebut. Sebagai contoh, pada 2021 surplus ataupun lebih kita RM931 juta, tahun 2022, RM2 bilion. Ini akibat daripada pelaksanaan apa ini, CGN ke atas minyak dan sebagainya, ya.

Pada tahun 2023, RM1.15 bilion dan insya-Allah kita juga ada orang kata *backup* sekiranya sesuatu di luar dugaan berlaku. Untuk pengetahuan dan sukacita saya maklumkan bahawa *cash reserve* kita adalah dalam tahap yang tertinggi dalam sejarahnya, ya.

Tuan Speaker, sepertimana tema perbelanjaan negeri, sepertimana tema Belanjawan Negeri 2025 “Sabah Makmur, Rakyat Sejahtera”, Kerajaan Negeri sentiasa mengambil perhatian kepada kebajikan dan kesejahteraan rakyat khususnya di luar bandar sepertimana yang telah dinyatakan oleh Menteri Luar Bandar tadi semasa penggulangan. Sepertimana yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat daripada Banggi. Kita mendengar suara akar umbi yang mahukan landskap sisekonomi yang lebih saksama serta inginkan akses kepada peluang ekonomi yang lebih adil.

Untuk makluman, pada tahun hadapan tiga projek utama akan dilaksanakan di Pulau Banggi, iaitu meneruskan penggantian Perpustakaan Desa di Kampung Kerakit termasuklah memulakan dua projek baharu, iaitu Projek Menaik Taraf Jeti Awam di Pulau Kerakit Fasa 2 dan juga *propose design in build water supply*

augmentation scheme. Ini pasal air ya, yang telah dibangkit oleh apa itu ... Yang Berhormat daripada Banggi yang dijangka akan dimulakan pada suku pertama tahun hadapan. Projek ini akan membekalkan air terawat kepada kampung-kampung yang sedia ada dan termasuk Kampung Keligau, Kampung Loksian dan Kampung Garit.

Tuan Speaker, oleh yang demikian, saya juga merayu kepada Kementerian dan juga jabatan negeri untuk terus meneliti keperluan rakyat di Pulau Banggi termasuk di daerah-daerah lain di kawasan luar bandar agar mendapat pembelaan dan peluang pembangunan sama rata dengan daerah-daerah yang lebih ke hadapan.

Tuan Speaker, isu Sabah Development Bank banyak disentuh dan saya ingin barangkali sekadar sebagai *updatelah*, ya. Berkenaan isu hutang Sabah Development Bank, untuk makluman Dewan yang mulia ini Kerajaan Negeri memberi sokongan penuh kepada SDB untuk memberi jaminan kepada institusi kewangan bahawa semua obligasi pembayaran balik pinjaman akan dipatuhi dan dipenuhi sepenuhnya. Selaras dengan keazaman Kerajaan Negeri untuk menangani isu legasi dan memulihkan bank. Lembaga Pengarah dan Pengurusan Bank yang baharu telah melaksanakan peranan mereka pada pertengahan 2023 dan pasukan profesional yang berdedikasi telah ditubuhkan atau telah dilantik untuk memberi tumpuan khusus kepada pemulihan hutang lapuk.

Pasukan ini telah mengambil langkah yang signifikan untuk menangani hutang lapuk yang diwarisi. Tindakan undang-undang telah dimulakan terhadap peminjam dan penjamin yang terlibat dalam hutang lapuk ini. Tindakan ini termasuklah pelantikan *receiver and manager* atau RNM jika perlu. Setakat penghujung bulan September 2024, jumlah hutang lapuk SDB ialah RM4.89 bilion. Bukan RM100 bilion seperti yang saya ingat saya dengar ada dinyatakan, ya. RM4.89 bilion. Paling utama, hutang ini dijamin dengan cagaran dan SDB yakin proses pemulihan boleh diselesaikan dalam tempoh tiga tahun yang akan datang.

Tuan Speaker, saya dengan sukacita melaporkan bahawa perkembangan yang baik telah tercapai yang mana Lembaga Pengarah telah pun meluluskan cadangan penyelesaian hutang berjumlah RM879 juta setakat ini, ya, RM879 juta. Dengan beberapa cadangan lanjut yang dijangka akan dimuktamad dalam masa terdekat, Sabah Development Bank diramalkan atau dijangka akan mencapai jumlah

pemulihan lebih RM1 bilion menjelang tahun ini. Selain daripada itu, sejak September 2023 ...

20/11/2024 – RAKAMAN 55 [7.00 PETANG – 7.10 PETANG] – [ARINA] – NADIA – NORMA

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: SDB telah mengambil tindakan undang-undang terhadap 21 peminjam lapok. Berjumlah 2.56 bilion. Melantik R&M, iaitu *Receivers and Managers* ya terhadap enam peminjam hutang lapok berjumlah 601 juta dan melantik *liquidators* terhadap sembilan peminjam hutang lapok berjumlah RM1.562 bilion. Angka-angka ini menunjukkan betapa tegas dan agresif Sabah Development Bank dalam menangani hutang lapok ini.

Seterusnya, Kerajaan Negeri telah memberi mandat kepada bank untuk memperolehi projek pembangunan terutamanya dalam bidang air, tenaga dan infrastruktur. Projek-projek ini mestilah memberi manfaat kepada ekonomi dan sosial. Serta bertanggungjawab terhadap alam sekitar yang terletak di Sabah dan Sabah sahaja. Kerajaan Negeri telah memaklumkan pelabur secara terbuka bahawa Sabah Development Bank akan memberi pinjaman utama untuk projek-projek tempatan di Sabah sahaja. Sabah SDB secara agresif telah membersihkan akaunnya dengan pinjaman yang baik. Untuk pengetahuan, bagi tempoh Januari hingga Oktober tahun ini, SDB telah meluluskan kemudahan pinjaman sebanyak 1.28 bilion dan dalam tempoh yang sama menolak permohonan pinjaman sebanyak 7.47 bilion kerana ia tidak termasuk dalam syarikat atau tidak mencapai penilaian kredit bank.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan. Terima kasih Datuk Speaker. Mendengar apa yang telah dijelaskan, saya bangkitkan banyak tentang SDB dan juga *related to* SIP. Perkara ini saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat tadi disebut tentang *recovery rate* yang ada. Saya difahamkan *recovery date* yang telah pun disebut tak tahu betulkah tidakkah. *22 percent out of the five billion. Which is about three billion* yang ada. Tapi ini mungkin jangkaan, *not the reality. Nevertheless*, kalau sekiranya ada penjelasan, itu yang saya minta supaya perkara ini seperti apa yang telah disuarakan oleh Datuk Speaker. *Give the detail part of it* pasal saya bangkitkan

banyak persoalan tentang SDB Bank, sampai sekarang ada diantaranya saya tak dapat. Saya mungkin perkara ini seperti apa yang dijelaskan kalau sekiranya *recovery date there* yang ada kita tidak mahu nanti berulang kita nyatakan *five billion are non performing loan* yang ada dan juga kita katakan bahawa *there's recovery* yang ada. Sama ada beberapa peratus yang ada, *we need to know* tentang perkara ini.

Keduanya saya juga ingin mencadangkan kalau boleh, pasal saya dapati bahawa SDB Bank juga SMJ Energy yang ada. *Currently*, kalau saya dapati Lembaga Pengarah SDB Bank dan juga pengarah SMJ Energy membabitkan bukan hanya Peguam Negeri bahkan juga apa nama CEO yang ada. Jadi saya bimbang nanti kalau pasal ini merupakan kebiasaan dia tidak boleh membabitkan badan-badan yang akhirnya juga mereka menjadi lembaga pengarah bank yang ada juga mereka menjadi lembaga pengarah satu badan yang mungkin menggunakan duit sama ada daripada bank ataupun tidak *then there's conflict of interest*.

Kita tidak mahu nanti apa juga yang dibincangkan sama ada SMJ Energy yang ada *please give the loan, please give payment is there*. So ini akan berbangkit. Jadi saya berharap Yang Berhormat Menteri Kewangan dapat meneliti perkara ini, halusi supaya perbaiki. *This is good management* yang ada supaya kita tidak ada ketelusan nanti kelak dibangkitkan oleh pihak-pihak tertentu.

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Terima kasih di atas saranan. Saya ingat saya ambil perhatian ni dan untuk pengetahuan, satu-satunya sebab kenapa kita lantik sebab beberapa orang perkara yang sama kerana orang ini kita percayalah. Orang yang amanah dan sebenarnya penglibatan mereka dalam bank ini adalah dalam tempoh pemulihan. Mudah-mudahan selepas kita *recover* bank ini, kita akan lantik Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang baharu. Saya faham juga dengan apa tu persepsi yang mungkin negatif tapi percayalah SMJ Energy tidak akan meminjam duit daripada Sabah Development Bank. Ini saya akan pastikan kerana kita mahu ya.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Bukan apa Yang Berhormat pasal bila saya lihat Kerajaan Negeri sudah berhutang tahu. *900 million*. Sukuk yang kita *raise*. So surely pasal apa sukuk itu kita *raise* untuk bayar

anak syarikat SMJ Energy yang dinamakan Sabah International Petroleum, SIP. *You see. SIP is own by SMJ now previously owned by SDB Bank* dan sekarang ini kita *settle* hutang SIP daripada SDB Bank. Badan yang sama, lembaga pengarah yang sama.

Jadi ini yang saya katakan tadi kebimbangan saya *conflict of interest because they want to settle. You know.* Itu yang saya katakan saya tidak mahu nanti ini berlaku seperti 1MDB. Dah ada pun. Ini gambaran 1MDB *exactly*. Pasal *900 million*, dulu hutang SIP *disettle* bayar kepada SDB bank lepas itu SIP sekarang tidak ada hutang, yang ada dividen saja. Yang kita dapat sama ada 100 juta ataupun 200 juta itu yang saya tanya dengan Yang Berhormat daripada dividen yang diberikan oleh Petronas LNG9 yang ada. Kita *joint venture, dividen is given to SMJ* yang ada. Hampir 100 juta ataupun 200 juta tapi dibagi dividen kepada Kerajaan Negeri 50 juta saja.

What happened to the rest of the balance SMJ, yang disebut oleh Yang Berhormat *only* cuma sepuluh orang saja. Ada situ. *They are not technician* itu yang saya lihat kalau sekiranya duit itu amat diperlukan oleh industri *oil* yang ada seperti SIP. *Why don't utilise that for the purpose.* Saya bimbang nanti kewangan kegunaan itu ya kita tidak tahu. *There must be transparency.* Itu yang saya merayu supaya perkara ini dijelaskan. Saya tidak mahu nanti esok persoalan, sekarang Kerajaan Negeri berhutang *900 million* daripada sukuk *we have to pay* sukuk yang ada mungkin mengambil masa tapi itu hutang.

Now responsible Ketua Menteri sebagai Kerajaan, Ketua Kerajaan *have to pay* seperti dahululah. Saya juga *have to pay one billion, saved the money.* Saya minta kepada Bendahari Negeri, Si Chui *i said you have to save special account* di situ untuk memastikan supaya kita boleh bayar hutang-hutang ini tapi *whatever it is*, saya setuju dengan Yang Berhormat supaya *recovery, we cannot allowed this. We are run down by all the debts* yang ada mencecah sampai lima bilion. Terima kasih banyak.

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Ya Yang Berhormat Senallang. Sebenarnya saya cuba mengelakkan bercakap lagi pasal SMJE, pasal sukuk ini kerana saya ingat penjelasan demi penjelasan sudah diberi ya. Pertama sekali, dan ini saya terpaksa ulang SMJ Energy betul *raise* sukuk 900

juta untuk bayar hutang SIP. Tapi bukan semua hutang tu, ada lagi hutang dia yang belum bayar ni.

Now, bagaimana SIP dapat ditolong daripada Sabah Development Bank. Jadi ada saranan daripada Yang Berhormat daripada Senallang barangkali cara yang terbaik ialah bagus kita barangkali runding kasih kurang tu duit apa tu hutang bayar kepada SDB. Tidak semudah itu Yang Berhormat. *SDB is not a deposit taking bank*. So dia tidak ada pelanggan untuk datang. Duit dia datang daripada deposit Kerajaan Negeri dan GLC saja. So macam mana dia *kasih* (memberi) pinjam atau mampu *kasih* (memberi) pinjam sama SIP, dia sendiri terpaksa pinjam daripada apa tu pasaran kewangan.

Jadi bila dia pinjam daripada pasaran kewangan, dia terpaksa untung sikit margin agar tidak rugi. Kerana itulah hutang ataupun *loan* atau pinjaman yang diberi oleh SIP ni lebih *sorry* oleh SDB Bank ni lebih mahal daripada kadar-kadar yang lain. Jadi bila kita mengatakan patutnya *nda* (tidak) payah bayar kerana dia rugi bukan semudah itu. Kerana *creditor will still sue us and whom they will sue?* Pemilik. *Who is the ultimate* pemilik? Kerajaan Negeri. So sama ada kita suka atau tidak Kerajaan Negeri terpaksa masuk campur juga pada akhirnya.

Let me finish, ok, thank you. Let me finish. So kita ambil sukuk ini kerana kalau kita biar ambil SIP bayar berterusan *interest* saja 60 juta satu tahun. Tapi kalau kita guna **sukuk** ni untuk dia boleh bayar dia punya hutang kepada Sabah Development Bank, dia orang kata dia *save* ataupun dia dalam Bahasa Melayu dia menjimatkan 60 juta ringgit *just on the interest alone*. So, betul kata Yang Berhormat, hutang atas hutang. Mana yang bagus? Hutang yang kita bayar *interest* 60 juta atau hutang ...

20/11/2024 – RAKAMAN 56 [7.10 PETANG – 7.20 PETANG] – [NELLY] – THEODORA – AHMAD

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun] :..yang sudah beres itu, okey. Itu satu, kedua ya kedua, SIP bayar hutang kepada SDB dan oleh kerana SDB juga pinjam duit yang dia kasih pinjam sama SIP ni, dia sendiri pun akan mengurangkan kos *finance* dia, dia *save* RM30 juta satu tahun, kerana dia pun pinjam duit daripada orang lain, erti dia kita biarkan SIP merana atau ditutup, bank

juga akan ada kesan kerana dia tidak boleh *recover* apa-apa. *So the issue is, strategy* dia ialah *we try to save both*, SIP dan juga bank dan ini sebenarnya matlamat utama sukuk ini, jangan dua-dua hancur kalau kita biarkan. Itu satu, kalau SIP tidak bayar hutang dia, dia tidak boleh kutip keuntungan daripada *10% interestnya* dalam LNG9 kerana semua pendapatannya digunakan untuk bayar hutang sahaja. Ah, inilah sebenarnya rasional kita apa itu kita buat apa itu apa ini sukuk ini. Silakan Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Proses itu, cuma bila disebut tentang *interest* ini, *argurment* itu *I cannot accept* pasal perkara *interest* ini kalau kita lihat *interest* Public Bank, *private* bank yang ada, SDB *belong to us*, SIP *belong to us*. Cuma kebimbangan saya pasal SIP ini entiti dia Sendirian Berhad, *it just like* 1MDB. Bila di Kabinet kita dia tidak mampu *they want to less three billion*, *I ask, is it for interest or is it for principal, now government have to shoulder that*. Dulu Sendirian Berhad yang *shoulder what ever legal entity is there*, kalau sekiranya berlaku sesuatu yang perlu *settle* kedua-dua badan, saya tahu kita mahu selamatkan tapi kita tidak mahu nanti membabitkan ia sebagai hutang kerajaan yang ada. *Let the commercial entity* yang ada boleh, pasal apa pasal kita tengok contohnya, kalaulah sampai sekarang SIP hutang dia, RM1 bilion lebih tidak pernah dibayar, kalau bekas ia *private bank, I thanked of you they will go bankrupt you know. Why? Because it is not Public Bank, SDB is a government entity if that can be delayed until until last year, bayar tidak fully, recovery rate was was* ini cuma kita itu yang saya katakan, kita kena pulihkan asas yang 1MDB apa ni bon yang *diraise* oleh Kerajaan Negeri ialah berdasarkan SMJ Energy.

Jadi asas dia oleh kerana SIP tu membabitkan tentang minyak yang ada, jadi bank yang ada pun *willing to lend because it might be possible kalau ada recovery* cuba tidak ada *recovery* sampai sekarang, yang ada hasil daripada SIP ini, seperti yang saya katakan perjanjian dengan Petronas, *deeper* dari yang diberikan yang membolehkan supaya kita bayar, ya hutang apa ni dividen kepada pihak Kerajaan Negeri. Jadi itu yang saya minta kepada Yang Berhormat *is not the argurment* yang kita tidak faham, kita faham, cuma itu yang saya jelaskan supaya pastikan jangan ada *conflict of interest* yang ada satu bab.

Keduanya, perkara ini membimbangkan saya pasal *this is turn to mount to bell out you know, to be honest with you, as an economist as well* saya tahu perkara seumpama ini pasal kita *salvage that but this is not the way how you salvage*, apa ni, agensi kerajaan yang ada dengan kita berhutang, mungkin ada *destructing your our system* yang ada untuk membolehkan pasal saya yakin, dividen yang diperolehi Petronas RM100 juta lebih ataupun RM200 juta, takkan tak boleh nak selesaikan, kalau kita ada, dulu saya minta kepada Petronas *additional project* di Indonesia. *Sign* dengan SIP yang ada, cuma mungkin mengambil masa sedikitlah, oleh kerana waktu itu kita cuma berapa bulan sahaja. Jadi saya berharap mungkin, *there must be* keadaan yang berlaku perbaiki keadaan dia supaya *structure* itu jangan nanti berbangkit tentang ada langkah-langkah yang ada *conflict of interest* yang berlaku.

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun] : Saya ambil itu sebagai nasihat dan saranan, bukan kerana itu yang terbaik atau yang betul. Perusahaan kita untuk menyelamatkan ini sama dengan sebenar daripada nasihat daripada bank juga, kalau bank tidak setuju atau sangsi dengan skim apa ni sukuk ini, dia tidak akan memberi penarafan apa ini, lima apa tu tiga bintangkah? lima bintang, atau penarafan *triple A* kepada SMJ ya, satu. Kedua, dia terlebih langgan 3.9 kali bermakna *creditor* ada penuh keyakinan bahawa SMJ akan mampu membayar, saya tidak bersetuju sama sekali kalau dia disamakan dengan 1MDB, 1MDB ada mencuri duit, ini *every cent that was raise is fully accounted, so I don't understand*, apa dia punya persamaan dia.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Yang Berhormat Menteri, saya ingat sejarah dia, Yang Berhormat pun sedar SMJ apa ini SIP ini was sebuah syarikat yang berdaftar di bursa saham, *diregister* lepas itu dibeli oleh SDB 300 juta lepas itu beli kapal 500 *million US dollar* ya, so ini yang saya lihat bila perkara ini berlaku *where is the money, of couse we don't want to blame anyone there was must be kind of action taken against this to recovery the lost of* berapa hutang berapa apa ini *lost that incured by SIP* cuma bila, bila saya melihat bahawa *advise by the bank, I don't, I'm not surprise if the bank said is it private bank or SDB Bank. If it is private bank I don't, I'm not surprise for private bank said you mesti raise* Sukuk. Pasal *now private bank* sama ada *commercial bank* yang ada, *they are now benefiting from the bon, interest* ada kerana dibayar, dulu tidak ada Kerajaan Negeri mahu pinjam Sukuk RM900 juta untuk *settle this one*. So itu yang saya lihat bahawa

keadaan ini perlu diperbetulkan supaya keadaan seperti *conflict of interest* tidak akan berlaku.

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun] : Yang Berhormat Senallang, janganlah khuatir. *I can tell you I'll be the last one to agree to any manipulations, and it wouldn't happened during my time I can assure you. See.*

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Yang Berhormat, *Im the Prime Minister don't worry. Saya juga, advisor di 1MDB itu, and he is also the minister of finance.*

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun] : ...*you see...*

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: ...so ini yang saya bimbang, bukan pasal apa, itu yang saya bagi tahu...

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: ...duit itu duit yang...

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: ...*AG is there, CEO is there as a board of director* yang kita tahu bahawa perkara ini akan membabitkan isu-isu apa yang kita katakan *you bell out. You know.*

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: ...sama ada kita setuju itu RM900 juta atau tidak, hutang tetap hutang. Tadi Yang Berhormat telah menyarankan seolah-olah SIP tidak penting dan biar dia bankrap, *but eventually, the creaditor is will sit the owner, who is the ultimate owner? The government. So what different does it make? You tell me. Okey. So cukuplah itu. We go to another subject.*

Tuan speaker, menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Elopura, saya ingin menyatakan dengan jelas bahawa rekod pinjaman SDB Bank tidak seperti yang digambarkan iaitu RM100 bilion, itu peringkat antarabangsa sudah kalau RM100 bilion itu, angka tersebut adalah tidak betul dan tidak selaras dengan

data kewangan SDB, izinkan saya memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa SDB dengan sokongan penuh.

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: Maaf Menteri, Menteri, Menteri yang tentang tadi yang siapa tadi? Yang *borneo gold* tadi yang disebut *borneo golf* kan, (batuk) *borneo golf* yang sekarang saya di kawasan saya jugalah sampai hari ini saya mungkin cadang mungkin, mungkin satu syarikat yang *take over*, sebab sekarang itu tempat walaupun bangunan sudah ada tapi makin lama makin teruk, makin buruk di *borneo golf* di Sandakan, di SDB, pinjam SDB itu sekarang bankrap saya rasa bankrap, saya kurang pasti tapi sampai hari ini belum jelaskan tentang isu...

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun] : YB semua kita saman, tidak kira siapa ya, *don't worry...*

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: ...ya saya tahu saman, tapi masalahnya masih siapa yang tanggungjawab tentang hal ini sebab kita punya duit mungkin 100 *million* yang sudah pinjam untuk *Borneo Golf*.

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun] : ...biar peguam kitalah yang urus sama dia itu apa itu mereka yang terlibat dalam *recovery*lah saya tidak mahu menyatakan sini, Yang Berhormat suruh ambil alih ah, ambil, alih, *what you trying to say is it?*

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: Ya, tapi saya ada pernah tulis surat kasih kewangan SDB tapi belum ada jawapan untuk saya...

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun] : *Bah*, ingatkan saya selepas persidangan Dewanlah, okey?

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: Ya saya tidak mau, macam tadi macam skandal SMM semua pun tak ada tanggungjawab pasal semua ini..

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun] : Tidak apa, *whatsapp me, you know my number, you just whatsapp me okey.*

Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]: Itu yang saya takutkan dan risau skandal SMM itu..

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun] : Ya, izinkan saya memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa SDB dengan sokongan penuh Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha untuk memulihkan semua hutang lapuk...

20/11/2024 – RAKAMAN 57 [7.20 PETANG – 7.30 PETANG] – [ROHANI] – TERESA – NADA HAIFAA

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: ... yang tertunggak tanpa rasa takut atau pilih kasih. Inilah mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri dan SDB Bank yang tidak berbelah bahagi untuk menjaga kesihatan kewangan institusi dan memastikan akauntabiliti daripada semua peminjam. Eh, *miss* sudah maghrib kita ni.

Tuan Speaker, mengenai cadangan, ya untuk pengetahuan, SMJE akan memfokuskan kepada menyokong industri perkhidmatan dan peralatan minyak dan gas atau OGSE. Saya pergi kepada SMJE, untuk memperkasakan dan meningkatkan peluang perkongsian hasil syarikat tempatan Sabah dan syarikat luar. Sejak penubuhan SMJE, penglibatan syarikat tempatan dalam industri minyak dan gas telah meningkat dengan signifikan, peluang pekerjaan telah bertambah dan hasil yang lebih tinggi dapat dijana. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah memperkenalkan *local tender threshold* yang menggalakkan kerjasama di antara pemegang taruh tempatan (*local stake holders*) dan pakar dalam bidang yang berkaitan. Ini telah menghasilkan peningkatan pertumbuhan yang luar biasa sebanyak 143% dalam hasil OGSE di antara 2021 dan 2023. Menjelang 2025, usaha ini dijangka akan mewujudkan kira-kira 1000 peluang pekerjaan baharu.

Prestasi SMJE telah terbukti seiring dengan nilai-nilai yang diterapkan seperti profesionalisme, tadbir urus yang baik dan disiplin fiskal. Ini telah memberi manfaat yang jelas kepada negeri Sabah dan rakyatnya. Mengenai penyatuan entiti-entiti minyak dan gas, dan ini saya ingat pernah disuarakan oleh Yang Berhormat Senallang, seperti SIP, Sabah Gas dan SOGIP, ingin saya ulangi bahawa keputusan

Kerajaan untuk mengekalkan kesemuanya sebagai entiti yang berbeza adalah bertujuan untuk mengelakkan daripada mewarisi ketidakcekapan pengurusan dengan mewujudkan satu entiti baharu, yakni SMJE yang dikendalikan 100% oleh profesional, ia dapat beroperasi bebas daripada sebarang beban masa lalu.

Pada kesimpulannya, langkah yang diambil oleh Kerajaan ini, berkaitan SIP dan SMJE menunjukkan kejayaan di samping mendapatkan hasil yang lebih tinggi, pengaruh yang lebih besar dan penyertaan lebih aktif dalam operasi minyak dan gas di Sabah. Kerajaan telah mengubah entiti yang dibebani hutang kepada sebuah entiti bebas hutang yang menyumbang aliran tunai yang ketara kepada negeri. Memastikan masa depan yang mampan untuk sumber Sabah, Kerajaan kekal komited untuk mengurus sumber Sabah dengan profesionalisme, integriti dan ketelusan rakyat jelata dan ketelusan yang rakyat jangka dan wajar.

Tuan Speaker, akhir kata, marilah kita sama-sama bekerja, berusaha dan terus mencurahkan bakti ke arah memajukan ...

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:Yang Berhormat Menteri, saya juga turut membahaskan tentang bila mana saya cadangkan supaya, agar *merger* di antara, bukan *merger in a such sense*, cuma mesti diselaraskan dari segi aktiviti yang ada, pasal saya nampak SOGIP tidak ada berfungsi, peluang pekerjaan pun *is only very minor*, Sabah Gas, Sabah Energy pun tidak semana, yang ada dah berpuluh tahun dah, jadi kita nampak *operating expenditure is so costly*, berpuluh, beratus ribu yang kita perlu bayar untuk bukan hanya *operating expenditure* bahkan juga kegiatan dia. Saya telah bangkitkan, bila agaknya Kerajaan Negeri Sabah menerusi SMJE ataupun agensi-agensi yang lain mewujudkan *oil and gas service industries*.

Perkongasian di antara Petronas Kuala Lumpur dengan Sarawak yang berlaku pada hari ini, di mana Sarawak *benefit a lot* dari segi *the service sector* yang ada dan itu yang kita nampak di Bintulu, di pelbagai *downstream is there the service industries*, tetapi kita tidak ada. Itu yang saya sebutkan. Kalau pun ada di Kimanis, *bus stop* saja. *It's only transition where they can just channel, but we don't know*, tapi di Bintulu sudah ada *service industries going downstream there*. Bilakah agaknya

Kerajaan Negeri untuk bertegas tentang perkara ini dan berunding dengan Petronas, *no compromise just like what Sarawak have done.*

Pasal ini persoalan bukan hanya untuk kita mengurus hutang-hutang yang ada tapi ini merupakan hasil pendapatan kepada Kerajaan Negeri. *There'll be more income, more job opportunities if you create that service industries, O&G service industries sector.* Dengan pihak Petronas, bukan kita tak nak, kan. Saya, perkara ini saya bagi maklum bahawa, *ya we want Petronas to be survive making money but not in expenses of our people, deprive from the development in Sabah.* Ya, berpuluh tahun. Jadi perkara ini kita bincang untuk kepentingan negara, bukan kita nak *kill the golden goose like* Petronas, tapi kita nakkan juga hasil ini bukan hanya Petronas yang dapat, ya, akhirnya kita tidak tahu di mana peruntukan, bagi dengan Kerajaan Pusat. Saya masih ingat dulu diumumkan oleh Perdana Menteri, hari ini berita baik. Pasal apa, ada berapa bilion diberikan dividen daripada Petronas. Menteri-menteri pun senyum. Lepas itu tidak tahu, pasal anggapan dia, dia akan dapat peruntukan daripada Kerajaan yang ada. Masa itu saya maklumkan dengan apa ini, keluar kejap KJ dan saya maklumkan, *this is not the way*, tapi persoalan yang saya bangkitkan, cadangan, bila agaknya, saya tanya O&G ini *service sector* dilakukan oleh pihak Kerajaan. Fokus dia *the way forward for us* supaya kita boleh *deal* dengan Petronas *but we must get ready our outfits to structure that to make sure that we have the capacity. Dealing with the Petronas is not easy, but* saya maklumkan bahawa kalau kita mempunyai *structure* seperti apa yang berlaku di Sarawak, di Bintulu, *gas industries* yang ada pelbagai *downstream*.

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Yang Berhormat Senallang, sebenarnya kita memikirkan GLC atau syarikat-syarikat yang ada mampu diperbaiki dan dari awal penubuhannya, SMJE telah pun dinyatakan *is we just do a financial investor*. Tapi kita memudahkan dalam perundingan dengan Petronas. Kita memudahkan untuk memberi peranan kepada GLC kita yang sedia ada untuk terlibat dalam OGSE dan sebagainya. Sebagai misalan, Sabah Energy Corporation sekarang adalah dilantik sebagai *hydrater gas on land*lah, *on land*. Ini juga sesuatu yang saya fikir apa itu, *as we go along* dalam *negotiation* kita dengan Petronas, *we will reach out to our respective GLC*. Tapi saya tidak boleh menyatakan bila ini semua akan dilaksanakan, *it is on going*.

Dalam kita menjadi SMJE dan Kerajaan Negeri menjadi fasilitator kepada pemberian, kepada apa itu, peluang-peluang Petronas dan juga dalam bidang ini kepada GLC kita yang sedia ada. *And to be fair to them, they are not bad at all.* Dia ada pengalaman dan *sebagainya. All we need is find tuning* and pastikan *more professional to join*, Insya-Allah saya ingat suatu hari nanti kita mungkin tidak sama dengan Sarawak kerana Sarawak banyak gas, kita tidak ada, *and this is way*, dia ada Bintulu *and that is way they're make money. We don't have Bintulu.* Tapi saya fikir lambat laun, *and don't forget Sarawak has been all the business for the last hundred years seem not be ...*

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Yang Berhormat, saya sedar bahawa kita adalah pengeluar gas kedua, yang terbesar di Malaysia Sarawak. Tapi kita merupakan pengeluar minyak yang terbesar. *We are bigger than Sarawak* tapi O&G *service industries* yang saya katakan. SOGIP bergantung dengan pelaburan daripada luar bukan ada *connectivity* yang kita katakan dimanfaatkan sepenuhnya daripada Petronas. *Dealing* kita dengan pihak Petronas untuk membolehkan supaya perkara ini setiap *sector service industry*, ya, *hoeing downstream* ini bukan kita tidak boleh buat, *we can do better than Sarawak, we have that outfits* yang ada, pasal saya nampak *Sabah Gas is not there*, Sabah Energy keadaan dia yang agak tenat. Saya berharap di masa akan datang, jangan lambat sangat *but we have to create the environment where service industries created* pasal dah diumumkan oleh Menteri Ekonomi. Petronas punya *revenue coming from Peninsula is going down declining*, so meaning that they are dependent on Sabah and Sarawak. *When they're dependent, we must make sure that benefits us too.*

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Tuan Speaker, akhir kata marilah kita sama-sama bekerja, berusaha dan terus mencurahkan bakti ...

Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]: Datuk Speaker, Datuk Menteri, saya ada bahas tu dalam saya punya ucapan tu, dengan ringkaslah, *the questions I ask is whether MOF is aware that out of proposal 1.5 billion water deal to acquisition to actually ...*

Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]: *We took over all the water treatment plant loji lagi sekali dengan fifteen tahun with Jabatan Air and using Sabah Credit as a PFI has MOF been while wait and what the status of it. Saya ada sebenarnya saya ada bawa dalam saya punya file saya ingin tahu dengan itu statusnya.*

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: *Saya baru menghubungi CEO Sabah Credit they don't know. In fact syarikat yang dikatakan ini have not even apply to Sabah Credit untuk any financial assistant. So, saya ingat i don't know because i don't know the apa itu this ... i won't ... (suara bertindih)*

Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]: *Datuk Menteri so can i up date with ... because i got the data we can confirm Menteri JKR as we well, Jabatan Air 13 September 2024 i give you the letter has return to Tegas Potensi bahawa diorang mahu discusslah diorang mahu discuss tentang appointing them as a one the only concession just now the only konsesi company to take for the loji, so saya nak tahulah mungkin, terima kasih.*

Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]: *Minta maaf Datuk Speaker, untuk menjelaskan minta maaf bagi laluan, terima kasih bagi laluan. Berkenaan dengan cadangan kajian kadar air tidak berhasil oleh Tegas Potensi di bawah PFI oleh mereka tetapi setakat ini belum ada sebarang ikatan kontrak. Hanya cadangan untuk melaksanakan feasibility study. Jadi, kenyataan Yang Berhormat Tanjong Aru berkenaan dengan maintenance loji adalah tidak tepat.*

Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]: *Terima kasih Datuk Speaker, sebab kenapa saya, saya bangkit isu ini sebab bila kita check dengan lebih mendalamlah dengan company ini boleh berhubung kait dengan orang your family, dahulu Timbalan Direktor Jabatan Air telah pun dihukum dalam court, dan kali ini juga kalaulah company ini diberi itu adalah berhubung kaitlah, kalau tiada itu terima kasih banyak Menteri, janganlah bagi itu Company. The company can link to your family.*

That's i am quite surelah kalau you mahu saya boleh present di sini kalau mahu. But if not, its okay. Because since don't have proposal Datuk Speaker, i think that's ...

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Tuan Speaker, sebenarnya Yang Amat Berhormat telah pun memberi arahan bahawa Sabah Credit Corporation *should not get involve in the none core business. So that.*

Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]: *Thank you Datuk Menteri. Thank you. That should be the right.* Terima kasih.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Menteri, terima kasih. Saya ada membangkitkan berkenaan dengan anggaran belanjawan di S11 kepala S11 Jabatan Ketua Menteri, berkenaan dengan perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain-lain yang dibeli dan hospitaliti. Bila saya semak belanjawan-belanjawan yang lepas-lepas, hanya memperuntukkan dua juta sahaja.

Pada kali ini dia ada peningkatan lima juta sembilan ratus dua puluh ini saya bangkitkan dalam perbahasan saya tapi nampaknya sudah mahu penggulungan tidak dijawab, jadi saya minta walaupun tidak dijawab secara lisan saya minta jawapan secara bertulis. Kedua, kedua saya minta penerangan lebih lanjut sebab topik ini sangat hangat semua orang pun sudah telefon kita siapa miskin, siapa miskin tegar *diorang* mahu tahu berapa banyak pendapatan mereka dikategorikan sebagai miskin, berapa banyak kelayakan mereka untuk miskin tegar.

Jadi peruntukan yang diberikan itu 358.5 juta, jadi kalau saya kira ada 99,553 orang yang akan dapat peruntukan ini, program ini. Pembasmian kemiskinan. Jadi boleh Yang Berhormat Menteri terangkan sejelas-jelasnya. Supaya senang untuk kita bagi maklumat kepada rakyat di luar sana. Ketiga, ketiga berkenaan dengan *one-off*. Ini juga topik hangat sebab ramai di sana baguslah kerajaan berikan kita pun bagi *tau* yang baiklah. Tapi kategori dia peniaga kecil tepi jalan, saya sudah kemukakan dengan Menteri tadi Menteri Kerajaan Tempatan tapi dia pun tidak tahu apa sebenarnya kategori yang diperlukan oleh Kementerian Kewangan. Minta penjelasan lanjut supaya kita boleh terangkan kepada rakyat. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri.

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Terima kasih. Saya ingat penerima adalah di kalangan mereka yang telah pun di apa itu daripada data yang sedia adalah. Apa Yang Berhormat nyatakan pasal 300 ringgitlah itu kan. Itulah data itu datang daripada satu daripada senarai eKasihlah. Setelah dimurnikan oleh apa ini Sekretariat SMJ. Walau bagaimanapun, apa ini data itu tidaklah saya fikir muktamad kerana dia masih dalam proses apa itu apa ini apa itu proses pemurnian. Mungkin kurang sikit, mungkin naik sikit. Tapi itu tidak penting tapi yang penting ialah data itu adalah data yang telah disahkan oleh dalam sistem dalam eKasih dan juga lain-lain apa itu data diiktiraf oleh kerajaanlah ya.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Data eKasih adalah untuk miskin tegar.

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Ya.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: So, kategori ada dua.

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Ya.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Satu miskin, satu miskin tegar. Jadi yang miskin itu kategori dari mana?

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Dia, dia ada dua-dua dia ada itu. Sekretariat SMJ ada dalam data tersebut. Pengagihan *very open don't worry*.

Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]: Datuk Menteri, ertinya kalau kausudah muktamad, so kalau dari satu garis panduan atau kriteria di mana itu orang mungkin layak tapi tidak ada dalam itu senarai yang dimuktamad daripada kerajaan ertinya dia tidak layaklah dia tiada dapatlah kali ini?

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Senarai akan dikeluarkan oleh Sekretariat SMJlah siapa yang layak siapa yang tidaklah.

Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]: Okey, *what i mean is that the person is fit that* kriteria. Tapi tidak disenaraikan bolehkah dia memohon?

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Boleh.

Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]: Boleh, okey terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]: Yang Berhormat Menteri saya ingat kalau boleh halusi keadaan dia kebimbangan saya saya pun bangkit dengan Yang Berhormat Kerajaan Tempatan dalam perbahasan bantuan *one-off five thousand*. Ya Saya tanya *trading license* isu kah tidakkah yang di tebing jalan ini tidak ada *trading license* dia. Kadang-kadang dia jual sahaja mangga dia jual pisang dia jual. *There is no trading license for them you know. We go they because* saya sembang dengan mereka cuma dari segi kriteria senarai yang kita perlu kenal pasti saya nampak *you know. This is well done by that ministry your* perumahan. Pasal saya bimbang *SMJ is managing and know in term delivery system there*.

They should be coordination seperti apa yang dibangkitkan oleh Menteri Pertanian juga. Kerana kita selaraskan, saya tidak mahu nanti besok *this* kementerian-kementerian apa peranan kementerian ada SMJ semua ini ya? Jadi ini yang saya bimbang supaya kita apa ini *deligate that so responsibility which is related to the Ministry itself* supaya ada senarai dia pasal mereka juga melaksanakan, pasal saya yakin SMJ tidak ada keupayaan untuk memantau, melaksanakan bantuan-bantuan ini kalau sekiranya pihak-pihak sama ada mungkin kalau ada petani Kementerian Pertanian juga ada begitu juga Perumahan yang mempunyai tanggungjawab dan aktiviti dari segi keusahawanan.

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Saranan yang baik Yang Amat Berhormat Senallang. Kita akan ambil, kita akan ambil itu sebagai satu nasihat yang baik dan pastikan ada penyelarasan di kalangan semua yang terlibatlah. Dan tadi daripada ADUN daripada Merotai In Shaa Allah bagi penjelasan mengenai, mengenai ...

Datuk Jonnybone J. Kurum [Telupid]: Ketua Menteri, tadi tadi itu Merotai cakap tentang pemberian 300 untuk pembasmian kemiskinan. Itu diperbetulkan itu. 300 ini adalah membantu mengurangkan kos sara hidup untuk tahun depan apabila dijangka kenaikan. Jadi itu bukan pembasmian kemiskinan.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Terima kasih kerana perbetulkan. Tapi saya rasa semua faham 300 sebulan.

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Tuan Speaker, mengenai apa itu maklumat lanjut mengenai apa itu kepala perbelanjaan di Ketua Jabatan Ketua Menteri ya.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Betul Yang Berhormat Menteri. Betul. Betul.

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Ya, ini kita akan tulis secara bagi secara bertulislah ya.

Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]: Ya, ada dua. Ada dua.

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Ya, betul dua itu. Terima kasih (suara bertindih)

Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]: Ketua Menteri kasih semualah kan? Jangan *kasih* (memberi) dia sahaja. *Kasih* (memberi) semualah kan.

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Ya, kalau semua, semualah *bah*. Tuan Speaker, akhir kata marilah kita sama-sama kerja berusaha dan terus mencurahkan bakti ke arah memaju dan memakmurkan negeri yang tercinta ini. Cabaran pada tahun hadapan mengajak kita untuk terus berusaha dan bijaksana dalam mentadbir dan mengurus hal ehwal negeri. Marilah kita panjatkan doa semoga negeri yang bertuah dan kita cinta ini kekal aman, makmur dan sejahtera. Bersama-sama kita membina dan memperkasakan ekonomi negeri ini demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran yang berpanjangan, Insya-Allah. Di kesempatan ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Krismas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, anggota penjawat awam dan seluruh Warga Sabah yang beragama kristian dan selamat menyambut ...

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Tahun Baharu 2025. Semoga Tahun Baharu 2025 akan membawa tuah, rahmah dan barakah kepada negeri Sabah yang tercinta dan kepada seluruh rakyat kita yang dikasihi.

Tuntung berenang bersama kepiting,
Thank you for everything.

Sekian, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Speaker: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Karanaan.

Setiausaha Dewan: Rang Undang-undang perbekalan (2025) 2024 bacaan kedua.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Menteri.

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Saya mohon mengemukakan bahawa Rang Undang-undang perbekalan (2025) 2024 itu dibaca bagi kali kedua sekarang.

Tuan Speaker: Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang itu dibacakan lagi kali kedua. Ahli-ahli Yang Berhormat, yang bersetuju katakan bersetuju, yang tidak bersetuju katakan tidak. Lebih suara yang bersetuju usul dipersetujukan.

Setiausaha Dewan: Rang Undang-undang Perbekalan (2025) 2024.

Tuan Speaker: Majlis dalam jawatankuasa, bentara sila jalankan.

MAJLIS DALAM PERINGKAT JAWATANKUASA

Pengerusi: Masalahnya ialah wang yang disebutkan bagi kepala-kepala perbelanjaan yang dinyatakan di dalam ringkasan jumlah sebagaimana terkandung di dalam kertas CMD 3 tahun 2024 yang bernilai RM6,280,685,476 dijadikan

sebahagian daripada anggaran-anggaran perbelanjaan bagi tahun 2025 hendaklah disetujui.

Ahli-ahli yang bersetuju katakan setuju, yang tidak bersetuju katakan tidak, lebih suara yang bersetuju, usul dipersetujukan.

Masalahnya sekarang ialah wang berjumlah RM6,280,685,476 hendaklah diberikan kepada Kerajaan di bawah kepala-kepala perbelanjaan bagi perkhidmatan awam yang dinyatakan di dalam anggaran-anggaran bagi tahun 2025 seperti yang terkandung di dalam kertas CMD 3 tahun 2024 hendaklah disetujui.

Ahli-ahli Yang Berhormat, yang bersetuju katakan bersetuju, yang tidak bersetuju katakan tidak, lebih suara yang bersetuju usul dipersetujukan.

Ketetapan itu hendaklah dilaporkan balik ke Dewan.

MAJLIS BERSIDANG SEMULA

Tuan Speaker: Yang Berhormat Menteri.

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Tuan Speaker, saya memohon melaporkan bahawa Rang Undang-undang itu telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah diputuskan dengan tidak ada apa-apa pindaan.

Setiausaha Dewan: Rang Undang-undang perbekalan (2025) 2024 bacaan kali ketiga.

Tuan Speaker: Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]: Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang itu dibaca bagi kali yang ketiga sekarang.

Tuan Speaker: Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang itu dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat, yang bersetuju katakan bersetuju, yang tidak bersetuju katakan tidak, lebih suara yang bersetuju, usul dipersetujukan.

Setiausaha Dewan: Enakmen Perbekalan (2025) 2024.

Tuan Speaker: Ahli-ahli Yang Berhormat, selesailah sudah perbincangan dan penggulungan RUU untuk Perbelanjaan 2025 dan maka dengan itu, Dewan ini ditangguhkan dan bermesyuarat semula pada 21 November 2024 (Khamis) pukul 10.00 pagi.

(Kedengaran ketukan sebanyak tiga kali)

Ditangguhkan sebagaimana yang dipersetujui pada pukul 7.45 malam.

Ditetapkan. “Bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang hingga Khamis, 21 November 2024 pukul 10.00 pagi.”

 SDN20112024/*bnm*